




eISSN 2976-3355
MOH/S/RAN/250.23(AR)-e

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



2022 LAPORAN TAHUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



2022 LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

LAPORAN TAHUNAN KKM

iv	SIDANG PENGARANG
v	CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
vi	VISI & MISI
1	BAB 1 STATUS KESIHATAN
9	BAB 2 KERTAS PUTIH KESIHATAN
13	BAB 3 PENGURUSAN
45	BAB 4 KEWANGAN
63	BAB 5 KESIHATAN AWAM
125	BAB 6 PERUBATAN
175	BAB 7 PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL
245	BAB 8 KESIHATAN PERGIGIAN
259	BAB 9 FARMASI
275	BAB 10 KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN
293	BAB 11 PEMBANGUNAN
299	BAB 12 AUDIT DALAM
305	BAB 13 KOMUNIKASI KORPORAT
317	BAB 14 DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA
325	BAB 15 PENASIHAT UNDANG-UNDANG
327	BAB 16 INTEGRITI
329	BAB 17 PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
339	BAB 18 MALAYSIA HEALTHCARE TRAVEL COUNCIL (MHTC)
347	BAB 19 PROTECTHEALTH
353	BAB 20 MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA (MPM)
357	BAB 21 CLINICAL RESEARCH MALAYSIA (CRM)
363	GLOSARI

SIDANG PENGARANG

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN (PENGURUSI)

Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia

DATO' ZAINAL ALHAKAB SEMAN

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

DATO' SRI NORAZMAN AYOB

Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

DATUK DR. NORHAYATI BINTI RUSLI

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATO' DR. ASMAYANI BINTI KHALID

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

DATUK DR NOR FARIZA BINTI NGAH

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. NOORMI BINTI OTHMAN

Pengarah Kanan, Kesihatan Pergigian

PN. NORHALIZA BINTI A. HALIM

Pengarah Kanan, Perkhidmatan Farmasi

PN. NORRANI BINTI EKSAN

Pengarah Kanan, Keselamatan dan Kualiti Makanan


DR. ROZITA HALINA BINTI TUN HUSSEIN

Pengarah, Bahagian Perancangan

DR. NURAIDAH BINTI MARZUKI (SEKRETARIAT)

Timbalan Pengarah, Pusat Informatik Kesihatan

CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

- Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:
 - mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
 - menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
 - mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka
- Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu:
 - mengutamakan pelanggan
 - saksama
 - tidak membebankan
 - cekap
 - wajar mengikut teknologi
 - boleh disesuaikan mengikut persekitaran
 - inovatif
- dengan menekankan:
 - sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
 - sifat menghormati maruah insan
 - penglibatan masyarakat

PENGENALAN

Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat dan lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang tercapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang produktif dan lebih bermakna. Tambahan pula, kesihatan yang baik menyumbang kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

STRUKTUR PENDUDUK

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2022 dianggarkan seramai 32.70 juta orang, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 0.37 peratus. Jumlah penduduk pada 2022 menunjukkan peningkatan seramai 0.12 juta berbanding 32.58 juta pada 2021. Taburan penduduk mengikut negeri menunjukkan Selangor mencatatkan jumlah penduduk paling ramai iaitu seramai 7.05 juta, manakala Wilayah Persekutuan (WP) Labuan merekodkan jumlah penduduk paling rendah seramai 0.10 juta. WP Putrajaya mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan tertinggi sebanyak 1.55 peratus, sementara kadar pertumbuhan tahunan di WP Kuala Lumpur menurun sebanyak 0.14 peratus (**Jadual 1.1**).

Jadual 1.1
Bilangan dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan mengikut Negeri, Malaysia, 2021 dan 2022

Negeri	Bilangan Penduduk ('000)		Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (%)	
	2021	2022	2021	2022
Johor	4,020.00	4,028.30	0.26	0.21
Kedah	2,151.70	2,163.10	0.95	0.53
Kelantan	1,812.30	1,830.60	1.10	1.00
Melaka	1,004.50	1,008.60	0.61	0.41
Negeri Sembilan	1,204.20	1,207.90	0.35	0.31
Pahang	1,601.50	1,614.30	0.64	0.80
Pulau Pinang	1,740.00	1,740.90	-0.02	0.05
Perak	2,515.80	2,514.40	0.79	-0.06
Perlis	287.60	289.80	0.94	0.76
Selangor	7,014.70	7,050.30	0.29	0.51
Terengganu	1,170.60	1,186.60	1.84	1.36
Sabah	3,412.60	3,414.90	-0.18	0.07
Sarawak	2,465.60	2,473.50	0.48	0.32
WP Kuala Lumpur	1,964.00	1,961.20	-0.92	-0.14
WP Labuan	96.00	96.90	0.94	0.93
WP Putrajaya	115.20	117.00	5.35	1.55
MALAYSIA	32,576.30	32,698.10	0.40	0.37

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun 2021 dan 2022, yang berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2020, (Banci 2020).
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023, Jabatan Perangkaan, Malaysia.

Pada 2022, penduduk lelaki di Malaysia melebihi perempuan iaitu masing-masing 17.0 juta dan 15.7 juta, mencatatkan nisbah jantina seramai 109 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Penduduk Malaysia sebahagian besarnya tinggal di kawasan bandar iaitu sebanyak 75.5 peratus, manakala 24.5 peratus penduduk tinggal di kawasan luar bandar pada tahun 2022 (**Jadual 1.2**). Penduduk ekonomi-aktif (penduduk dalam kumpulan umur bekerja) iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun adalah seramai 22.8 juta atau 69.6 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Manakala penduduk umur muda dan tua masing-masing ialah 7.6 juta (23.2%) dan 2.4 juta (7.2%).

Jadual 1.2
Statistik Utama Penduduk, 2022

Penduduk	2022	
	Bilangan ('000)	% daripada jumlah penduduk
Lelaki	17,039.80	52.1
Perempuan	15,658.30	47.9
Nisbah jantina	109 lelaki bagi 100 perempuan	
Bandar	24,695.20	75.5
Luar bandar	8,003.00	24.5
Kumpulan umur bekerja (15 - 64 tahun)	22,754.40	69.6
Kumpulan umur muda (bawah 15 tahun)	7,580.00	23.2
Kumpulan umur tua (65 tahun & ke atas)	2,363.70	7.2
Nisbah tanggungan jumlah	43.7	
Nisbah tanggungan umur muda	33.3	
Nisbah tanggungan umur tua	10.4	

Nota:

1. Anggaran penduduk pertengahan tahun 2021 dan 2022, yang berasaskan kepada data Banci Penduduk dan Perumahan 2020 (Banci 2020).
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

Sumber: Penerbitan Anggaran Penduduk Semasa, Malaysia, 2023, Jabatan Perangkaan, Malaysia


Nisbah tanggungan ialah bilangan penduduk dalam kumpulan umur muda dan umur tua yang perlu ditanggung bagi setiap 100 orang dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah tersebut terbahagi kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua. Nisbah tanggungan jumlah menurun kepada 43.7 pada 2022 berbanding 44.1 pada tahun sebelumnya. Nisbah tanggungan umur muda juga menunjukkan trend menurun kepada 33.3 daripada 34.0. Manakala, nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat kepada 10.4 berbanding 10.1 pada tahun sebelumnya.

STATUS KESIHATAN

Status kesihatan diukur melalui keadaan kesihatan individu dan penduduk secara keseluruhannya. Ianya boleh diukur melalui beberapa petunjuk kesihatan seperti status jangkaan hayat ketika lahir, kematian dan morbiditi.

Jangkaan Hayat Ketika Lahir

Jangkaan hayat merupakan umur (tahun) seorang dijangka akan dapat hidup pada permulaan umur tertentu. Jangkaan hayat ketika lahir merupakan bilangan tahun bayi yang baru lahir akan hidup jika corak kematian pada masa kelahirannya tetap sama sepanjang hayat. Jangkaan hayat bayi yang lahir di Malaysia pada tahun 2022 menurun sebanyak 0.6 tahun kepada 73.8 tahun berbanding 74.4 tahun pada 2012. Situasi yang sama juga dilihat bagi lelaki dan perempuan. Jangkaan hayat ketika lahir bagi lelaki menurun 0.7 tahun kepada 71.5 tahun pada 2022 berbanding 72.2 tahun pada 2012 manakala bagi perempuan menurun 0.5 tahun kepada 76.4 tahun berbanding 76.9 tahun. Trend menurun bagi jangkaan hayat yang diperhatikan dalam tempoh 2020 hingga 2022 adalah disumbangkan oleh peningkatan lebih kematian semasa pandemik COVID-19 pada 2021 (**Rajah 1.1**).



Nota:

1. ^p Data permulaan


Sumber: Jadual Hayat Ringkas 2021-2023, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kematian

Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia melibatkan setiap individu.

Trend kadar kematian kasar (CDR), kadar kematian neonatal (NMR), kadar kematian bayi (IMR) dan nisbah kematian ibu bersalin (MMR) di Malaysia bagi tempoh 1990 hingga 2021 adalah seperti di **Rajah 1.2**. Bagi tempoh 1990 hingga 2021, kadar kematian kasar di Malaysia telah meningkat daripada 4.6 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 1990 kepada 6.9 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2021. Peningkatan yang ketara ditunjukkan dalam nisbah kematian ibu bersalin terutamanya pada tahun 2021, iaitu meningkat daripada 18.6 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 1990 kepada 68.2 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada 2021. Walau bagaimanapun, kadar kematian neonatal dan kadar kematian bayi menunjukkan penurunan masing-masing daripada 8.5 kepada 4.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dan 13.1 kepada 6.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup semasa tempoh yang sama. Trend bagi kadar kematian yang lain ditunjukkan dalam **Jadual 1.3**.

Rajah 1.2
Kadar Kematian di Malaysia, 1990 hingga 2021



Sumber: Perangkaan Penting Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Jadual 1.3
Kadar Kematian di Malaysia, 2015 hingga 2021

Petunjuk	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
Kadar kematian kasar (setiap 1,000 penduduk)	5.0	5.1	5.3	5.3	5.3	5.1	6.9
Kadar kelahiran mati (setiap 1,000 kelahiran)	4.4	5.2	5.4	5.5	5.4	5.1	5.0
Kadar mortaliti perinatal (setiap 1,000 kelahiran)	7.7	8.3	8.7	8.9	8.4	8.0	8.2
Kadar mortaliti neonatal (setiap 1,000 kelahiran hidup)	4.3	4.2	4.4	4.6	4.1	3.9	4.1
Kadar mortaliti bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.9	6.7	6.9	7.2	6.4	5.9	6.1
Kadar mortaliti kanak-kanak (setiap 1,000 penduduk berumur 1 - 4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.3	0.3	0.3
Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun (setiap 1,000 kelahiran hidup)	8.4	8.1	8.4	8.8	7.7	7.0	7.4
Nisbah mortaliti ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)	23.8	29.1	25.0	23.5	21.1	24.9	68.2

Sumber: Perangkaan Penting Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Morbiditi

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Jumlah kemasukan ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 2022 mencatatkan peningkatan sebanyak 165,462 atau 6.99 peratus kepada 2,532,126 berbanding 2,366,664 pada tahun sebelumnya. 10 sebab utama kemasukan ke hospital KKM bagi tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 1.4**. Senarai penyakit diklasifikasikan mengikut *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD10)*. Pada 2022, *Pregnancy, childbirth and the puerperium* kekal sebagai sebab utama kemasukan ke hospital KKM iaitu 19.71 peratus, diikuti dengan *Diseases of the respiratory system* (13.43%) dan *Certain conditions originating in the perinatal period* (9.19%).

Jadual 1.4
10 Sebab Utama Kemasukan ke Hospital KKM, 2022

Bil.	Sebab Utama	Kod ICD-10	Peratus daripada jumlah discaj (%)
1.	<i>Chapter XV: Pregnancy, Childbirth and the Puerperium</i>	O00-O99	19.71
2.	<i>Chapter X: Diseases of the Respiratory System</i>	J00-J99	13.43
3.	<i>Chapter XVI: Certain Conditions Originating in the Perinatal Period</i>	P00-P96	9.19
4.	<i>Chapter IX: Diseases of the Circulatory System</i>	I00-I99	8.65
5.	<i>Chapter XIX: Injury, Poisoning and Certain Other Consequences of External Causes</i>	S00-T98	6.53
6.	<i>Chapter I: Certain Infectious and Parasitic Diseases</i>	A00-B99	6.34
7.	<i>Chapter XXII: Codes for Special Purposes</i>	U00-U89	5.14
8.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	4.84
9.	<i>Chapter XI: Diseases of the Digestive System</i>	K00-K93	4.57
10.	<i>Chapter XIV: Diseases of the Genitourinary System</i>	N00-N99	3.76

Nota:

1. Berdasarkan 3-digit code grouping, ICD10

Sumber: MyHDW Fixed Format Report 2022 (seperti pada Ogos 2023)

Jumlah kematian (bagi semua sebab) yang direkodkan di hospital KKM menunjukkan penurunan sebanyak 11,406 kematian atau 13.64 peratus daripada 83,613 kematian pada 2021 kepada 72,207 kematian pada 2022. Mulai tahun 2014, penentuan penyebab kematian di hospital KKM adalah berdasarkan kepada *underlying cause of death* seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). *Diseases of the circulatory system* merupakan sebab kematian tertinggi di hospital KKM yang dicatatkan pada 2022 iaitu sebanyak 20.79 peratus, diikuti *Diseases of the respiratory system* (20.55%) dan *Certain infectious and parasitic diseases* (11.61%). 10 sebab utama kematian di hospital KKM pada 2022 adalah seperti **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
10 Sebab Utama Kematian* di Hospital KKM, 2022

Bil.	Sebab Utama	Kod ICD-10	Peratus daripada jumlah kematian (%)
1.	<i>Chapter IX: Diseases of the Circulatory System</i>	I00-I99	20.79
2.	<i>Chapter X: Diseases of the Respiratory System</i>	J00-J99	20.55
3.	<i>Chapter I: Certain Infectious and Parasitic Diseases</i>	A00-B99	11.61
4.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	9.29
5.	<i>Chapter XIV: Diseases of the Genitourinary System</i>	N00-N99	5.38
6.	<i>Chapter XXII: Codes for Special Purposes</i>	U00-U89	4.76
7.	<i>Chapter IV: Endocrine, Nutritional and Metabolic Diseases</i>	E00-E90	4.38
8.	<i>Chapter XI: Diseases of the Digestive System</i>	K00-K93	4.25
9.	<i>Chapter XX: External Causes of Morbidity and Mortality</i>	V01-Y98	3.55
10.	<i>Chapter VI: Diseases of the Nervous System</i>	G00-G99	1.79

Nota:

1. * Berdasarkan underlying cause of death
2. berdasarkan 3-digit code grouping, ICD10

Sumber: MyHDW Fixed Format Report, 2022 (seperti pada Ogos 2023)

FASILITI KESIHATAN DAN PENGGUNAAN FASILITI

Bilangan hospital KKM pada tahun 2022 ialah 148 hospital yang terdiri daripada 137 hospital dan 11 institusi perubatan khas dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 39,581 dan 5,586 katil. Kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate*, BOR) untuk hospital dan institusi perubatan khas KKM pada 2022 ialah 69.01 peratus (**Jadual 1.6**).

Terdapat sebanyak 1,077 Klinik Kesihatan, 1,722 Klinik Desa dan 83 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak pada tahun 2022. Mulai 1 Januari 2019, nama Klinik 1Malaysia (K1M) telah ditukar kepada Klinik Komuniti (KKom) dan sehingga 31 Disember 2022, terdapat sebanyak 239 KKom yang beroperasi di seluruh negara dan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk. Perkhidmatan yang disediakan oleh KKom adalah sama seperti K1M yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 iaitu menyediakan perkhidmatan perubatan asas bagi masalah kesihatan dan kecederaan ringan yang sering dihidapi oleh komuniti.

Jadual 1.6
Fasiliti Kesihatan Mengikut Jenis, Bilangan Katil Rasmi dan BOR,
Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017 hingga 2022

Bil.	Fasiliti	2017	2018	2019	2020	2021	2022
1.	Bilangan Hospital	144	144	144	146	146	148
	i. - Hospital	135	135	135	135	135	137
	ii. - Institusi Perubatan Khas	9	9	9	11	11	11
2.	Bilangan Katil Rasmi ¹	42,302	42,434	42,936	44,117	44,849	45,167
	i. - Hospital	37,470	37,619	38,131	38,543	39,263	39,581
	ii. - Institusi Perubatan Khas	4,832	4,815	4,805	5,574	5,586	5,586
3.	Kadar Penggunaan Katil, BOR (%) ¹	60.75	68.75	70.01	64.72	77.52	69.01
4.	Bilangan Klinik Kesihatan	994	1,000	1,027	1,051	1,057	1,077
5.	Bilangan Klinik Desa	1,798	1,791	1,771	1,752	1,749	1,722
6.	Bilangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	91	90	87	87	86	83
7.	Bilangan Klinik 1Malaysia/ Klinik Komuniti ²	342	343	286	257	255	239

Nota:

1. ¹ Merujuk kepada bilangan katil rasmi dan BOR di hospital dan institusi perubatan khas KKM

2. ² Mulai 1 Januari 2019, K1M dikenali sebagai Klinik Komuniti (KKom)

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM



The background image shows a person's hands using a tablet at a wooden desk. On the desk are a laptop, a smartphone, a keyboard, and a clipboard with papers. The laptop screen displays a dashboard with a navigation menu on the left and a data table on the right. A large, semi-transparent purple box with white text is overlaid on the center of the image.

BAB 2

KERTAS PUTIH KESIHATAN

PENGENALAN

Kertas Putih Kesihatan adalah dokumen kerajaan yang menggariskan status semasa sistem kesihatan, jurang dan kekangan yang dihadapi. Ia akan mencadangkan penyelesaian secara berfasa dari segi reformasi penyampaian perkhidmatan, pembiayaan, tadbir urus serta organisasi merangkumi tempoh 15 tahun. Ianya merupakan dokumen terbuka kepada umum. Kertas Putih Kesihatan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan 2023 untuk mendapat sokongan dwipartisan serta kelulusan Parlimen.

PEMBANGUNAN KERTAS PUTIH KESIHATAN

Pembangunan Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 April 2022. Ia diterajui oleh Bahagian Perancangan dengan penglibatan aktif daripada Bahagian, Program, Institut Kesihatan Negara (NIH) dan unit lain di KKM melalui Jawatankuasa Teknikal dan penglibatan kementerian/agensi kerajaan lain melalui Jawatankuasa Pemandu.

Pembangunan Kertas Putih Kesihatan mengambil kira input dan cadangan daripada pelbagai pemegang taruh termasuk rakyat melalui sesi libat urus, town hall dan persidangan selain merujuk kepada dapatan dan cadangan kajian berkaitan sistem kesihatan yang lepas.

Pada tahun 2022, seramai 2,313 pemegang taruh pelbagai kategori dalam dan luar KKM, telah menghadiri 31 sesi libat urus bagi mendapatkan pandangan mereka dalam merangka strategi reformasi kesihatan negara yang holistik dan inklusif. Kategori pemegang taruh yang terlibat termasuklah pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan kumpulan rentan, orang kurang upaya dan berpenyakit, persatuan pengguna, pemimpin pendapat (*opinion leaders*), pempengaruh media sosial, penyelidik dan kumpulan pemikir, persatuan pengamal perubatan, ahli akademik, hospital pengajar, industri farmaseutikal dan peranti perubatan, kementerian-kementerian dan agensi kerajaan serta warga KKM sendiri. Pembangunan Kertas Putih Kesihatan turut menerima nasihat kepakaran dan input teknikal daripada pakar perunding Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk polisi kesihatan dan komunikasi strategik. Majlis Penasihat Kertas Putih Kesihatan yang terdiri daripada 13 orang pakar dari luar KKM juga telah ditubuhkan pada 15 Ogos 2022 untuk memberikan nasihat kepakaran dalam membangunkan dokumen tersebut.

PERSIDANGAN KEMUNCAK DASAR KESIHATAN 2022 (*HEALTH POLICY SUMMIT 2022*) DAN TOWN HALL PEMBANGUNAN KERTAS PUTIH KESIHATAN

Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan (*Health Policy Summit*) 2022 yang bertemakan *Masa Hadapan Perkhidmatan Kesihatan Kita - Pembangunan Kertas Putih Kesihatan (The Future of Our Healthcare – Kertas Putih Kesihatan Development)* telah diadakan dengan jayanya di Pusat Dagangan Kuala Lumpur pada 15 hingga 16 Ogos 2022. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan dihadiri seramai 450 peserta dari seluruh negara.

Persidangan kemuncak yang julung kali diadakan ini menghimpunkan pihak berkepentingan daripada pelbagai sektor untuk berkongsi pendapat berkaitan cadangan reformasi kesihatan bagi mengukuhkan sistem kesihatan negara. Seramai 27 ahli panel yang merupakan pakar dalam bidang berkaitan sistem kesihatan telah berkongsi input dan pengalaman dalam 7 sesi panel dan 1 sesi dialog polisi bersama Menteri Kesihatan dan mantan Menteri Kesihatan.

Imej 2.1 Persidangan Kemuncak Dasar Kesihatan 2022



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Imej 2.2 Sesi Town Hall di Sarawak



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Sebanyak dua sesi *town hall* Kertas Putih Kesihatan bersama Menteri Kesihatan dan pengurusan tertinggi KKM telah dilaksanakan di Sarawak pada 5 September dan di Sabah pada 10 September 2022, yang dihadiri seramai lebih 430 orang. Sesi berkenaan merupakan satu lagi platform untuk masyarakat berkongsi maklumat serta menyuarakan pandangan tentang reformasi sistem kesihatan negara.

Imej 2.3 Sesi Town Hall di Sabah



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM



BAB 3

PENGURUSAN

Home Dashboard Reporting Customization Help Log Out

Audience

Daily Unique Views by Country

Country

City

Status

Sex

Age

Interests

Collaboration

Behavior

Technology

Mobile

Custom 1

Custom 2

Custom 3

Income

Education

Views to Your Feed

68441

60

1140

45

11

dataflow

12810

61

204

4

25

Summary

52071

147

369

204

15

Bridging The Gap

52088

144

357

204

15

Safe And Sound

12810

61

204

4

25

Insider1

56750

205

325

15

15

Standards

44505

45

313

15

15

File Of Documents

14505

223

204

120

15

Accounting

14505

223

204

120

15

Social Media

14505

223

204

120

15

Exercises

14505

223

204

120

15

Sea Of

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

2017

14505

223

204

120

15

PROGRAM PENGURUSAN

Sektor pengurusan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggung jawab dalam merancang dan membangunkan sumber manusia yang kompeten serta memastikan tadbir urus organisasi yang cekap, teratur dan berkesan. Sektor ini terdiri daripada lima (5) bahagian utama di bawah pemantauan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia (BSM);
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL);
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK);
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP); dan
- v. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)

Pengurusan sumber manusia merangkumi perancangan tenaga manusia, pelantikan, pengurusan hal ehwal perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan, kenaikan pangkat, pengurusan hubungan majikan-pekerja, pembangunan organisasi, pengurusan saraan, pengurusan disiplin dan tata tertib serta hal ehwal persaraan. Peranan peneraju ini dilaksanakan oleh BSM menerusi cawangan berikut:

i. **Cawangan Dasar, Saraan dan Perjawatan**

Melibatkan kajian dasar berkaitan organisasi, sumber manusia dan perjawatan, semakan fungsi program, kapasiti penyampaian perkhidmatan dan agihan semula perjawatan, pengurusan dasar mengenai prestasi, pengurusan elaun serta kajian penambahbaikan, perluasan serta rasionalisasi elaun dan insentif serta pengurusan hubungan majikan-pekerja;

ii. **Cawangan Pengurusan Perkhidmatan dan Sokongan**

Melibatkan pengurusan pengambilan menerusi hubungan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), pengurusan penempatan dan pertukaran, semakan kelayakan gaji dan elaun, pengurusan cuti, naziran perkhidmatan serta isu-isu berbangkit mengenai disiplin dan aduan; dan

iii. **Cawangan Naik Pangkat, Penilaian dan Prestasi**

Melibatkan pengurusan dan pemantauan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) pengurusan tertinggi KKM, pengurusan pemangkuan dan kenaikan pangkat serta pengurusan prestasi.

KAPASITI SUMBER MANUSIA

KKM merupakan kementerian yang memiliki sumber manusia kedua tertinggi selepas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehingga 31 Disember 2022, jumlah keseluruhan sumber manusia yang berkhidmat di KKM adalah seramai 304,336 pegawai. Jumlah ini merangkumi 260,638 (86 peratus) pegawai lantikan tetap dan 43,698 (14 peratus) lagi pegawai lantikan kontrak seperti **Rajah 3.1**.

Rajah 3.1
Lantikan Tetap dan Kontrak KKM pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

KEPELBAGAIAN SKIM PERKHIDMATAN

Kecekapan dan keberkesanan pengoperasian fasiliti kesihatan KKM dicapai menerusi komitmen dan kerjasama kolektif dari pelbagai peringkat sumber manusia dan latar belakang skim perkhidmatan. Terdapat 116 skim perkhidmatan di KKM yang masih aktif, merangkumi 95 skim perkhidmatan aktif dan 21 skim perkhidmatan yang telah dijumudkan, namun masih memiliki penyandang sedang berkhidmat seperti **Rajah 3.2**.

Rajah 3.2
Jumlah Skim Perkhidmatan di KKM



Nota: * Skim Perkhidmatan Jumud akan dimansuhkan apabila penyandang jawatan bersara atau meletak jawatan.

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PERTAMBAHAN PERJAWATAN TETAP

Dalam tempoh 2019 hingga 31 Disember 2022, KKM telah menerima sebanyak 21,356 jawatan baharu. Pertambahan ini diterima berikutan terdapat keperluan tambahan perjawatan di fasiliti kesihatan sedia ada dan juga fasiliti kesihatan yang dinaik taraf dan baharu siap dibina.

Pertambahan ini menunjukkan kejayaan KKM berunding dengan agensi pusat untuk mewujudkan perjawatan tetap tambahan bila mana kementerian dan agensi lain terpaksa mengoptimumkan perjawatan sedia ada bagi menangani keperluan perkhidmatan yang berkembang. Antara kejayaan KKM mewujudkan perjawatan tambahan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

- 4,186 perjawatan tambahan bagi tiga (3) skim perkhidmatan iaitu 3,586 pegawai perubatan, 300 pegawai pergigian dan 300 pegawai farmasi;
- 10,675 perjawatan tambahan bagi fasiliti kesihatan yang dinaik taraf dan baharu tahun 2019 hingga Jun 2021; dan
- 6,495 perjawatan tambahan bagi fasiliti kesihatan yang dinaik taraf dan baharu tahun Julai hingga Disember 2021.

Berikutan dengan kejayaan ini, KKM telah memiliki sebanyak 277,984 perjawatan tetap, peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding dengan tahun 2021, dengan pencapaian pengisian perjawatan tetap seramai 260,638 (93.6 peratus) pegawai. Pengisian jawatan melibatkan jawatan di gred lantikan dan gred kenaikan pangkat diteruskan menerusi hubungan kerjasama dengan SPA dan perakuan pemangkuhan dan kenaikan pangkat kepada Lembaga Kenaikan Pangkat mengambil kira faktor atrisi seperti peletakan jawatan dan persaraan. **Rajah 3.3** menerangkan perincian pengisian di KKM mengikut kumpulan perkhidmatan.

Rajah 3.3

Pengisian Perjawatan Tetap di KKM Mengikut Kumpulan Perkhidmatan pada Tahun 2022



Nota:

- Pengurusan dan Profesional (pegawai gred 41 ke atas termasuk pegawai dalam kumpulan Pengurusan Tinggi (Gred Utama dan Khas) dan skim bersepadu.
- Tidak mengambil kira 2,697 pengisian jawatan kader di kementerian atau agensi kerajaan lain.

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

KKM juga mempunyai komitmen untuk membantu kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri menerusi perkhidmatan sokongan kesihatan yang dilaksanakan oleh agensi di bawah kementerian tersebut seperti Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasaan Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pertahanan Malaysia dengan penempatan jururawat dan pembantu perawatan kesihatan di fasiliti hospital di bawah perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

KKM telah menempatkan seramai 2,697 petugas kesihatan di jawatan kader di kementerian berkenaan yang merangkumi 152 pegawai dalam kumpulan pengurusan dan profesional, 1,329 dalam kumpulan paramedik serta auksiliari dan 1,216 dalam kumpulan pelaksana.

Jadual 3.1
Penempatan Kakitangan Kader KKM di Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain pada Tahun 2022

Kementerian/Agensi Kerajaan	Pengurusan dan Profesional	Paramedik dan Auksiliari	Jumlah Koder
Kementerian Pertahanan	7	838	845
Kementerian Dalam Negeri	60	261	321
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	-	144	144
Kementerian Sumber Manusia	20	27	47
Jabatan Perdana Menteri	38	-	38
Kementerian Pendidikan	5	28	33
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	17	11	28
Kementerian Pengajian Tinggi	-	15	15
Kementerian Belia dan Sukan	-	5	5
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	4	-	4
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	1		1
Jumlah	152	1,329	1,481


*Nota: *Tidak termasuk kumpulan pelaksana*

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PENGISIAN JAWATAN SKIM PERKHIDMATAN UTAMA

Skim perkhidmatan di KKM merangkumi pegawai perubatan, pegawai pergigian, pegawai farmasi, pegawai sains, pegawai kesihatan persekitaran, jururawat, penolong pegawai perubatan, juru x-ray, penolong pegawai persekitaran, pegawai pemakanan, jurutera, juruteknologi makmal perubatan dan lain-lain. Pada tahun 2022, jumlah sumber manusia dalam lima (5) skim perkhidmatan iaitu Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat dan Penolong Pegawai Perubatan adalah seramai 129,837 (50 peratus) daripada keseluruhan 260,638 pengisian jawatan tetap di KKM seperti **Rajah 3.4**.

Rajah 3.4
Skim Perkhidmatan Utama KKM pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PELANTIKAN TETAP

KKM menerusi Pihak Berkuasa Melantik, SPA bertanggung jawab melaksanakan pengambilan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi untuk mengisi kekosongan jawatan tetap. Pengambilan pada tahun 2022 merupakan urusan pengisian jawatan tetap terbesar dilaksanakan KKM semenjak pelantikan secara kontrak jawatan tersebut diperkenalkan pada tahun 2016. Selain itu, KKM juga terus melaksanakan urusan pengambilan tetap bagi skim perkhidmatan lain seperti pelantikan tetap paramedik dan aksiliari.

Bagi tahun 2022, KKM telah melaksanakan pengambilan tetap seramai 11,320 pegawai meliputi sembilan (9) skim perkhidmatan seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Pelantikan Tetap Berdasarkan Skim Perkhidmatan pada Tahun 2022

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Pegawai Perubatan	4,255
Pegawai Pergigian	1,425
Pegawai Farmasi	1,656
Jururawat	3,087
Pembantu Pembedahan Pergigian	501
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	135
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	85
Jurupulih Perubatan (Carakerja)	90
Juruteknologi Pergigian	86
Jumlah Keseluruhan	11,320

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

Pada 12 September 2022, BSM selaku peneraju bagi aspek sumber manusia di KKM telah menganjurkan Bengkel Mengenai Unjuran Perjawatan dan Analisa Pelantikan Tetap Doktor Kontrak Serta Cadangan Tambahan Pakar Perubatan mengikut bidang di KKM. Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah bagi membincangkan mengenai hala tuju pelantikan tetap doktor kontrak dan perancangan KKM untuk memacu peningkatan jumlah pakar perubatan khususnya dalam bidang kepakaran yang amat diperlukan di KKM.

Imej 3.1
Bengkel mengenai Unjuran Perjawatan dan Analisa Pelantikan Tetap
Doktor Kontrak serta Cadangan Tambahan Pakar Perubatan



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

PELANTIKAN PETUGAS KONTRAK UNTUK KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2022 KKM mencatatkan kejayaan dalam mengekalkan petugas kesihatan kontrak menerusi perakuan pelantikan semula secara kontrak. Keadaan ini sangat membantu tatkala KKM masih lagi berhadapan dengan isu COVID-19, jumlah pesakit dan pelanggan meningkat tinggi yang hadir ke fasiliti KKM khususnya di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital.

Seramai 43,698 pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan telah dilantik secara kontrak. Pelantikan secara kontrak ini dibuat kerana obligasi KKM mengikut akta profesion bagi latihan siswazah atau khidmat wajib, atas keperluan perkhidmatan kepakaran dan kesinambungan perkhidmatan seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Pelantikan Petugas KKM Secara Kontrak pada Tahun 2022

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Pelantikan kerana Keperluan Perkhidmatan Kepakaran	
Pakar Perubatan	28
Pakar Pergigian	1
Pelantikan atas Keperluan Akta untuk Latihan Siswazah dan Khidmat Wajib	
Pegawai Perubatan	20,330
Pegawai Pergigian	3,702
Pegawai Farmasi	3,967

Skim Perkhidmatan	Jumlah Lantikan
Pelantikan kerana Membantu Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan	
Penolong Pegawai Perubatan	4,724
Jururawat	2,336
Juruteknologi Makmal Perubatan	1,147
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	1,146
Pembantu Pembedahan Pergigian	460
Juru X-ray Perubatan (Diagnostik)	447
Jurupulih Perubatan (Fisioterapi)	229
Jurupulih Perubatan (Carakerja)	221
Pegawai Psikologi (Kaunseling)	200
Pegawai Sains	139
Juruteknologi Pergigian	111
Pegawai Kesihatan Persekitaran	76
Pembantu Perawatan Kesihatan	23
Pegawai Optometri	15
Pembantu Awam	11
Pegawai Penyelidik	1
Pegawai <i>Contract of Service</i> di IPKKM	2
Personel MySTEP	4,382
Jumlah	43,698

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

LIBAT URUS KESATUAN DAN PERSATUAN SEKERJA

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan, KKM perlu sentiasa memastikan komunikasi dua hala dilaksanakan secara berkala bagi menyantuni isu-isu berbangkit yang dihadapi oleh pegawai. Platform hubungan majikan-pekerja menerusi Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan sesi libat urus dengan wakil persatuan dan kesatuan dilaksanakan dengan BSM selaku urus setia, pengurusan tertinggi dan anggota pentadbiran.

Platform hubungan majikan-pekerja yang berkesan antara pengurusan dan petugas kesihatan penting bagi membolehkan pengurusan KKM dan pegawai menyuarakan pandangan dan menyumbang idea demi kepentingan dan kebaikan organisasi KKM. Antara sesi libat urus utama melibatkan persatuan dan kesatuan sekerja adalah seperti berikut:

- i. Sesi Dialog Awam (*Town Hall*) Menteri Kesihatan bersama dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) pada 10 Februari 2022 di Dewan Serbaguna KKM;
- ii. Sesi kunjungan hormat Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung (MAPSU) Kesatuan-Kesatuan dalam KKM bersama Menteri Kesihatan Malaysia pada 24 Februari 2022;
- iii. Sesi kunjungan hormat MAPSU Kesatuan-Kesatuan dalam KKM bersama Setiausaha Bahagian Sumber Manusia KKM pada 10 Mac 2022;
- iv. Konvensyen MAPSU Kesatuan-Kesatuan dalam KKM bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), KKM pada 27 Oktober 2022 di New York Hotel, Johor Bahru, Johor; dan
- v. Empat (4) kali MBJ di Ibu Pejabat KKM (IPKKM), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

Imej 3.2 Sesi Libat Urus KKM pada Tahun 2022



Sesi Town Hall KKM bersama MMA



Konvensyen MAPSU Kesatuan-kesatuan dalam KKM


Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN KENAIKAN PANGKAT

KKM sentiasa menghargai komitmen dan sumbangan pegawai dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan di setiap peringkat. Pada setiap tahun KKM akan memastikan Ketua Jabatan melaksanakan penilaian prestasi tahunan terhadap semua pegawai untuk disaring bagi APC dan perakuan pemangkuan serta kenaikan pangkat.

Bagi tahun 2022, lapan (8) peratus daripada keseluruhan pegawai KKM telah diberikan APC, manakala seramai 19,729 pegawai diperakuan untuk pemangkuan dan kenaikan pangkat seperti **Rajah 3.5**.

Rajah 3.5
Urusan Kenaikan Pangkat pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)

HRMIS merupakan sistem pengurusan sumber manusia teras yang dibangunkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menguruskan maklumat sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Sistem ini mengandungi modul-modul teras iaitu Perolehan Sumber Manusia, Pembangunan, Pengurusan Prestasi, Pengurusan Kerjaya, Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran.

HRMIS menyediakan platform terkini, terbuka dan fleksibel bagi memenuhi keperluan pengurusan sumber manusia di KKM. Justeru, KKM sentiasa komited memastikan HRMIS diaplikasikan di semua peringkat IPKKM hingga ke Pusat Tanggungjawab di kawasan luar bandar dan pedalaman. Bagi tahun 2022, pencapaian pelaksanaan HRMIS di KKM adalah 98.4 peratus. Pencapaian ini mengambil kira modul *myPortfolio* dan *myPerformance* yang masih dalam fasa awal pelaksanaan seperti **Rajah 3.6**.

Rajah 3.6
Laporan Pencapaian HRMIS KKM 2022



Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN (BPL)

PROGRAM PRA-PERKHIDMATAN

Program Pra-Perkhidmatan merupakan latihan separa perubatan untuk 13 skim perkhidmatan paramedik dan auksiliari kesihatan. Maklumat pengambilan pelatih Program Pra-Perkhidmatan pada tahun 2022 adalah seperti pada **Rajah 3.7**.

Rajah 3.7
Pengambilan Pelatih Program Pra-Perkhidmatan Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

PROGRAM LANJUTAN

Program Lanjutan pula adalah program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang ditawarkan kepada anggota paramedik dan auksiliari kesihatan dari agensi kerajaan, badan berkanun dan juga institusi kesihatan swasta. Maklumat pengambilan pelatih Program Lanjutan pada tahun 2022 adalah seperti pada **Rajah 3.8**.

Rajah 3.8
Pengambilan Pelatih Program Lanjutan Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Rajah 3.9
Pelatih Diploma Lanjutan dan Sijil Pos Basik Tahun 2022




Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

PENAJAAN PENGAJIAN KEPAKARAN DAN LANJUTAN

BPL telah diberi kepercayaan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menguruskan penajaan pengajian kepada pegawai KKM seperti berikut:

- Program Kepakaran Perubatan;
- Program Kepakaran Perubatan *Parallel Pathway*;
- Program Sarjana/Doktor Falsafah/*Area of Special Interest* bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan & Profesional KKM;
- Permohonan Cuti Belajar Bergaji Penuh dan Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa HLP dengan Tajaan Luar/Biasiswa Asing dan Penajaan JPA; dan
- Program Ijazah Sarjana Muda bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana KKM dan Program Subkepakaran.

Rajah 3.10
Penajaan Pengajian Kepakaran dan Lanjutan pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (LDP)

Kursus LDP di KKM melibatkan tawaran dalam dan luar negara. Pada tahun 2022, sebanyak 12 kursus LDP dalam negara telah dilaksanakan melibatkan penyertaan seramai 631 pegawai di BPL dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM). Selain itu, seramai 55 pegawai KKM telah menghadiri Kursus LDP manakala seramai dua (2) pegawai telah menghadiri *Kursus Advanced Competency Programme* (ACP) di luar negara.

Rajah 3.11
Kursus LDP Luar Negara pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA (PTM)

PTM dikendalikan oleh BPL bagi pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi serta pelatih ILKKM bertujuan memberi pengetahuan khusus mengenai struktur pentadbiran kerajaan, perkhidmatan awam dan peraturan yang perlu dipatuhi sebagai penjawat awam. Pada tahun 2022, BPL telah berjaya menganjurkan sebanyak 14 PTM yang berupaya memberi pendedahan dan penyesuaian minda pegawai di peringkat awal pelantikan dalam perkhidmatan awam.

Rajah 3.12
Kursus PTM 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

AKREDITASI PROGRAM DI ILKKM OLEH AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

BPL melaksanakan permohonan akreditasi bagi kesemua program yang dijalankan di ILKKM secara berfasa. Pada tahun 2022, sebanyak 18 program telah berjaya mendapat Akreditasi Penuh (FA) daripada MQA. Akreditasi MQA diperlukan bagi menjamin ILKKM sebagai institusi dapat menawarkan program peningkatan kemahiran dan kepakaran yang mencapai standard kualiti yang telah ditetapkan.

Rajah 3.13 Perakuan Akreditasi Program di ILKKM pada Tahun 2022

ILKKM Alor Setar (Pembantu Perubatan) Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan	ILKKM Kota Kinabalu Diploma Kejururawatan Diploma Lanjutan Kebidanan	ILKKM Kuala Terengganu (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan	ILKKM Kuching Diploma Lanjutan Kebidanan
ILKKM Alor Setar (Kejururawatan) Diploma Kejururawatan Diploma Lanjutan Kebidanan	ILKKM Bertam (Kejururawatan) Diploma Kejururawatan	ILKKM Kuantan (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan	ILKKM Kuching (KA) Diploma Kesihatan Persekitaran
ILKKM Georgetown (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan			ILKKM Melaka (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan
ILKKM Kuala Pilah (Kejururawatan) Diploma Kejururawatan			ILKKM Port Dickson (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan
ILKKM Kubang Kerian (Kejururawatan) Diploma Kejururawatan Diploma Lanjutan Kebidanan			ILKKM Sandakan (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan
ILKKM Kuala Lumpur (TMP) Diploma Lanjutan Hematologi Diploma Lanjutan Histopatologi Diploma Lanjutan Sitologi Diploma Lanjutan Transfusi Darah	ILKKM Sungai Buloh Diploma Fisioterapi Diploma Kejururawatan Diploma Kesihatan Persekitaran Diploma Lanjutan Kebidanan Diploma Lanjutan Rehabilitasi Neuro Diploma Lanjutan Tomografi Berkomputer Diploma Pengimejan Perubatan Diploma Radioterapi Diploma Terapi Cara Kerja	ILKKM Seremban (Pembantu Perubatan) Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan Diploma Lanjutan Penjagaan Respiratori	ILKKM Sibul (Kejururawatan) Diploma Lanjutan Kebidanan
ILKKM Johor Bahru Diploma Fisioterapi Diploma Kejururawatan Diploma Lanjutan Kebidanan Diploma Lanjutan Pengimejan Perubatan (Pengimejan Payudara) Diploma Pengimejan Perubatan Diploma Terapi Cara Kerja		ILKKM Sultan Azlan Shah Diploma Kejururawatan Diploma Lanjutan Kebidanan Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan Diploma Lanjutan Perawatan Kesihatan Mental Diploma Sains Perubatan dan Kesihatan	

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

ISTIADAT KONVOKEYEN ILKKM

Pada tahun 2022, BPL telah mengadakan Istiadat Konvokesyen ILKKM bagi meraikan seramai 8,742 graduan selama enam (6) hari bermula di Zon Sarawak (1 Oktober 2022), Sabah (15 Oktober 2022) dan berakhir di Zon Semenanjung (27 hingga 30 Oktober 2022). Istiadat konvokesyen pada tahun 2022 bertemakan *Graduan Berilmu Tunjang Kesihatan Mampan*, selaras dengan hasrat kerajaan untuk memastikan sistem kesihatan negara yang lebih mampan dan berdaya tahan melalui penyatuan pemikiran, idea dan inovasi dari kerajaan dan rakyat.

Imej 3.3 Istiadat Konvokesyen ILKKM 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

SEMINAR PROFESIONALISME PENGAJAR ILKKM

BPL menganjurkan Seminar Profesionalisme Pengajar ILKKM Tahun 2022 pada 8 hingga 9 November 2022 bertempat di ILKKM Sultan Azlan Shah, Perak. Seminar ini menyemarakkan lagi semangat penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pengajar ILKKM. Seramai 200 pengajar telah menghadiri seminar secara fizikal, manakala 55 pengajar menyertai secara maya.

Imej 3.4

Seminar Profesionalisme Pengajar ILKKM 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

PROGRAM PEMBANGUNAN KOMPETENSI BPL

BPL juga melaksanakan program peningkatan kompetensi kepada warga kerja berhubung aspek pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan perkhidmatan. Selain itu, penjelasan mengenai taklimat turut diberi berkaitan pelaksanaan KPI HRMIS ILKKM melibatkan perluasan KPI-KPI baharu yang diperkenalkan oleh JPA iaitu daripada enam (6) KPI kepada 17 KPI.

MIGRASI DOMAIN E-MEL SEDIA ADA (@moh.gov.my) KEPADA DOMAIN EDUCATION @ilkkm.edu.my

BPL dengan kerjasama MYNIC berjaya mendaftar domain ilkkm.edu.my pada Ogos 2022 untuk mengaktifkan penggunaan MyGovUC 2.0 iaitu pakej *Google Education* Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Peralihan daripada pakej Google sedia ada kepada pakej *Google Education* membuka peluang kepada warga pengajar ILKKM untuk menggunakan kemudahan digital dalam ekosistem pendidikan *Google* yang turut diguna pakai oleh institusi pendidikan awam di Malaysia. Selain memacu penguasaan teknologi digital, perubahan ini mendukung usaha BPL dalam mentransformasikan ILKKM sebagai Pusat Kecemerlangan Akademik.

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)

LATIHAN BERASASKAN KOMPETENSI

Bagi tahun 2022, BPK telah melaksanakan sebanyak 56 kursus berbentuk generik dan fungsian secara *blended learning*. Pecahan penganjuran kursus berdasarkan unit-unit di BPK adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Bilangan Kursus Mengikut Unit Tahun 2022


Unit	Secara Fizikal	Secara Dalam Talian	Jumlah Kursus
Pembangunan Kompetensi 1	3	4	7
Pembangunan Kompetensi 2	3	8	11
Pembangunan Kompetensi 3	1	3	4
Pembangunan Kompetensi 4	1	6	7
Pembangunan Kompetensi 5	2	5	7
Pembangunan Kompetensi 6	7	5	12
Inovasi dan Kualiti	5	1	6
Peperiksaan Jabatan	2	0	2
Jumlah	24	32	56

Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT (TDP)

TDP adalah program latihan berasaskan kompetensi generik yang dianjurkan oleh BPK sejak tahun 2018. Hingga tahun 2022, BPK telah melaksanakan empat (4) Kohort TDP yang melibatkan pegawai gred 41-52 dari pelbagai skim di KKM. TDP Kohort 4 yang merangkumi tujuh (7) modul mula dilaksanakan pada 14 hingga 18 Jun 2022 yang melibatkan pegawai gred 48-52. Modul terakhir akan diadakan pada 10 hingga 14 Januari 2023. Sebanyak enam (6) modul kursus telah dilaksanakan seperti di **Rajah 3.14**.

Rajah 3.14
TDP Kohort 4



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Imej 3.6 Perasmian TDP Kohort 4



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

SEMINAR PENGURUSAN BENCANA

Seminar ini merupakan suatu platform untuk menimba pengetahuan dan pemahaman dan telah disertai oleh seramai 319 peserta daripada KKM, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Pengarah jabatan dan agensi, Pengarah Kesihatan Negeri dan Hospital, Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Ketua Badan Bukan Kerajaan (NGO). Buku *An Overview of Disaster Life Support in Disaster Management* telah dilancarkan dan diterbitkan untuk rujukan serta panduan dalam pengurusan bencana

PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN


BPK telah melaksanakan Peperiksaan Subjek Jabatan yang merupakan salah satu syarat pengesahan perkhidmatan. Peperiksaan ini perlu diduduki oleh pegawai lantikan baharu dalam tempoh satu hingga tiga tahun. Peperiksaan Subjek Jabatan KKM telah diadakan sebanyak dua (2) kali pada 28 Mac 2022 dan 1 September 2022 yang melibatkan 12 skim perkhidmatan. Seramai 177 pegawai telah menduduki peperiksaan tersebut dan 162 calon telah lulus pada tahun 2022. Ringkasan maklumat adalah seperti di **Rajah 3.15**.

Imej 3.7 Seminar Pengurusan Bencana dan Pelancaran Buku



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

Rajah 3.15
Peperiksaan Subjek Jabatan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

PENGURUSAN KEWANGAN

BKP bertanggungjawab merancang, memohon, menguruskan dan menilai pencapaian perbelanjaan peruntukan Program Pengurusan IPKKM. Pada tahun 2022 Program Pengurusan diperuntukkan sejumlah RM1.59 bilion di bawah peruntukan Belanja Mengurus. Prestasi perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah melebihi 100 peratus seperti **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun Kewangan 2022

Aktiviti	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)
Pengurusan IPKKM	705,260,298.55	705,261,629
Sumber Manusia	14,568,707.90	14,610,300.61
Kewangan	470,757,128.24	470,757,128.24
Latihan	358,822,343.27	358,820,436.03
Teknologi Maklumat	40,553,048.78	40,553,048.78
Pembangunan Kompetensi	4,689,116.80	4,797,506.71
Jumlah	1,594,650,643.54	1,594,800,049.37

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENGURUSAN ASET

BKP juga bertanggungjawab menguruskan aset alih kerajaan, penyelenggaraan fasiliti bagi bangunan IPKKM Putrajaya dan IPKKM Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur serta perolehan bagi Pejabat Anggota Pentadbiran, Pengurusan Tertinggi dan BKP (termasuk Pejabat Penasihat Undang-Undang, Unit Integriti dan Unit Komunikasi Korporat). Pencapaian mengikut setiap aktiviti bagi tahun 2022 adalah seperti di **Rajah 3.16**.

Rajah 3.16
Aktiviti Unit Pengurusan Aset pada Tahun 2022

1

Perolehan:

- i. Tender - 1 (RM3,086,609.76)
- ii. Sebut Harga - 13 (RM1,468,543.40)
- iii. Lantikan Terus - 680 (RM2,911,950.73)

2

Pengurusan Aset:

- i. Pendaftaran aset IPKKM - 3,089 unit
- ii. Pemeriksaan aset IPKKM —95.1%

3

Penyelenggaraan Bangunan

- i. Bilangan aduan di IPKKM (Putrajaya dan Jalan Cenderasari) - 1,861
- ii. Kontrak penyelenggaraan yang sedang berkuat kuasa di IPKKM:
 - Pengurusan Fasiliti di IPKKM, Kompleks E, Putrajaya
 - Penyelenggaraan dan Operasi Sistem Penyaman Udara serta Sistem Pencegah Kebakaran di IPKKM, Jalan Cenderasari
 - Penyelenggaraan dan Pembaikan Sistem Pemasangan Elektrikal Secara Berkala di IPKKM, Jalan Cenderasari
 - Perkhidmatan Landskap di IPKKM, Jalan Cenderasari
 - Perkhidmatan Pest Control dan Cucian Pejabat di IPKKM, Jalan Cenderasari
 - Perkhidmatan Pest Control dan Cucian Pejabat di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB), Presint Diplomatik, Putrajaya
 - Perkhidmatan Cucian Pejabat IPKKM, Menara Prisma, Putrajaya

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN

BKP turut bertanggungjawab ke atas pengurusan keselamatan perlindungan di KKM termasuk pengurusan dokumen rahsia rasmi kerajaan selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) dan pekeliling, surat pekeliling, garis panduan serta arahan yang berkaitan seperti **Rajah 3.17**.

Rajah 3.17
Pengurusan Keselamatan Perlindungan pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENGURUSAN AM

Cawangan Pengurusan Am bertanggungjawab menguruskan sumber manusia di IPKKM dan pentadbiran logistik serta menyediakan khidmat nasihat dari aspek protokol, psikologi dan hal ehwal Islam berdasarkan kepada keperluan semasa di KKM seperti **Rajah 3.18**.

Rajah 3.18
Aktiviti Cawangan Pengurusan Am pada Tahun 2022



UNIT PENTADBIRAN

- ✓ 100% penyelesaian isu dalam MBJ
 - Pelantikan 1,996 orang Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) bagi tempoh lantikan 1 Jun 2020 - 31 Mei 2023
 - Pelantikan 229 orang Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri (ALPHP) bagi tempoh lantikan 4 Ogos 2020 - 3 Ogos 2023
 - Pelaksanaan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KKM 2022 dengan kehadiran Perdana Menteri pada 17 Mei 2022
 - Pelaksanaan Majlis Perasmian Kompleks Institut Kesihatan Negara (NIH) oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 9 Ogos 2022
 - Pelaksanaan Majlis Perasmian Hospital Bera, Pahang oleh Perdana Menteri pada 20 Ogos 2022
 - Pelaksanaan Majlis Perasmian Hospital Rembau, Negeri Sembilan oleh Menteri Kesihatan pada 23 September 2022

UNIT HAL EHWAL ISLAM

- ✓ Pelaksanaan enam (6) program dakwah, penerapan nilai Islam dan sambutan Hari Kebesaran Islam
- ✓ Penyelarasan Rombongan Petugas Haji (Perubatan) bagi Musim Haji 1443H/2022M
- ✓ 30 permohonan pensijilan Halal Malaysia bagi dapur dan kafe di hospital, farmaseutikal, peranti perubatan dan ubat-ubatan halal
- ✓ Khidmat nasihat berkaitan pengurusan hal ehwal Islam di KKM:
 - 20 Program Hospital Mesra Ibadah
 - Empat (4) Lajnah Pengawalseliaan Pengamal Perubatan Islam (LAJPPI)
 - 10 Program Penjagaan Spiritual Pesakit untuk kakitangan, pesakit dan keluarga di semua hospital dan fasiliti kesihatan

Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENGURUSAN SUMBER MAKLUMAT

BKP juga menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan menyediakan kemudahan akses maklumat ke pangkalan data dan jurnal dalam talian kepada semua warga KKM di seluruh negara melalui Portal *Virtual Library* seperti **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Aktiviti Pengurusan Sumber Maklumat pada Tahun 2022

Aktiviti	Pencapaian
Pengurusan Maklumat dan Pendigitalan	• Langganan enam (6) pangkalan data untuk Portal <i>Virtual Library: AccessMedicine, ClinicalKey for Nursing</i> (termasuk eBuku <i>BibliU & Wiley</i>), <i>Emerald Insight</i> (Koleksi <i>eJournal Emerald Health and Social Care</i>), <i>OVID</i>, <i>LawNet</i> dan <i>eLaw</i>. • Akses kepada Portal <i>Virtual Library Discovery Services (VLDS)</i> https://vlib.ovidds.com. • Akses kepada Portal VLDS – 84,893 pengunjung. • Jumlah keahlian terkumpul Portal VLDS – 1,685 pengguna • Mengadakan sesi perkongsian dan kesedaran penggunaan Portal Virtual Library dan Pangkalan Data yang dilanggan.
Pembangunan dan Khidmat Nasihat	• Menyelaras 78 perpustakaan perubatan di bawah KKM. • Bengkel Skim Pengkelasan <i>National Library of Medicine (NLM)</i> dan <i>Medical Subject Headings (MeSH)</i> bagi Perpustakaan Perubatan di bawah KKM dari 17 hingga 19 Oktober 2022. • Lawatan khidmat nasihat dan naziran ke perpustakaan perubatan KKM: i. Hospital Raja Perempuan Zainab II - 28 Ogos 2022 ii. ILKKM Kubang Kerian - 28 Ogos 2022 iii. ILKKM Kubang Kerian (Cawangan Kota Bharu) - 30 Ogos 2022 iv. Hospital Tawau - 21 September 2022 v. ILKKM Tawau - 21 September 2022 • Dokumentasi 455 koleksi buku dan tesis.

Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENGURUSAN REKOD FIZIKAL DAN DIGITAL

BKP juga bertanggungjawab dalam menguruskan rekod fizikal di KKM termasuk memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS) serta fail peribadi kakitangan KKM seperti **Rajah 3.19**.

Rajah 3.19
Pengurusan Rekod Fizikal dan Digital Tahun 2022

Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS)
» Pelaksanaan DDMS ke atas 5,829 personel dan 37 bahagian di IPKKM. » 150,993 dokumen dimuat naik ke dalam DDMS.
Pengurusan Fail Peribadi di KKM
» Peminjaman 22,489 fail peribadi kepada Bahagian Sumber Manusia, IPKKM. » 5,961 pendaftaran fail melalui Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP).

Pelaksanaan Program Pengurusan Rekod

- » Pelaksanaan 14 kursus dan latihan pengurusan rekod kepada PTJ.
- » Pelaksanaan Program *Outreach*:
 - Hari Konsultasi Pengurusan Rekod di IPKKM.
 - Hari Terbuka *Digital Document Management System* (DDMS 2.0) di IPKKM.
- » Khidmat Nasihat pengurusan fail dan surat-menyurat kepada 37 bahagian di IPKKM.
- » Naziran Pengurusan Rekod di Zon Utara (Perlis, Pulau Pinang dan Kedah).
- » Pelupusan rekod di Kementerian:
 - Pelupusan 79,760 fail.
 - Penghantaran 8 terbitan rasmi ke Arkib Negara Malaysia.
 - Penghantaran 726 gambar ke Arkib Negara Malaysia.

Pengurusan Surat dan Registri IPKKM


- » Penerimaan 106,785 surat
- » Penghantaran 105,123 surat.

Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

HAL EHWAL PARLIMEN DAN KUALITI & INOVASI

KKM telah menerima 518 pertanyaan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara berdasarkan kategori seperti di **Rajah 3.20**. KKM menerima soalan lisan dan bukan lisan tertinggi berbanding kementerian lain iaitu 509 soalan meliputi soalan berkaitan pengurusan vaksinasi, pembinaan, naik taraf dan lain-lain.

Rajah 3.20
Ringkasan Pertanyaan Dewan Rakyat (DR) dan Dewan Negara (DN) bagi KKM pada Tahun 2022



Sumber : Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) MENTERI KESIHATAN

Pada tahun 2022, BKP telah melaksanakan aktiviti dan program berikut:

i. **Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM)**

BKP sebagai penyelarar bagi Jawatankuasa Keselamatan, Kesejahteraan, Kebersihan, Pengangkutan & Logistik (JKKKPL) dan Jawatankuasa Pameran, Pengisian dan Aktiviti selaku Kementerian Peneraju. Program JAKM ini telah menggantikan *Ministrial Performance Indicator*.

ii. **Penilaian Prestasi Berasaskan KPI bagi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1, Tier 2 Dan Tier 3 KKM Tahun 2022**

BKP bertanggungjawab sebagai penyelarar dan pemantau pelaksanaan penilaian prestasi berasaskan KPI bagi:

- PPTPA Tier 1 hingga Tier 3 (Sektor Pengurusan);
- PPTPA Tier 1 hingga Tier 4 (Sektor Teknikal) bagi KPI Generik di bawah dimensi Tanggungjawab Bersama Agensi; dan
- Pemurnian KPI PPTPA Tier 1 telah diadakan bersama JPA pada 26 hingga 28 Oktober 2023.

APRESIASI INOVASI KKM

Hari Inovasi KKM Tahun 2021 telah diadakan pada 31 Oktober 2022 bagi mengiktiraf hasil inovasi warga KKM melalui Anugerah Perdana Inovasi (API), Anugerah Khas Inovasi (AKI), Anugerah Inovasi (AI), Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Konvensyen *Quality Assurance* (QA) KKM.

Specimen Management Information System (SMIS) merupakan inovasi oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) telah dinobatkan sebagai AKI KKM 2021. Sehingga kini, sebanyak 920 produk inovasi telah dihasilkan oleh warga kerja KKM dan dicalonkan untuk menerima anugerah inovasi di KKM. Melalui penciptaan dan idea inovasi tersebut dapat membantu bagi memudahkan cara penyampaian perkhidmatan di fasiliti kesihatan.

Imej 3.8
Hari Inovasi KKM Tahun 2021



Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

NATIONAL TECHNOLOGY AND INNOVATION SANDBOX (NTIS)

NTIS telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 19 Ogos 2022 bagi memaikan peranan dalam memacu pertumbuhan inovasi dan kreativiti di negara ini melalui pemangkin serta menghimpunkan pelbagai usaha yang telah sedia ada termasuk pendigitalan dan perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Usaha ini sebagai langkah meningkatkan kadar pengkomersilan produk dan teknologi tempatan.

KKM telah dipilih sebagai Rakan Kongsi Kemudahan bagi menyediakan kemudahan ujian & pengesahan seperti makmal, kemudahan pembuatan dan lain-lain serta rakan strategik dalam pelaksanaan NTIS Kategori Kesihatan. Menteri Kesihatan bersma Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah melancarkan empat (4) hospital yang akan dijadikan sebagai Hab NTIS iaitu Hospital Tunku Azizah (HTA), Hospital Putrajaya, Institut Kanser Negara (IKN) dan Hospital Bera pada 2 September 2022.

Imej 3.9 Majlis Pelancaran Hab Teknologi Kesihatan NTIS



Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

PENSIJILAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

IPKKM dan 21 fasiliti kesihatan telah berjaya memperolehi pensijilan dalam pematuhan amalan EKSA bagi tempoh 1 Disember 2022 hingga 30 November 2024 oleh MAMPU.

PENSIJILAN MS ISO 9001:2015

IPKKM dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah melaksanakan Audit Pemantauan Fasa 1 bagi sistem pengurusan kualiti MS ISO 9001:2015 terhadap lima (5) bahagian iaitu Bahagian Perolehan dan Penswastan, Bahagian Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Latihan dan Bahagian Pembangunan pada 20 hingga 22 April 2022.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

PENSTRUKTURAN SEMULA BAHAGIAN

BPM merupakan bahagian yang menyelaras dan menyokong perkhidmatan teras Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di KKM. Penstrukturan semula BPM yang mula dilaksanakan pada tahun 2022 telah memberikan impak yang besar terhadap hala tuju, peranan dan fungsi BPM. Fokus utama BPM adalah untuk memperkasakan pendigitalan perkhidmatan kesihatan kerajaan melalui pengukuhan perkongsian, pengintegrasian dan pemanfaatan maklumat berpandukan inisiatif Kerajaan Berpacuan Data sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021 hingga 2025 (PSP KKM 2021-2025). Selaras dengan perubahan landskap semasa kerajaan, BPM juga perlu mengukuhkan ekosistem digital yang komprehensif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang bersepadu, terangkum dan selamat dapat dilaksanakan.

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN KKM 2021 HINGGA 2025

PSP KKM 2021-2025 merangkumi empat (4) teras strategik, 13 strategi dan 30 program pendigitalan yang akan dilaksanakan oleh bahagian, jabatan dan institusi di KKM dari 2021 hingga 2025. Sesi pelancaran pelan telah diadakan pada 28 Februari 2022 sesi penyerahan projek bersama pihak MAMPU yang telah memberi khidmat rundingan dalam pembangunan pelan. Sesi ini turut dihadiri oleh ketua domain pasukan aplikasi dan data, infrastruktur ICT, tadbir urus ICT dan keupayaan ICT. Dokumen utama telah diterbitkan dan boleh dimuat turun sebagai rujukan dalam portal KKM (<https://moh.gov.my/>).

Imej 3.10
PSP KKM 2021 - 2025



Sesi Pelancaran dan Penyerahan Projek



Bengkel Pemantauan Pencapaian

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Bengkel Pencapaian PSP KKM 2021 – 2025 telah diadakan pada 2 Jun 2022 di Hotel Bangi Resort. Tujuan bengkel ini adalah untuk mengemaskini pencapaian program dan aktiviti yang telah dirancang melalui PSP KKM 2021-2025. Taklimat pengisian templat pencapaian program dan aktiviti telah disampaikan kepada semua pemilik program dan aktiviti berpanduan Teras Strategik 1 hingga 4. Mesyuarat hibrid telah diadakan pada 1 Disember 2022 bagi memantau status pencapaian terkini PSP KKM.

Rajah 3.21
Status Pencapaian PSP KKM Mengikut Teras Strategik pada Tahun 2021 hingga 2022



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Sebagai kesimpulannya, kebanyakan aktiviti yang telah dirancang dalam Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025 telah berjaya dilaksanakan. Pada masa yang sama, terdapat beberapa aktiviti yang dicadang untuk digugurkan dan ditambah dalam PSP KKM 2021-2025. Cadangan ini akan diambil kira dalam kajian semula PSP KKM 2021-2025 yang dijangka pada suku tahun ketiga tahun 2023 dengan semua pemilik aktiviti. Ini adalah untuk memastikan aktiviti yang dirancang dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan di KKM dan memberi impak yang besar kepada rakyat.

PERLUASAN *HOSPITAL INFORMATION SYSTEM* DI KKM (*HIS@KKM*)

Selaras dengan transformasi pendigitalan perkhidmatan awam, perluasan *HIS@KKM* telah dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan perkhidmatan hospital lebih berkesan dan sistematik. Sistem *HIS@KKM* versi *Lite* dilaksanakan di Hospital Rembau bermula pada 15 November 2021 dan telah *Go-Live* pada 12 Mei 2022. Pelaksanaan *HIS@KKM* dapat meningkatkan tahap kecekapan pengurusan rekod pesakit dan menyokong perkhidmatan hospital menjadi lebih cekap dan berkesan. Seterusnya di Hospital Cyberjaya yang telah mula beroperasi pada 11 November 2022, juga dilengkapi dengan Sistem *HIS@KKM* bagi memastikan kelancaran pengoperasian perkhidmatan hospital secara digital. Pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) secara pengkomputeran awan di Hospital Bera sebagai *Proof of Concept* (POC) telah dilaksanakan secara berfasa mulai 1 Julai 2022 hingga 31 Mac 2023.

Pembangunan sistem *Central Sterile Supply Services Information System* (CenSSIS), *Operating Theater Management System* (OTMS) dan *Laboratory Information System* (LIS@KKM) di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), Seremban telah selesai dan masih dalam tempoh waranti. Selain itu, *system walkthrough* *HIS@KKM* secara *coaching* telah dilaksanakan di Hospital Sultan Ismail (HSI) Johor Bahru pada 5 September 2022, Hospital Melaka pada 1 November 2022 dan JKN Sabah pada 5 Disember 2022 untuk memberi pendedahan awal kepada Pakar Bidang Subjek (SME) dan pegawai *Information Technology* (IT) hospital.

Imej 3.11
Perluasan *HIS@KKM*



Perluasan Sistem *HIS@KKM* di Hospital Cyberjaya



Pelaksanaan EMR Secara Berfasa di Hospital Bera



Pembangunan Sistem CenSSIS, OTMS dan LIS@KKM di HTJ



Sesi *Coaching* Instalasi dan *Walkthrough* Sistem di HIS dan JKN Sabah

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PEMBANGUNAN APLIKASI DALAMAN BAGI KKM

BPM merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk membangunkan sistem aplikasi di Ibu Pejabat KKM (IPKKM) dengan menggunakan kepakaran dalaman BPM sepenuhnya. Terdapat enam (6) aplikasi dan modul baharu telah dibangunkan pada tahun 2022 seperti **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Pembangunan Aplikasi Dalaman pada Tahun 2022

Aplikasi	Modul
Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia (VeDA)	Modul Pengurusan Pengguna
Sistem Tabung Bantuan Perubatan (STBP)	Modul Laporan
Sistem Permohonan Perolehan Barangan Import (SPPBI)	Pembangunan modul bagi Skop PTJ
Sistem Maklumat Cawangan Medico Legal (eCML)	Modul Pengawasan dan Laporan
<i>Malaysian Healthcare Practitioners' System</i> (MHPS)	Modul <i>Annual Practising Certificate</i>
Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran (ePakar)	Pembangunan satu (1) lot sistem

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PEMBANGUNAN APLIKASI BAHARU

SISTEM PENEMPATAN PEGAWAI PERUBATAN LULUSAN KEPAKARAN (ePAKAR)

Sistem ePakar dibangunkan dengan kerjasama BPM dan Bahagian Perkembangan Perubatan. Sistem ini merupakan sistem bagi permohonan dan penempatan pegawai perubatan lulusan kepakaran pelbagai bidang secara dalam talian. Sistem ini amat penting bagi memastikan urusan lapor diri dan penempatan pegawai-pegawai tersebut adalah lebih pantas dan efisien. Terdapat empat (4) modul utama dan 21 sub-modul untuk sistem ePakar seperti **Jadual 3.8**.

Jadual 3.8
Senarai Modul dan Sub Modul Dibangunkan Secara Dalaman

Modul	Sub Modul
Permohonan	Permohonan penempatan
Laporan	Senarai Pegawai Mengikut Bidang
	Keputusan Penempatan
	Pegawai Lapor Diri
	Laporan JKN
Pengurusan Pegawai	Status
	Penempatan Sementara
	Muat Naik Data
	Keputusan Pra Warta
	Penempatan Pra Warta
	Kemaskini Rujukan dan Tarikh Surat
	Senarai Data
	Cetakan Surat/ Dokumen
	Penempatan
	Kemaskini Tarikh Lapor Diri
	Semakan Senat
Penyelenggaraan Sistem	Daftar Pengguna
	Kawalan Capaian Pengguna
	Penyelenggaraan Data
	Pengurusan Kod
	Tukar kata laluan

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

Imej 3.12
Sesi Latihan Pengguna Sistem ePakar dan Log Masuk Sistem ePakar



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PENGURUSAN KELULUSAN TEKNIKAL PROJEK ICT

MAMPU telah mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2015 - Garis Panduan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek ICT Agensi Sektor Awam yang berkuat kuasa mulai 11 November 2015. Surat Pekeliling Am ini memberi panduan mengenai proses kelulusan teknikal projek ICT di mana setiap kementerian perlu menubuhkan jawatankuasa berkaitan ICT bagi menetapkan arah tuju dan strategi untuk pembangunan dan pelaksanaan ICT KKM.

Selain itu, jawatankuasa ICT juga bertanggungjawab untuk menimbangkan kelulusan projek ICT yang dilihat daripada pelbagai aspek seperti daya maju teknikal (*technical viability*), mengoptimumkan sumber dan keberkesanan kos dalam menyokong bisnis KKM. Ringkasan projek ICT yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa ICT KKM pada tahun 2022 adalah seperti **Jadual 3.9**.

Jadual 3.9
Projek ICT yang telah Diluluskan pada Tahun 2022

Jawatankuasa	Jumlah Projek yang Diluluskan
Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICIT) KKM Pengerusi: Ketua Setiausaha KKM	44
Jawatankuasa Teknikal Projek ICT (JTI) KKM Pengerusi: Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKM	38
Jawatankuasa Teknikal Projek ICT (JTI) KKM Peringkat Urus Setia Pengerusi: Setiausaha Bahagian BPM	29
Jumlah	111

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

NAZIRAN PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat KKM adalah bertujuan untuk menilai dan memantau tahap pematuhan ke atas akta, dasar, pekeliling serta surat arahan yang sedang berkuat kuasa di KKM. Aktiviti Naziran ini amat penting dalam memastikan pengurusan keselamatan maklumat diurus dengan baik berdasarkan piawaian *Standard Information Security Management System* (ISMS) ISO/IEC 27001:2013. Selain daripada itu, aktiviti naziran juga dijadikan sebagai medium untuk memberi pendedahan dan kesedaran berkaitan keselamatan maklumat dan amalan terbaik pengurusan keselamatan ICT.

Pada tahun 2022, sebanyak enam (6) fasiliti telah dipilih untuk dilaksanakan naziran iaitu Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, Kedah (22 hingga 24 Februari 2022); Hospital Kemaman, Terengganu (29 hingga 31 Mac 2022); Hospital Slim River, Perak (7 hingga 8 Jun 2022); JKN Perak (9 hingga 10 Jun 2022); Hospital Segamat, Johor (28 hingga 30 Jun 2022) dan Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang (26 hingga 28 Julai 2022).

Imej 3.13

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat Di Fasilitas KKM



Hospital Sultanah Maliha, Langkawi, Kedah



Hospital Kemaman, Terengganu

Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PEMURNIAN DOKUMEN KESELAMATAN ICT KKM

Pada 19 hingga 21 Mei 2022, BPM telah mengadakan Bengkel Pemurnian Dokumen Keselamatan ICT, KKM di Cameron Highland, Pahang. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak dan menambah baik dokumen Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KKM versi 5.0 serta mewujudkan dokumen Garis Panduan Penggunaan Peranti Peribadi (BYOD) sejajar dengan PSP KKM 2021-2025. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada pegawai IT BPM, bahagian lain di IPKKM, Hospital, JKN, Program Perkhidmatan Farmasi, IKN, Pusat Darah Negara (PDN) dan NIH.

Imej 3.14

Bengkel Pemurnian Dokumen Keselamatan ICT KKM



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM

PROGRAM DAN LATIHAN

Tiga (3) program utama telah dianjurkan oleh BPM pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

i. Sesi Taklimat Kesedaran Jaminan Kualiti dan Enterprise Architecture (EA)

Sesi ini telah dilaksanakan pada 16 November 2022 bertempat di Marina, Putrajaya. Sesi ini telah dihadiri oleh 40 pegawai IT di IPKKM serta agensi KKM berdekatan termasuk penceramah khas MAMPU. Taklimat kesedaran ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pegawai selaku pengurusan kanan BPM dan wakil unit IT di bahagian dan agensi ke arah memastikan hala tuju perkhidmatan kesihatan digital yang lebih selamat, berstruktur dan mampan.

ii. Kursus Profesionalisme Dalam Kepimpinan BPM

Kursus ini telah diadakan pada 6 hingga 8 Oktober 2022 di La Crista Hotel, Melaka. 35 peserta yang terdiri daripada pengurusan kanan BPM telah hadir untuk membincangkan mengenai penyemakan semula fungsi utama BPM dan beberapa pengisian berbentuk kepimpinan seperti cara komunikasi berkesan, profesionalisme sebagai pemimpin dan pemantapan pembangunan sendiri untuk melahirkan pemimpin yang sentiasa beretika, berintegriti dan kreatif.

iii. Kursus Pemantapan Kepimpinan bagi Pegawai Pengurusan dan Profesional BPM

Kursus yang diadakan di Imperial Heritage Hotel, Melaka ini telah berlangsung pada 13 hingga 15 Oktober 2022 dan dihadiri oleh 60 pegawai BPM. Kursus ini bertujuan untuk membantu peserta meningkatkan prestasi kerja secara berpasukan, menguasai kemahiran interpersonal dan intrapersonal dan meningkatkan integriti serta kreativiti ke arah menjadi pemimpin yang berkeperibadian unggul.



The background of the slide features a collage of financial-related items. In the top left, a portion of a calculator is visible with a green display and a 'OFF' button. To its right, a line chart shows a fluctuating yellow line with green and blue trend lines, accompanied by data points like '+0.52 | +6.52%' and '+1.72 | +'. Below the line chart is a pie chart with three segments: a large blue one labeled '37%', a medium orange one labeled '45%', and a small grey one. At the bottom, a silver pen lies horizontally over a table of financial data. The table contains columns of numbers and dollar amounts, such as '90', '\$8 577', '\$9 254', '\$7 901', '\$6 33', '\$4.5', '\$3', '\$8 50', '496', '99', and '\$3'. A legend at the bottom right includes 'Strongly Agree' (blue square), 'Agree' (orange square), 'Disagree' (yellow square), and 'Strongly' (blue square). A large, semi-transparent purple circle with a black border is centered over the text.

BAB 4

KEWANGAN

BAHAGIAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditadbir urus oleh Bahagian Kewangan yang bertanggungjawab mengurus belanjawan, hasil serta kepatuhan kepada polisi dan dasar kewangan kementerian. Bahagian Kewangan terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar, Kemudahan & Pentadbiran, Cawangan Pengurusan Hasil dan Cawangan Pengurusan Belanjawan.

PENGURUSAN BELANJAWAN

KKM telah diperuntukkan sebanyak RM32.41 bilion pada tahun 2022 dengan RM28.03 bilion untuk Bajet Mengurus (B42) dan RM4.38 bilion untuk Bajet Pembangunan (P42).

PRESTASI PERBELANJAAN BAJET MENGURUS UNTUK TAHUN 2022

Pada tahun 2022, KKM telah membelanjakan sebanyak RM30.265 bilion (107.98 peratus) daripada jumlah keseluruhan bajet yang diperuntukkan. Peruntukan bagi Program Perubatan merupakan agihan peruntukan tertinggi sebanyak RM11.671 bilion (42 peratus) dan diikuti peruntukan bagi Program Khusus sebanyak RM5.892 bilion (21 peratus). **Jadual 4.1** menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan mengikut program pada tahun 2022.

Jadual 4.1
Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus mengikut Program Tahun 2022

Program	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan Perbelanjaan
Perubatan	11,671,740,451	12,250,121,911	104.96
Program Khusus	5,892,396,730	6,984,627,719	118.54
Kesihatan Awam	5,310,457,746	5,667,262,973	106.72
Pengurusan	1,988,470,274	1,915,859,819	96.35
Komitmen Kewangan	1,400,000,000	1,692,134,715	120.87
Kesihatan Pergigian	1,072,967,874	1,075,367,923	100.22
Penyelidikan & Sokongan Teknikal	365,633,169	354,333,137	96.91
Perkhidmatan Farmasi	222,061,135	220,910,892	99.48
Keselamatan & Kualiti Makanan	106,272,621	105,043,138	98.84
JUMLAH	28,030,000,000	30,265,662,227	107.98

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

PENGURUSAN HASIL


KKM merekodkan RM831.25 juta kutipan hasil pada tahun 2022. Kutipan hasil fi perubatan merupakan kutipan tertinggi iaitu RM417.932 juta atau 50.28 peratus daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil KKM. Jumlah ini merupakan yang tertinggi pernah dicatatkan oleh KKM dalam tempoh lima (5) tahun dengan peningkatan sebanyak 43.55 peratus berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan kutipan hasil ini adalah berikutan dengan peningkatan pengenaan kompaun disebabkan ketidakpatuhan SOP sepanjang tempoh pandemik. **Jadual 4.2** menunjukkan pecahan kutipan hasil mengikut klasifikasi kod hasil pada tahun 2022. **Rajah 4.1** pula menunjukkan jumlah kutipan hasil dan tunggakan keseluruhan KKM dari tahun 2017 hingga 2022.

Jadual 4.2
Kutipan Hasil 2022 mengikut Klasifikasi bagi Tahun 2022

Klasifikasi Kod	Hasil (RM)	Peratus (%)
Lesen Bayaran Pendaftaran & Permit	26,987,726.54	3.25
(i) Kutipan Fi Perubatan	417,932,083.96	50.28
(ii) Lain-lain (Fi bukan perubatan)	53,385,897.98	6.42
Perolehan daripada Jualan Barang	4,311,381.11	0.52
Sewaan	39,183,239.61	4.71
Faedah & Perolehan daripada Pelaburan	229,201.79	0.03
Denda & Hukuman	84,387,807.22	10.15
Sumbangan Tempatan & Bukan Tempatan	5,636,646.14	0.68
Terimaan bukan Hasil	199,201,662.01	23.96
JUMLAH	831,255,646.36	100.00

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Rajah 4.1
Kutipan dan Tunggakan Hasil KKM Tahun 2017 hingga 2022



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Pada tahun 2022, jumlah keseluruhan tunggakan hasil caj fi perubatan KKM adalah RM28.35 juta. RM22.03 juta (77.73 peratus) daripada jumlah tersebut adalah tunggakan caj fi bagi pesakit bukan warganegara. Pecahan rekod kutipan dan tunggakan hasil mengikut taraf kewarganegaraan adalah seperti **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pecahan Kutipan dan Tunggakan Hasil di Bawah Perintah Fi (Perubatan) mengikut Taraf Kewarganegaraan bagi Tahun 2022

Kewarganegaraan	Tunggakan Fi (RM)	Peratus Tunggakan (%)	Kutipan Fi (RM)	Peratus Kutipan Fi (%)
Warganegara Malaysia	6,313,512.82	22.27	222,737,842.24	53.30
Bukan Warganegara	22,032,551.77	77.73	195,194,241.72	46.70
JUMLAH	28,346,064.59	100.00	417,932,083.96	100.00


Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

KKM telah melancarkan inisiatif terimaan bayaran tanpa tunai di fasiliti KKM mulai Oktober 2022. Usaha ini adalah sejajar dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia 2021 yang telah menetapkan supaya semua agensi pada peringkat persekutuan dan negeri menggunakan pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan menjelang tahun 2022.

Selain itu, pelaksanaan ini juga menyokong Pelan Antirasuah KKM 2021 - 2022 yang menggariskan inisiatif cashless payment di KK untuk mengelakkan berlakunya ketirisan hasil Kerajaan. Sepanjang pelaksanaan, sebanyak 1,911 *Terminal Point-of-Sale* (TPOS) telah dilengkapkan di fasiliti KKM pada bulan Oktober 2022 dan bilangan pemasangan TPOS ini telah meningkat kepada 3,675 TPOS menjelang 31 Disember 2022.

Rajah 4.2 menunjukkan peningkatan bilangan transaksi terimaan bayaran tanpa tunai yang telah direkodkan dalam tempoh tiga (3) bulan pelaksanaan (Oktober hingga Disember 2022) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya iaitu sebelum pelaksanaan inisiatif bayaran tanpa tunai di fasiliti KKM.

Rajah 4.2
Perbandingan Transaksi Pembayaran antara Oktober hingga Disember bagi Tahun 2021 dan 2022



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

BANTUAN KEWANGAN DAN GERAN

TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)


TBP telah bermula sejak 2005 dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta ditadbir urus berdasarkan Surat Ikatan Amanah, Garis Panduan TBP dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Objektif TBP adalah untuk membantu pesakit kurang berkemampuan membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan dan peralatan perubatan termasuklah ubat-ubatan di Hospital KKM dan Hospital Universiti Awam. **Rajah 4.3** menunjukkan jumlah peruntukan TBP, bilangan pesakit dan jumlah kelulusan TBP dari tahun 2005 hingga 2022. Jumlah kelulusan TBP adalah berdasarkan baki peruntukan semasa Kumpulan Wang Amanah.

Rajah 4.3
Peruntukan TBP dari Tahun 2005 hingga 2022



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Rajah 4.4
Peratus Kelulusan Bantuan TBP Mengikut Disiplin Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

PROGRAM SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS DAN SUNTIKAN ERYTHROPOIETIN (EPO)

Subsidi kos rawatan hemodialisis dan suntikan EPO diberikan kepada pesakit buah pinggang yang miskin dan kurang berkemampuan bagi mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis milik Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah diperkenalkan pada 1 April 2001. Bantuan subsidi kos rawatan hemodialisis diberikan sebanyak RM100.00 bagi setiap rawatan hemodialisis. Suntikan EPO berjumlah RM18.50 untuk setiap suntikan juga diberikan kepada pesakit tidak. Jumlah subsidi rawatan keseluruhan bagi seorang pesakit yang merangkumi rawatan hemodialisis dan suntikan EPO adalah berjumlah RM1,640.50 sebulan. Jumlah pesakit dari tahun 2018 hingga 2022 adalah seramai 2,881 pesakit manakala jumlah pesakit yang diluluskan pada tahun 2022 adalah seramai 1,404 daripada 1,603 yang memohon.

Jumlah peruntukan pada tahun 2022 adalah sebanyak RM28.68 juta dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM26.97 juta. Jumlah bilangan NGO yang telah berdaftar di bawah subsidi ini adalah sebanyak 62 NGO melibatkan 135 pusat dialysis seperti **Rajah 4.5**.

Rajah 4.5
Jumlah Peruntukan, Perbelanjaan, Penerima Manfaat, NGO dan Pusat Dialisis dalam Program Subsidi Rawatan Hemodialisis Pada Tahun 2022

TAHUN 2022




**Jumlah perbelanjaan RM26.97 juta dicatatkan melibatkan sejumlah 2,881 pesakit bagi program subsidi rawatan hemodialisis NGO berdasarkan rekod pada 31 Disember 2022.*

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

BANTUAN KEWANGAN KEPADA NGO

Peruntukan bantuan kewangan mencapai jumlah sebanyak RM4.93 juta, dengan perbelanjaan keseluruhan sebanyak RM4.83 juta. Ini melibatkan pemberian bantuan kepada 20 NGO untuk penjagaan paliatif, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.25 juta, 12 NGO untuk rawatan tuberkulosis, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM400,000, dan 49 NGO untuk promosi kesihatan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM2.18 juta. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bantuan kewangan kepada NGO bagi tahun 2022 seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 4.6**.

Rajah 4.6
Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Bantuan Kewangan untuk NGO pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah perbelanjaan bagi TBP, Subsidi Kos Rawatan Hemodialisis dan bantuan kewangan kepada NGO dari tahun 2018 hingga 2022.

Jadual 4.4
Perbelanjaan dan Bilangan Pesakit yang Menerima Manfaat di bawah Bantuan Perubatan KKM Tahun 2018 hingga 2022

Jenis Bantuan	Perbelanjaan dan Bilangan Pesakit/NGO				
	2018	2019	2020	2021	2022
Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	RM51.7 juta 5,739 pesakit	RM46.5 juta 4,615 pesakit	RM40.5 juta 3,330 pesakit	RM44.2 juta 3,459 pesakit	RM48.9 juta 3,812 pesakit
Subsidi Program Rawatan Hemodialisis	RM25.45 juta (2,348 pesakit)	RM35.45 juta (2,015 pesakit)	RM33.38 juta (2,339 pesakit)	RM36.44 juta (2,615 pesakit)	RM26.97 juta (2,881 pesakit)
Bantuan Kewangan Kepada NGO	RM2.41 juta (60 NGO)	RM4.76 juta (66 NGO)	RM3.43 juta (40 NGO)	RM3.12 juta (44 NGO)	RM4.83 juta (81 NGO)

BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN

Bahagian Perolehan dan Penswastan merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan melaksanakan perolehan, program penswastan serta pengurusan aset dan stor untuk KKM. Proses perolehan bekalan dan perkhidmatan dilaksanakan dengan berpandukan kepada lima (5) prinsip iaitu:

i. Akauntabiliti Awam

Urusan perolehan yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan dengan bertanggungjawab selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

- ii. Diuruskan Secara Telus
Semua dasar, peraturan dan proses perolehan yang dilaksanakan hendaklah jelas, diketahui dan difahami umum serta selaras dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan.
- iii. Nilai Faedah yang Terbaik
Pengurusan perolehan hendaklah memberi pulangan yang terbaik bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.
- iv. Saingan Terbuka
Proses perolehan hendaklah memberi peluang terbuka kepada semua pihak yang layak bersaing.
- v. Adil dan Saksama
Sesuatu perolehan itu hendaklah dipelawa, diproses dan dipertimbangkan dengan adil dan saksama berasaskan dasar dan peraturan yang ditetapkan.

Bahagian ini juga merupakan urus setia induk bagi Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia (LPKKM). Ahli-ahli LPKKM yang dilantik terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan wakil-wakil daripada agensi pusat serta agensi teknikal.

Bahagian ini juga bertanggungjawab menguruskan program penswastan yang melibatkan Makmal Ubat dan Stor, perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik KKM, Perkhidmatan Sokongan Hospital dan juga Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA). Program-program penswastan ini adalah selaras dengan Dasar Penswastan Negara. Justeru, program-program ini dipantau rapi dan sentiasa ditambah baik supaya ia mencapai objektif dan output yang dikehendaki. Bahagian ini turut mengawal selia pengurusan stor, inventori dan aset KKM supaya kesemua peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.

PRESTASI PEROLEHAN KEMENTERIAN

KKM telah melaksanakan perolehan berjumlah RM6,059,494,450.62 dan memperoleh penjimatan sebanyak RM500,405,873.37 atau 8 peratus pada tahun 2022 yang meliputi perolehan farmaseutikal, peralatan perubatan, perkhidmatan, ICT, kenderaan, penyumberluaran dan konsesi. **Jadual 4.5** menunjukkan pencapaian perolehan KKM pada tahun 2022 mengikut kategori.

Selaras dengan dasar pengoptimuman sumber Kerajaan, KKM telah melaksanakan penjimatan dalam urusan perbelanjaan perolehan bagi memastikan peruntukan tersebut mencukupi untuk menampung perkhidmatan utama dan keperluan penjagaan pesakit. Ini juga untuk memastikan perkhidmatan kesihatan tidak terjejas. Nilai penjimatan adalah berdasarkan kepada perbandingan antara anggaran harga jabatan dan nilai kontrak yang ditawarkan serta harga rundingan dengan syarikat.

Jadual 4.5
Pencapaian Perolehan KKM Tahun 2022

Kategori Perolehan	Nilai Perolehan (RM)	Penjimatan (RM)
Farmaseutikal	3,453,878,805.51	267,896,118.82
Peralatan Perubatan & Kenderaan	341,831,294.60	20,037,521.40
Perkhidmatan	1,310,750,573.36	123,804,964.94

Kategori Perolehan	Nilai Perolehan (RM)	Penjimatan (RM)
ICT	227,799,237.97	2,993,829.38
Toner / MTO	16,280,437.70	565,901.30
Penyumberluaran	4,305,000.00	1,493,400.00
Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital	101,780,557.86	-
Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Lain-lain	674,325,367.82	83,614,137.53
Jumlah	6,059,494,450.62	500,405,873.37

Nota: Data sehingga Disember 2022

Sumber: Bahagian Perolehan dan Penswastan, KKM

PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Sehingga 31 Disember 2022, jumlah keseluruhan aset alih KKM adalah sebanyak 2,914,874 unit (tidak termasuk stok) dengan nilai perolehan berjumlah RM14,622,029,827.74. Aset alih KKM sentiasa dipantau melalui Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan di semua peringkat dalam memastikan pematuhan prosedur yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF).

SISTEM ePEROLEHAN (eP)

Sistem eP yang dibangunkan pada tahun 2000 berfungsi sebagai platform dalam talian untuk membolehkan agensi kerajaan memperoleh bekalan dan perkhidmatan daripada vendor yang berdaftar dengan kerajaan. Sistem eP ialah salah satu pasaran maya *Government-to-Business* (G2B) yang terbesar di ASEAN dengan dua (2) juta katalog dalam talian. Mulai Januari 2018, MOF telah memperkenalkan Sistem eP yang ditambah baik. Berdasarkan kepada rekod penggunaan, KKM merupakan pengguna Sistem eP yang terbesar dan telah menggunakan Sistem eP secara optimum. **Jadual 4.6** menunjukkan pencapaian kementerian dalam penggunaan Sistem eP bagi tahun 2020 hingga 2022.

Jadual 4.6
Pencapaian KKM dalam Penggunaan Sistem ePerolehan Tahun 2020, 2021 dan 2022

Tahun	Jumlah Transaksi	Nilai Transaksi (RM)	Peruntukan (RM)	Pencapaian (%)
2020	715,345	5,731,877,322.29	7,000,000,000.00	81.90
2021	695,556	6,601,673,230.00	7,000,000,000.00	94.30
2022	776,779	7,465,679,863.00	6,000,000,000.00	124.43

Nota: Data sehingga Disember 2022

Sumber: Sistem eP, MOF

Terdapat peningkatan penggunaan Sistem eP pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. MOF telah menetapkan supaya perolehan dilaksanakan sepenuhnya 100 peratus menggunakan Sistem eP. Walau bagaimanapun, beberapa perolehan seperti perolehan Perkhidmatan Sokongan Hospital telah mendapat pengecualian dan dilaksanakan secara manual. Sejak penularan wabak COVID-19 pada akhir tahun 2019, situasi ini telah menyebabkan beberapa perolehan yang telah dirancang tidak dapat dilakukan dan perolehan segera perlu dilaksanakan secara Perolehan Darurat di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 173.2.

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PESAKIT SELAIN COVID-19 DENGAN HOSPITAL SWASTA SECARA PENYUMBERLUARAN

KKM telah melaksanakan perkhidmatan kesihatan pesakit selain COVID-19 dengan hospital swasta secara penyumberluaran bermula tahun 2020. Sekitar bulan April hingga Ogos 2021, berlaku peningkatan mendadak kes positif COVID-19 dan KKM perlu menyediakan lebih banyak katil untuk pesakit COVID-19. Ini menyebabkan sebahagian besar pesakit selain COVID-19 perlu dirujuk ke hospital swasta.

Pelaksanaan penyumberluaran perkhidmatan kesihatan pesakit dari hospital KKM ke hospital swasta telah diteruskan pada tahun 2022 dengan fokus utama adalah untuk menyelesaikan kes-kes tunggakan disebabkan penularan COVID-19 sebelum ini. Melalui inisiatif ini, sebanyak 5,108 kes pembedahan, 20,632 kes bukan pembedahan dan 735 kes rawatan susulan telah berjaya disumberluarkan ke hospital swasta dengan perbelanjaan sebanyak RM44.64 juta.

PERJANJIAN KONSESI

Bahagian Perolehan dan Penswastaan bertanggungjawab untuk mengurus tiga (3) projek penswastaan dan dua (2) projek penyumberluaran perkhidmatan seperti yang berikut:

Projek Penswastaan Perkhidmatan

- i. Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH);
- ii. Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET); dan
- iii. Konsesi Makmal Ubat dan Stor.

Projek Penyumberluaran

- i. Konsesi Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FWMES) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan; dan
- ii. Pembekalan Label Keselamatan Hologram bagi Produk-Produk Farmaseutikal yang Berdaftar dengan KKM.

Projek-projek penswastaan perkhidmatan dan penyumberluaran yang dilaksanakan di KKM telah memberikan pelbagai manfaat kepada kerajaan. Pelaksanaan projek PSH dan MEET telah membolehkan pengurusan fasiliti dan peralatan biomedikal dapat dilaksanakan secara komprehensif dan menyeluruh. Konsesi Makmal Ubat dan Stor pula telah memudahkan pengurusan logistik bagi pembekalan produk ubat dan bukan ubat ke fasiliti-fasiliti KKM. Pelaksanaan projek FWMES telah membantu KKM memastikan pekerja asing yang sihat sahaja bekerja di Malaysia. Projek Pembekalan Label Keselamatan Hologram telah membantu menangani penularan produk-produk farmaseutikal yang tidak berdaftar dengan KKM.

BAHAGIAN AKAUN (BA)

BA bertanggungjawab memberi khidmat perakaunan yang cekap dan berkualiti dalam memastikan semua urus niaga Pusat Tanggungjawab (PTJ) diambil kira dengan tepat dan lengkap dalam tempoh masa yang ditetapkan selaras dengan visi dan misi BA seperti **Rajah 4.7**.

Rajah 4.7
Visi dan Misi Bahagian Akaun




PENGURUSAN KEWANGAN

PERBELANJAAN

Jumlah perbelanjaan KKM adalah sebanyak RM33.77 bilion melibatkan dana am dan dana amanah (Seksyen 10). Perbelanjaan gaji, upahan dan manfaat pekerja merupakan yang paling tinggi dengan RM21.08 bilion (62.42 peratus) dan diikuti oleh perkhidmatan dan bekalan dengan jumlah RM7.46 bilion (22.08 peratus). **Rajah 4.8** menunjukkan perbelanjaan KKM mengikut kategori.

Rajah 4.8
Perbelanjaan KKM mengikut Kategori bagi Tahun 2022



Sumber: Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 (Interim) Bahagian Akaun, KKM


PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN

BA diamanahkan untuk memastikan emolumen dan imbuhan bulanan untuk 33,516 kakitangan ibu pejabat dibayar mengikut jadual sewajarnya. Pada tahun 2022, sejumlah RM2.50 bilion telah dibayar. Termasuk dalam jumlah ini adalah bayaran untuk Bantuan Khas Kewangan dan Bantuan Khas Aidilfitri masing-masing berjumlah RM20.95 juta dan RM15.59 juta.

PERAKAUNAN ASET


Aset Kementerian merupakan elemen signifikan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kementerian. **Rajah 4.9** menunjukkan Hartanah, Loji & Peralatan (HLP) menyumbang kepada peratusan tertinggi berbanding Penghutang dan Lain-lain Aset dalam laporan dari tahun 2018 hingga 2022. Ini adalah susulan daripada pertambahan data aset yang dilakukan melalui aktiviti migrasi data dan program berterusan dalam memperakaunkan aset kementerian dalam sistem perakaunan kerajaan. **Rajah 4.10** menunjukkan kedudukan migrasi data bagi aset dari 2018 hingga 2022.

Rajah 4.9
Kedudukan Aset dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Rajah 4.10
Kedudukan Migrasi Data bagi Aset dalam tempoh 2018 hingga 2022




Sumber: Bahagian Akaun, KKM

PENGURUSAN PRESTASI BIL



Sebanyak 2,161,199 bil berjumlah RM14.14 bilion telah diproses oleh PTJ KKM. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari di KKM adalah 99.99 peratus (2,160,909 bil) dengan jumlah RM14.13 bilion melibatkan 370 PTJ. Prestasi keseluruhan 99.99 peratus pada 2022 bukan sahaja memenuhi keperluan Arahan Perbendaharaan 103(a) untuk penyelesaian bil dalam tempoh 14 hari tetapi juga melepasi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiausaha Negara serta KPI KKM. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti **Rajah 4.11** dan **4.12**.

Rajah 4.11
Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 Hari Tahun 2022



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Rajah 4.12
Perbandingan Prestasi Pembayaran Bil dalam Tempoh 14 Hari Tahun 2021 dan 2022




Sumber: Bahagian Akaun, KKM

TADBIR URUS DAN PEMATUHAN


Lawatan naziran telah dilaksanakan ke atas 225 PTJ daripada 450 PTJ KKM seluruh Malaysia. Verifikasi dokumen terimaan hasil bulanan juga dilaksanakan ke atas 429 Pejabat Pemungut Utama KKM. Pemantauan ini dilaksanakan untuk memastikan prosedur sedia ada mematuhi polisi dan standard perakaunan serta memastikan kawalan dalaman yang menyeluruh untuk mengukuhkan tadbir urus dan pengurusan perakaunan di PTJ KKM. Hasil penemuan naziran adalah seperti **Rajah 4.13** dan **4.14** manakala penemuan ketidakpatuhan semakan dokumen akaun terimaan tunai seperti **Rajah 4.15**.

Rajah 4.13
Bilangan Penemuan mengikut Skop Utama Naziran Pematuhan Tahun 2022



Sumber: Bahagian Akaun, KKM


Rajah 4.14
Bilangan Penemuan mengikut Skop Naziran Terimaan Tahun 2022



Penerimaan Wang Awam	Penyimpanan & Penggunaan Buku Resit/Bil
Pengiktirafan Hasil	Penyenggaraan Buku Tunai
Akuan Belum Terima	Penyimpanan & Pelupusan Rekod Kewangan
Bayaran & Perbendaharaan	Penggunaan Peti Besi/Bilik Kebal
Pemeriksaan Mengejut	

Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Rajah 4.15
Penemuan Dokumen Kutipan Hasil pada Tahun 2021 dan 2022




SKOP PENGAUDITAN

Sumber: Bahagian Akaun, KKM

KHIDMAT RUNDINGAN DAN LATIHAN

Sebanyak 35 siri latihan yang dihadiri oleh 3,488 pegawai telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 seperti **Rajah 4.16**. BA juga telah mengeluarkan lima (5) garis panduan bagi tahun 2022 seperti **Rajah 4.17**.

Rajah 4.16
Kursus dan Program Latihan Tahun 2022



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Rajah 4.17
Senarai Garis Panduan Tahun 2022



Sumber: Bahagian Akaun, KKM



BAB 5

KESIHATAN AWAM



PROGRAM KESIHATAN AWAM

Program Kesihatan Awam bertanggungjawab membantu individu dan komuniti untuk mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang optima melalui perkhidmatan pencegahan, saringan dan kawalan penyakit, kuratif dan penjagaan rehabilitatif secara intergrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan serta mempromosikan cara hidup yang sihat supaya menjadi amalan di kalangan setiap individu dan masyarakat. Program Kesihatan Awam terdiri daripada lima (5) bahagian iaitu:

- i. Bahagian Kawalan Penyakit;
- ii. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga; (BPKK)
- iii. Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam (BPKA);
- iv. Bahagian Pemakanan; dan
- v. Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK).

BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM (BPKA)

SEKTOR PROGRAM KHAS

Pengoperasian Perkhidmatan Doktor Udara (PDU) kepada masyarakat Orang Asli (OA) di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia pada tahun 2013 telah menangani isu aksesibiliti penjagaan kesihatan selain dari kaedah pengangkutan darat dan air. Ia menjadi kaedah utama di dalam usaha menangani penyakit berjangkit serta jagaan kesihatan ibu, bayi dan kanak-kanak dalam memenuhi agenda Perlindungan Kesihatan Sejahtera (UHC) dalam kalangan penduduk terpinggir khususnya OA.


Sejak penerbangan pertama pada tahun 2013 sehingga tahun semasa, pasukan PDU yang berpangkalan di Hospital Bahagia Ulu Kinta di bawah operasi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta di Perak, terus menyediakan perkhidmatan kesihatan untuk golongan terpinggir di 17 perkampungan OA terpencil yang sukar dicapai melalui darat atau air seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 5.1. Rajah 5.1.** pula menunjukkan peratusan turun naik lawatan PDU ke perkampungan OA dengan bersandarkan bilangan hari penerbangan sebagai proksi kepada pencapaian penyampaian perkhidmatan ini. Sambutan yang baik diterima daripada penduduk OA setempat bagi setiap sesi klinik yang dikendalikan oleh pasukan PDU seperti yang digambarkan di **Imej 5.1.**

Jadual 5.1
Populasi Liputan PDU Bermula dari Tahun 2013 hingga 2022

Tahun	Daerah	Bilangan Kampung	Bilangan Populasi Orang Asli
2013 - 2017	Kuala Kangsar	12	2,240
	Cameron Highlands	5	707
	Gua Musang	45	4,085
2018 - 2020	Hulu Perak	2	84
	Gua Musang	15	1,630
2021 -2022	Hulu Perak	2	80
	Gua Musang	15	997

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Rajah 5.1
Pencapaian PDU dari Tahun 2013 hingga 2022



Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Imej 5.1
Perkhidmatan Kesihatan oleh PDU PKD Kinta



Perancangan jangka masa panjang adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada perkhidmatan PDU ini yang melibatkan implikasi kewangan yang tinggi. Dengan kemajuan infrastruktur seperti kemudahan jalan darat yang lebih baik, perkhidmatan kesihatan ini akan ditumpukan kepada Pasukan Bergerak OA (Darat) yang lebih kos efektif dengan masa bersama pesakit yang lebih lama berbanding melalui lawatan PDU.

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

SEKTOR PERANCANGAN SUMBER

PENGGANTIAN KENDERAAN BUKAN AMBULANS YANG TELAH LUPUS DI BAWAH PROGRAM KESIHATAN AWAM

Kenderaan bukan ambulans merupakan salah satu aset utama pasukan kesihatan awam dalam melaksanakan fungsi pencegahan dan kawalan penyakit di lapangan yang menjadi antara penyumbang utama kepada kesejahteraan rakyat. Terdapat sejumlah 3,731 aset kenderaan bukan ambulans di PKD seluruh Malaysia sehingga 31 Disember 2022 (**Jadual 5.2**), dengan 499 daripadanya telah dilupuskan dan memerlukan penggantian segera.

Jadual 5.2
Bilangan Aset Kenderaan Bukan Ambulans di bawah Program Kesihatan Awam
Termasuk Jumlah Lupus, BER dan Penggantian Pada Tahun 2022

Negeri	Jumlah Aset Kenderaan Bukan Ambulans	Kenderaan yang Dilupuskan	BER	Penggantian Kenderaan Lupus Pada Tahun 2022
Perlis	49	15	1	1
Kedah	305	49	0	9
Pulau Pinang	155	12	4	1
Perak	346	61	8	12
Selangor	333	58	13	4
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	79	1	1	0
Negeri Sembilan	230	42	7	4
Melaka	116	7	0	2
Johor	347	45	4	6
Pahang	370	42	17	8
Terengganu	270	40	3	7
Kelantan	319	47	8	9
Sabah	379	35	25	5
Sarawak	422	45	4	5
WP Labuan	11	0	0	0
Jumlah	3,731	499	95	75

Nota: BER – beyond economic repair

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Pada tahun 2022, Sektor Perancangan Sumber BPKA telah menyelaraskan permohonan peruntukan pembangunan (BP01100) bagi penggantian kenderaan bukan ambulans yang telah lupus di PKD. Sejumlah RM10,551,000 peruntukan pembangunan (BP01100) telah diluluskan bagi penggantian 79 kenderaan. Bagaimanapun 75 kenderaan berjaya dibuat perolehan iaitu 15 peratus daripada jumlah keseluruhan kenderaan yang telah dilupuskan. Justeru, sebanyak 424 lagi kenderaan diperlukan untuk penggantian pada tahun berikutnya.

CAWANGAN PEMBANGUNAN PROFESION KESIHATAN AWAM

Cawangan Pembangunan Profesion Kesihatan Awam berperanan dalam pembangunan dan perkembangan profesion untuk Program Kesihatan Awam. Cawangan ini perlu memastikan setiap penjawat awam di Program Kesihatan Awam mencapai taraf kompetensi yang telah ditetapkan di dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Cawangan ini melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti yang berikut:

- Pembangunan Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam;
- Perkembangan Profesion Dalam Program Kesihatan Awam;
- Modal Insan dan *Continuous Professional Development* (CPD); dan
- Pemantauan Penggunaan Fasiliti Kesihatan Awam Bagi Tujuan Latihan.

Dalam perancangan latihan bagi anggota Program Kesihatan Awam, Cawangan ini memantau perancangan latihan yang diperlukan dan yang dilaksanakan bagi anggota. Pada tahun 2022, sebanyak 3,470 kursus telah dijalankan di seluruh negara dengan perbelanjaan RM4,473,928.94 berbanding 1,592 kursus dengan perbelanjaan RM1,700,493.56 pada tahun 2021. Pada tahun 2022 tiada anggota dihantar untuk mengikuti latihan jangka pendek luar negara. Prestasi keseluruhan Program Latihan Dalam Perkhidmatan yang dilaksanakan pada tahun 2021 dan 2022 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Prestasi Program Latihan Dalam Perkhidmatan
Program Kesihatan Awam bagi tahun 2021 dan 2022

Latihan	PRESTASI			
	2021		2022	
	Bil. Kursus Yang Dihadiri	Perbelanjaan (RM) (Peratus Agihan Tahunan)	Bil. Kursus Yang Dihadiri	Perbelanjaan (RM) (Peratus Agihan Tahunan)
Dalam Negara	1,592	1,700,493.56 (97.3%)	3,470	4,473,928.94 (99.5%)
Luar Negara	0	0.00 (0%)	0	0.00 (0%)

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Cawangan ini turut bertanggungjawab bagi memantau permohonan dan penggunaan fasiliti kesihatan di Program Kesihatan Awam yang melibatkan penggunaan Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan dan Makmal Kesihatan Awam bagi tujuan latihan lapangan. Pada tahun 2022, sebanyak 22 permohonan penggunaan fasiliti telah diluluskan sama ada permohonan pembaharuan Memorandum Perjanjian (MoA) atau permohonan penambahan fasiliti yang melibatkan enam (6) Program Perubatan, sembilan (9) Program Sains Kesihatan Bersekutu dan tujuh (7) Program Kejururawatan.

CAWANGAN KESIHATAN GLOBAL

HARI KESIHATAN SEDUNIA 2022

Sempena Hari Kesihatan Sedunia 2022, KKM bersama Perwakilan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura telah bekerjasama dengan sektor awam dan swasta untuk meraikan Hari Kesihatan Sedunia 2022 dengan menganjurkan forum kesihatan secara virtual bertemakan *Planet Kita, Kesihatan Kita*. Para panelis dari WHO, Sunway Centre for Planetary Health, ahli akademik dari Pusat Pengajian Sains Makanan & Pemakanan, Universiti Sabah Malaysia dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam dari Institut Penyelidikan Kesihatan telah meningkatkan kesedaran tentang tindakan segera yang diperlukan untuk memastikan populasi dan planet ini sihat di samping memupuk gerakan untuk mewujudkan masyarakat yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan.

PERHIMPUNAN KESIHATAN SEDUNIA KE-75, DIALOG STRATEGIK BERTEMAKAN *BEHAVIOURAL SCIENCE FOR BETTER HEALTH* DAN MESYUARAT LEMBAGA EKSEKUTIF WHO KE-151

Delegasi Malaysia diketuai oleh Menteri Kesihatan bersama dengan Ketua Pengarah Kesihatan. Tema bagi persidangan ini adalah *Health for Peace, Peace for Health* dengan kepentingan membina planet yang sihat dan aman dengan menggunakan ilmu sains, data, teknologi dan inovasi. Malaysia telah menyampaikan beberapa intervensi berkaitan dengan isu-isu kesihatan global seperti; *Strengthening WHO preparedness for and response to health emergencies and implementation of International Health Regulations 2005, Non-communicable Diseases, Prevention of sexual exploitation, abuse and harassment, Neglected Tropical Diseases, TB, HIV, Viral Hepatitis, Poliomyelitis, Maternal and Child Nutrition*. Di samping itu, Malaysia juga mengambil bahagian dalam dialog strategik bertajukan *Behavioural Sciences for Better Health*. Menteri Kesihatan telah berkongsi pengalaman bagaimana Malaysia mempraktikkan pendekatan sains tingkah laku dalam pengubalan dasar dan program semasa pandemik COVID-19. Susulan sesi persidangan ke-75, Mesyuarat Lembaga Eksekutif WHO ke-151 bersidang pada 30 Mei 2022 untuk membincangkan pelaksanaan keputusan dan dasar yang dipersetujui di persidangan kesihatan tersebut. Pada sesi ini, Malaysia telah dipilih sebagai Naib Pengerusi Pertama Lembaga Eksekutif WHO dari 2022 hingga 2023 bagi mewakili Rantau Pasifik Barat.

PERSIDANGAN KESIHATAN AWAM BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA-SINGAPORE-THAILAND (BIMST) KE-25

Pegawai teknikal daripada Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan dan Bahagian Kawalan Penyakit telah menghadiri persidangan tersebut. Negara anggota BIMST membincangkan isu kesihatan dan sempadan yang berkaitan dengan tema *The Future beyond COVID-19*. Malaysia berkongsi pengalaman dalam menguruskan wabak dan cara untuk bersedia menghadapi pandemik seterusnya, *Disease X*. Malaysia juga memaklumkan strategi integrasi sistem maklumat kesihatan dan menekankan kepentingannya untuk menangani penularan penyakit tidak berjangkit (NCD) dan isu penuaan penduduk.

MESYUARAT JAWATANKUASA SERANTAU PASIFIK BARAT PEJABAT WHO KE - 73

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Menteri Kesihatan bersama dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Timbalan Ketua Penolong kesihatan (Kesihatan Awam) dan pegawai-pegawai daripada Bahagian Kawalan Penyakit dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga. Malaysia telah menyampaikan 10 intervensi mengenai pelbagai isu kesihatan serantau dan mempersetujui tujuh (7) resolusi terutamanya mengenai *Prevention and Control of Non-Communicable Diseases, Primary Health Care, Cervical Cancer, Mental Health and Reaching the Unreached*.

MESYUARAT STEERING COMMITTEE ON HEALTH(SCH) BAGI PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC) KE- 14

Delegasi Malaysia diketuai oleh Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam dan wakil daripada Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM. Malaysia merupakan salah satu dari ahli SCH kerana Malaysia merupakan *Lead Country Coordinator* untuk *Thematic 3: Maternal, New-born and Child Health & Nutrition*. Mesyuarat ini telah membincangkan secara amnya tentang situasi terkini pandemik COVID-19 dalam kalangan ahli OIC dan telah membincangkan secara khusus tentang perihal COVID-19 yang berkaitan dengan vaksinasi.

MESYUARAT MENTERI-MENTERI KESIHATAN ASEAN (AHMM) YANG KE-15 DAN MESYUARAT LAIN YANG BERKAITAN

AHMM yang ke-15 bertemakan *Advancing the Achievements of ASEAN Health Development*. Delegasi Malaysia yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Kesihatan II bersama dengan Ketua Delegasi *Senior Officials' Meeting on Health Development* (SOMHD) Malaysia dan beberapa pegawai KKM. Malaysia dan ahli-ahli ASEAN yang lain telah menyampaikan intervensi bagi topik *Building Regional Health System Resilience and Accelerating COVID-19 Recovery*. Indonesia telah menyerahkan kepimpinan AHMM dan SOMHD kepada negara Lao PDR. Negara Lao PDR akan menjadi Pengerusi dan Malaysia sebagai Naib Pengerusi SOMHD bagi tahun 2022 hingga 2025. Agenda Mesyuarat SOMHD bagi persediaan untuk AHMM telah membincangkan perkembangan terkini aktiviti-aktiviti di dalam *ASEAN Post 2015 Health Development Agenda* (APHDA) dan juga aktiviti-aktiviti bagi program kerja bagi tahun 2021 hingga 2025.

BENGKEL PENYEDIAAN RESOLUSI WHO UNTUK SAINS TINGKAHLAKU

Cawangan Kesihatan Global dan Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan (IPTK), KKM telah berkolaborasi untuk menganjurkan bengkel penyediaan *Resolusi WHO untuk Sains Tingkahlaku*. Kata-kata aluan disampaikan oleh wakil WHO bagi Malaysia, Brunei Darussalam and Singapura diiringi Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam dan Pengarah IPTK. Objektif bengkel ini adalah untuk memperhalusi draf resolusi. Draf resolusi untuk perbincangan informal ahli WHO sebelum diluluskan pada sesi *WHO Executive Board* yang ke 152.

SEKTOR INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN

GUBALAN, SEMAKAN DAN PINDAAN PERUNDANGAN SERTA PEMBANGUNAN PROSEDUR OPERASI STANDARD

Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP) telah terlibat secara langsung dalam sesi perbincangan berhubung gubalan, semakan dan pindaan perundangan bagi undang-undang kesihatan awam. Terdapat tiga (3) pindaan perundangan telah dibuat iaitu pindaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342], pindaan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengimportan dan Pengeksportan Mayat, Tisu Manusia, Organisma dan Bahan Patogenik) 2008 dan pindaan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Satu (1) semakan perundangan juga telah dibuat iaitu melibatkan Akta Peniaga Sekenhend 1946 [Akta 189] manakala satu pengubalan Rang Undang-Undang Akta Kawalan Hasil Tembakau juga telah dilaksanakan dan akan diangkat untuk kelulusan di peringkat parlimen. Pengukuhan aktiviti penguatkuasaan di lapangan dibuat melalui pembangunan dua (2) Prosedur Operasi Standard (SOP) pada tahun 2022 iaitu Prosedur Penguatkuasaan Bagi Pelanggaran Digital HSO (UIP-APPPB-01-22) dan Prosedur Pengurusan Dan Pelaksanaan Penggunaan Kamera Badan (*Body Worn Camera*) (UIP-UMUM-01-22).

Pada tahun 2022, Prosedur Pengurusan Dan Pelaksanaan Penggunaan Kamera Badan (*Body Worn Camera*) dibangunkan susulan perolehan 110 unit kamera badan. Kamera badan digunakan dalam aktiviti penguatkuasaan kesihatan awam oleh penguatkuasa KKM di lapangan. Agihan kamera badan dibuat kepada lima (5) JKN iaitu JKN Selangor, JKN Pahang, JKN Negeri Sembilan, JKN Melaka dan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya. Pelancaran pemakaian kamera badan kepada penguatkuasa kesihatan awam KKM telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan Malaysia pada 12 Disember 2022.

PELANTIKAN PEGAWAI DIBERI KUASA & PENURUNAN KUASA

Pelantikan Pegawai Diberi kuasa di bawah Undang-Undang Kesihatan Awam adalah bertujuan memastikan aktiviti penguatkuasaan dijalankan mengikut Prosedur Operasi Standard. Bilangan pelantikan bagi Pegawai Diberi kuasa secara keseluruhan pada 2022 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Pelantikan Pegawai Diberi Kuasa pada Tahun 2019 hingga 2022

Pegawai Diberi Kuasa	2019	2020	2021	2022
Pegawai Diberi Kuasa Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	327	793	940	1,523
Kuasa Mengkompaun Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988	46	247	34	26
Pegawai Diberi Kuasa Akta Makanan 1983	547	651	926	1,535
Kuasa mengkompaun Akta Makanan 1983	391	380	800	1,387
Kuasa Penutupan Premis Makanan di bawah Akta Makanan 1983	114	80	91	70
Kad Pengenalan Penguatkuasa	324	291	322	311
Jumlah	1,749	2,442	3,113	4,852

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 [AKTA 342]

Pada tahun 2022, aktiviti penguatkuasaan bagi Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] termasuk Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) diperkukuhkan bagi tujuan pencegahan dan pengawalan COVID-19.

Secara keseluruhan, aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta 342 menunjukkan penurunan trend berbanding tahun sebelumnya (**Jadual 5.5**). Penurunan ini berlaku disebabkan peralihan fasa pandemik COVID-19 ke fasa endemik seterusnya aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan melibatkan penguatkuasaan pendidikan.

Jadual 5.5
Penguatkuasaan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada Tahun 2019 hingga 2022

Tahun	Bil. premis diperiksa di bawah Seksyen 18(1)	Bil. premis ditutup di bawah Seksyen 18(1)	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah amaun kompaun yang dibayar (RM)
2019	2,619	731	34	15,100
2020	471,449	2,907	54,021	2,180,500
2021	451,476	6,741	141,922	42,900,000
2022	177,742	2,890	2,613	2,404,600

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT (APSP) 1975 [AKTA 154]

Sebanyak 11 siri Ops Gempur Aedes Peringkat Kebangsaan telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Pencapaian Aktiviti penguatkuasaan APSP 1975 adalah seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6
Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 pada Tahun 2019 hingga 2022

Tahun	Bil. Premis Yang Diperiksa	Bil. Premis Yang Positif Pembiakan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Bil. Premis Ditutup	Bil. Kes Daftar Di Mahkamah	Denda Mahkamah (RM)
2019	4,877,369	161,506	24,869	117	2,665	1,037,231
2020	4,685,063	175,642	21,748	71	1,418	836,460
2021	3,953,480	140,415	21,976	52	862	536,450
2022	5,054,076	165,505	28,889	59	2,953	923,350

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004

Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 merupakan undang-undang subsidiari di bawah Akta Makanan 1983 [Akta 281] yang merangkumi penguatkuasaan bagi kegiatan merokok di kawasan larangan merokok, penjualan rokok dalam paket terbuka, penjualan hasil tembakau dalam talian dan lain-lain. Pencapaian aktiviti penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.7
Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 pada Tahun 2019 hingga 2022

Tahun	Bil. Notis Seksyen 32B Dikeluarkan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah Amaun Kompaun yang Dibayar (RM)
2019	50,946	29,819	3,653,774
2020	34,338	19,433	2,615,814
2021	15,163	12,012	1,493,617
2022	81,431	49,889	5,762,956

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PENYIASATAN DAN PENDAKWAAN

Penyiasatan dan pendakwaan kes yang pelanggaran di bawah undang-undang kesihatan awam menunjukkan peningkatan trend berbanding tahun sebelumnya. Perincian aktiviti adalah seperti di **Jadual 5.8**.

Jadual 5.8
Penyiasatan dan Pendakwaan Kes di Bawah Undang-Undang Kesihatan Awam pada Tahun 2019 hingga 2022

Tahun	Kertas Siasatan Dibuka	Bil. Izin Dakwa	Bil. NFA
2019	102,122	20,385	680
2020	80,144	10,515	309
2021	38,146	6,309	436
2022	140,690	16,721	2,974

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

PEWASAPAN

Pengeluaran lesen pewasapan adalah selaras dengan keperluan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953 yang mana operator pewasapan memerlukan lesen sebelum menjalankan kerja-kerja pewasapan. Penilaian kompetensi operator pewasapan dibuat melalui peperiksaan bertulis dan amali sebelum diberikan lesen manakala audit pewasapan turut dijalankan bagi memastikan pematuhan aktiviti pewasapan mengikut SOP yang ditetapkan. Aktiviti-aktiviti berkaitan pewasapan secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 5.9**.

Jadual 5.9
Aktiviti bagi Pewasapan pada Tahun 2022

Aktiviti	2019	2020	2021	2022
Jumlah calon peperiksaan Lesen Pewasapan	53	55	-	70
Permohonan Lesen Pewasapan (Baru)	22	23	-	1
Permohonan Pembaharuan Lesen Pewasapan	229	240	256	247
Audit pewasapan	10	3	-	11
Jumlah	314	321	256	329

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Imej 5.2
Aktiviti Pengauditan Kerja Pewasapan
di dalam Kapal Laut di Institut Latihan
Pengangkutan Laut (ILPL)



Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Imej 5.3
Aktiviti Penilaian Kompetensi Operator
Pewasapan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

SEKTOR FARMASI KESIHATAN AWAM

PEROLEHAN DAN PEMBEKALAN *PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT (PPE)*

PPE merupakan peralatan yang digunakan bagi menghalang atau mengurangkan pendedahan terhadap ancaman kecederaan dan penyakit kepada anggota kesihatan. Bekalan PPE yang sesuai dan mencukupi adalah amat penting terutamanya dalam pelaksanaan aktiviti pencegahan, kawalan dan rawatan wabak penyakit oleh anggota KKM di lapangan. Malaysia telah memasuki fasa peralihan endemik bagi wabak COVID-19 sejak 1 April 2022. Walau bagaimanapun, semua fasiliti kesihatan KKM perlu memastikan kesiapsiagaan sistem penjagaan kesihatan sentiasa diperkukuhkan bagi menghadapi sebarang risiko peningkatan semula kes COVID-19 atau ancaman wabak lain pada masa akan datang.

Sejumlah 18 jenis item PPE diperlukan oleh anggota kesihatan untuk pengurusan wabak COVID-19 di lapangan. Pada tahun 2022, sejumlah RM85.4 juta peruntukan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 telah diagihkan bagi menampung keperluan perolehan bekalan PPE di semua fasiliti KKM. Sehingga 31 Disember 2022, semua JKN termasuk Hospital Kuala Lumpur mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) bulan stok bagi semua item PPE. Pemantauan berterusan bekalan stok PPE sentiasa dilaksanakan bagi memastikan ketersediaan bekalan bagi kegunaan anggota kesihatan terutama

Rajah 5.2
Jenis PPE bagi pengurusan wabak COVID-19



Sumber: i. KPI Pelan Strategik KKM 2022
ii. Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

CAWANGAN KAWALAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT (NCD)

SEKTOR INTERVENSI NCD

PROGRAM KOMUNITI SIHAT PEMBINA NEGARA (KOSPEN)

Prevalens NCD semakin meningkat dari tahun ke tahun, Program KOSPEN bertujuan untuk mewujudkan komuniti yang sihat dan produktif bebas daripada NCD yang merupakan salah satu masalah kesihatan awam utama di Malaysia. Dengan mengamalkan gaya hidup sihat, risiko penyakit NCD dapat dikurangkan dan secara tidak langsung memperkukuhkan sistem ketahanan tubuh badan.

KOSPEN merangkumi tujuh (7) skop utama iaitu Pemakanan Sihat, Hidup yang Aktif, Tidak Merokok, Minda Sihat, Pengurangan Kemudaratan Alkohol, Saringan Faktor Risiko Kesihatan dan Pengurusan Berat Badan.

Pada tahun 2022, sejumlah 1,117,636 dewasa telah disaring untuk faktor risiko penyakit tidak berjangkit dengan 92 peratus lokaliti mencapai sasaran trek 10,000 langkah, 97 peratus lokaliti mencapai sasaran Menu Sihat semasa majlis rasmi dan 86 peratus lokaliti mencapai sasaran Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR).

Jadual 5.10
Pencapaian KOSPEN Tahun 2022

KPI KOSPEN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Jumlah penduduk dewasa berumur 18 tahun dan keatas di lokaliti KOSPEN di seluruh negara disaring	190,667	222,101	725,625	821,675	996,077	1,045,274	1,046,016	1,117,636
Peratus lokaliti KOSPEN di seluruh negara mencapai sasaran Trek 10,000 langkah	58	33	84	85	85	85	93	92
Polisi Hidangan Sihat Semasa Majlis Rasmi Peratus lokaliti KOSPEN di seluruh negara mencapai sasaran pengasingan gula dari minuman panas	32	29	68	63	64	73	85	91
Polisi Hidangan Sihat Semasa Majlis Rasmi Peratus Majlis rasmi KOSPEN di seluruh negara mencapai sasaran penyediaan sayur-sayuran dan buah-buahan semasa hidangan makan tengah hari	44	44	76	72	72	71	85	99

KPI KOSPEN	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Polisi Hidangan Sihat Semasa Majlis Rasmi Peratus Majlis rasmi KOSPEN di seluruh negara mencapai sasaran penyediaan sayur-sayuran dan buah-buahan semasa hidangan makan malam	43	39	71	69	70	73	85	100
Peratus lokaliti KOSPEN di seluruh negara mencapai sasaran RBAR	59	59	48	36	62	69	76	86

Sumber : Laporan Pencapaian KOSPEN Kebangsaan dari Januari hingga Disember 2022

SEKTOR KAWALAN DAN PENCEGAHAN PENYAKIT KARDIOVASKULAR/DIABETES/KANSER

PROGRAM SARINGAN KANSER KOLOREKTAL

Program Saringan Kanser Kolorektal menggunakan *Immunological Fecal Occult Blood Test* (iFOBT) diikuti oleh kolonoskopi yang menyasarkan individu tanpa gejala berusia antara 50 hingga 75 tahun. Dari bulan Januari hingga September 2022, seramai 48,578 orang disaring berbanding dengan 38,409 orang pada tahun 2021 (kenaikan sebanyak 26.5 peratus). Dari jumlah ini, 12.9 peratus didapati positif iFOBT dan 90.5 peratus bersetuju dirujuk untuk menjalani kolonoskopi. Daripada jumlah tersebut, 59.8 peratus telah menjalani kolonoskopi. Sebanyak 3.7 peratus disahkan kanser dan 25.2 peratus dikesan mempunyai polip usus.

Seramai 815 orang telah didapati mempunyai tanda dan gejala kanser kolorektal. 79.8 peratus daripada jumlah tersebut bersetuju untuk dirujuk menjalani kolonoskopi di mana 76.8 peratus telah menjalani prosedur tersebut. Daripada jumlah itu, 11.5 peratus disahkan menghidap kanser kolorektal dan 26.2 peratus mempunyai polip usus. Seramai 477 orang telah dikenalpasti mempunyai sejarah keluarga terdekat menghidap kanser kolorektal dan 75.3 peratus bersetuju untuk dirujuk menjalani kolonoskopi. Daripada jumlah itu, 65.8 peratus telah menjalani kolonoskopi, 6.5 peratus disahkan menghidap kanser kolorektal dan 22.2 peratus mempunyai polip usus.

PROGRAM VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN (NMCD)

Pada tahun 2022, sebanyak 87,897 kes kematian NMCD atau *Verbal Autopsy* (VA) pada tahun 2021 yang didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara, hanya 81.8 peratus kes berjaya diambil tindakan. Daripada jumlah tersebut, 58.9 peratus telah berjaya diverifikasi dan diberikan Sebab Kematian yang baharu. Statistik Sebab Kematian Malaysia tahun 2022 daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan peningkatan peratusan *Medically Certified Death* (MCD) pada tahun 2021 adalah 70.0 peratus berbanding 65.6 peratus pada tahun 2020.

UNIT KARDIOVASKULAR DAN DIABETES

NATIONAL DIABETES REGISTRY (NDR)

Pada tahun 2022, 1.9 juta pesakit diabetes telah didaftarkan dalam NDR di mana 933,148 pesakit dalam rawatan aktif. Sebanyak 31.9 peratus pesakit diabetes mencapai sasaran HbA1C $\leq 6.5\%$. Walaupun pandemik COVID-19 melanda negara sejak dua (2) tahun lalu, hampir semua negeri telah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus pesakit dengan HbA1C $\leq 6.5\%$ kecuali negeri Johor, Kedah, Pulau Pinang dan Selangor.

STRATEGI MONITORING, AWARENESS AND PRODUCT (MAP)

Dengan berakhirnya Strategi Penurunan Garam untuk Mencegah dan Mengawal NCD di Malaysia pada tahun 2020, KKM telah bersetuju untuk melanjutkan strategi ini bermula tahun 2021 hingga 2025 melalui strategi MAP. Fokus utama strategi untuk tempoh lima (5) tahun ini adalah memberi kesedaran kepada masyarakat umum dan pelajar sekolah pada tahun 2023 melalui implementasi pelan strategik komunikasi yang telah dibangunkan serta penguatkuasaan label kandungan garam bagi makanan siap bungkus pada Januari 2025.

AUDIT PEMATUHAN MESIN LAYAN DIRI

Bagi tahun 2022, terdapat sejumlah 296 mesin layan diri (*vending machine*) daripada keseluruhan 343 buah telah berjaya diaudit di fasiliti kesihatan di seluruh negara. Terdapat peningkatan yang ketara dari aspek bilangan *vending machine* yang berjaya diaudit iaitu daripada 60.9 peratus pada tahun 2021 kepada 86.3 peratus pada tahun 2022. Daripada jumlah keseluruhan *vending machine* yang diaudit, didapati bahawa terdapat 5 peratus peningkatan dari segi peratusan *vending machine* yang mematuhi garis panduan sedia ada iaitu 23.4 peratus pada tahun 2021 berbanding 28.4 peratus pada tahun 2022.

SEKTOR KESIHATAN MENTAL, PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KEGANASAN, DAN PENYALAHGUNAAN SUBSTANS

PERASMIAN PUSAT KECEMERLANGAN KESIHATAN MENTAL KEBANGSAAN (NCEMH)

Pada 21 Oktober 2022, Majlis Perasmian NCEMH telah diadakan bertempat di Quill 18, Cyberjaya bersempena dengan Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2022. Penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan atau National Centre of Excellence for Mental Health (NCEMH) adalah selaras dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bahagia, berdaya tahan dan produktif dengan kesejahteraan sosial, emosi dan rohani dalam persekitaran keluarga dan komuniti yang menyokong.

Pusat Kecemerlangan ini berfungsi sebagai pusat peneraju dan koordinasi bagi kesihatan mental negara, dengan menggariskan lima (5) skop utama iaitu Promosi Kesihatan Mental dan Pencegahan Penyakit Mental, Intervensi dan Talian Bantuan Krisis kesihatan Mental, Latihan dan Pendidikan, Survelan Kesihatan Mental serta Penyelidikan dan Inovasi. Pusat ini menjadi platform dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan kesihatan mental yang melibatkan kolaborasi strategik agensi awam, swasta, universiti dan NGO.



PERKHIDMATAN KESIHATAN MENTAL DAN SOKONGAN PSIKOSOSIAL (MHPSS)

Perkhidmatan MHPSS bertujuan membantu memberi sokongan emosi kepada masyarakat umum. Pasukan MHPSS telah digerakkan semasa bencana atau tragedi contohnya semasa kejadian tanah runtuh di Jalan Genting Highland-Batang Kali, Selangor dan bencana banjir bagi menjalankan aktiviti *Psychological First Aid* (PFA) kepada mangsa dan waris yang terlibat. Antara aktiviti PFA yang dijalankan adalah teknik relaksasi, terapi seni serta psikologi pendidikan. Perkhidmatan MHPSS juga telah dilaksanakan kepada pasukan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) atau petugas barisan hadapan yang terlibat melalui sesi *debriefing* dan edaran *mental health alert card*.

TALIAN HEAL 15555 (HELP WITH EMPATHY AND LOVE)

Talian HEAL 15555 adalah talian bantuan bagi krisis kesihatan mental yang menawarkan perkhidmatan tele-kaunseling bertujuan memberikan bantuan sokongan emosi dan psikososial serta intervensi awal krisis. Talian ini merupakan kesinambungan daripada Talian Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial yang diwujudkan pada 25 Mac 2020. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi (Kaunselor) yang bertauliah dan terlatih serta berdaftar dengan Lembaga Kaunselor (tertakluk kepada Akta Kaunselor 1998 - Akta 580). Talian ini beroperasi dari jam 8:00 pagi sehingga 12:00 tengah malam pada setiap hari termasuk cuti umum.



Antara krisis kesihatan mental yang dikendalikan adalah seperti tingkah laku bunuh diri, kemurungan, serangan panik, anxiety, dan stres. Selain itu, khidmat nasihat kepada keluarga atau penjaga pesakit mental serta sokongan postvention turut ditawarkan.

Sehingga 31 Disember 2022 (72 hari beroperasi), sebanyak 5,843 panggilan telah menerima bantuan sokongan dan emosi. Sebanyak 2,061 klien telah diberikan intervensi khusus oleh Pegawai Psikologi (Kaunseling). Daripada jumlah ini, 74 kes adalah tingkah laku bunuh diri di mana sebanyak 32 kes adalah idea bunuh diri dan telah dikenal pasti serta diberikan intervensi. Manakala, bakinya iaitu sebanyak 42 kes adalah cubaan bunuh diri yang telah dirujuk dengan mengaktifkan MERS999 dan mendapat kerjasama dari pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kecemasan untuk dibawa ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

SEKTOR KAWALAN TEMBAKAU DAN SEKRETARIAT *FRAMEWORK CONVENTION ON TOBACCO CONTROL* (FCTC)

PELAKSANAAN GENERASI PENAMAT (GEG)

Bangsa yang produktif bermula daripada generasi yang sihat. Produk tembakau telah terbukti menyebabkan kematian lebih daripada 27,000 rakyat Malaysia pada setiap tahun dan menyebabkan pelbagai komplikasi NCD seperti barah paru-paru, masalah jantung dan masalah paru-paru kronik. Justeru, dalam usaha KKM mengekang masalah penyakit NCD, kawalan terhadap penggunaan produk tembakau dan merokok perlu bermula daripada usia muda.

KKM telah memperkenalkan cadangan pelaksanaan GEG iaitu perlindungan seumur hidup kepada generasi yang lahir pada 1 Januari 2007 dan seterusnya daripada bahaya sebarang produk tembakau dan merokok termasuk rokok elektronik atau vape di bawah Akta baharu KKM. Cadangan ini telah diutarakan oleh Menteri Kesihatan di Persidangan Pertubuhan Kesihatan

Sedunia ke-150 di Geneva, Switzerland pada 27 Januari 2022 dan mendapat sokongan padu daripada pelbagai lapisan masyarakat dan NGO di Malaysia. Usaha murni ini turut mendapat sokongan dan akan diteruskan oleh Menteri Kesihatan semasa.

Selaras dengan itu, kempen *Generational Endgame Advocacy Roadshow* (GEGAR) telah digerakkan ke seluruh negara bermula April 2022 bagi memberi penjelasan mengenai pelaksanaan dan implikasi daripada cadangan GEG ini. Program GEGAR-18 yang mensasarkan murid di sekolah rendah dan sekolah menengah telah dilancarkan pada 25 April 2022 oleh Menteri Pendidikan dan Menteri Kesihatan. Serentak dengan majlis tersebut, satu kaji selidik sokongan oleh pelajar sekolah juga telah dilancarkan. Sehingga 30 Julai 2022, lebih 47,145 pelajar sekolah menengah berusia 16 hingga 17 tahun menyokong pelaksanaan cadangan GEG ini.

Menyedari peranan besar kaum wanita sebagai suri rumah dan pencetus budaya amalan tidak merokok di rumah, program GEGAR Wanita juga telah dilancarkan dengan sokongan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 9 Julai 2022. Selain itu, program GEGAR Kampus dan GEGAR Belia juga turut digerakkan di seluruh Malaysia dengan penglibatan pelbagai Kementerian, agensi dan NGO. Pelaksanaan GEG ini diharap dapat direalisasikan ke arah mencapai matlamat Negara Bebas Tanpa Amalan Merokok pada tahun 2040 serta menjamin kesihatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

SEKTOR KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN

Bagi tempoh 2022, Unit Kesihatan Pekerjaan (OHU) telah terlibat dengan pengendalian COVID-19 dalam kalangan pekerja melibatkan mengemaskini polisi dan garis panduan, analisa data pekerja serta memberi maklumat dan nasihat mengenai cara mengendalikan COVID-19 di tempat kerja. Selain itu aktiviti kesihatan pekerjaan yang lain masih dijalankan termasuk aktiviti pencegahan, notifikasi dan penyiasatan kes kecederaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja. Bagi program *Sharps Injury Surveillance* (SIS) di KKM, sebanyak 1,173 kes kecederaan oleh alatan tajam telah dinotifikasi kepada Unit Kesihatan Pekerjaan, KKM dari 1 Januari 2022 sehingga 14 Januari 2023 dan didapati jumlah kes yang dilaporkan meningkat sebanyak 16.1 peratus berbanding dengan 984 kes pada tahun 2021.

Bagi program Survelan Kemalangan dan Kecederaan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan, jumlah kes kemalangan dan kecederaan (tidak termasuk kecederaan oleh alatan tajam klinikal) yang dilaporkan dalam kalangan anggota KKM pada tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 22.5 peratus dan kes keracunan pekerjaan menunjukkan penurunan sebanyak 85.7 peratus. Bagi kes penyakit paru-paru sejumlah 116 kes penyakit paru-paru pekerjaan telah dinotifikasi pada tahun 2022 berbanding 59 kes pada tahun 2021. Unit juga telah melaksanakan latihan *Occupational Health Doctor* (OHD) bagi 51 doktor KKM.

SEMAKAN PROSEDUR OPERASI STANDARD BERKAITAN COVID-19

Unit Kesihatan Persekitaran (EHU) terlibat dalam membantu Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Krisis (CPRC) dalam menangani situasi pandemik COVID-19 pada tahun 2022 dari segi penyelarasan maklumat, komunikasi risiko kepada orang awam dan semakan SOP yang berkaitan, khususnya Garis Panduan Pengurusan COVID-19 berkenaan Prosedur Pembersihan dan Pembasmian Kuman di Tempat Awam (Lampiran 36: dikemas kini pada 25 Mac 2022) dan Garis Panduan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Mangsa Bencana bagi Mencegah COVID-19 (Lampiran 41: dikemas kini pada 20 September 2022).

PENGURUSAN BANJIR DAN PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR

Di samping itu, EHU telah membuka bilik gerakan banjir kebangsaan untuk pengurusan banjir Monsun Timur Laut 2022/2023 dari 19 hingga 29 Disember 2022. EHU sebagai agensi teknikal bagi penilaian impak projek pembangunan telah menyemak dan mengulas sebanyak 68 laporan cadangan projek pembangunan yang tertakluk kepada Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dalam kategori berbeza. EHU juga telah menghadiri 65 mesyuarat Jawatankuasa Teknikal EIA dan memberikan input teknikal berkaitan impak kesihatan daripada projek pembangunan yang dicadangkan. Selain itu, EHU terlibat dalam penyediaan *National Communication* keempat dan *Biennial Update Report* (BUR) bagi memenuhi keperluan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC). Mesyuarat tersebut turut membincangkan topik isu kesihatan awam yang berkaitan dengan perubahan iklim.

PEMERIKSAAN KESIHATAN PENJARA, DEPOH TAHANAN SEMENTARA (DTS) DAN PUSAT JAGAAN HARIAN (PJH)

Pemeriksaan kesihatan persekitaran rutin penjara, DTS dan PJH telah dijalankan sepanjang tahun. Sebanyak 19 DTS, 1,078 daripada 1,375 (82.5 peratus) PJH dan 36 daripada 42 (85.7 peratus) penjara telah diperiksa pada kitaran pertama serta 40 daripada 42 (95.2 peratus) penjara diperiksa di dalam kitaran kedua pada tahun 2022.

PROGRAM KOSPEN WOW

Sebelum ini dikenali sebagai KOSPEN Plus, program KOSPEN WOW ialah program intervensi kesihatan komprehensif di tempat kerja yang dibangunkan oleh KKM bertujuan untuk mengurangkan beban penyakit NCD dan faktor risiko yang berkaitan dalam kalangan pekerja dengan memperkasakan majikan dan pekerja ke arah gaya hidup sihat. Ia merupakan platform yang menyasarkan pekerja dan perubahan persekitaran untuk menyokong pengubahsuaian tingkah laku kesihatan di tempat kerja sama ada di sektor awam mahupun swasta dengan moto *Ke Arah Kesejahteraan Pekerja*. Program KOSPEN WOW telah dimulakan tujuh (7) tahun lalu dan melibatkan seramai 84,547 pekerja daripada 1,298 agensi.

Pada tahun 2022, 185 agensi baharu telah berjaya didaftarkan ke dalam program ini dan bertindak sebagai platform saringan kesihatan Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (di bawah Agenda National Malaysia Sihat), seramai 12,002 (91 peratus) pekerja telah disaring untuk faktor risiko NCD melalui program KOSPEN WOW tahun ini. Program ini berjaya memastikan kelestarian dan kekal relevan dalam menyediakan aktiviti pencegahan dan intervensi kesihatan di tempat kerja meskipun cabaran yang dihadapi semasa pandemik COVID-19. Portal rasmi KOSPEN WOW (www.moh.gov.my/kospenwow) telah dikemas kini dan ditambah baik untuk menjadi sumber utama bagi mendapatkan maklumat berkaitan program tersebut. Mekanisme pelaporan data telah dikemas kini untuk memudahkan proses pengumpulan data. Beberapa sesi latihan telah dijalankan yang melibatkan penyelaras program daripada pelbagai kategori perjawatan.

CAWANGAN PENYAKIT BERJANGKIT

SEKTOR KAWALAN TB DAN KUSTA

PROGRAM PENCEGAHAN & KAWALAN TUBERKULOSIS (TB) KEBANGSAAN

Malaysia diklasifikasi sebagai negara dengan beban TB pertengahan atas di mana Kadar Insiden TB pada tahun 2022 adalah 75 setiap 100,000 penduduk. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan Kadar Insiden TB bagi Malaysia pada tahun 2022 adalah 97 setiap 100,000 penduduk dimana lebih tinggi dari pencapaian negara kita. Oleh itu, Malaysia perlu meningkatkan aktiviti bagi peningkatan Kadar Pengesanan Aktif Kes TB, termasuklah peningkatan Saringan Golongan Berisiko Tinggi dan Program Jangkau Luar di Kawasan yang mempunyai kadar prevalen TB yang tinggi bagi mencapai sasaran tersebut.

Pengesanan kontak adalah salah satu daripada aktiviti utama yang telah dilakukan di Malaysia bagi mengawal penularan penyakit TB. Kontak yang telah dikenal pasti akan disaring bagi jangkitan TB laten (LTBI) dan jangkitan TB aktif. Pada tahun 2022, sejumlah 60,396 (59 peratus) kontak bagi Indeks Kes Pulmonari TB kahak positif telah disaring LTBI dan 167,659 (81.6 peratus) kontak bagi semua kategori Kes TB telah disaring bagi Kes TB aktif. Sejumlah 852 kes telah dikesan positif TB.

Imej 5.4
Aktiviti Saringan TB pada Tahun 2022



Kolaborasi bersama agensi lain dan NGO



Saringan aktif TB di pusat jagaan warga emas



Aktiviti pengesanan aktif kes TB di kampung Orang Asli di kawasan pedalaman



Saringan aktif TB di institusi berisiko tinggi

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

PROJEK RINTIS *POST EXPOSURE PROPHYLAXIS* – *SINGLE DOSE RIFAMPICIN*


Pada Julai 2022, JKN Pahang telah menjalankan projek rintis pertama *Post Exposure Prophylaxis* – *Single Dose Rifampicin* (PEP - SDR) kepada komuniti berisiko yang menetap di Kampung Sawah Batu di daerah Pekan, Pahang. Kampung OA ini adalah salah satu lokaliti endemik dan mempunyai 688 orang penduduk. Seramai 484 orang (70 peratus) yang memenuhi kriteria telah menerima rawatan profilaksis tersebut. Mereka akan dipantau untuk melihat gejala kusta mengikut tempoh pengawasan yang ditetapkan. Berdasarkan kajian (COLEP Study), rawatan PEP - SDR mengurangkan risiko untuk mendapat kusta sebanyak 57 peratus dalam tempoh dua (2) tahun dan 30 peratus untuk lima (5) ke enam (6) tahun seterusnya. Pemberian SDR secara *blanket approach* ini adalah kaedah pencegahan terutamanya dalam kalangan komuniti di lokaliti endemik dengan beban kusta yang tinggi. Bermula dari tahun 2023, pemberian PEP - SDR akan menjadi program di bawah aktiviti pencegahan kusta yang disasarkan kepada kontak rapat dan golongan berisiko yang dikenal pasti.

SEKTOR KAWALAN ZONOSIS

SURVELAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)

Tahun 2022 telah mencatatkan kes HFMD tertinggi dalam rekod sejak penyakit ini dimasukkan sebagai penyakit wajib notifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. Sebanyak 149,578 kes telah dilaporkan dengan 88.1 peratus adalah dalam kalangan kanak-kanak berumur di bawah tujuh (7) tahun.

Rajah 5.3
Bilangan Kes HFMD Tahun 2017 hingga 2022




Sumber: Sistem e-Notifikasi, KKM

SURVELAN RABIES

Sebanyak 16 kes rabies termasuk 12 kematian dilaporkan pada tahun 2022. Kes dari Sarawak sebanyak 14 kes dan dua (2) kes dari Selangor. Aktiviti kawalan bersama KKM dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) masih diteruskan di kedua-dua negeri. Bagi kejadian di Selangor, melalui aktiviti pengesanan aktif kes serta aktiviti surveilan yang dijalankan oleh DVS, tiada anjing atau haiwan lain dikesan positif rabies.

Rajah 5.4
Bilangan Kes Rabies Tahun 2017 hingga 2022




Sumber: Sistem e-Notifikasi, KKM

SURVELAN MONKEYPOX

Monkeypox atau mpox merupakan penyakit zoonosis tetapi pada tahun 2022, kes mpox yang melibatkan seluruh dunia telah dilaporkan berkaitan dengan aktiviti seksual kumpulan berisiko. Pemantauan di Malaysia mulai Julai hingga Disember 2022 menunjukkan sebanyak 60 kes disyaki positif. Namun, tiada kes mpox yang disahkan positif melalui ujian pengesahan makmal.

Rajah 5.5
Taburan Kes Disyaki Mpox pada Tahun 2022



Sumber: Sistem eNotifikasi, KKM

SIMULASI LAPANGAN AVIAN INFLUENZA DAN EBOLA PERINGKAT KEBANGSAAN

Latihan Simulasi Lapangan Avian Influenza Peringkat Kebangsaan 2022 telah diadakan di daerah Kapit dan Sibu Sarawak pada 26 hingga 28 Julai 2022 bersama KKM, DVS dan agensi lain seperti Malaysia One Health University Network (MyOHUN) dan Sarawak Disaster Management Committee. Latihan melibatkan 226 peserta bagi menguji kesiapsiagaan dan respons agensi terhadap wabak penyakit Avian Influenza dan Ebola.

Imej 5.5 Latihan Simulasi Lapangan Avian Influenza Peringkat Kebangsaan 2022




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

PROGRAM VAKSINASI INFLUENZA BERMUSIM

Program tahunan vaksinasi influenza bermusim *quadrivalent* 2022 kepada kumpulan petugas barisan hadapan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) telah dijalankan pada 19 dan 21 Oktober 2022. Seramai 1,300 orang kakitangan IPKKM telah dikategorikan sebagai petugas barisan hadapan.

Imej 5.6 Program Vaksinasi Influenza Bermusim pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

PROGRAM CONTINUING MEDICAL EDUCATION (CME) PENYAKIT TROPIKA TERABAI (NTD)

Program CME berkaitan Penyakit NTD telah diadakan secara maya pada 24 Februari 2022. Program ini memberi fokus kepada penyakit-penyakit yang lazim berlaku di Malaysia serta aktiviti penghapusan dan eradikasi berkaitannya.



SEKTOR KAWALAN VACCINE PREVENTABLE DISEASES (VPD) DAN FOOD WATER BORNE DISEASES (FWBD)

SURVELAN PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN

Semenjak pengisytiharan tamat wabak polio di Malaysia pada bulan September 2021 yang disebabkan oleh peluasan penggunaan *Circulating Vaccine-Derived Poliovirus Type 1* (cVDPV1) dan *Type 2* (cVDPV2) di Sabah dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, tiada lagi kes polio atau virus polio yang dikesan melalui surveilans kes *Acute Flaccid Paralysis* (AFP) dan surveilans persekitaran untuk pengesanan virus polio di seluruh negara. Bermula Januari 2022, vaksin polio

yang diberikan secara rutin di bawah Program Imunisasi Kebangsaan untuk Kanak-Kanak dalam bentuk kombinasi enam (6) serangkai *Diphtheria-Tetanus-Acellular Pertussis-Polio-Hepatitis B-Haemophilus Influenzae Type B* (DTaP-Hep B-Hib) diberikan secara percuma kepada semua kanak-kanak bukan warganegara berumur tujuh (7) tahun ke bawah, bagi mengoptimalkan liputan imunisasi polio dalam negara.

Malaysia kekal endemik measles pada tahun 2022, dengan peningkatan kes dicatatkan susulan pembukaan semua sektor ekonomi. Peningkatan kes turut dicatatkan bagi penyakit Rubella, Pertusis, Difteria dan Hepatitis B. Namun, kes neonatal tetanus mencatatkan penurunan pada tahun 2022.

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

PICK yang mula dilaksanakan pada 24 Februari 2021 merupakan salah satu pencapaian terpenting dalam kawalan pandemik COVID-19. Bersama-sama dengan langkah kesihatan awam lain, PICK telah berjaya mengurangkan kes COVID-19 terutama kes yang teruk termasuk kematian dan seterusnya memulihkan beban kesihatan awam negara. Pada tahun 2022, skop PICK diperluaskan kepada kanak-kanak berumur lima (5) hingga bawah 12 tahun yang bermula pada 2 Februari 2022. Seterusnya pemberian dos penggalak pertama bermula pada 14 April 2021 manakala dos penggalak kedua bermula pada 18 Julai 2022. Sehingga akhir tahun 2022, semua penduduk berumur 12 tahun ke atas layak menerima dos penggalak kedua, manakala penduduk berumur lima (5) hingga bawah 12 tahun layak menerima dos penggalak pertama. Pada 31 Disember 2022, 85.3 peratus populasi telah menerima dos lengkap, 49.8 peratus populasi telah menerima dos penggalak pertama manakala 1.9 peratus populasi telah menerima dos penggalak kedua.

SURVELAN PENYAKIT BAWAAN MAKANAN DAN AIR

Pada tahun 2022, peningkatan ketara kadar insiden penyakit keracunan Makanan sebanyak 100 peratus dan episod kejadian keracunan makanan dari 202 pada tahun 2021 kepada 392 pada tahun 2022 (94 peratus peningkatan) disebabkan pembukaan sekolah dan pejabat pada bulan April 2022. Dari keseluruhan 392 episod keracunan makanan pada tahun 2022, 137 (35.9 peratus) adalah berlaku di sekolah di bawah KPM, 43 (10.9 peratus) di sekolah bukan KPM, 55 (14 peratus) di institusi selain sekolah, 83 (21.2 peratus) di rumah dan 74 (18.9 peratus) di lain-lain lokaliti.

Dari tahun 2016, kadar insiden tahunan bagi penyakit Typhoid, Kolera, Disenteri dan Hepatitis A ini adalah kurang dari 1.0 bagi setiap 100,000 populasi. Walaubagaimanapun, tiada perubahan yang signifikan berlaku di antara tahun 2017 hingga 2022.

SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

PROGRAM KAWALAN DENGGI KEBANGSAAN

Pada tahun 2022, jumlah kes demam denggi di Malaysia yang dilaporkan adalah 66,102 kes iaitu peningkatan sebanyak 150.7 peratus (39,737 kes) berbanding 26,365 kes bagi tahun 2021. Manakala jumlah kematian akibat komplikasi denggi yang dilaporkan adalah 56 kematian berbanding 20 bagi tempoh yang sama pada tahun 2021, iaitu peningkatan 180 peratus (36 kematian).

Kawalan denggi memerlukan komitmen dari pelbagai pihak. Oleh itu, Pelan Strategi Kebangsaan bagi Kawalan dan Pencegahan Denggi (NSPDPC) telah diperkenalkan pada tahun 2022. Ianya melakarkan panduan Pelan Kawalan Denggi Kebangsaan bagi tempoh lima (5) tahun, dari tahun

2022 hingga tahun 2026. Pelan ini adalah berlandaskan kepada tiga (3) teras utama serta dua (2) elemen sokongan. Terdapat keseluruhan 22 strategi yang dipecahkan kepada 41 inisiatif dan 54 indikator.

Tiga (3) teras utama memberikan tumpuan kepada penyatuan sistem surveilans denggi yang sedia ada, penekanan kepada pengesanan kes denggi, diagnosis penyakit demam denggi, rawatan demam denggi, aktiviti pencegahan serta kawalan nyamuk *Aedes*. Di samping itu, dua (2) elemen sokongan kepada teras utama bertujuan untuk memperkukuhkan faktor-faktor sistem kesihatan menjadi lebih mampan serta menjalankan lebih banyak kajian berkaitan denggi. Secara keseluruhan, NSPDPC ini juga bertujuan untuk memperkasakan implementasi lapangan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi supaya beban penyakit denggi dapat diturunkan, termasuk kes kematian akibat komplikasi denggi di Malaysia.

Sehingga tahun 2022, Operasi Nyamuk *Wolbachia* (WMO) telah dilaksanakan di 28 lokaliti beban denggi tinggi dengan penglibatan tujuh (7) negeri. Analisis awal menunjukkan lokaliti yang telah melaksanakan WMO bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun mencatatkan penurunan kes di antara 33 peratus hingga 100 peratus.

SIFAR MALARIA JANGKITAN TEMPATAN

Pada tahun 2022, Malaysia telah berjaya mengekalkan status sifar malaria manusia jangkitan tempatan untuk lima tahun berturut-turut. Namun, masih terdapat 286 kes malaria manusia import dan 15 kes malaria manusia *introduced* dilaporkan pada tahun 2022. Malaria zoonotik terus menjadi spesis utama malaria di Malaysia dengan 2,514 kes dilaporkan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 2,815 kes. Malaria manusia import terus menjadi cabaran utama kepada program penghapusan malaria yang disumbangkan sama ada dari kemasukan pekerja asing atau rakyat Malaysia yang pulang dari negara endemik malaria.

Malaria zoonotik terus menjadi beban penyakit yang mendatangkan morbiditi dan kematian di Malaysia. Justeru itu, strategi kawalan vektor yang terbaru yang melibatkan semburan di luar rumah atau *Outdoor Residual Spray* (ORS) dengan menggunakan racun serangga K-othrine Polyzone. Pada tahun 2022, 39 lokaliti di Sabah telah melaksanakan ORS dan pemerhatian awal strategi tersebut telah mengurangkan kes malaria zoonotik pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021.


Kini, program penghapusan malaria telah memasuki fasa Pencegahan Kemasukan Semula Malaria (POR) dengan melaksanakan strategi pencegahan malaria seperti strategi stratifikasi yang berpandukan kepada klasifikasi *foci* malaria dan *malariogenic potential* lokaliti malaria. Dalam fasa ini, selain daripada pengesanan kes secara proaktif, penduduk yang tinggal di lokaliti *foci* aktif, *residual non-active* dan *cleared foci* dengan *malariogenic potential* yang tinggi atau sederhana diberi perlindungan dengan *Long Lasting Insecticide Net* (LLIN) dan *Indoor Residual Spraying* (IRS).

SEKTOR HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS (HIV)/SEXUAL TRANSMITTED INFECTION (STI)/HEPATITIS C

HIV DAN GOLONGAN MUDA: SERUAN UNTUK TINDAKAN

Semenjak tahun 1986, jangkitan HIV berlaku terutamanya di kalangan golongan muda. Pada tahun 2021, 77 peratus kes HIV baru dilaporkan berumur antara 20 dan 39 tahun, di mana 90 peratus adalah lelaki, dan 97 peratus telah dijangkiti melalui transmisi seksual.

Rajah 5.6
Taburan Kes HIV Mengikut Kumpulan Umur di Malaysia pada Tahun 1986 hingga 2021



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

KKM telah mengatur strategi bagi mengurangkan jangkitan HIV yang melibatkan pelbagai sektor seperti pendidikan, komuniti dan sistem kesihatan. PROSTAR 2.0 merupakan program untuk pelajar sekolah yang bertujuan meningkatkan daya tahan dan ilmu remaja tentang HIV, penyakit kelamin, cara pencegahan yang berkesan dan kekal selamat. Modul PROSTAR 2.0 telah dilancarkan pada 2022, disusuli oleh Bengkel *Training of trainers* yang dihadiri oleh 42 orang wakil dari semua JKN pada 11 hingga 13 Oktober 2022.


Golongan muda yang aktif secara seksual dan berisiko dijangkiti HIV boleh mendapat manfaat dari perkhidmatan kesihatan reproduktif yang meluas, termasuk saringan HIV. Pada 2022, Jawatankuasa Exco dan Dasar Program Kesihatan Awam KKM telah meluluskan Garis Panduan Ujian HIV Kendiri untuk pelaksanaan di Malaysia.

KKM telah melaksanakan intervensi pengurangan stigma dan diskriminasi melalui pendekatan Peningkatan Kualiti (QI) di fasiliti KKM. Strategi pencegahan termasuk perkhidmatan berfokus kepada individu, pengurusan ilmu, serta bantuan membuat keputusan kesihatan. Selepas implementasi strategi QI, penilaian semula ke atas anggota kesihatan di fasiliti KKM yang terlibat menunjukkan pengurangan tahap diskriminasi terhadap pesakit HIV. Program ini telah berkembang dari 11 fasiliti KKM pada tahun 2020 kepada 55 fasiliti pada tahun 2022.

Rajah 5.7

Hasil Intervensi Program Peningkatan Kualiti Pengurangan Stigma dan Diskriminasi

S+D REDUCTION USING QI APPROACH HCW SURVEY PERFORMANCE DASHBOARD (N=3,883 VS 1,832)



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

CAWANGAN KESIAPSIAGAAN, SURVELAN DAN RESPON

SEKTOR SURVELAN PENYAKIT

COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 31 Disember 2022, Malaysia telah melaporkan secara kumulatif 5,026,677 kes positif COVID-19 dengan 36,853 kes kematian. Pada tahun 2022, 2,268,591 kes positif COVID-19 telah dilaporkan, yang meliputi 5,366 kes kematian (0.2 peratus). Ini menunjukkan penurunan sebanyak 15.2 peratus bagi kes baharu dan 82.7 peratus bagi kes kematian berbanding tahun 2021.


Sebanyak tiga (3) puncak gelombang jangkitan telah dicerapkan pada tahun 2022, iaitu semasa Minggu Epidemiologi (ME) 10/2022, ME 29/2022 dan ME 44/2022. Puncak gelombang pertama terjadi susulan penemuan varian Omicron pertama di Malaysia pada Disember 2021 yang seterusnya menyaksikan peningkatan mendadak pada permulaan tahun 2022. Dengan penularan varian Omicron virus SARS-CoV-2, Malaysia mencatatkan kes baharu tertinggi, iaitu sebanyak 33,406 kes pada 5 Mac 2022. Pasukan Bertindak Pantas COVID-19 Kebangsaan (RRTF 2.0) diaktifkan semula dalam usaha menangani peningkatan kes COVID-19, diketuai secara bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan). Antara strategi yang dilaksanakan adalah:

- Memastikan infrastruktur dan kemudahan yang diperlukan sentiasa tersedia untuk digunakan;
- Memantapkan pelaksanaan PICK khususnya melibatkan golongan kanak-kanak berumur 5 sehingga bawah 12 tahun serta pemberian dos penggalak;

- iii. Memastikan pengurusan dan pengagihan sumber serta aset dilaksanakan secara optimum; dan
- iv. Mengendalikan komunikasi strategik yang berkesan bagi mengurangkan dan meredakan kegusaran dalam kalangan masyarakat umum.

Seterusnya, puncak gelombang kedua berlaku pada bulan Julai 2022 susulan pendekatan yang lebih longgar dalam Fasa Peralihan Ke Endemik dengan pembukaan semula sempadan negara pada bulan April 2022. Ini diikuti dengan lonjakan gelombang ketiga bermula dari ME 42/2022 susulan daripada penemuan subvarian baharu Omicron, iaitu XBB. Kadar insiden COVID-19 secara keseluruhan di Malaysia pada tahun 2022 adalah 6,626 bagi setiap 100,000 penduduk. Golongan berumur 20 hingga 29 tahun mencatatkan kadar insiden tertinggi dengan 9,492 bagi setiap 100,000 penduduk, manakala yang terendah adalah daripada golongan berumur lima (5) hingga 19 tahun dengan 4,492 bagi setiap 100,000 penduduk. Oleh itu, kempen pengambilan dos penggalak vaksin COVID-19 kepada golongan 18 tahun ke atas yang layak bagi melindungi daripada komplikasi yang teruk akibat jangkitan COVID-19 telah dipergiatkan.

Rajah 5.8
Laporan Harian Kes COVID-19, Pemulihan dan Kematian di Malaysia bagi Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

SEKTOR PENGURUSAN BENCANA, WABAK, KRISIS DAN KECEMASAN


SURVELAN WABAK DAN BENCANA

Keperluan bagi melaporkan sebarang wabak penyakit berjangkit dan kejadian bencana terutamanya yang mempunyai potensi yang menimbulkan keresahan dalam kalangan orang awam dan menarik perhatian media, perlu diuruskan dengan teratur dan sistematik.

Pada tahun 2022, jumlah notifikasi yang dilaporkan pada Sistem eWabak adalah sebanyak 4,506 notifikasi. Sebanyak 4,237 notifikasi wabak dan 269 notifikasi kejadian bencana dilaporkan ke Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis & Kecemasan seperti di **Rajah 5.9**.

Antara wabak utama dilaporkan adalah penyakit HFMD, Keracunan Makanan, *Influenza-Like-Illness (ILI)*, *Chickenpox* dan *Acute Gastroenteritis (AGE)*. Kejadian bencana utama yang dilaporkan pula adalah banjir, kebakaran, ribut, kemalangan jalan raya dan kebocoran gas seperti yang ditunjukkan pada Jadual 5.11. Semua notifikasi laporan yang diterima telah diuruskan mengikut tatacara pengurusan wabak dan bencana yang ditetapkan.

Rajah 5.9
Bilangan Notifikasi Wabak dan Bencana pada Tahun 2017 hingga 2022



Sumber: CPRC Kebangsaan, KKM

Jadual 5.11
Lima (5) Wabak Utama dan Kejadian Bencana yang Dilaporkan pada Tahun 2022

Penyakit	Bil. Wabak Dilaporkan	Bencana	Bil. Kejadian Dilaporkan
HFMD	3,123	Banjir	135
Keracunan Makanan	396	Kebakaran	57
ILI	233	Ribut	19
Chickenpox	140	Kemalangan Jalan Raya	12
AGE	75	Kebocoran Gas	7

Sumber: CPRC Kebangsaan, KKM

SEKTOR PERATURAN KESIHATAN ANTARABANGSA DAN KESIHATAN PENGEMBARAAN

PEMANTAUAN DI PINTU MASUK ANTARABANGSA

Pada tahun 2022, Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa & Kesihatan Pengembaraan (SPKAKP) terus menjalankan aktiviti pemantauan COVID-19 di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara. Dengan pembukaan sempadan bermula 1 April 2022, terdapat peningkatan bilangan pengembara yang tiba di PMA. Pencapaian aktiviti saringan COVID-19 adalah seperti di **Jadual 5.12**.

Jadual 5.12
Kumulatif Saringan COVID-19 di PMA Sepanjang Tahun 2022

PMA	Jumlah
Jumlah Ketibaan	18,746,173
Jumlah Saringan	18,652,797
Jumlah Dirujuk ke Hospital	29
Jumlah Dirujuk ke Pusat Kuarantin	65,837
Kru (<i>Sign On/Sign Off</i>)	13,048
Kuarantin di Rumah	235,128
<i>Periodic Commuting Arrangement (PCA)</i>	1,881
<i>Reciprocal Green Lane (RGL)</i>	0
Majlis Perlancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)	242
<i>Death And Critically Ill Emergency Visits (DCEV)</i>	6
Pengembara Post COVID-19	24,122

Sumber: CPRC Kebangsaan, KKM

Selain daripada itu, saringan pengembara dari negara yang berisiko penyakit demam kuning dilaksanakan berdasarkan keperluan *International Health Regulations* 2005 (IHR 2005). Pencapaian untuk tahun 2017 hingga 2022 adalah seperti **Jadual 5.13**.

Jadual 5.13
Saringan Demam Kuning di Pintu Masuk Antarabangsa

Tahun	Jumlah Pengembara Disaring	Pengembara dengan Sijil yang Sah	Pengembara yang Dikuarantin	Pengembara di Bawah Surveilan Kesihatan
2017	31,184	31,056 (99.6%)	72(0.4%)	6(0.02%)
2018	39,187	39,060 (99.7%)	117(0.3%)	10(0.02%)
2019	67,530	67,421 (99.8%)	45 (0.1%)	2 (0.002%)
2020	6,030	6,027 (99.9%)	3 (0.1%)	0 (0.0%)
2021	4,865	4,803 (98.7%)	56 (1.2%)	6 (0.12%)
2022	11,408	11,281 (98.9%)	125 (1.1%)	2 (0.02%)

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM


PEMANTAUAN PUSAT VAKSINASI DEMAM KUNING

Pusat Vaksinasi Demam Kuning dibuat penilaian sebelum diiktiraf dan dipantau secara berkala bagi memastikan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Pada tahun 2022, sembilan (9) fasiliti swasta telah diiktiraf sebagai Pusat Vaksinasi Demam Kuning oleh KKM. Sehingga 31 Disember 2022, terdapat 64 pusat vaksinasi demam kuning yang telah diiktiraf oleh KKM.

PEMERIKSAAN KESIHATAN PEKERJA ASING

Pemantauan Pemeriksaan kesihatan Pekerja Asing di Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak dilaksanakan oleh FOMEMA bagi memastikan pemeriksaan perubatan yang dijalankan ke atas semua pekerja asing yang sah mengikut standard yang ditetapkan oleh KKM. Trend pemeriksaan kesihatan ditunjukkan dalam **Rajah 5.10**.

Rajah 5.10
Trend Hasil Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing oleh FOMEMA dari Tahun 2015 hingga 2022



Sumber: FOMEMA Sdn. Bhd.

PEMBANGUNAN SISTEM ELEKTRONIK PUSAT KAWALAN PENYAKIT NEGARA (eNCDC)

Projek Pembangunan eNCDC merupakan projek untuk membangunkan Sistem Maklumat Kesihatan Awam yang komprehensif. Projek ini adalah di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) iaitu Projek Pembangunan Pusat Kawalan Penyakit Negara (NCDC). Projek ini sangat penting untuk dibangunkan bagi menyokong program NCDC yang berfungsi sebagai Pusat Operasi Kecemasan Kesihatan Awam (EOC) dan Makmal Rujukan Kesihatan Awam (PHRL) kelak. Terdapat dua (2) objektif utama projek ini iaitu:


- Pembangunan Sistem Maklumat Kesihatan Awam yang komprehensif berintegrasi dengan sistem aplikasi KKM, sistem aplikasi bukan KKM, alat penganalisis makmal, peranti pengawasan dan kesihatan yang lain; dan
- Pembangunan aplikasi mudah alih eNCDC untuk pihak pengurusan kesihatan serta anggota kesihatan di lapangan.

Terdapat tiga (3) aktiviti utama yang telah berjaya diselesaikan oleh pasukan eNCDC sepanjang tahun 2022 iaitu:

- Penyediaan dokumen EA Bahagian Kawalan Penyakit untuk seni bina eNCDC seperti dalam **Rajah 5.11**;
- Aktiviti tinjauan pasaran bagi projek eNCDC; dan
- Permohonan peruntukan untuk pembangunan eNCDC melalui *Rolling Plan* 4, RMKe-12.

Seterusnya Fasa Perancangan Sistem eNCDC ini akan dimulakan pada 2023, dengan konsultansi dari pihak MAMPU.

Rajah 5.11 eNCDC Architecture Overview



Sumber: Pejabat Pengurusan Projek eNCDC

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA (BPKK)

SISTEM JANJI TEMU MENGGUNAKAN MYSEJAHTERA DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

BPKK sentiasa komited bagi menyokong usaha ke arah pendigitalan sistem kesihatan agar sejajar dengan PSP KKM 2021 dan agenda KKM untuk menjadikan MySejahtera sebagai aplikasi kesihatan awam. Sehubungan dengan itu, bagi penyeragaman sistem janji temu di fasiliti kesihatan, sistem janji temu menggunakan MySejahtera telah diperkenalkan dan menggantikan sistem janji temu atas talian yang lain secara berperingkat. Hala tuju bagi perubahan ini mengambil kira situasi semasa di mana terdapat kepelbagaian sistem janji temu yang sedia ada di fasiliti kesihatan primer dan bilangan fasiliti yang mempunyai sistem janji temu atas talian juga adalah terhad.

Sistem janji temu ini bertujuan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan memudahkan akses klien bagi mendapatkan perkhidmatan yang disediakan di fasiliti kesihatan primer. Pada peringkat permulaan, sistem ini telah digunakan untuk tempahan janji temu di fasiliti kesihatan primer bagi Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI) dan Saringan Kesihatan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40). Seterusnya, Khidmat Berhenti Merokok (KBM) pula telah ditambah dan boleh mula digunakan sejak Oktober 2022.

Pada 28 Disember 2022, penambahan jenis perkhidmatan kesihatan telah dibuat setelah melihat analisa data permintaan dan trafik penggunaan fungsi janji temu MySejahtera. Kini, terdapat lapan (8) jenis perkhidmatan kesihatan utama yang telah dipaparkan dalam MySejahtera iaitu:

- i. Rawatan Pesakit Luar;
- ii. Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan (NHSI);
- iii. Saringan Kesihatan PeKa B40;
- iv. Pemeriksaan Kesihatan Pra-Pekerjaan dan Pengajian;
- v. Saringan Pra-Perkahwinan;
- vi. Khidmat Berhenti Merokok (KBM);
- vii. Perkhidmatan Perancang Keluarga; dan
- viii. Prosedur.

Terdapat juga fungsi tambahan di dalam sistem janji temu MySejahtera ini di mana pemberian janji temu susulan boleh dilakukan berdasarkan penilaian pegawai perubatan bagi setiap pesakit yang mendapat rawatan di klinik. Ianya melibatkan lebih 50 jenis perkhidmatan kesihatan yang khusus seperti Rawatan Diabetik, Rawatan Asma, Perkhidmatan Geriatrik, Fisioterapi dan sebagainya. Sistem janji temu ini juga membantu fasiliti kesihatan mengatur jadual perkhidmatan berdasarkan kapasiti bagi mengelakkan kesesakan di kaunter pendaftaran dan tempat menunggu. Namun, bagi kes kecemasan, pesakit boleh terus ke fasiliti kesihatan seperti biasa dan tanpa janji temu.


INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN (NHSI)

NHSI telah dilancarkan pada 16 Julai 2022 oleh Menteri Kesihatan Malaysia, merupakan sebahagian daripada teras utama Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) untuk memperkasakan kawalan kesihatan sendiri. Inisiatif ini dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan saringan kesihatan secara berkala, meningkatkan rakyat Malaysia untuk menjalani saringan kesihatan serta mewujudkan pangkalan data saringan populasi melalui MySejahtera.

Dari Julai sehingga 31 Disember 2022, sejumlah 893,519 saringan telah dijalankan di fasiliti kesihatan primer. Seramai 801,864 klien disaring menggunakan saringan NCD asas dengan *Point of Care Testing* (POCT) manakala 91,655 klien lagi telah mendapat Pakej Manfaat 1: Saringan Kesihatan PeKa B40. 47 peratus individu yang disaring telah dikesan mempunyai penyakit NCD, 38 peratus berada di peringkat pra-penyakit NCD, 5 peratus sihat tetapi berisiko NCD dan hanya 10 peratus sihat tanpa risiko NCD.

Rajah 5.12


Pencapaian Saringan NHSI Mengikut Klasifikasi Risiko dari Julai hingga Disember 2022



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

Bagi individu yang berisiko mendapat penyakit NCD, faktor risiko yang tertinggi dikenal pasti adalah berat badan berlebihan dengan jumlah 187,377 individu. 85,776 (25 peratus) individu dikenal pasti mempunyai tekanan darah tinggi, diikuti 44,372 (13 peratus) individu mempunyai paras glukosa tinggi. Manakala 33,265 (10 peratus) individu dikesan mempunyai paras kolesterol tinggi dan 12 peratus individu adalah perokok serta dua (2) peratus dikesan mengambil alkohol.

Rajah 5.13
Faktor Risiko Yang dikesan bagi Golongan yang Berisiko Mendapat Penyakit NCD
pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit, KKM

PROJEK MIGRASI SISTEM TELEPRIMARY CARE (TPC) KE TELEPRIMARY CARE ORAL HEALTH CLINICAL INFORMATION SYSTEM (TPC-OHCIS)

TPC-OHCIS adalah sistem EMR untuk penggunaan klinik kesihatan (KK) dan peluasan sistem ini digariskan dalam PSP KKM 2021-2025. Projek migrasi 96 KK dari TPC ke TPC-OHCIS telah bermula pada 24 Ogos 2020. Pelaksanaan projek ini melibatkan koordinasi pelbagai pemegang taruh dari Bahagian Pengurusan Maklumat, JKN, PKD, KK dan kontraktor. Antara cabaran pelaksanaan adalah wabak COVID-19, kelewatan bekalan perkakasan ICT, isu ketersediaan infrastruktur dan lain-lain. Pada tahun 2022, terdapat 103 KK TPC-OHCIS di Malaysia seperti **Rajah 5.14**.

Rajah 5.14
KK TPC-OHCIS pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

PELUASAN PERKHIDMATAN KONSULTASI SECARA MAYA

Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di klinik kesihatan telah digariskan di bawah inisiatif National Health Reform Agenda pada 2019 dan juga terkandung di dalam RMKe-12. Perkhidmatan ini dahulunya dikenali sebagai Klinik Virtual, dan kini telah dijenamakan semula kepada Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya. Perkhidmatan maya ini adalah perkhidmatan kesihatan interaktif yang merangkumi konsultasi klinikal dan pelan rawatan untuk pelanggan daripada petugas kesihatan.

Skop perkhidmatan konsultasi secara maya adalah:

- i. Jabatan Pesakit Luar – penyakit kronik yang stabil, saringan Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok, *Direct Observed Treatment Short-Course* (DOTS) untuk pesakit TB dan lain-lain;
- ii. Kesihatan Ibu dan Anak - antenatal seperti *booking* dan lawatan susulan bagi kes antenatal dan perkhidmatan perancang keluarga;
- iii. Perkhidmatan Farmasi - kaunseling ubat-ubatan, kaunseling *Medication Therapy Adherence Clinic* (MTAC) dan Kaunseling Khidmat Berhenti Merokok;
- iv. Perkhidmatan terapi cara kerja latihan dan bimbingan untuk penjaga pesakit;
- v. Perkhidmatan Dietetik - konsultasi individu berkumpulan dan kelas pendidikan serta *Multi-Disciplinary Team* (MDT); dan
- vi. Perkhidmatan Fisioterapi melalui konsultasi berkumpulan MDT.

Terdapat 270 KK yang menyediakan perkhidmatan ini dan memberi manfaat kepada 24,449 pesakit. Peluasan perkhidmatan ini akan dilaksanakan ke 106 KK pada tahun 2023.

PENCEGAHAN DAN KAWALAN INFEKSI

Sejumlah 707 Audit Kepatuhan Amalan *Standard Precautions* dilaksanakan dalam tahun 2022. Peratus kepatuhan mencapai 96.4 peratus, menurun sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun 2021 tetapi mencapai sasaran 95 peratus yang ditetapkan. Audit Kepatuhan Amalan Kebersihan Tangan dilaksanakan di 358 KK di mana 148,841 (92 peratus) amalan kebersihan tangan dilaksanakan daripada 161,000 hand hygiene *opportunities* yang diaudit.

ANTIMICROBIAL STEWARDSHIP (AMS)

Audit Klinikal AMS dilaksanakan di 825 fasiliti kesihatan primer pada tahun 2022. 80 peratus preskripsi antibiotik telah dilaksanakan mengikut standard yang telah ditetapkan, meningkat 5.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Elemen audit yang menunjukkan peratus pencapaian yang paling rendah adalah pelaksanaan dan dokumentasi pendidikan kesihatan (kepatuhan dan kesan sampingan antibiotik kepada pesakit) dan sejarah alahan kepada ubat.

KESELAMATAN PESAKIT

Sebanyak 425 insiden dilaporkan dalam tahun 2022. Pelaporan tertinggi adalah dari Perak, diikuti oleh Selangor dan Sarawak. *Medication error* merupakan insiden tertinggi dilaporkan diikuti oleh insiden pesakit jatuh dan insiden berkaitan prosedur klinikal semasa mendapatkan perkhidmatan di fasiliti kesihatan primer.

PENGALAMAN PELANGGAN

Soal Selidik Pengalaman Pelanggan (SSPP) mula diperkenalkan pada tahun 2022. SSPP dilaksanakan di 965 KK (91.2 peratus). Seramai 120,615 responden telah memberi maklumbalas melalui soal selidik ini. Peratus skor median pengalaman pelanggan bagi tahun 2022 adalah 92.31 peratus.

AUDIT KLINIKAL ASMA

Audit Klinikal Asma mula dilaksanakan pada tahun 2022. Sebanyak 773 KK telah melaksanakan audit ini. Peratus skor audit keseluruhan adalah 80.7 peratus. Pendidikan kesihatan dan *optimising management* menunjukkan peratus skor terendah, masing-masing 74.0 dan 62.4 peratus.

KESIHATAN BAYI DAN KANAK-KANAK

PELAN TINDAKAN KESIHATAN KANAK-KANAK 2021-2030

Pada tahun 2022, Sektor Kesihatan Bayi dan Kanak-Kanak, BPKK telah menjalankan aktiviti yang terkandung dalam *Child Health 2021-2030: A National Framework to Reduce Under 5 Mortality and Support Child Growth and Development*. Pemantauan pelaksanaan aktiviti pelan tindakan ini adalah melalui Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Kesihatan Kanak-Kanak yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Tiga (3) objektif pelan tindakan ini merangkumi:

- i. Mengurangkan kematian yang boleh dicegah dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun;
- ii. Mempromosikan persekitaran yang mendukung tumbesaran kanak-kanak yang optimum; dan
- iii. Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mudah diakses, mampu milik, komprehensif, integrasi dan berkualiti untuk kanak-kanak.

Pelaksanaan aktiviti dan strategi dalam pelan tindakan ini memerlukan komitmen dan kerjasama pelbagai agensi dan kementerian yang terlibat dalam penjagaan kesihatan kanak-kanak.

KESIHATAN REMAJA

Pada tahun 2022, seramai 199,033 remaja (3.7 peratus) telah disaring daripada populasi remaja (umur 10 hingga 19 tahun) di Malaysia, iaitu 5,388,700 (16.5 peratus). Lima (5) masalah utama yang dikenal pasti adalah masalah pemakanan 17,663 (8.9 peratus), masalah tingkah laku berisiko 4,179 (2.1 peratus), masalah kesihatan fizikal 2,350 (1.2 peratus), masalah kesihatan mental 1,482 (0.7 peratus), dan masalah kesihatan seksual dan reproduktif 1,435 (0.7 peratus).

Bilangan kes ibu hamil baharu dalam kalangan remaja yang berdaftar di fasiliti kesihatan primer KKM menurun daripada 11,024 (2017) kepada 6,056 (Januari hingga September 2022) iaitu 2,152 (35.5 peratus) tidak berkahwin dan 5,025 (83.0 peratus) tidak bersekolah. Bilangan remaja hamil berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan tertinggi pada 2022 ialah di Sarawak (1,173 kes) diikuti Sabah (893 kes) dan Pahang (593 kes).

Pada tahun 2021 hingga 2022, penambahan 38 klinik kesihatan dicalonkan untuk *Best Practice* Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja (PKMR) dan penilaian dilaksanakan mengikut kriteria WHO dan Garis Panduan KKM. Semakan Garis Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Remaja di Peringkat Kesihatan Primer telah dijalankan. Persidangan *Understanding and Shaping Adolescents towards Excellence* dan *Engaging the Adolescents using Home, Education/ Employment, Peer Group Activities, Drugs, Sexuality and Suicide/Depression (HEADSS)* telah dianjurkan untuk petugas kesihatan seluruh negara. Malaysia turut menyertai *WHO Feasibility Study of the Priority Indicators for Adolescent Health Measurement* seperti yang dicadangkan oleh *Global Action for Measurement of Adolescent Health (GAMA) Advisory Group*.

KESIHATAN SEKOLAH

PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

Perkhidmatan Kesihatan Sekolah yang ditawarkan merangkumi pendidikan kesihatan, saringan dan pemeriksaan kesihatan, pemberian imunisasi, rawatan dan rujukan awal. Semasa pandemik COVID-19, perkhidmatan kesihatan sekolah dilaksanakan mengikut norma baharu. Secara umumnya liputan perkhidmatan berbanding enrolmen bagi murid Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 secara purata adalah melebihi 97 peratus kecuali semasa penutupan sekolah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagi status pemakanan murid untuk tahun 2022, Pulau Pinang menunjukkan peratus tertinggi murid dengan berat badan berlebihan dalam kalangan murid Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 iaitu masing-masing sebanyak 15.0 peratus, 23.8 peratus dan 13.8 peratus. Sarawak mencatatkan peratus tertinggi obesiti dalam kalangan murid Tahun 1 iaitu sebanyak 12.8 peratus. Perlis pula menunjukkan peratus murid Tahun 6 tertinggi dengan masalah obesiti sebanyak 17.2 peratus dan peratusan murid Tingkatan 3 tertinggi dengan masalah obesiti sebanyak 18.0 peratus.

Perkhidmatan imunisasi kesihatan sekolah adalah meliputi pemberian vaksin *Measles & Rubella* (MR) dan *Diphtheria & Tetanus* (DT) bagi murid Tahun 1, vaksin *Human Papilloma Virus* (HPV) bagi murid perempuan Tingkatan 1 dan vaksin *Tetanus toxoid* (ATT) bagi murid Tingkatan 3. Pencapaian imunisasi DT dan ATT adalah melebihi 95 peratus daripada enrolmen mengikut tahun persekolahan pada tahun 2022. Imunisasi MR pula adalah sebanyak 70 peratus daripada enrolmen memandangkan pemberian vaksin MR bagi murid Tahun 1 diberhentikan bermula Julai 2022 selaras dengan perubahan polisi imunisasi. Walau bagaimanapun, tiada vaksin HPV diberikan dalam tahun 2022 kerana kekurangan bekalan vaksin HPV di seluruh dunia termasuk Malaysia.

PROGRAM SARINGAN TALASEMIA MURID TINGKATAN 4

Pada tahun 2022, seramai 224,864 murid Tingkatan 4 telah ditawarkan saringan Talasemia di sekolah. Daripada jumlah tersebut, seramai 202,333 murid (90 peratus) mempunyai kebenaran ibu bapa atau penjaga untuk menjalani saringan dan 193,920 murid (96 peratus) telah menjalani saringan Talasemia. Terdapat peningkatan yang amat ketara iaitu sebanyak 22.7 peratus bagi murid yang menjalani saringan berbanding tahun lepas. Sebanyak 65,301 murid (61.0 peratus) yang menjalani saringan didapati bukan pembawa. Manakala, sebanyak 26,956 murid (25.9 peratus) disyaki pembawa Talasemia. Terdapat juga 13,798 murid (12.9 peratus) yang dikesan mengalami anaemia akibat kekurangan zat besi dan 947 murid (0.90 peratus) mempunyai lain-lain sebab anaemia.

KESIHATAN DEWASA

PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS DAN PENGESANAN AWAL KANSER PAYUDARA TAHUN 2022

Program saringan kanser reproduktif wanita terbahagi kepada saringan kanser serviks dan payudara. Saringan kanser serviks dijalankan melalui ujian Pap smear atau *liquid based cytology* dan ujian HPV. Ujian ini disasarkan kepada wanita berumur 30 hingga 65 tahun yang pernah melakukan hubungan seksual. Bagi kanser payudara, program pengesanan awal kanser payudara dijalankan ke atas wanita yang berusia 20 tahun ke atas melalui pemeriksaan klinikal payudara di fasiliti kesihatan. Ujian mammogram pula ditawarkan kepada wanita yang berusia 40 tahun ke atas setiap dua (2) tahun sekiranya keputusan mammogram pertama adalah normal.

Seramai 323,035 wanita yang telah menjalani ujian saringan kanser serviks di 13 negeri (kecuali Perak, Pahang dan WP Labuan) sehingga September 2022 (15.4 peratus) liputan. Daripada jumlah ini, seramai 49,616 (15.4 peratus yang disaring) wanita telah menjalani ujian HPV manakala 273,419 (85.6 peratus) wanita disaring melalui kaedah sitologi. Seramai 3,461 (4.0 peratus) wanita disaring melalui ujian HPV mempunyai keputusan HPV berisiko tinggi dan telah dirujuk bagi rawatan susulan. Manakala, 775 kes telah dirujuk untuk kolposkopi di mana 183 kes (45.3 peratus) pra-kanser dan tujuh (7) kes (1.7 peratus) mempunyai kanser.

Bagi program saringan kanser payudara, seramai 1,222,596 (20.6 peratus) wanita berumur 20 tahun ke atas telah menjalani pemeriksaan klinikal payudara sehingga September 2022. Manakala, seramai 29,113 wanita yang berumur 40 tahun ke atas yang berisiko tinggi bagi kanser payudara telah didaftarkan untuk menjalani saringan mammogram. Daripada jumlah ini, seramai 10,658 (36.6 peratus) wanita telah menjalani saringan ini. Keputusan mamogram mendapati seramai 85 (0.8 peratus) wanita menghidap kanser payudara dan telah dirujuk untuk rawatan lanjut.

KESIHATAN IBU

Pada tahun 2022, fokus berterusan diberikan kepada aktiviti berkaitan COVID-19 dalam kalangan wanita hamil; mewujudkan kesedaran awam tentang komplikasi dan kepentingan dos penggalak vaksin COVID-19. Beberapa sesi perbincangan khas kes kematian berkaitan dengan COVID-19 diadakan untuk menentukan punca kematian dan tindakan penambahbaikan. *Task force* juga telah menyusun maklumat berkaitan kehamilan dan jangkitan COVID-19 untuk dijadikan laporan khas tentang *COVID-19 in Pregnancy and Puerperium: Lessons from The Malaysia Confidential Enquiry Maternal Death Report 2021*. Pendekatan Penjagaan Pra-Kehamilan (PPC) yang menyasarkan wanita berisiko tinggi telah dilaksanakan di KK pada tahun 2019.

Pada Julai 2022, BPKK telah memulakan perbincangan dengan Bahagian Perkembangan Perubatan, pakar-pakar Obstetrik dan Ginekologi (O&G) dan kepakaran lain yang berkaitan untuk melaksanakan pendekatan ini di hospital pakar dan membangunkan garis panduan PPC di hospital. BPKK juga telah berkongsi konsep PPC semasa program latihan dengan negara ahli OIC bagi Bidang Tematik 3: *Maternal Health, New-Born & Child Health and Nutrition*. Latihan secara maya ini telah dijalankan pada 23 hingga 24 November 2022 dengan kerjasama Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA). Selaras dengan pindaan kepada jadual lawatan selepas bersalin, BPKK telah menyemak semula format pelaporan untuk Penjagaan Postnatal (PNN). Taklimat maya telah dijalankan kepada petugas kesihatan di peringkat negeri dan klinik pada 22 Februari 2022.

KESIHATAN WARGA EMAS

Pada tahun 2022, keutamaan diberi kepada penyediaan Pelan Tindakan Kesihatan WE 2023-2030 (PTPKWE 2023-2030), Pelan Tindakan Dementia 2023-2030 dan Program Peluasan Peranan Jururawat Masyarakat (JM) dalam Penjagaan Kesihatan Warga Emas di Klinik Desa (KD).

PTPKWE 2023-2030 disemak semula bagi memastikan ianya kekal relevan dalam menghadapi cabaran penuaan negara, sejajar dengan konsep *Healthy Aging In The Life Cycle (From Womb To Tomb)* dan *10 Decade of Healthy Ageing*. Pelan Tindakan Dementia 2023-2030 telah disediakan dalam usaha memastikan pesakit dementia dapat menjalani kehidupan yang optimal. Program peluasan peranan JM di KD adalah strategi untuk meluaskan perkhidmatan melalui *Community Based Primary Healthcare*. Ia telah dilaksanakan secara berperingkat di 10 negeri manakala Johor, WP Labuan, Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada tahun 2023.

KESIHATAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN PERAWATAN DOMISILIARI (PPD)

Perancangan dan pelaksanaan PPD di kesihatan primer secara komprehensif turut melibatkan skop perubatan paliatif. Pelaksanaan skop perubatan paliatif di empat (4) negeri dengan Pakar Perubatan Paliatif tetap di hospital sejak tahun 2016 dan diperluaskan ke lima (5) lagi negeri pada tahun 2022. Jumlah keseluruhan 94 KK di 11 negeri memberikan perkhidmatan perubatan paliatif kepada pesakit di komuniti. Program PPD pula diperkukuhkan lagi dengan penambahan sebanyak 177 KK, menjadikan sejumlah 337 KK di seluruh Malaysia.

Bagi tahun 2022, seramai 7,500 pesakit dan ahli keluarga mereka telah menerima manfaat daripada PPD, di mana 70 peratus daripada jumlah tersebut terdiri daripada warga emas. Bagi skop perubatan paliatif pula sebanyak 120 pesakit telah didaftarkan. Perkhidmatan secara holistik yang disampaikan oleh petugas kesihatan mendapat sokongan penuh daripada pakar perubatan berkaitan di hospital, membantu kelancaran dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada golongan sasar ini.

PENGESANAN AWAL KETIDAKUPAYAAN DALAM KALANGAN KANAK-KANAK DAN PROGRAM INTERVENSI AWAL

Pengesanan awal ketidakupayaan dalam kalangan kanak-kanak adalah elemen penting dalam perkhidmatan kesihatan yang memberi indikasi bahawa lebih ramai kanak-kanak disaring pada awal usia dan seterusnya menerima intervensi awal secara holistik. Perkhidmatan ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi mengenal pasti risiko ketidakupayaan dan perancangan perawatan secara intensif bagi mengurangkan komplikasi teruk akibat ketidakupayaan.

Bagi memastikan inisiatif ini sentiasa diutamakan, indikator *outcome* bagi program intervensi awal kanak-kanak iaitu Peratusan Pengesanan Ketidakupayaan dalam Kalangan Kanak-Kanak Berumur 0-1 Tahun dijadikan sebagai salah satu petunjuk prestasi utama KKM. Indikator tersebut mencatat pencapaian yang meningkat saban tahun berikutan saringan yang dilakukan secara konsisten oleh anggota kesihatan.


Bagi tahun 2022, 650 (0.1 peratus) kanak-kanak berusia 0 - 1 tahun, daripada 470,195 anggaran kelahiran hidup telah disahkan mengalami ketidakupayaan di Malaysia. Kanak-kanak tersebut diberikan rawatan bersesuaian seawal mungkin, intervensi awal dan dirujuk ke pasukan pelbagai disiplin yang berkaitan untuk penilaian lanjut dan rehabilitasi.

BAHAGIAN PEMAKANAN

PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN ANEMIA DALAM KALANGAN IBU HAMIL

Anemia akibat kekurangan zat besi (IDA) adalah penyebab utama anemia dalam kalangan ibu hamil. Ia berlaku kerana peningkatan keperluan zat besi dan lain-lain nutrien untuk perkembangan janin dan perubahan fisiologi ibu sepanjang fasa kehamilan. Peratus anemia dengan paras Hemoglobin (Hb) kurang daripada 11 gm/dL di kalangan ibu hamil pada 36 minggu kehamilan yang hadir ke klinik kesihatan telah menurun daripada 15.0 peratus pada tahun 2012 kepada 5.5 peratus sehingga September 2022. Trend pencapaian adalah seperti dalam **Rajah 5.15**.

Rajah 5.15
Peratus Anemia dalam Kalangan Ibu Hamil dengan Hb < 11 gm/dL pada 36 Minggu Kehamilan Hadir ke Klinik Kesihatan Kerajaan bagi Tahun 2012 hingga September 2022




Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

PERATUS BAYI YANG BERUMUR ENAM BULAN YANG MENYUSU SUSU IBU SECARA EKSKLUSIF YANG HADIR KE KLINIK KESIHATAN

ibu secara eksklusif bermaksud bayi diberi susu ibu sahaja. Bayi tidak diberi makanan atau minuman lain kecuali Oral Rehydration Salt (ORS), vitamin, mineral dan ubat dalam bentuk titisan atau sirap atas nasihat doktor atau kerana keperluan perubatan. Bagi mengenal pasti amalan penyusuan dalam kalangan ibu yang hadir ke klinik kesihatan, KKM memantau peratus penyusuan susu ibu secara eksklusif bagi bayi yang berumur enam (6) bulan sehingga enam (6) bulan seminggu.

Trend pencapaian peratusan bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif bermula daripada bayi lahir sehingga berumur enam (6) bulan di Malaysia semakin meningkat setiap tahun bermula tahun 2009 hingga kini seperti pada **Rajah 5.16**. Pada tahun 2022, sebanyak 73.1 peratus bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif yang mana pencapaian ini telah memenuhi sasaran KPI 2022 dan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia, NPANM III 2016 – 2025 iaitu ≥ 70 peratus bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif enam (6) bulan. Peningkatan ini menunjukkan satu pencapaian yang positif dan memberi gambaran bahawa advokasi dan inisiatif yang mempromosi, melindungi dan menyokong amalan menyusukan anak dengan susu ibu secara eksklusif di Malaysia.


Rajah 5.16
Peratus Bayi Yang Menyusu Susu Ibu Secara Eksklusif di Malaysia dari Tahun 2009 hingga 2022



Sumber: Laporan Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi Berumur 6 Bulan (PSI201B), JKN, Tahun 2009 hingga 2022

Rajah 5.17 menunjukkan trend pencapaian mengikut negeri bagi tiga tahun berturut-berturut iaitu tahun 2020, 2021 dan 2022. Berdasarkan rajah tersebut, hampir semua negeri telah mencapai sasaran NPANM II dan KPI 2022 kecuali bagi enam (6) buah negeri iaitu negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, WP Labuan dan Sarawak. Secara keseluruhan trend pencapaian peratusan penyusuan susu ibu bagi tiga (3) tahun terkini yang mana kebanyakan negeri mengalami kenaikan peratusan yang perlahan dan terdapat penurunan pada sesetengah negeri seperti Pulau Pinang, Perak, Melaka, WP Labuan dan Sarawak. Situasi ini amat ketara di WP Labuan yang mana terdapat penurunan peratusan bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif yang ketara sejak tahun 2021 (60.9 peratus) hingga 2022 (40.3 peratus) iaitu sebanyak 20.6 peratus.

Rajah 5.17
Peratus Bayi yang Menyusu Susu Ibu Secara Eksklusif sehingga Berumur 6 Bulan
Mengikut Negeri dari Tahun 2020 hingga 2022



Sumber: Laporan Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi Berumur 6 Bulan, JKN, Tahun 2020 hingga 2022 (PSI 201B)


Pelan tindakan spesifik dan strategik di peringkat negeri perlu dibangunkan terutamanya bagi negeri yang mengalami penurunan atau kenaikan yang perlahan peratusan penyusuan susu ibu secara eksklusif. Ini adalah penting bagi mengatur aktiviti dan merancang tindakan mengikut faktor-faktor yang telah dikenal pasti sebagai masalah utama untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

PERATUS HOSPITAL YANG MENGEKALKAN STATUS HOSPITAL RAKAN BAYI BAGI INISIATIF HOSPITAL RAKAN BAYI (BFHI)

BFHI ialah inisiatif global oleh WHO dan United Nations Children's Fund (UNICEF) bertujuan memberi setiap bayi pemulaan yang terbaik dalam kehidupan dengan mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan yang menyokong penyusuan susu ibu. Hospital ditetapkan supaya melaksanakan 10 kriteria global dan tiga (3) perkara seperti mana standard yang dikeluarkan oleh pihak WHO dan UNICEF untuk diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi. Setiap hospital yang telah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi akan dinilai semula setiap tiga (3) tahun bagi tujuan audit status sebagai Hospital Rakan Bayi. Peratus hospital yang berjaya mengekalkan status sebagai Hospital Rakan Bayi ini dijadikan indikator petunjuk prestasi pelaksanaan inisiatif ini di peringkat negeri dan kebangsaan.

Pada tahun 2022, sebanyak 53 buah hospital telah dinilai semula dari 14 buah negeri kecuali Perlis dan WP Putrajaya. Pencapaian kebangsaan bagi indikator ini ialah 95.3 peratus melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu ≥ 90 peratus. Tiga (3) negeri yang tidak berjaya mengekalkan status ialah WP Kuala Lumpur, Perak dan Kedah. Pencapaian tahun 2022 mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 5.18**.

Rajah 5.18
Pencapaian Peratus Pengekalan Status Hospital Rakan Bayi Mengikut Negeri pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Secara keseluruhan, sehingga Disember 2022, sebanyak 160 buah hospital yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak di Malaysia telah mendapat pengiktirafan dan berjaya mengekalkan status sebagai Hospital Rakan Bayi (**Jadual 5.14**). Ini menunjukkan penetapan indikator pemantauan ini mampu memberikan impak kepada kelangsungan pelaksanaan inisiatif dan mencapai objektif.

Jadual 5.14
Taburan Hospital Rakan Bayi di Malaysia Bagi Tahun 2022

Hospital	Bilangan Hospital
Hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia	131/131 (100%)
Hospital di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia	4/4 (100%)
Hospital di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia	3/3 (100%)
Hospital Swasta	22/175 (12.6%)
Jumlah	160/313 (51.1%)

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM


Status pengiktirafan Hospital Rakan Bayi bertaraf antarabangsa ini akan dikekalkan dengan pemantapan pemantauan berkala oleh pihak penyelaras di peringkat negeri dan hospital serta pematuan kepada 10 Langkah Ke Arah Penyusuan Susu Ibu yang Berjaya. Bagi tujuan ini, peratus hospital swasta yang diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi dijadikan sebagai petunjuk prestasi profession di peringkat KKM.

BILANGAN KES BAHARU YANG DIDAFTARKAN DI BAWAH PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN (PPKZM)

PPKZM bertujuan meningkatkan status pemakanan kanak-kanak berumur enam (6) bulan hingga enam (6) tahun daripada keluarga berpendapatan rendah yang hadir ke klinik kesihatan kerajaan. Intervensi di bawah program ini melibatkan pemantauan khusus di mana kanak-kanak yang didaftarkan akan diberi bantuan makanan asas secara bulanan, tunjuk ajar berkaitan kesihatan dan pemakanan kanak-kanak, kebersihan diri dan persekitaran serta lawatan ke rumah oleh anggota kesihatan. Kemajuan status pemakanan kanak-kanak ini dinilai setiap bulan melalui ukuran berat dan panjang/ tinggi. Selain itu, keluarga kanak-kanak yang mendapat bantuan makanan juga dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan bagi mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan selain perkhidmatan yang diberikan oleh KKM. Pada tahun 2022, kanak-kanak yang mengalami kekurangan zat makanan selain daripada kurang berat badan iaitu kanak-kanak dengan masalah susut, bantut, berisiko serta mengalami masalah anemia telah didaftarkan ke dalam program ini.

Bilangan kes baharu di bawah peluasan skop ini adalah berdasarkan kes yang didaftarkan daripada bulan April hingga Disember 2022. Dalam tempoh tersebut, jumlah kes baharu yang didaftarkan adalah seramai 4,245 kes. Penambahan kes terbesar adalah daripada kanak-kanak dengan masalah kurang berat badan (KBB) iaitu 2,925 kes (68.9 peratus) diikuti kanak-kanak bantut, 901 kes (21.2 peratus) dan kanak-kanak susut, 310 kes (7.3 peratus). Peratusan kes mengikut masalah pemakanan adalah seperti di **Rajah 5.19**.


Rajah 5.19
Peratusan Kes Baharu Mengikut Masalah Pemakanan bagi Tahun 2022



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2022

Analisis mengikut negeri menunjukkan Sarawak telah mencatatkan jumlah kes baharu tertinggi iaitu 737 kes, diikuti Pahang iaitu 706 kes dan Perak sebanyak 698 kes. Pecahan kes baharu mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 5.20**.

Rajah 5.20
Bilangan Kes Baharu Yang Didaftarkan dalam PPKZM Mengikut Negeri pada Tahun 2022



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2022


Langkah ini juga bertujuan untuk mencapai sasaran *Sustainable Development Goals* (SDG) bagi mengakhiri semua jenis masalah malpemakanan menjelang 2030 selari dengan Dasar Kebangsaan iaitu Dasar Kanak-kanak Negara dan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0.

PERATUS KANAK-KANAK KURANG BERAT BADAN YANG MENINGKAT BERAT BADAN BERDASARKAN STANDARD PERTUMBUHAN WHO 2006 DALAM PPKZM

Pemantauan awal dan pengurusan kes yang berkesan dalam PPKZM akan membantu mempercepatkan tempoh pulih kes. Oleh itu, setiap kes baharu yang didaftarkan dengan masalah KBB sederhana akan dinilai kenaikan berat badan dalam tiga (3) bulan pertama manakala kanak-kanak dengan masalah kurang berat badan teruk akan dinilai kenaikan berat badan dalam enam (6) bulan pertama. Indikator ini digunakan sebagai petunjuk prestasi di peringkat pengurusan kes di lapangan dan kebangsaan.

Pada tahun 2022, pencapaian kebangsaan bagi indikator ini ialah 73.2 peratus melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu ≥ 70 peratus. Di peringkat negeri, semua negeri telah mencapai sasaran yang ditetapkan kecuali Sarawak, Sabah, Melaka dan WP Labuan. Pencapaian tahun 2022 mengikut negeri adalah seperti di **Rajah 5.21**.


Rajah 5.21
Pencapaian Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006 dalam PPKZM Mengikut Negeri pada Tahun 2022



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

Sepanjang 10 tahun, iaitu dari tahun 2012 hingga tahun 2022, peningkatan trend Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006 dalam PPKZM adalah sebanyak 69.6 peratus (**Rajah 5.22**). Ini menunjukkan penetapan indikator pemantauan awal ini mampu memberikan impak kepada pengurusan kes yang berkesan.

Rajah 5.22
Trend Pencapaian Kebangsaan Bagi Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan dalam PPKZM yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006 dari Tahun 2011 hingga 2022



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

PROGRAM COMMUNITY FEEDING (PCF) BANDAR

PCF Bandar ialah program pemakanan yang bertujuan meningkatkan jaminan kebolehdapatan makanan berkhasiat dalam kalangan kanak-kanak satu (1) hingga enam (6) tahun dan sebagai intervensi membendung masalah kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak bawah enam (6) tahun.

Program ini dilaksanakan melalui pemberian makanan bermasakan, multivitamin atau minyak ikan dan minuman susu lima (5) kali seminggu. Pelaksanaan program ini turut dibantu oleh sukarelawan setempat yang telah dilatih. Selain itu, aktiviti memperkasakan kesihatan komuniti seperti ceramah, saringan status pemakanan dan kesihatan, demonstrasi masakan serta penjagaan diri dan persekitaran turut dijalankan tiga (3) kali setahun.

Pada tahun 2022, sebanyak lima (5) PCF Bandar telah dibangunkan dengan memberi manfaat kepada 1,275 orang kanak-kanak di bawah umur 6 tahun. Lima (5) PCF Bandar tersebut adalah:

- i. PCF Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan, Pulau Pinang;
- ii. PCF Kampung Pahit, Perak;
- iii. PCF Perumahan Semula Nelayan (PSN) Pangkor, Perak;
- iv. PCF Program Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak, Kuala Lumpur; dan
- v. PCF Kampung Baru HICOM, Selangor.

PROGRAM MEMERANGI MASALAH BANTUT DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN

Program Memerangi Masalah Bantut dalam Kalangan Kanak-Kanak Bawah 5 Tahun diwujudkan pada tahun 2019 susulan daripada dapatan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 yang mendapati 1:5 (21.8 peratus) kanak-kanak mengalami masalah bantut. Intervensi yang dilaksanakan adalah melatih pengajar dan pengasuh di TASKA dengan pertumbuhan dan pemakanan bayi dan kanak-kanak, menjalankan sesi dialog bersama ibu bapa yang menghantar

anak ke TASKA dan advokasi mengenai kepentingan 1,000 hari kehidupan seorang kanak-kanak turut diadakan kepada komuniti di pelbagai peringkat.

Sepanjang tahun 2022, sebanyak 99 latihan kepada pengajar dan pengasuh telah dijalankan yang melibatkan 1,304 buah TASKA swasta di tempat kerja, komuniti, rumah dan institusi di seluruh Malaysia. Secara kumulatifnya, bermula pada tahun 2021 sehingga 2022, sebanyak 2,328 buah TASKA swasta telah dilatih dengan anggaran sebanyak 78.1 peratus. Manakala sebanyak 159 sesi dialog diadakan dengan penyertaan seramai 6,611 orang ibu bapa atau penjaga di seluruh Malaysia. Selain itu, aktiviti advokasi 1,000 hari pertama kehidupan seperti pameran, ceramah, sesi perkongsian secara langsung di media sosial, demonstrasi masakan serta saringan aktif status pemakanan kanak-kanak turut dijalankan di semua negeri. Perincian bagi sesi latihan, sesi dialog dan aktiviti advokasi adalah seperti di **Jadual 5.15 - 5.17**.

Jadual 5.15
Bilangan Latihan Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak di TASKA Swasta
Mengikut Negeri bagi Tahun 2022

Negeri	Latihan Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Kepada Penjaga TASKA					
	Bil. Latihan Dijalankan	Bil. TASKA terlibat				
		Tempat Kerja	Komuniti	Rumah	Institusi	Jumlah
Perlis	1	0	0	0	15	15
Kedah	16	13	57	4	73	147
Pulau Pinang	5	10	21	9	53	93
Perak	9	1	30	0	0	31
Selangor	7	158	20	41	69	288
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	7	3	139	3	44	189
Negeri Sembilan	16	5	18	14	108	145
Melaka	3	0	2	0	1	3
Johor	2	0	0	0	92	92
Pahang	5	5	65	2	7	79
Terengganu	2	1	2	2	22	27
Kelantan	6	0	176	0	14	190
Sabah	4	0	64	0	19	83
Sarawak	21	6	79	17	9	111
WP Labuan	1	0	1	0	0	1
Jumlah	105	202	674	92	526	1,494

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Jadual 5.16
Bilangan Sesi Dialog di TASKA Swasta Mengikut Negeri bagi Tahun 2022

Negeri	Sesi Sialog Bersama Ibu Bapa di TASKA					
	Bil. Sesi Dialog	Bil. Ibu Bapa/ Penjaga Terlibat				
		Tempat Kerja	Komuniti	Rumah	Institusi	Jumlah
Perlis	1	0	100	0	15	115
Kedah	23	0	478	0	270	748
Pulau Pinang	7	0	117	2	79	198
Perak	8	37	516	0	0	601
Selangor	11	4	226	143	198	571
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	8	53	129	3	108	293
Negeri Sembilan	18	0	166	1	342	509
Melaka	7	0	183	0	98	281
Johor	18	0	518	0	25	562
Pahang	1	4	105	3	9	121
Terengganu	8	0	270	0	30	300
Kelantan	19	0	510	0	674	1,203
Sabah	2	0	0	0	19	19
Sarawak	27	82	881	22	35	1,020
WP Labuan	1	0	0	0	70	70
Jumlah	159	180	4,199	174	1,972	6,611

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Jadual 5.17
Bilangan Aktiviti Advokasi 1000 Hari Pertama Kehidupan bagi Tahun 2022 Mengikut Negeri

Negeri	Bil. Aktiviti			Jumlah	Bil. Peserta
	Pameran	Ceramah	Lain-lain		
Perlis	3	8	2	12	450
Kedah	29	41	20	90	2,904
Pulau Pinang	12	16	31	57	1,765
Perak	5	11	10	26	1,032
Selangor	18	30	23	71	1,750

Negeri	Bil. Aktiviti			Jumlah	Bil. Peserta
	Pameran	Ceramah	Lain-lain		
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	50	25	58	131	2,391
Negeri Sembilan	7	24	2	35	1,384
Melaka	6	69	19	103	1,872
Johor	30	69	138	237	5,473
Pahang	20	37	16	80	2,737
Terengganu	44	47	13	95	4,201
Kelantan	14	9	10	33	1,214
Sabah	5	38	5	48	1,145
Sarawak	53	78	99	228	6,287
WP Labuan	3	9	4	16	1,519
Jumlah	299	511	450	1,262	36,124

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

PEMERKASAAN PIBG/PIBKS DALAM MENANGANI OBESITI DI SEKOLAH - INISIATIF CARA HIDUP ANDA TERBAIK-(C-HAT) 2022

Inisiatif C-HAT merupakan hasil kolaborasi pintar KKM dengan KPM sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah obesiti dalam kalangan pelajar sekolah dengan menggunakan PIBG/PIBKS yang dilatih sebagai duta atau agen perubahan untuk memupuk dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah amalan pemakanan dan gaya hidup sihat di sekolah. Pengetahuan dan kesedaran kesihatan di kalangan ibu bapa dan guru amat penting untuk mewujudkan perubahan tingkah laku terhadap murid sekolah. Sekolah juga adalah tempat terbaik untuk melaksanakan program intervensi kesihatan dengan pendekatan pelbagai bidang, termasuk pendidikan pemakanan, pengubahsuaian tingkah laku dan latihan. Ini adalah kerana anak-anak telah mula berdikari dengan pemilihan makanan dan aktiviti sendiri.

Inisiatif C-HAT menjadi KPI Pengarah Bahagian Pemakanan pada tahun 2022, iaitu; Peratus PIBG yang Mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) Melaksanakan Aktiviti Pemakanan Dan Kesihatan dengan sasaran KPI 50 peratus. Sehingga Disember 2022, seramai 87 orang JU C-HAT dari 72 PIBG sekolah di seluruh Malaysia. Seramai 48 orang JU C-HAT dari 37 PIBG sekolah telah melaksanakan pelbagai aktiviti C-HAT pada tahun 2022.

Jadual 5.18
Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti C-HAT oleh JU C-HAT pada Tahun 2022


Negeri	Bil. JU	Aktiviti C-HAT yang Dijalankan	Bil. PIBG (mempunyai JU)	Peratus (%)
Perlis	0	0	0	0
Kedah	5	3	5	60
Pulau Pinang	9	4	8	50
Perak	3	1	3	33.3
Selangor	1	1	1	100
WP KL & Putrajaya	13	6	11	55.5
N. Sembilan	1	1	1	50
Melaka	3	1	2	50
Johor	23	7	17	41.2
Pahang	2	2	2	100
Terengganu	1	1	1	100
Kelantan	4	1	4	25
Sarawak	4	0	4	0
WP Labuan	4	4	4	100
Sabah	14	5	10	50
Jumlah	87	37	72	51.4

Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

TREN PENCAPAIAN AKTIVITI C-HAT

Disebabkan KPI Inisiatif C-HAT berbeza sejak pelaksanaannya, maka tren pencapaian 3 tahun tidak dapat dibandingkan. KPI Inisiatif C-HAT pada tahun 2019 dan 2020 adalah Peratus Daerah Yang Melaksanakan Sekurang-Kurangnya 1 Aktiviti C-HAT, dengan sasaran 100 peratus daerah melaksanakan aktiviti ini. KPI Inisiatif C-HAT pada tahun 2021 dan 2022 adalah Peratus PIBG yang Mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT Melaksanakan Aktiviti Pemakanan dan Kesihatan. Sasaran bagi tahun 2021 ialah 100 peratus manakala pada tahun 2022, sasaran diturunkan kepada 50 peratus. **Rajah 5.23** menunjukkan trend pencapaian bagi tahun 2021 dan 2022.

Rajah 5.23
Trend Pencapaian Peratus PIBG yang Mempunyai JU C-HAT Melaksanakan Aktiviti Pemakanan dan Kesihatan bagi tahun 2021 dan 2022




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI KANTIN SEKOLAH

Aktiviti pemantauan di kantin sekolah diteruskan pada tahun 2022 dengan memantau kepatuhan penjualan makanan dan minuman berdasarkan Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat yang dikeluarkan oleh KPM. Aktiviti ini dilaporkan ke Bahagian Pemakanan pada bulan Jun dan Disember setiap tahun. Sasaran KPI bagi aktiviti ini ialah 50 peratus sekolah patuh terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah.

Rajah 5.24 menunjukkan peratusan sekolah patuh terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah mengikut negeri bagi tahun 2022. Sebanyak 55.0 peratus sekolah (1,893 daripada 3,441 sekolah) patuh terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah dan mencapai sasaran KPI yang ditetapkan. Liputan kepatuhan bagi WP Labuan adalah yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain iaitu 85.7 peratus (24 sekolah) daripada 28 sekolah. Manakala lima (5) negeri dengan liputan kepatuhan dibawah 50 peratus iaitu Kedah, Kelantan, Selangor, Sarawak dan Sabah. Selain itu, sijil penghargaan juga telah dikeluarkan kepada 1,391 sekolah yang patuh pada tahun 2022.

Rajah 5.24
Peratus Sekolah Patuh terhadap Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah
Mengikut Negeri bagi Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

PELUASAN PENGENAAN DUTI EKSAIS KE ATAS MINUMAN BERGULA

Berlebihan berat badan dan obesiti telah menjadi trend yang semakin membimbangkan dalam kalangan rakyat Malaysia. Berdasarkan NHMS 2019, separuh daripada populasi dewasa Malaysia (50.1 peratus) adalah berlebihan berat badan (30.4 peratus) dan obes (19.7 peratus). Prevalens berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan dewasa Malaysia terus meningkat sepanjang tahun dari 21 peratus pada tahun 1996 kepada 43.5 peratus pada tahun 2006, 45.5 peratus pada tahun 2011 dan 47.7 peratus pada tahun 2015. Manakala, 29.8 peratus kanak-kanak berumur lima (5) hingga 17 tahun mengalami situasi yang sama. Prevalens berlebihan berat badan dan obes dalam kalangan dewasa dan kanak-kanak di Malaysia juga meningkat pada kadar yang membimbangkan.

Malaysia telah melaksanakan cukai Minuman Bergula (SSB) berkuat kuasa 1 Julai 2019 pada kadar RM0.40 per liter bagi minuman bergula termasuk minuman berkarbonat dan tidak berkarbonat dengan kandungan gula >5g/100ml, minuman berasaskan susu (*flavored UHT*) dengan kandungan gula >7g/100ml dan jus buah-buahan dan sayur-sayuran dengan kandungan gula >12g/100ml.

Pelaksanaan cukai eksais menggalakkan syarikat pengeluar minuman menjalankan reformulasi ke atas produk mereka dan menghasilkan produk minuman kurang gula bagi memenuhi tahap *threshold* gula yang ditetapkan. Sehingga kini, pihak Bahagian Pemakanan, KKM telah menerima

notifikasi sebanyak 344 produk daripada 48 syarikat minuman bergula sedia diminum telah direformulasi kepada produk kurang gula untuk mengelakkan daripada membayar cukai tersebut. Oleh itu, produk yang lebih sihat dan rendah kandungan gula lebih banyak di pasaran dan mungkin, pengambilan gula dalam kalangan pengguna akan semakin berkurangan.

BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) merupakan peneraju utama dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan kebangsaan sejak tahun 1991. Selama tiga (3) dekad penubuhannya, Bahagian Pendidikan Kesihatan telah melalui beberapa evolusi dalam penyampaian perkhidmatan promosi kesihatan yang bertujuan untuk meningkatkan tahap literasi kesihatan rakyat Malaysia mengenai penyakit menerusi penyebaran maklumat kesihatan di pelbagai platform media, modifikasi tingkah laku kesihatan, advokasi dan pemerkasaan komuniti. Literasi kesihatan merupakan kemahiran mencari, memahami, menilai dan menggunakan maklumat kesihatan yang memberi impak kepada proses membuat keputusan dalam kehidupan seharian individu berkaitan kesihatan diri. Literasi kesihatan rakyat yang tinggi dapat meningkatkan taraf kesihatan dan kualiti kehidupan rakyat. Fungsi-fungsi BPK telah dilaksanakan menerusi Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dengan memfokuskan kepada empat (4) Teras iaitu; (1) Memantapkan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat, (2) Memantapkan Perkhidmatan Kesejahteraan Kesihatan, (3) Memperkasakan Kawalan Kesihatan Kendiri dan (4) Memantapkan Kebersihan Persekitaran. Antara inisiatif ANMS sepanjang tahun 2022 adalah seperti berikut.

MEMANTAPKAN PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA DAN AKTIVITI

Pembudayaan hidup sihat dan persekitaran yang menyokong adalah penting untuk kesejahteraan kesihatan. Bagi mempromosi pembudayaan hidup sihat dan meningkatkan akses rakyat kepada maklumat kesihatan, pelbagai platform media digunapakai dan aktiviti promosi kesihatan dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat mesej kesihatan yang tepat dan cepat.

PROMOSI PEMBUDAYAAN HIDUP SIHAT MENERUSI MEDIA SOSIAL, MEDIA KONVENSIONAL DAN MEDIA LUAR

BPK melancarkan Kempen Pembudayaan Hidup Sihat sebagai salah satu strategi bagi meningkatkan kesedaran, pemahaman dan memperkasakan rakyat untuk membudayakan hidup sihat. Sepanjang tahun 2022, sejumlah 6,643 bahan promosi dan pendidikan kesihatan berkaitan pembudayaan hidup sihat telah diterbitkan dan 23,107 bahan telah diedarkan yang terdiri daripada pelbagai bahan seperti infografik, e-majalah, video, buku, poster, risalah dan lain-lain (**Imej 5.7**). Pelbagai saluran media sosial juga digunakan untuk mempromosikan pembudayaan hidup sihat kepada kumpulan sasar seperti media sosial (Facebook, Twitter, Telegram, Youtube, TikTok dan Instagram: 7,605 post dan 34,285,140 reach), media konvensional (televisyen dan radio: 816 slot) dan media luar serta pengiklanan di pengangkutan awam (**Imej 5.8**).

Imej 5.7 Penerbitan Bahan Promosi Pembudayaan Hidup Sihat



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Imej 5.8 Promosi di Pelbagai Saluran Media




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

JELAJAH AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS)

Jelajah dan aktiviti jangkau luar ANMS merupakan satu pendekatan pemasaran komunikasi kesihatan dalam mengukuhkan jenama ANMS kepada orang ramai dengan objektif bagi meningkatkan literasi kesihatan dalam pembudayaan hidup sihat dan kebersihan persekitaran; memperkasakan orang ramai untuk bertindak ke arah mengamalkan kawalan kesihatan sendiri dan mengukuhkan jaringan kerjasama dengan rakan strategik dalam mencapai kesejahteraan kesihatan. Sepanjang 2022, sebanyak 654 aktiviti jelajah dan jangkau luar ANMS telah dilaksanakan dengan penyertaan sebanyak 303,010 orang awam dalam pelbagai aktiviti kesejahteraan kesihatan yang ditawarkan seperti saringan faktor risiko kesihatan percuma, permainan interaktif dan pertandingan, pendaftaran MyCHAMPION, perkhidmatan dan pameran oleh rakan strategik, aktiviti jualan dan sebagainya. Program Jelajah ANMS peringkat negeri juga telah berjaya dilaksanakan di enam (6) negeri iaitu Melaka, Perlis, Perak, Johor, Sabah dan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, program ini juga turut dilaksanakan di peringkat daerah di seluruh negara. Pemantauan dan penilaian juga turut dilaksanakan sepanjang program ini dan hasil survei yang melibatkan seramai 9,186 pengunjung mendapati 98 peratus pengunjung mendapat mesej pembudayaan hidup sihat melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Figure 5.24
Jelajah ANMS 2022



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

SAMBUTAN BULAN MALAYSIA SIHAT SEJAHTERA (BMSS)

BMSS telah diperkenalkan pada 2022 dan merupakan inisiatif Kerajaan ke arah melahirkan Keluarga Malaysia yang sihat sejahtera menerusi pembudayaan hidup sihat. BMSS telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 8 Oktober 2022 sempena Jelajah ANMS dan akan disambut pada setiap bulan Oktober. Sebanyak 319 aktiviti telah dilaksanakan di pelbagai peringkat seperti Langkah Sihat BMSS di Jempol, Negeri Sembilan dan di Batu Caves, Selangor, Peraduan Online Gerak Geri Sihat dan Dua Sihat, Kayuhan Sihat, Cabaran High-Five, ZumBatik (Zumba bertemakan Batik), Larian Kreatif serta Filter Gerak Aktif dan Pilih Sihat. Sepanjang Sambutan BMSS terdapat sebanyak 124,300 penyertaan secara fizikal dan 3.6 juta penyertaan secara digital dengan 4,191,130 *reach* dan 9,495,585 *impression*.

Imej 5.9
Aktiviti Sambutan BMSS



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

JANGKAU LUAR JOM SIHAT SEMPENA BMSS

Jangkau luar ini telah dilaksanakan pada 3 hingga 17 Oktober 2022 yang melibatkan 10 buah sekolah terpilih di tiga (3) negeri iaitu Negeri Sembilan, Selangor dan WP Kuala Lumpur dengan penyertaan seramai 6,268 murid. Pelbagai aktiviti telah ditawarkan melalui Trak Jelajah Jom Sihat (aktiviti: Basikal Jus, Lompat dan Lekat dan Memanah Mini) dan Trak *Wellness on Wheel* (aktiviti: Pameran Interaktif, *Shoot Out Challenge*, Baling Dat, *Puzzle*, Lompat Trampolin, Senamrobik, Kenali Khasiat Buah, Kenali Pinggan Sihat Malaysia, Ceramah Kesihatan dan Saringan Faktor Risiko Kesihatan).

Imej 5.10

Jelajah Jom Sihat Sempena Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS)



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KEMBARA UNI-SIHAT SEMPENA BMSS

Kembara Uni-Sihat merupakan aktiviti promosi kesihatan melalui kolaborasi dengan lapan (8) Institusi Pengajian Tinggi terpilih di empat (4) negeri iaitu Selangor, Kedah, Johor dan Kelantan. Program yang bermula pada 13 Oktober 2022 sehingga 29 Oktober 2022 ini berjaya menarik 1,909 pelajar untuk menyertai aktiviti Trak Kembara Uni-Sihat seperti Memanah Mini, Lompat dan Lekat, Mini Futsal, Basikal Jus dan Lompat Tali, manakala Trak *Wellness on Wheel* dengan aktiviti *Kettle Bell Hold*, *Medicine Ball*, *Skipping Hula Hoop*, *Battle Rope*, *1,000 steps challenge*, *1minute push-up challenge*, *1minute skipping challenge* dan Cabaran 5 Tahap Bangkit Tubi.

Imej 5.11

Kembara Uni-Sihat Sempena Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS)



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

SAMBUTAN WORLD PHYSICAL ACTIVITY DAY (WOPAD)

Every Step Counts merupakan tema sambutan *World Physical Activity Day* (WOPAD) yang disambut secara global pada setiap enam (6) April. Tema ini membawa maksud, usaha untuk sentiasa bergerak aktif, dalam apa jua cara, walau sekecil mana pun, amat bermakna bagi kesihatan. Sempena WOPAD, KKM melaksanakan cabaran langkah *virtual*, ANMS Steps Challenge. Cabaran ini telah dilancarkan melalui aplikasi BookDoc. Sambutan WOPAD peringkat kebangsaan telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan pada 1 April 2022. Secara keseluruhan jumlah penyertaan WOPAD 2022 adalah seramai 4,784 orang dengan jumlah langkah adalah sebanyak 1,315,508,409.

Imej 5.12

Majlis Pelancaran *World Physical Activity Day* 2022



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

SAMBUTAN HARI DENGGI ASEAN DAN GOTONG ROYONG MEGA 1.0 PERINGKAT KEBANGSAAN 2022

Sambutan Hari Denggi ASEAN diadakan sempena Jelajah ANMS Peringkat Negeri Melaka pada 5 Jun 2022 di Dataran Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan, Bandar Hilir. Objektif sambutan adalah untuk memperkukuh rasa kepunyaan dan kecintaan terhadap pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Melaka dan YB Menteri Kesihatan yang melibatkan 1,000 pengunjung. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Pertandingan Lokality COMBI Bersih Ceria, Pertandingan Pengucapan Awam, Sembang Santai, Pertandingan Muzikal, *Explorace* dan Pertandingan Tik Tok. Gotong-Royong Mega 1.0 Peringkat Kebangsaan turut dilaksanakan di Kg. Lapan Tengker yang disempurnakan oleh YB Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri melibatkan 200 sukarelawan MyCHAMPION. Selain gotong-royong komuniti, aktiviti *Walkabout Denggi* bersama-sama COMBI serta ziarah prihatin ke rumah warga emas dan pesakit terlantar turut dilaksanakan.

Imej 5.13

Sambutan Hari Denggi Asean Dan Gotong Royong Mega 1.0 Peringkat Kebangsaan 2022




Sumber : Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN (NHSI)

NHSI merupakan salah satu inisiatif ANMS di dalam Teras 3 iaitu Kawalan Kesihatan Kendiri. Teras ini bertujuan memperkasa individu, keluarga dan komuniti dalam penjagaan kesihatan dan persekitaran bagi melahirkan rakyat yang sihat sejahtera. Rakan strategik utama dalam NHSI ini adalah ProtectHealth Corporation (PeKa B40), PERKESO (Health Screening Program) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Rajah 5.25
Aktiviti Saringan Melalui Inisiatif Promosi Kesihatan



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PELANCARAN HEPILI GO DIGITAL @DELIMA

Majlis Pelancaran HePiLi Go Digital @DELIMa ini telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) pada 12 Oktober 2022 di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Dengkil, Selangor. Pelancaran ini adalah untuk meningkatkan literasi kesihatan dengan mendidik dan memperkasa warga di institusi pendidikan untuk pembudayaan hidup sihat melalui Portal DELIMa, di samping menyokong inisiatif HePiLi Go Digital untuk menyediakan akses yang mudah dan pantas kepada warga di institusi pendidikan untuk mendapatkan maklumat, mesej dan bahan pendidikan kesihatan. Seramai 850 jemputan yang terdiri daripada pegawai KKM dan KPM, guru besar, guru serta murid telah menghadiri majlis ini. Siaran FBLive di Facebook Portal MyHealth telah mencapai tontonan sebanyak 3,299.

Imej 5.14
Majlis Pelancaran HePiLi Go Digital @ DELIMa




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

KOLABORASI HEPILI X DIDI & FRIENDS

Kolaborasi HePiLi X Didi & Friends ini bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran di rumah di samping selari dengan pembudayaan hidup sihat bertepatan dengan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Kolaborasi sempena Sambutan Minggu Sihat HePiLi 2022 termasuk mempromosikan tema sambutan iaitu Take 5 melalui tujuh (7) infografik dan lima (5) video serta penganjuran Pertandingan Kolaj Take 5 (kategori murid prasekolah), Pertandingan Video Wartawan Cilik Take 5 (kategori murid sekolah rendah) dan Pertandingan Video Pidato Take 5 (kategori sekolah menengah) melalui media sosial KKM, BPK dan Didi & Friends.

Rajah 5.26
Infografik dan Jumlah Tontonan Video HePiLi X Didi & Friends




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM dan Didi & Friends

FACEBOOK LIVE WORKOUT

Sebanyak 28 sesi *FBLive Workout* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 dengan melibatkan 40 jurulatih kecergasan dan turut berkolaborasi dengan Wellness Hub seluruh Malaysia. Sesi FBLive telah mula dilaksana pada 8 Januari hingga 19 November 2022 dengan 3,180,676 capaian, 669,162 tontonan dan 96,908 penglibatan.

Rajah 5.27
Sesi FBLive Workout dan Pencapaian *FBLive Workout* 2022



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN KESEJAHTERAAN KESIHATAN

Perkhidmatan kesejahteraan kesihatan merupakan faktor pemungkin (*enabling*) kepada persekitaran yang menyokong pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat menerusi pengukuhan perkhidmatan kesejahteraan kesihatan melalui *Wellness Hub* dan *Wellness on Wheels* (WOW).

PERKHIDMATAN WELLNESS HUB DAN WELLNESS ON WHEELS (WOW)

Wellness Hub merupakan fasiliti yang menyediakan perkhidmatan bersepadu kepada komuniti setempat. Perkhidmatan *Wellness Hub* memfokuskan kepada perkhidmatan kesejahteraan kesihatan bagi pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan. Perluasan skop kesejahteraan selari dengan halatuju KKM iaitu transformasi sistem kesihatan negara daripada penjagaan pesakit kepada penjagaan kesihatan. Perkhidmatan *Wellness Hub* juga dimantapkan dengan inisiatif *Wellness on Wheel* (WoW) iaitu perkhidmatan kesejahteraan kesihatan secara mobile yang membawakan pakej-pakej yang ditawarkan di Wellness Hub kepada komuniti melalui program jangkau luar (outreach). Sehingga 2022, terdapat 30 Wellness Hub di seluruh negara manakala bilangan WoW pula adalah sebanyak 18. Pada tahun 2022, jumlah kehadiran bagi perkhidmatan yang dijalankan oleh Wellness Hub secara fizikal, virtual dan outreach adalah sebanyak 209,712. Bagi perkhidmatan WoW pula jumlah pelaksanaan jangkau luar adalah sebanyak 623.

Imej 5.15

Wellness Hub dan Wellness on Wheels (WoW)



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

NAIK TARAF WELLNESS HUB

Peluasan dan naik taraf Wellness Hub di negeri dilaksanakan secara berperingkat dan berfasa. Projek naik taraf dan pembaikan di Wellness Hub pada tahun 2022 melibatkan tujuh (7) Wellness Hub iaitu Wellness Majid Tanah (Melaka), *Wellness Hub* Pekan (Pahang), Wellness Hub Kerayong (Pahang), Wellness Hub Kota Bharu (Kelantan), Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (Johor), Wellness Hub Labuan (WP Labuan) dan Wellness Hub Telok Datok (Selangor). Wellness Hub Hospital Sultanah Aminah (HSA) merupakan projek perintis di dalam setting hospital dan Jabatan Pendidikan HSA telah dinaik taraf ke Wellness Hub pada Disember 2022. Antara fasiliti yang disediakan adalah seperti Zon Kecergasan, Zon Hepili, Bilik Klinik Berhenti Merokok, Wellness Studio dan Zon MyCHAMPION.

Imej 5.16 Projek Naik Taraf *Wellness Hub* Pekan, Pahang

WH Pekan : Tempat Letak Kereta (yang telah diturap)



WH Pekan : Penggantian Lantai Vinyl di Bilik Aerobik




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PEMETERAIAN KERJASAMA PROMOSI KESIHATAN ANTARA WELLNESS HUB KKM DAN RAKAN STRATEGIK

Pemeteraian Kerjasama Promosi Kesihatan Antara Wellness Hub KKM dan Rakan Strategi telah diadakan pada 5 Februari 2022 bertempat di Wellness Hub Bagan Pinang, Port Dickson. Inisiatif perkongsian pintar ini adalah untuk menawarkan perkhidmatan Pembudayaan Hidup Sihat di Wellness Hub oleh rakan strategik kepada pelbagai kumpulan sasar serta memberi nilai tambah kepada perkhidmatan yang sedia ada.

Rajah 5.27 Penglibatan Rakan Strategik Dalam Pemeteraian Memorandum Perjanjian dan Memorandum Persefahaman



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM


MEMPERKASAKAN KAWALAN KESIHATAN KENDIRI

Merupakan inisiatif untuk memperkasakan individu, keluarga, komuniti dan rakan strategik dalam pembudayaan hidup sihat bagi membolehkan mereka menguruskan kesihatan sendiri untuk kesejahteraan.

PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN BERSEPADU KEBANGSAAN (MYVIFITER) DAN INTERVENSI PENGURUSAN BERAT BADAN (IFITER)


Program MyVifiter dan IFitEr merupakan satu (1) inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membantu komuniti yang menghadapi masalah berat badan berlebihan dan obesiti. Selain membantu peserta dalam pengurusan berat badan dan meningkatkan tahap kecergasan, program ini juga memperkasakan komuniti dalam pembudayaan hidup sihat. Pada tahun 2022, Program MyVifiter telah berjaya dilaksanakan selama enam (6) minggu secara virtual memandangkan intervensi secara bersemuka perlu dihadkan atas kekangan pandemik COVID-19 ketika itu. MyV+IFitEr 1.0 telah berjaya dilaksanakan pada bulan Januari dan dirasmikan oleh Menteri Kesihatan, manakala MyV+IFitEr 2.0 pada bulan Mei dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KKM (**Rajah 5.28**). Dalam pada masa yang sama, IFitEr masih dilaksanakan secara fizikal di komuniti walaupun aktiviti bersemuka telah dihadkan dan pencapaian pelaksanaan aktiviti adalah seperti **Rajah 5.29**.

Rajah 5.28
Pelaksanaan Aktiviti dan Pencapaian Keseluruhan MyV+IFitEr 1.0 dan 2.0



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

Rajah 5.29
Pelaksanaan Aktiviti dan Pencapaian Program I Fit and Eat Right (IFitEr) 2022



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

LIBAT URUS DAN BINA UPAYA RAKAN STRATEGIK ANMS

Pada 2022, BPK telah melaksanakan sesi libat urus ANMS bersama rakan strategik yang terdiri daripada 14 kementerian, 10 agensi swasta, badan berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan 132 NGO. Enam (6) sesi bina upaya NGO juga telah dilaksanakan dengan penglibatan sebanyak 124 NGO yang terdiri daripada 251 wakil NGO. Objektif bina upaya ini adalah untuk memberikan kemahiran kepada NGO dalam melaksanakan aktiviti pembudayaan hidup sihat dan kelestarian persekitaran dalam komuniti. Satu (1) buku Garis Panduan Pelaksanaan Projek Promosi Kesihatan oleh NGO dan GLC juga berjaya diterbitkan.

Imej 5.17

Buku Garis Panduan, Sesi Bina Upaya NGO dan Libat Urus Rakan Strategik ANMS



Sumber : Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

BINA UPAYA MALAYSIAN COMMUNITY HEALTH AGENT (MYCHAMPION)

Salah satu komponen penting di bawah ANMS adalah pembangunan keupayaan ejen atau sukarelawan kesihatan iaitu MyCHAMPION. MyCHAMPION terdiri daripada ejen dan sukarelawan komuniti daripada pelbagai kementerian, agensi swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang berperanan bukan sahaja menyokong pelaksanaan ANMS tetapi memainkan secara proaktif sebagai jurucakap dan pemudah cara pada peringkat komuniti selain bertindak sebagai ejen perubahan tingkah laku agar komuniti mengamalkan budaya hidup sihat. Sehingga Disember 2022, terdapat 27 pasukan sukarelawan daripada 11 kementerian bernaung di bawah MyCHAMPION dan 18,233 sukarelawan telah dilatih dengan modul amalan budaya hidup sihat dan kelestarian persekitaran.

Imej 5.18

Garis Panduan Pemerkasaan Komuniti MyCHAMPION dan Aktiviti




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

PEMERKASAAN KOMUNITI MELALUI MYCHAMPION COMBI

COMBI adalah singkatan bagi “Communication for Behavioural Impact” yang merupakan strategi mobilisasi sosial dan komunikasi untuk mempengaruhi dan memperkasakan individu, keluarga dan komuniti ke arah budaya hidup sihat dan kebersihan persekitaran. Pada tahun 2022, MyCHAMPION COMBI telah melaksanakan pelbagai aktiviti (Rajah X) bersama-sama komuniti yang merangkumi pendidikan, promosi dan pemerksaan budaya hidup sihat, amalan norma baharu serta menggalakkan pengambilan vaksin dalam menyokong pelaksanaan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS).

Rajah 5.30
Pelaksanaan Aktiviti MyCHAMPION COMBI 2022




Sumber: COMBiS, KKM

PERKHIDMATAN BERHENTI MEROKOK DI HOSPITAL

Perkhidmatan Berhenti Merokok (PKBM) yang melaksanakan intervensi melalui perubahan tingkah laku dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan di 51 hospital dan institusi di seluruh negara. Pengendalian PKBM merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan oleh Unit Pendidikan Pesakit yang diterajui oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan yang ditempatkan hospital atau institusi. Perbandingan pencapaian PKBM bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti **Figure 5.31**.

Figure 5.31
Perbandingan Pencapaian Perkhidmatan Berhenti Merokok (PKBM) yang dikendalikan oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan bagi Tahun 2021 dan 2022



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

HALA TUJU PROGRAM KESIHATAN AWAM

Sejak kemunculan COVID-19 pada tahun 2020 telah membuka mata seluruh negara tentang kepentingan perkhidmatan kesihatan awam serta keperluan perancangan reformasi yang komprehensif bagi memastikan sistem kesihatan awam sentiasa bersedia dalam menghadapi apa-apa cabaran mendatang.

Jurang dan cabaran dalam kesihatan awam negara yang sebenarnya telah lama bertapak ini semakin ketara sejak pandemic COVID-19. Strategi-strategi yang lebih berkesan perlu diambil kira bagi menentukan hala tuju kesihatan awam seperti:

- i. Pengukuhan semula fungsi kesihatan awam melalui penetapan hala tuju di dalam Kertas Putih Kesihatan yang sedang dibangunkan oleh Bahagian Perancangan;
- ii. Memastikan perbelanjaan kesihatan yang efektif melalui penyumberluaran perkhidmatan yang berpotensi;
- iii. Pengesanan dan intervensi awal status kesihatan dan pergigian individu dan keluarga;
- iv. Memperkasakan intervensi dan rawatan berorientasikan *person centered care for whole life course (from womb to tomb)*;
- v. Meningkatkan koordinasi dan kerjasama antara sektor swasta dan awam khususnya dalam pengendalian wabak; dan
- vi. Memperluaskan penggunaan teknologi digital.

Kerangka keberhasilan pembudayaan hidup sihat juga telah dibangunkan bagi memantau dan menilai peningkatan pembudayaan hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia. Di samping itu, bagi mengukuhkan strategi tadbir urus dalam inisiatif pembudayaan hidup sihat di Malaysia, Dasar Literasi Kesihatan Kebangsaan (DLKK) akan turut dibangunkan.



BAB 6

PERUBATAN



BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN (BPP)

BPP bertanggungjawab dalam penyediaan polisi, perkembangan dan implementasi perkhidmatan perubatan. Tujuan utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang komprehensif dalam penjagaan kesihatan primer. Bahagian ini terdiri daripada:

- i. Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan;
- ii. Cawangan Perkembangan Profesion Perubatan;
- iii. Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan;
- iv. Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan (MaHTAS);
- v. Unit Penilaian Teknikal Saraan Perubatan (Saraubat); dan
- vi. Unit Penilaian Teknikal Tabung Bantuan Perubatan.

CAWANGAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

UNIT PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

Pada tahun 2022, Garis Panduan *Patient Blood Management Consensus* Peringkat Kebangsaan dan Garis Panduan *National and Policy Point of Care Testing* Edisi Kedua KKM telah diterbitkan.

Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi telah berjaya melaksanakan fasa pertama Program Kontinum Rehabilitasi Strok yang melibatkan enam (6) hospital iaitu Hospital Balik Pulau, Hospital Batu Gajah, Hospital Kuala Nerang, Hospital Pekan, Hospital Rembau dan Hospital Tengku Anis. Program ini adalah salah satu inisiatif dalam Pelan Strategik Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk Program Perubatan melibatkan BPP, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) dan Bahagian Kejururawatan.

Bagi Perkhidmatan Dietetik dan Sajian, perluasan dasar penswastan perkhidmatan makanan di hospital telah diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK). Keputusan yang dipersetujui melibatkan perubahan kaedah pelaksanaan dasar sedia ada yang wujud sejak tahun 2000. Kaedah baharu mengguna pakai konsep penyediaan makanan berteknologi tinggi akan dirintiskan pelaksanaannya di beberapa hospital terlebih dahulu agar pemantauan dan semakan semula bagi pembentukan hala tuju perkhidmatan yang lebih menyeluruh dapat dibangunkan.

UNIT PERKHIDMATAN KECEMASAN & PENGURUSAN BENCANA

Pada 31 Mac 2022, perjanjian kontrak telah dimeterai antara KKM, St. John Ambulance of Malaysia (SJAM) & Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) bagi perluasan perkhidmatan ambulans *hotspot* meliputi 15 kawasan baharu di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Melalui inisiatif pembangunan Institut Perkhidmatan Rawatan Pra-Hospital & Perubatan Bencana Kebangsaan, projek rintis di Wilayah Tengah bagi mengkaji kesesuaian pelaksanaan model baru pengoperasian ambulans telah dilaksanakan melibatkan kawasan terpilih di Lembah Klang (WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya & sebahagian negeri Selangor).

Susulan bencana banjir di Kelantan dan Terengganu penghujung 2022, pemantauan dan tindakan susulan bagi fasiliti-fasiliti KKM yang terkesan telah dilaksanakan. Ini selaras dengan Panduan Pelan Tindakan Insiden Kecemasan dan Bencana Dalaman bagi hospital KKM. Melalui Perkhidmatan Hospital Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), kesemua fasiliti perubatan yang terjejas dipantau melalui Format Reten Semasa Banjir yang perlu dikemaskini oleh Bahagian Perubatan Negeri.

Negara terkesan dengan tragedi menyayat hati susulan kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan *Father's Organic Farm*, Batang Kali pada 16 Disember 2022. KKM terlibat dalam operasi bantuan dengan memberikan perkhidmatan perubatan kecemasan di kawasan insiden. Pasukan Perubatan telah dimobilisasikan termasuk anggota dari Hospital Selayang, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Kuala Kubu Bharu dan KK di bawah Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Hulu Selangor.

UNIT SUMBER PERUBATAN (USP)

PERUNTUKAN DAN BAJET

Pada tahun 2022, Bahagian Pembangunan telah meluluskan sebanyak RM59.50 juta kepada Program Perubatan bagi perolehan peralatan perubatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.3 juta telah diperuntukkan kepada Program Perubatan, manakala RM47.4 juta telah diagihkan terus kepada hospital KKM.

PEROLEHAN

Peralatan Perubatan Baharu

Bagi tahun 2022, perolehan peralatan perubatan baharu yang dilaksanakan secara berpusat adalah untuk *Multi Detector Computed Tomography (MDCT) Scanner* Hospital Slim River (RM2,227,240.00) dan *Extracorporeal Shockwave Lithotripsy (ESWL)* Hospital Yan (RM3,798,688.00).

Naik Taraf Peralatan Perubatan Sedia Ada

Unit ini juga telah menguruskan perolehan untuk projek naik taraf peralatan perubatan sedia ada di hospital KKM bagi peralatan perubatan *Direct Digital Radiography* (RM3,975,000.00), *Fluoroscopy* Hospital Selayang & Hospital Sultan Ismail (RM6,600,000.00) dan *Brachytherapy System* Hospital Umum Sarawak (RM3,586,000.00).

Konsumabel, Reagen bersama Penempatan Peralatan

Pada tahun 2022, sebanyak sembilan (9) tender konsumabel, reagen dan penempatan peralatan telah diselaraskan oleh USP. Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus bagi item konsumabel, reagen dan penempatan peralatan adalah sebanyak RM201 juta.

Perolehan Konsumabel dan Implan Ortopedik melalui senarai *Approved Product Purchased List (APPL)* di bawah Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan KKM

Kontrak konsesi baharu akan dikenali sebagai Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Logistik Bekalan Perubatan Untuk Kementerian Kesihatan Malaysia Oleh Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd menggantikan nama lama (Perjanjian Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor Kementerian Kesihatan Malaysia). Untuk menjamin kesinambungan pembekalan produk konsumabel dan implan ortopedik yang berterusan kepada fasiliti kesihatan KKM, kontrak konsesi sesi tahun 2017 hingga 2019 sedia ada sekarang telah dipersetujui untuk diteruskan secara interim sehingga 30 Jun 2023. Bagi kontrak konsesi baharu sesi tahun 2023 hingga 2025, persediaan awal seperti cadangan nama-nama produk dan penyediaan spesifikasi produk telah dilaksanakan.

UNIT PERKHIDMATAN PENGURUSAN HOSPITAL

Fasiliti KKM

Pada tahun 2022 menyaksikan pengoperasian dua (2) hospital baharu (Hospital Cyberjaya dan Hospital Bera) dan dua (2) hospital gantian (Hospital Sri Aman II dan Hospital Tanjung Karang) menjadikan jumlah hospital KKM meningkat kepada 148 buah hospital yang terdiri daripada 14 Hospital Negeri, 49 Hospital Pakar, 74 Hospital Tanpa Pakar dan 11 Institusi Perubatan Khas. Pusat Kardiologi Hospital Serdang dan Institut Endokrin Hospital Putrajaya adalah antara blok klinikal baharu yang diserahkan pada 2022 tetapi masih belum beroperasi sepenuhnya.

Aplikasi *Diagnosis-Related Group* KKM

Aplikasi *Diagnosis-Related Group* KKM yang merupakan aplikasi pangkalan data yang merangkumi maklumat pengurusan kesihatan dan anggaran kos merawat pesakit di hospital, telah berjaya dilaksanakan di semua hospital dan institusi perubatan KKM. KKM juga sedang menyediakan kertas dasar bagi pengagihan peruntukan belanjawan hospital KKM dengan pelarasan *Casemix*. Pelaksanaan dasar *shadow budget* ini akan dijalankan secara rintis di negeri Melaka pada tahun 2024. KKM juga sedang merancang untuk bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta (PHPN) bagi membangunkan aplikasi *Diagnosis-Related Group* Kebangsaan.

Inisiatif *Lean Healthcare*

Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang telah mendapat pengiktirafan sebagai *Lean Hospital* dari MPC dan KKM. Pilot projek *Flying Squad Lean Healthcare* telah dilancarkan di Selangor, Negeri Sembilan, Kelantan dan Kedah bagi memperkukuh pelaksanaan *Lean* di peringkat negeri.

Inisiatif Hospital Kluster

Inisiatif Hospital Kluster yang dilaksanakan bagi meningkatkan akses perkhidmatan kepakaran dan subkepakaran kepada semua lapisan rakyat telah berjaya membentuk 42 buah kluster. Fasa perluasan telah pun tamat dan telah memasuki fasa pengukuhan. Dalam fasa pengukuhan, *Report Card* Hospital Kluster telah diperkenalkan dalam sistem CPRC hospital dengan tujuan memantau pelaksanaan, prestasi pencapaian Hospital Kluster dan memastikan pematuhan kepada garis panduan sedia ada.

Penyumberluaran

Penyumberluaran pesakit dari hospital kerajaan KKM ke kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta diteruskan bagi tahun 2022 dengan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 (KWC). Secara keseluruhan, 26,475 kes telah disumberluarkan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM48,644,421.31.

Perkhidmatan Pesakit Bayar Penuh (FPP)

Sepuluh hospital KKM menyediakan perkhidmatan FPP dan bilangan pakar KKM yang berdaftar untuk menjalankan perkhidmatan FPP meningkat kepada 407 daripada 402 pada tahun sebelumnya.

Persidangan Pengarah-Pengarah Hospital 2022

Bertemakan *Value-Based Healthcare*, persidangan ini telah diadakan pada 20 hingga 22 Jun 2022 dan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan. Acara yang diadakan setiap dua tahun ini menjadi platform yang efektif untuk pengarah hospital KKM di seluruh negara berkongsi isu, solusi permasalahan serta amalan terbaik dalam pengurusan hospital

Imej 6.1

Persidangan Pengarah-Pengarah Hospital KKM 2022



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Rekod Perubatan

Sistem HIS@KKM telah diperluaskan ke Hospital Rembau dan Hospital Cyberjaya. Bagi skop Projek EMR peluasan dan naik taraf HIS@KKM dan TPC-OHCIS telah dilaksanakan di tujuh (7) hospital di Negeri Sembilan, pembangunan *Health Information Exchange* (HIE) dijangka siap September 2023, dan pembangunan *Virtual Clinic* dijangka siap pada Jun 2023. Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Rekod Perubatan di fasiliti KKM telah diterbitkan manakala Projek Pendigitalan Rekod Perubatan Pesakit dalam fasa perancangan.

Sistem CPRC Hospital

Sistem CPRC Hospital telah dibangunkan sebagai platform pelaporan dalam talian untuk memantau kesediaan hospital dalam menghadapi pandemik COVID-19. Beberapa modul telah dibangunkan dalam sistem ini dan sedang digunakan di kesemua 148 Hospital iaitu Facility 360° Rekod Perubatan, Aset dan Pengurusan Sumber Manusia bagi tujuan pengumpulan data kapasiti, sumber dan beban kerja hospital. Sistem CPRC Hospital juga digunakan dalam menguruskan pesakit sebagai sistem EMR untuk Hospital KKM sebagai sistem interim sehingga pelaksanaan HIS@KKM.

UNIT PERKHIDMATAN O&G DAN PEDIATRIK

Perkhidmatan Paediatric telah menghasilkan Laporan Daftar Talasemia Kebangsaan 2021 dan melaksanakan projek integrasi Program Imunisasi Kebangsaan menggunakan aplikasi MySejahtera dengan kerjasama BPKK. Selain itu, *National Training of Paediatric Palliative Provider (NTP)* telah dijalankan di tiga (3) hospital iaitu Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang dan Hospital Ampang. Bagi meningkatkan peruntukan untuk rawatan penyakit-penyakit jarang jumpa pula, satu Akaun Amanah bagi Penyakit Jarang Jumpa telah diwujudkan pada Julai 2022.

Di bawah saranan WHO untuk meningkatkan akses kepada *essential surgery*, inisiatif *global surgery* khususnya pembedahan O&G telah direncanakan untuk dimulakan di Sabah dan Sarawak dengan kerjasama antara Unit Perkhidmatan O&G dan Unit Perkhidmatan Pembedahan. Selain itu, unit ini juga bertindak sebagai *subfocal point* bagi pelaksanaan aktiviti *Gender Mainstreaming* di Malaysia.

Lima (5) hospital iaitu Hospital Seberang Jaya, Hospital Sultan Ismail, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Umum Sarawak serta Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah telah dikenal pasti untuk menjalankan Inisiatif Perkongsian Susu Ibu (Bank Susu) bagi Bayi Prematang di *Neonatal Intensive Care Unit* (NICU) Hospital KKM. Inisiatif ini dijangka mula dijalankan pada tahun 2023.

Sebagai sekretariat Jawatankuasa Kebangsaan Etika Penyelidikan Dan Terapi Sel (NCERT), tujuh (7) protokol penyelidikan telah diteliti dan dibincangkan. Manakala, enam (6) protokol penyelidikan berkaitan stem sel telah diluluskan pada tahun 2022.

UNIT PERKHIDMATAN PERUBATAN

Interim Guidelines for Evulsheld as Pre-Exposure Prophylaxis in COVID-19, Garis Panduan Pelaksanaan Program Sokongan Pekerjaan bagi Pesakit Mental di Fasiliti Kerajaan dan Laporan Pandemik COVID-19 bagi Perkhidmatan Psikiatri dan Kesihatan Mental di Hospital KKM telah dibangunkan. Beberapa kajian berkaitan penyakit COVID-19 antaranya kajian *Real-World Evaluation of COVID-19 Vaccines di bawah PICK* (RECoVaM) di fasiliti KKM telah dijalankan dan menghasilkan penerbitan artikel jurnal antarabangsa iaitu *PICK-ing Malaysia's Epidemic Apart: COVID-19 Vaccine Effectiveness of a Diverse Vaccine Portfolio*.

Jadual 6.1
Perkembangan Perkhidmatan Perubatan

Perkhidmatan	Penerangan
Perkhidmatan Psikiatri (MENTARI)	Tiga (3) Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) telah mula beroperasi secara rasmi iaitu (1) MENTARI Muar (2) MENTARI Pulau Pinang (3) MENTARI Kuala Lumpur 34 buah MENTARI telah beroperasi sehingga kini. Perkhidmatan Psikiatri di hospital dipertingkatkan kepada 66 buah hospital KKM. Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatri Hulu Terengganu juga telah mula beroperasi.
Perkhidmatan Endokrinologi	Jumlah keseluruhan servis di 22 hospital dengan bilangan pakar seramai 57 orang. Institut Endokrin Hospital Putrajaya telah mula beroperasi pada Jun 2022.
Unit Peritoneal Dialysis hospital KKM	Pertambahan kepada 43 buah unit di hospital KKM seluruh Malaysia.
Perkhidmatan Gastroenterologi-Hepatologi (GEH)	Perkhidmatan Gastroenterologi-Hepatologi (GEH) telah diperkembangkan ke 21 hospital KKM dengan 39 pakar GEH.

Perkhidmatan	Penerangan
Rawatan Hepatitis C	Rawatan Hepatitis C telah diperluaskan ke 457 fasiliti kesihatan KKM di seluruh Malaysia (61 hospital KKM, 395 klinik kesihatan, 1 fasiliti lain).
Perkhidmatan Paliatif	Pertambahan perkhidmatan di Hospital Melaka dan Hospital Serdang serta secara lawatan ke tujuh (7) lagi hospital KKM.
Perkhidmatan Seamless Geriatric Care (SGC)	Perkhidmatan Seamless Geriatric Care (SGC) telah diperkembangkan secara rintis di sembilan (9) klinik kesihatan bersama Hospital Tengku Ampuan Rahimah dan Hospital Kuala Lumpur. Sepuluh (10) hospital KKM telah menyediakan perkhidmatan ortho geriatrik.
Pusat Jantung Serdang	Mula beroperasi pada Disember 2022, dengan penambahan 163 katil bagi pesakit kardiologi dan empat (4) makmal invasif kardiologi termasuk satu (1) makmal di Jabatan Kecemasan.
Perkhidmatan Radioterapi	Memorandum Persefahaman (Mo U) antara KKM dengan IHH Healthcare Malaysia telah dimeterai bagi rawatan 500 pesakit KKM untuk menjalani radioterapi menggunakan mesin Gamma Knife atau Linear Accelerator (LINAC) di tujuh (7) hospital IHH Healthcare di Semenanjung Malaysia.

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

CAWANGAN PERKEMBANGAN PROFESION PERUBATAN

UNIT PERANCANGAN DAN DASAR PROFESION

Unit Perancangan dan Dasar Profesion terlibat dalam perancangan jumlah unjuran dan keperluan sumber manusia kesihatan bagi fasiliti baru dan juga fasiliti sedia ada yang dinaik taraf selaras dengan perkembangan perkhidmatan kepakaran di fasiliti tersebut. Sepanjang tahun 2022, lapan (8) lawatan verifikasi dan unjuran keperluan perjawatan bagi Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan telah dilaksanakan.

UNIT KEPAKARAN DAN SUBKEPAKARAN PERUBATAN

Program Sarjana Perubatan

Program Sarjana Perubatan adalah program latihan kepakaran asas yang dikendalikan oleh lapan (8) universiti awam dengan kerjasama KKM. Bagi membolehkan lebih ramai pegawai perubatan melanjutkan pengajian dalam 23 bidang kepakaran yang ditawarkan dalam Program Sarjana Perubatan, slot Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) telah ditingkatkan secara berkala. Pada tahun 2022, sebanyak 1,371 slot HLP telah diperuntukan berbanding hanya 647 slot sahaja pada tahun 2010. Bilangan pegawai perubatan yang lulus dari Program Sarjana adalah antara 700 hingga 800 setiap tahun. Pada tahun 2022, seramai 786 pegawai perubatan telah tamat Program Sarjana Perubatan, manakala bilangan pada tahun 2021 adalah seramai 815 pegawai perubatan.

Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*

Selain daripada Program Sarjana Perubatan, pegawai perubatan di KKM juga boleh mengikuti Latihan Kepakaran melalui Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dengan kaedah latihan sepenuhnya dalam negara atau secara kombinasi latihan di dalam dan luar negara. Terdapat 15 Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* untuk 14 bidang, termasuk dua (2) latihan kepakaran dalam bidang Perubatan Keluarga. Pada tahun 2022, seramai 331 pegawai perubatan telah menamatkan latihan Kepakaran *Parallel Pathway* daripada pelbagai bidang.

Program Subkepakaran

Program Latihan Subkepakaran KKM dilaksanakan secara berstruktur oleh KKM sejak tahun 2002. Program latihan ini dijalankan samada secara sepenuhnya di dalam negara atau secara kombinasi dalam dan luar negara. Pada tahun 2022, slot HLP yang ditawarkan adalah sebanyak 390 berbanding hanya 250 slot pada tahun 2019.

UNIT PROFESION PAKAR PERUBATAN

Pewartaan bagi Kepakaran dan Sub-kepakaran

Setiap pegawai perubatan yang telah dikenal pasti dengan kelulusan sarjana yang diiktiraf perlu diwartakan oleh Jawatankuasa Khas Perubatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan bersama tiga (3) ahli panel; ini adalah mengikut Perintah Am Bab F. Bagi tahun 2022, sebanyak 1,264 pakar klinikal telah diwartakan iaitu peningkatan 68.8 peratus jika dibandingkan bagi tahun 2021 iaitu 749 pakar klinikal.

Pakar Klinikal di Hospital KKM

Jumlah bagi doktor pakar dan subkepakaran in hospital KKM menunjukkan tren peningkatan. Bagi tahun 2022, jumlah keseluruhan doktor pakar dari pelbagai disiplin kepakaran dan subkepakaran adalah sebanyak 8,059 orang, berbanding dengan jumlah keseluruhan doktor pakar pada tahun 2021 iaitu 7,005 orang, dan 5,820 orang pakar pada tahun 2020. Walau bagaimanapun peningkatan ini masih tidak memenuhi keperluan sebenar perkhidmatan perubatan di negara ini yang sedang bergerak menuju ke status negara maju.

UNIT PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD)

CPD merupakan satu bentuk pembelajaran dan pembangunan profesional sepanjang hayat yang sistematik bagi membolehkan profesional kesihatan mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran. Sistem myCPD versi 2.0 telah dilancarkan pada tahun 2017. Penggunaan sistem ini sehingga 31 Disember 2022 ditunjukkan di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Penggunaan Sistem MyCPD Versi 2.0

Pengguna	Penyelia	Penganjur	Skim Perkhidmatan Kesihatan
281,103	24,861	1,836	52

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Penggunaan mata kredit CPD akan disesuaikan dengan keperluan atau tujuan yang berbeza seperti untuk pembaharuan Sijil Amalan Tahunan (APC) untuk pengamal perubatan serta pendaftaran pakar perubatan dalam *National Specialist Register (NSR)*.

UNIT PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)

Program PPS merupakan program latihan selama dua (2) tahun yang meliputi enam (6) disiplin berbeza untuk melahirkan pengamal perubatan yang selamat dan kompeten. Seterusnya PPS yang menamatkan latihan dengan jayanya layak diberikan sijil pendaftaran penuh dan memberikan perkhidmatan kesihatan. Secara keseluruhannya seramai 3,252 orang PPS baru telah dilantik pada tahun 2022.

Akreditasi Hospital Latihan Siswazah

Unit Program PPS telah melaksanakan lawatan ke Hospital Lahad Datu untuk diakreditasi sebagai Hospital Latihan Siswazah (HLS) yang baru pada Januari 2022. Pihak pengurusan hospital tersebut telah diberikan taklimat mengenai pelaksanaan Program PPS di peringkat hospital. Jumlah keseluruhan HLS di seluruh negara adalah sebanyak 51 buah hospital.

Audit Pelaksanaan Program PPS

Pada tahun 2022, Hospital Tuanku Ampuan Najihah dan Hospital Ampang telah dipilih bagi tujuan audit bagi memastikan Program PPS dilaksanakan mengikut garis panduan dan polisi yang ditetapkan. Semasa sesi audit di kedua-dua hospital tersebut, Unit Program PPS juga telah mengadakan sesi libat urus bersama PPS bagi mendapatkan maklum balas secara terus berkaitan latihan siswazah.

Modul penilaian PPS

Semasa menjalani latihan siswazah, PPS adalah diwajibkan untuk melengkapkan buku log dalam setiap penempatan bagi memastikan tahap kompetensi yang optimum. Sejak tahun 2021, buku log ini telah disesuaikan dengan situasi pandemik COVID-19. Pada tahun 2022, Unit Program PPS telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama pemegang taruh untuk membangunkan modul penilaian PPS yang baharu dan lebih terperinci. Pada Mei 2022, satu bengkel telah dilaksanakan bersama ketua-ketua perkhidmatan (HOS) dan wakil pakar-pakar perubatan untuk memuktamadkan format dan isi kandungan modul penilaian PPS yang baharu tersebut. Seterusnya, modul penilaian tersebut telah diluluskan dalam Jawatankuasa Kelayakan Perubatan (MQC). Modul tersebut juga akan dibangunkan dalam Sistem CPMC Hospital selaras dengan PSP KKM 2021-2025.

Selain itu, Unit Program PPS juga telah mengadakan satu projek rintis bagi pelaksanaan *e-logbook* bersama wakil PPS, wakil Pegawai Perubatan, dan wakil Pakar Perubatan dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR). Projek tersebut bertujuan untuk menilai keberkesanan dan kelancaran penggunaan *e-logbook* yang diintegrasikan dalam Sistem CPMC Hospital.

Organisasi Program PPS Peringkat Hospital

Unit Program PPS sentiasa proaktif dalam menambah baik pelaksanaan program. Berdasarkan hasil audit dan maklumbalas yang diterima sebelum ini, terdapat keperluan untuk meneliti semula mekanisma pengurusan Program PPS di peringkat hospital yang lebih sistematik. Beberapa siri libat urus telah dilaksanakan untuk menstruktur dan memantapkan peranan organisasi Program PPS di peringkat hospital. Pada Jun 2022, satu bengkel telah diadakan bersama timbalan-timbalan pengarah hospital dan wakil-wakil pengurusan hospital untuk memuktamadkan tujuan tersebut.

CAWANGAN KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN

UNIT KAWALAN INFEKSI

Unit Kawalan Infeksi telah menerbitkan tiga (3) garis panduan pada tahun 2022 dan berjaya menghasilkan Laporan Tahunan *Infection Prevention & Control and Antimicrobial Resistance Containment Program 2021* serta *National Wound Care Surveillance Report 2021*.

Bertemakan *Navigating the New Normal in Infection Prevention and Control (IPC)*, 2nd National Infection Prevention and Control Conference 2022 telah diadakan pada 6 dan 7 September 2022 dan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Persidangan ini bertujuan untuk memperkukuhkan pengetahuan anggota kesihatan dan memberikan maklumat terkini berkaitan amalan IPC serta Kerintangan Antimikrobial (AMR).

Malaysia kini mengambil bahagian dalam Projek *Improving the TRIcycle Protocol: Upscaling to National Monitoring Detection of CPE and WGS Pipelines for One Health Surveillance* (TRiUMPH) bersama negara Belanda, Perancis, Madagascar dan Pakistan. Projek *One Health* AMR ini adalah di bawah *global Joint Programming Initiatives on Antimicrobial* (JPIAMR) dan dibiayai oleh *International Development Research Centre* (IDRC), Kanada. Survelan ini meliputi kesihatan manusia dan haiwan serta alam sekitar, melihat kelaziman dan kesalinghubungan organisma penunjuk proksi, iaitu *ESBL-producing E. coli* dan *Carbapenem-resistant Enterobacteriaceae* (CRE), dalam ketiga-tiga sektor berkaitan. Projek ini dijangka siap pada penghujung 2023.

Unit Kawalan Infeksi juga telah menganjurkan Mesyuarat Program Penjagaan Luka yang meliputi Mesyuarat Jawatankuasa Penjagaan Luka Kebangsaan Bil. 2/2022 serta Bengkel Pengemaskinian Manual Penjagaan Luka dan Pemantapan Survelan Penjagaan Luka Kebangsaan di Hotel Adya, Langkawi pada 19 hingga 21 Oktober 2022.

UNIT KESELAMATAN PESAKIT

Pada tahun 2022, Unit Keselamatan Pesakit telah menjalankan beberapa aktiviti pemantauan bagi insiden keselamatan pesakit melalui sistem pelaporan insiden keselamatan pesakit (e-IR) dan pemantauan status keselamatan pesakit Malaysia melalui *Malaysian Patient Safety Goals (MPSG)* bagi fasiliti kesihatan kerajaan serta swasta di Malaysia. Bagi tahun 2021, 6,759 (85 peratus) daripada insiden dilaporkan merupakan *actual incidents* manakala 1,150 (15 peratus) merupakan *near-miss incidents*.

Jadual 6.3
Sistem Pemantauan Keselamatan Pesakit Malaysia bagi Tahun 2018 hingga 2021

Sistem Pemantauan Keselamatan Pesakit Malaysia	2018	2019	2020	2021
Insiden dalam sistem e-IR (kadar pelaporan – insiden per 1,000 kemasukan)	7,928 (2.96)	9,432 (3.46)	9,427 (4.14)	7,909 (3.40)
<i>Malaysian Patient Safety Goals</i> (peratus pelaporan kebangsaan, tidak termasuk klinik swasta)	90.4	87.9	80.2	95.4

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Sambutan Hari Keselamatan Pesakit Sedunia (WPSD) telah diadakan pada September 2022 dengan bertemakan *Medication Safety*. Webinar ini telah diadakan pada 20 September 2022 dan disertai oleh 11,597 peserta. Selain itu, bangunan dan monumen ikonik di seluruh Malaysia telah diterangi cahaya jingga pada malam 17 September 2022. Pada 13 dan 14 September 2022, Unit Keselamatan Pesakit dengan kerjasama Hospital Kuala Lumpur (HKL) telah menganjurkan Simposium *Safe Surgery Saves Lives 2022* secara maya.

UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH)

Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan telah diadakan pada 24 dan 25 Mei 2022 bersempena dengan sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, selaras dengan sambutan di peringkat antarabangsa oleh *International Labour Organisation (ILO)*. Persidangan ini dirasmikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dengan tema *To build a positive safety and health culture; #Let's Act Together*.

OSH juga sentiasa memperkenalkan polisi baharu berdasarkan analisa data daripada program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang dijalankan di hospital dan institusi perubatan KKM. Ini termasuklah pembentangan beberapa poster sepanjang tahun 2022 berkaitan kekerasan terhadap pekerja perubatan, kelesuan pekerja perubatan semasa pandemik COVID-19 dan kesilapan perubatan oleh pekerja perubatan. Satu kajian telah diterbitkan dalam jurnal *International Journal of Environmental Research and Public Health* hasil kerjasama dengan *Occupational and Aviation Medicine Department, University of Otago Wellington, New Zealand*.

UNIT SURVELAN PENCAPAIAN KLINIKAL

Dua (2) garis panduan telah berjaya diterbitkan serta Bengkel Pelaksanaan Audit KPI Program Perubatan yang dihadiri oleh semua Penyelaras Kualiti Negeri juga telah berjaya dianjurkan. Audit KPI juga telah diadakan di HKL pada bulan Ogos 2022. Selain itu, Unit ini telah berjaya melakukan perluasan pemantauan prestasi menggunakan KPI daripada 111 Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) pada tahun 2021 kepada 590 PTPA pada tahun 2022 di mana lebih daripada 80 peratus terdiri daripada Pakar Perubatan.

UNIT AKREDITASI DAN PIAWAIAN

Untuk pencapaian tahun 2022, unit ini telah berjaya menganjurkan kursus Training for Trainer bagi Zon Selatan pada bulan Julai dan Zon Utara pada September 2022. Unit ini juga berjaya menghasilkan tiga (3) laporan pencapaian. Selaku urus setia MS ISO 9001, persijilan ISO Program Perubatan telah berjaya diperolehi pada Mac 2022.

UNIT AUDIT KLINIKAL (CAU)

Garis Panduan pelaksanaan Audit Klinikal telah dibangunkan dan akan dilancarkan pada tahun 2023. Pelaksanaan Sakit sebagai Tanda Vital ke-5 (P5VS) di fasiliti KKM yang melibatkan Program Perubatan (sebagai Program Induk), Program Kesihatan Awam, Bahagian Kesihatan Pergigian dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi. Terdapat 30 Hospital Bebas Kesakitan (PFH) yang diperakui di seluruh Malaysia. Program Menangani Kesakitan Kronik (MENANG), yang berfokus pada pesakit yang mengalami kesakitan kronik, akan diperluaskan pada tahun 2023. Pada masa ini, aktiviti Program MENANG, adalah berdasarkan zon dan pelaksanaannya tertumpu di hospital tertentu. *Perioperative Mortality Review (POMR)* adalah merupakan *peer-review clinical audit* yang melibatkan 71 Hospital Berpakar KKM di seluruh Malaysia. Ianya adalah agenda penting bagi *Global Surgery 2030*, di mana disasarkan bahawa kadar pelaporan POMR adalah 100 peratus pada tahun 2030. Kadar pelaporan POMR telah mencapai lebih daripada 92 peratus di seluruh Malaysia pada tahun 2022. Jangkitan Luka Pembedahan (SSI) sebagai komponen penting dalam kualiti perawatan bagi pesakit pembedahan, akan dipantau mulai tahun 2023 seiring dengan penetapan Garis Panduan SSI Kebangsaan.

Jadual 6.4 Pembangunan Polisi / Garis Panduan / Manual dan Protokol 2022

Tajuk
<i>Malaysian National Action Plan on Antimicrobial Resistance (MyAP-AMR) 2022-2026</i>
<i>Management of Carbapenem Resistant Enterobacteriaceae (CRE) in Healthcare Setting</i>
<i>Multidrug Resistant Organism Surveillance Manual, 3rd Edition 2022</i>
<i>One Health Integrated Antimicrobial Resistance Surveillance Manual</i>
Garis Panduan Pelaksanaan POMR 2022
Garis Panduan Pelaporan POMR 2022
Garis Panduan pelaporan buli di kalangan warga KKM – MyHelp
Tatacara selamat penempatan dan pengendalian mesin pencetak di pejabat
Garis Panduan Menangani Kekerasan di Fasiliti Kesihatan KKM Edisi 2
Garis Panduan Audit KPI Program Perubatan
Garis Panduan Akreditasi Hospital dan Institusi KKM
Garis Panduan Pengurusan SIQ
Garis Panduan Penubuhan dan Pemerkasan Klinik Warga di Fasiliti Kesihatan KKM
<i>Guideline on Fall Prevention and Intervention Program</i>
<i>Quick Guide in Consent Process</i>
Semakan semula polisi akreditasi hospital dan institusi
Garis Panduan Kajian Kepuasan Pelanggan PSQ18
Bahan Pendidikan <i>Pain Free Program 2022</i>
Pindaan Annex 21b: <i>Management of healthcare workers confirmed with COVID-19 for return to work</i>
Laporan Pencapaian Indikator Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKK) Bagi Blok E1 IPKKM 2022
Surat Peringatan Amalan Tidak Merokok Oleh Pejabat TKPK(P) kepada semua warga Program Perubatan bertarikh 23 Ogos 2022

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

CAWANGAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN (MaHTAS)

Bagi tahun 2022, MaHTAS telah menyediakan pelbagai laporan dan panduan sepertimana yang dipaparkan dalam **Rajah 6.1**.

Rajah 6.1 Pencapaian MaHTAS pada Tahun 2022

5 HEALTH TECHNOLOGY ASSESSMENT (HTA) REPORTS	• EarlyCDT-Lung • Immunotherapy for PD-L1 positive Non-Small Cell Lung Cancer • Molecular Profiling for Breast Cancer • Anaplastic Lymphoma Kinase (ALK) Tyrosine Kinase Inhibitors (TKIs) for Non-Small Cell Lung Cancer • Medical Cannabis
6 CLINICAL PRACTICE GUIDELINES (CPG)	• Management of Menopause in Malaysia (First Edition) • Management of Osteoporosis (Third Edition) • Management of Acne Vulgaris (Second Edition) • Management of Chronic Hepatitis B in Adults (First Edition) • Management of Obstructive Sleep Apnoea (First Edition) • Management of Obesity (Second Edition)
13 TECHNOLOGY REVIEW (TR) REPORTS	• Rezum Therapy for the Management of Benign Prostatic Hyperplasia (BPH) • Single dose Rifampicin for leprosy contacts • Versajet Hydrosurgery for Wound Debridement - An update • Proton Beam Therapy for the treatment of cancer - An update • Transcutaneous Oxygen Pressure Monitoring (TcPO2) • 5-aminolevulinic acid (5-ALA) for Brain Tumour • Sublingual Immunotherapy (SLIT) for Atopy (allergic, rhinitis, eczema and asthma) • Mesenchymal stem cell for treatment of Retinitis pigmentosa and other degenerative disease • First line targeted therapy for advanced hepatocellular carcinoma • Light emitting diode (LED) fluorescent microscope in detecting Mycobacterium leprae • Robot assisted Total Knee Arthroplasty (TKA) and Total Hip Arthroplasty (THA) system • Artificial intelligent-based chest x-ray for lung cancer screening • Cultivated autologous Limbal Epithelial Transplant (CLET) for ocular surface disease with Limbal Stem Cell Deficiency (LCSD)
9 TECHBRIEF REPORTS	• Tezepelumab for Severe Uncontrolled Asthma • Abrelcimab for prevention of venous thromboembolism • Daprodustat for anemia in patients with Chronic Kidney Disease (CKD) • Ensifentrine (RPL 554) - Dual phosphodiesterase for moderate to severe COPD • Lecanemab (BAN2401) for Alzheimer's disease • Automated VR cognitive therapy (gameChange) for agoraphobia among psychiatric patients • ReWalk ReBoot Soft Exo-Suit-for Stroke • Nirsevimab for prevention of respiratory syncytial virus in infants • Obefazimod (ABX464) (Abivax)
10 TECHSCAN REPORTS	• Iptacopan- Treatment of anemia in Chronic Kidney Disease (CKD) • BPN14770 in early Alzheimer & fragile X Syndrome (Autism) • Peripheral Blood Stem Cells for cartilage regeneration • Tebipenem Pivoxil Hydrobromide - for Complicated Urinary Tract Infection • Etrolizumab for Inflammatory Bowel Disease • DermaSys-MED 2005/MED 3000- for erectile dysfunction • Exo-PDAC - for early detection of Pancreatic Ductal Adenocarcinoma (PDAC) • CG0070- for Non-Muscle-Invasive Bladder Cancer (NMIBC) • MIRVIE RNA Testing Platform • Tirzepatide treatment for Obesity
21 INFORMATION BRIEFS	10 MAHTAS COVID-19 RAPID EVIDENCE UPDATES

Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Tiga (3) Panduan Amalan Klinikal (CPG) telah dilancarkan pada tahun 2022 iaitu dua (2) CPG berkaitan kesihatan mental, iaitu *Management of Dementia (Third Edition)* dan *Management of Schizophrenia (Second Edition)* dan *Management of E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury (EVALI)*.

Imej 6.2 Pelancaran *CPG Management of Dementia and CPG Management of Schizophrenia*



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

MaHTAS juga bergiat aktif dalam kerjasama dengan pihak-pihak berkaitan di arena tempatan dan antarabangsa, seperti *International Network of Agencies for Health Technology Assessment (INAHTA)*, *HTAsiaLink*, *The Professional Society for Health Economics and Outcomes Research (ISPOR)*, *International Health TechScan (iHTS)*, WHO, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan *Health Technology Assessment International (HTAi)*. MaHTAS juga telah dilantik selaku Presiden HTAsiaLink, *Regional Coordinator iHTS* dan Pengerusi *ISPOR HTA Council for Asia Pacific*. Dalam tahun 2022 juga, MaHTAS terlibat dalam beberapa INAHTA *Taskforce and Learning Group*; seperti *Real-World Evidence*, *Communication Task Group* dan *Patient Engagement Learning Group*.

Bersempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) yang diadakan pada bulan Oktober 2022 di Jempol, Negeri Sembilan, MaHTAS telah meneraju pameran *Futuristic Hospital Programme* di samping vendor syarikat teknologi dan bahagian-bahagian lain dalam KKM.

Imej 6.3 *Futuristic Hospital Programme*



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM


UNIT PENILAIAN TEKNIKAL SARAAN PERUBATAN (SARAUBAT)

Unit Saraubat bertanggungjawab mengurus permohonan kemudahan perubatan tuntutan bayaran balik rawatan ditanggung kerajaan berdasarkan kepada pekeliling yang ditetapkan. Darpada 21,585 permohonan, 87 peratus diluluskan dengan anggaran nilai RM133,642,471.09. Unit Saraubat akan mempertingkatkan usaha dan kemampuan dalam memproses permohonan dengan lebih cekap dan efisien melalui pendigitalan sistem supaya lebih mesra pelanggan.

UNIT PENILAIAN TEKNIKAL TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

TBP diwujudkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sejak beroperasi dari tahun 2005 hingga 2022, tabung ini telah membantu seramai 71,387 orang pesakit dengan jumlah bantuan sebanyak RM605.1 juta. Garispanduan Permohonan Bantuan mengikut Disiplin Perubatan diwujudkan dan diguna pakai bermula Mei 2022 bagi memastikan penilaian dilakukan dengan telus. Terdapat 394 alat perubatan telah disenaraikan di bawah bantuan TBP yang melibatkan 18 disiplin klinikal. Seiring dengan perkembangan teknologi digital, sistem yang dikenali sebagai Sistem Tabung Bantuan Perubatan (STBP) telah mula diguna pakai oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan di Hospital KKM dan Pusat Perubatan Universiti Awam pada Mei 2021 untuk merujuk permohonan ke TBP.

Rajah 6.2
Status Pelaksanaan TBP pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Jadual 6.5
Status Kelulusan TBP pada Tahun 2022

BIL	DISIPLIN	BIL KELULUSAN	AMALAN LULUS (RM) JUTA	PERATUS (%)	BIL	DISIPLIN	BIL KELULUSAN	AMALAN LULUS (RM) JUTA	PERATUS (%)
1	KARDIOLOGI	1,012	20.03	26.5	13	KARDIOTORASIK	19	0.67	0.5
2	ORTOPEDIK	769	11.39	20.2	14	UROLOGI	7	0.05	0.2
3	OTORINOLARINGOLOG (ENT)	509	3.39	15.5	15	HEMATOLOGI	5	0.05	0.1
4	REHABILITASI	412	1.42	10.8	16	PEMBEDAHAAN VASKULAR	5	0.22	0.1
5	PEDIATRIK	334	3.20	8.8	17	PEMBEDAHAAN PLASTIK & REKONSTRUKTIF	4	0.03	0.1
6	PERUBATAN AM	221	2.51	5.8	18	REUMATOLOGI	4	0.08	0.1
7	DERMATOLOGI	99	1.96	2.0	19	OFTALMOLOGI	3	0.02	0.1
8	PEMBEDAHAAN AM	98	0.96	2.0	20	ANESTESIOLOGI	1	0.01	0.0
9	RESPIRATORI	78	0.65	2.0	21	HEPATOLOGI & GASTROENTEROLOG	1	0.00	0.0
10	NEUROLOGI	64	1.41	1.7	22	NEFROLOGI	1	0.00	0.0
11	NEUROSURGERI	56	0.69	1.5	23	RADIOTERAPI	1	0.04	0.0
12	BEDAH MULUT DAN MAKSILOFASIAL	29	0.15	0.8					
						JUMLAH	*3,812	*48.93	100


Sumber: Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN (BAP)

CAWANGAN MEDICO LEGAL (CML)

Peranan utama CML adalah mengendalikan kes medico legal yang melibatkan kemudahan penjagaan kesihatan KKM. CML terbahagi kepada empat (4) sektor – Malpraktis Perubatan; Jurisprudens Perubatan; Polisi, Operasi dan Piawaian; serta Survelans dan Informasi. Tanggungjawab CML meliputi pengurusan aduan medico legal, penyelesaian tuntutan ganti rugi kecuaiian perubatan melalui pembayaran ex gratia, libat urus bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi kes saman kecuaiian perubatan, menganjurkan aktiviti pemantapan dan pengukuhan kompetensi berkenaan hal ehwal medico legal dan menjalankan aktiviti pemantauan serta survelans.

Rajah 6.3
Statistik Medico Legal dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Bahagian Amalan Perubatan, KKM

PENGURUSAN ADUAN MEDICO LEGAL

Aduan medico legal akan disiasat oleh kemudahan jagaan kesihatan yang terlibat dan dilaporkan kepada CML. Sekiranya tiada penyelesaian dipersetujui atau terdapat tuntutan pampasan, satu Jawatankuasa Penyiasatan Bebas (JKPB) akan ditubuhkan. Pada tahun 2022, CML telah mendaftarkan sejumlah 234 aduan medico legal. Sejumlah 117 kes baharu telah dibentangkan dalam Mesyuarat Ex Gratia dan 65 kes (55.6 peratus) telah dipertimbangkan untuk penyelesaian ex gratia. KPI CML pada tahun 2022 adalah Peratusan Penyelesaian Kes Aduan Medico Legal dengan Tuntutan Ganti Rugi di Kemudahan Penjagaan Kesihatan KKM iaitu 70 peratus. Sepanjang tahun 2022, sejumlah 84.4 peratus aduan medico legal telah diselesaikan dalam tempoh 365 hari dari tarikh aduan sehingga keputusan Mesyuarat Ex Gratia.

KES LITIGASI MEDICO LEGAL

CML dan AGC bekerjasama dalam pengendalian kes saman kecuaiian perubatan terhadap kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan KKM. CML memberi input teknikal dan khidmat nasihat pengurusan kes saman medico legal, penyelarasan penyediaan dokumen penyelesaian luar mahkamah serta mengenal pasti calon Saksi Pakar. Sebanyak 81 kes saman kecuaiian perubatan telah difailkan terhadap KKM pada tahun 2022.

PEMBAYARAN GANTI RUGI

Jadual 6.6 menunjukkan jumlah pembayaran ganti rugi bagi ex gratia dan kes litigasi dari tahun 2018 hingga 2022. Jumlah pembayaran pada tahun 2022 adalah sebanyak RM4,752,469.20.

Jadual 6.6
Jumlah Pembayaran Ganti Rugi Kes Medico Legal dari Tahun 2018 hingga 2022

Tahun	Ex Gratia		Saman		Jumlah (RM)	
	Jumlah (RM)	Bil. Kes	Jumlah (RM)	Bil. Kes	Jumlah (RM)	Bil. Kes
2022	558,962.56	18	4,193,506.64	10	4,752,469.20	28
2021	2,740,822.43	46	27,715,932.27	15	30,456,754.70	61
2020	3,909,087.89	55	14,427,784.37	18	18,336,872.26	73
2019	4,471,603.29	70	18,449,560.91	36	22,921,164.20	106
2018	5,050,145.58	83	13,322,967.61	11	18,373,113.19	94

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

SURVELANS

CML bertanggungjawab untuk memantau dan mengaudit kemudahan jagaan kesihatan dan JKN bagi memastikan pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Bebas. CML telah berjaya mengadakan mesyuarat yang berikut:

- Mesyuarat Teknikal Pengendalian Kes Medico pada 27 April 2022 dan 12 hingga 13 Oktober 2022;
- Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal bersama JKN Pulau Pinang pada 10 Mac 2022; dan
- Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal bersama Program Kesihatan Pergigian KKM pada 30 Ogos 2022.

PENGUKUHAN KOMPETENSI MEDICO LEGAL

CML telah menjalankan aktiviti latihan berikut pada tahun 2022 dalam usaha memperkukuhkan pengurusan kes medico legal di kemudahan jagaan dan perkhidmatan kesihatan dan JKN.



Kursus Inquiry Committee Training
Hotel Adya, Langkawi
30 Mei - 1 Jun 2022

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

Imej 6.4
Sesi Latihan pada Tahun 2022



Kursus Pengukuhan Pengurusan Aduan Medico Legal
Grand Puteri Hotel, Kuala Terengganu
11 - 12 Oktober 2022

PENERBITAN

e-Bulletin Medico Legal Section Vol. 3 telah dilancarkan pada 24 Mac 2022 dan dimuat naik pada laman web BAP bagi memudahkan akses kepada warga KKM. Sistem maklumat e-CML telah mula beroperasi pada 1 Julai 2022 dan pengisian data kes medico legal sedang dilaksanakan sehingga kini.

PERANCANGAN TAHUN 2023

Aktiviti baharu yang dirancang untuk tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

- i. *Expert Witness Training*;
- ii. Kursus Pengukuhan Pengurusan Kes Medico Legal;
- iii. Kursus Panel Jawatankuasa Penyiasatan Bebas; dan
- iv. Penerbitan *Guidelines on the Management of Medico Legal Litigation in MOH*.

CAWANGAN PERUNDANGAN PERUBATAN (CPP)

CPP terdiri daripada lima (5) sektor iaitu Gubalan, Fi Fasiliti Kesihatan Swasta, Amalan Perubatan Estetik, Pelancongan Kesihatan dan Globalisasi.

SEKTOR GUBALAN

Sektor ini bertanggungjawab menggubal rang undang-undang dan peraturan serta meminda Akta atau Peraturan-Peraturan sedia ada di bawah Program Perubatan.

Pada tahun 2022, sektor ini telah memuktamadkan dan menghantar Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 [Akta 802] dan garis panduan berkaitan untuk semakan Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) KKM.

Sebagai sebahagian daripada proses mendapatkan kelulusan bagi Peraturan-Peraturan Makmal Patologi di bawah Akta Makmal Patologi 2007 [Akta 674] beberapa mesyuarat termasuk bersama AGC telah diadakan diikuti dengan lawatan kerja ke Makmal Patologi Hospital Putrajaya dan Lablink (M) Sdn. Bhd. Kuala Lumpur bagi memahami pengoperasian makmal dengan lebih jelas.

Penggubalan peraturan baharu bagi perkhidmatan ambulans swasta *standalone*, yang merupakan salah satu KPI Pelan Strategik KKM telah dimulakan melibatkan sesi konsultasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) serta lawatan kerja ke BSMM dan St. John Ambulans Malaysia (SJAM). Bengkel gubalan melibatkan pelbagai agensi antaranya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) juga telah diadakan. Penyata Impak Peraturan (RIS) yang merupakan keperluan bagi semua peraturan baharu telah disiapkan dan dihantar untuk kelulusan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Sektor ini juga telah menyediakan lain-lain RIS untuk kelulusan MPC iaitu RIS bagi pindaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586], RIS bagi Rang Undang-Undang *Assisted Reproductive Technology* dan RIS bagi pindaan Akta Kesihatan Mental 2001 [Akta 615]. Bagi tujuan penyediaan RIS untuk Cadangan Mengawal Selia Perkhidmatan Jagaan Kesihatan di Rumah Swasta oleh penyedia perkhidmatan *standalone* dan profesional kesihatan *freelance*, konsultasi awam telah dijalankan melalui portal *Unified Public Consultation* (UPC) MPC dan *Closure Report* bagi konsultasi ini telah disediakan.

SEKTOR FI FASILITI KESIHATAN SWASTA

Pada tahun 2022, sektor ini berjaya memuktamadkan pindaan Jadual ke-13 di bawah Akta 586 yang menetapkan fi profesional bagi pengamal perubatan di hospital swasta. Pindaan ini melibatkan penambahan lebih daripada 1,500 prosedur baharu dalam senarai sedia ada. Sebanyak 28 mesyuarat bersama 39 persatuan mewakili pelbagai kepakaran dan subkepakaran telah diadakan, antaranya Persatuan Ortopedik Malaysia (MOA) dan Persatuan Neurosains Malaysia (MSN).

Sepanjang tahun 2022 juga, sektor ini berjaya menyelesaikan 170 aduan dan pertanyaan mengenai caj profesional pakar perubatan swasta yang diterima daripada pengurusan hospital, syarikat insurans, *Third Party Administrator* (TPA) dan pakar perubatan. Selain itu, sektor ini aktif menyertai sesi libat urus dan menerima jemputan taklimat berkenaan *charging protocol* antaranya penyertaan di dalam Simposium Hibrid Neuro-onkologi dan Radiosurgeri dan Mesyuarat Saintifik Tahunan Persatuan Artroskopi Malaysia (MAS).

SEKTOR AMALAN PERUBATAN ESTETIK

Sektor ini merupakan sekretariat kepada *Main Credentialing & Privileging Committee for Aesthetic Medical Practice* yang menjalankan penilaian bertulis dan temuduga untuk pengamal perubatan am yang hendak mengamalkan perubatan estetik. Calon yang lulus akan menerima *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) yang membolehkan mereka memberikan perkhidmatan perubatan estetik di kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar. Sebanyak dua (2) sesi penilaian bertulis melibatkan 101 calon dan dua (2) sesi temuduga melibatkan 88 calon telah dijalankan pada tahun 2022.

Selain permohonan baharu, sektor ini juga turut menjalankan proses pembaharuan LCP yang telah tamat tempoh. Sehingga Disember 2022 jumlah pengamal perubatan yang mempunyai LCP adalah seperti berikut:

- i. *Chapter 1* (pengamal perubatan am): 432
- ii. *Chapter 2* (pakar perubatan): 76
- iii. *Chapter 3* (pakar pembedahan): 80

Sepanjang tahun 2022 sektor ini telah meneruskan usaha untuk mengatasi isu amalan perubatan estetik yang dijalankan oleh individu yang tidak bertauliah melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi memastikan orang ramai menerima perkhidmatan yang selamat.

SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN

Sektor ini mengendalikan proses verifikasi bagi permohonan Galakan Elaun Cukai Pelaburan bagi Pelancongan Kesihatan dengan nilai lebih RM21 juta pada tahun 2022. Ia melibatkan kerjasama *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), Bahagian Kejuruteraan KKM, MDA dan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, BAP. Sektor ini juga terlibat dalam proses formulasi dasar pelancongan kesihatan yang diterajui oleh Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC).

SEKTOR GLOBALISASI

Sektor ini bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi meneliti dan memantau perkembangan perjanjian perdagangan antarabangsa yang melibatkan sektor perkhidmatan kesihatan swasta, antaranya *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP), *ASEAN Framework Agreement on Services* (AFAS) dan beberapa perjanjian perdagangan dua hala dan pelbagai hala yang lain. Sektor ini juga memainkan peranan di dalam proses semakan semula Dasar Penyertaan Ekuiti Asing Dalam Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta.


Seperti tahun sebelum ini, sektor ini mewakili Malaysia ke Mesyuarat ASEAN *Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners* (AJCCM). Mesyuarat pada tahun 2022 telah diadakan secara maya dan dianjurkan oleh Brunei Darussalam dan Filipina. Pada mesyuarat tersebut, Malaysia telah memuktamadkan maklumat mekanisme pergerakan dan pendaftaran pengamal perubatan serta turut terlibat dalam penyediaan draf akhir laporan *Study on Supply and Demand of Professional Services in ASEAN* oleh *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia* (ERIA).

CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

CKAPS berperanan bagi menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Aktiviti kawalan dan kawal selia bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS) di bawah Akta 586 termasuk pendaftaran, kelulusan, pelesenan, pengendalian aduan, penilaian kualiti, aktiviti penguatkuasaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan KPJKS. Pada tahun 2022, sejumlah 14,468 KPJKS telah didaftarkan dan dilesenkan bawah Akta 586.

KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2022

Pada tahun 2022, CKAPS telah mengutip sebanyak RM4,434,180 daripada fi pemprosesan, fi pengeluaran dan fi pentadbiran di mana jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. **Rajah 6.4** menunjukkan perbandingan kutipan hasil dari tahun 2016 hingga 2022.



Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

MESYUARAT TEKNIKAL CKAPS

Mesyuarat Teknikal CKAPS telah diadakan pada 22 hingga 24 Ogos 2022 di Tasik Villa International Resort, Port Dickson. Mesyuarat yang dihadiri oleh 42 wakil pegawai CKAPS dari ibu pejabat dan JKN/WP. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan draf polisi dan garis panduan terkini berkenaan proses pendaftaran dan pelesenan KPJKS serta mengenalpasti isu-isu berkenaan penilaian perkhidmatan yang diberikan oleh KPJKS melalui pelaporan insiden dan kematian boleh nilai, pengendalian aduan, penguatkuasaan dan pendakwaan. Antara perkara yang diputuskan dalam mesyuarat ini adalah:

- i. Panduan Memproses Permohonan Pendaftaran Klinik Perubatan/ Pergigian Swasta [Satu (1) Orang Yang Bertanggungjawab kepada satu (1) Klinik Perubatan/Pergigian Swasta];
- ii. Ketetapan Had Bilangan Bilik Perundingan, Bilik Rawatan dan Bilik Pembedahan Kecil di Klinik Perubatan Swasta;
- iii. Pengurusan Barang Sitaan (Eksibit) dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi Pelepasan Lak; dan
- iv. Pelantikan beberapa Jawatankuasa Khas bagi Pembangunan Polisi berkaitan Penguatkuasaan Akta 586.

Imej 6.5
Mesyuarat Teknikal CKAPS



Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

LATIHAN DAN KURSUS

TRAINING OF TRAINERS (TOT) PROSES PENDAFTARAN KLINIK SWASTA

Tugas dan skop aktiviti-aktiviti pendaftaran dan pelesenan KPJKS semakin meningkat sejak Akta 586 dilaksanakan. Pelbagai polisi, garis panduan dan senarai semak telah dikeluarkan oleh CKAPS HQ bagi membantu proses tugas pegawai CKAPS di HQ dan JKN/WP. Justeru, program Lawatan *Training of Trainers* diadakan bagi menyalurkan maklumat berkenaan polisi dan garis panduan yang terkini bagi mengelakkan salah faham dan ketidakseragaman pelaksanaan Akta 586 dan Peraturan-peraturannya. ToT pendaftaran klinik swasta ini termasuklah proses permohonan pendaftaran klinik swasta, pembacaan pelan lantai dan pra-pendaftaran terhadap klinik swasta

Susulan itu, sehingga 31 Disember 2022, sebanyak empat (4) siri ToT telah berjaya diadakan seperti berikut:

- | | |
|--|-------------------------|
| i. CKAPS JKN Selangor | : 9 Ogos 2022 |
| ii. CKAPS JKN Pulau Pinang, Kedah & Perlis | : 13 - 14 Oktober 2022 |
| iii. CKAPS JKN Kelantan & Terengganu | : 26 - 27 Oktober 2022 |
| iv. CKAPS JKN Melaka | : 20 - 21 Disember 2022 |

Imej 6.6 ToT Proses Pendaftaran Klinik Swasta pada Tahun 2022



ToT CKAPS JKN Melaka



ToT CKAPS JKN Selangor



ToT CKAPS JKN Pulau Pinang, Kedah & Perlis



ToT CKAPS JKN Kelantan & Terengganu

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

LATIHAN SANGKUTAN DI CKAPS IBU PEJABAT

Untuk meningkatkan pelaksanaan Akta 586, CKAPS Ibu Pejabat menganjurkan program latihan bagi pegawai daripada CKAPS JKN/ WP di ibu pejabat. Dua (2) pegawai daripada CKAPS WP Kuala Lumpur & Putrajaya telah dipilih sebagai peserta pertama dan menjalani latihan selama dua (2) bulan. Latihan menyeluruh ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, pemahaman, dan kecekapan pegawai dalam pelaksanaan Akta 586 dan Peraturannya, dengan niat untuk meluaskan peluang ini kepada pegawai daripada semua bahagian di peringkat negeri pada masa depan.

Imej 6.7 Latihan Sangkutan di CKAPS Ibu Pejabat



Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

KURSUS - KURSUS LAIN

Kursus Asas Pendakwaan CKAPS dan Kursus Asas Fotografi Forensik telah diadakan secara serentak dari 3 hingga 5 Oktober 2022 di Crystal Crown Hotel, Kuala Lumpur.

CAWANGAN PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN

PENDAFTARAN DAN PEMBAHARUAN SIJIL AMALAN TAHUNAN

Sejumlah 85 peratus permohonan yang menggunakan Borang 3 (peraturan 16 (1)) bagi Sijil Pendaftaran sebagai Pembantu Perubatan dengan Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia telah disiapkan dalam tempoh 45 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima. Selain itu, semua pendaftaran yang mematuhi peraturan telah berjaya diproses dengan kejayaan mencapai 100 peratus.

PROGRAM PENEMPATAN WAJIB (PPW)

PPW selama enam (6) bulan di Jabatan Kecemasan ialah program khusus yang dirancang dan dilaksanakan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan (PPP) lantikan baharu di KKM, bertujuan untuk memantapkan kemahiran klinikal, meningkatkan kebolehan membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi.

Jadual 6.7
PPW pada Tahun 2022

Negeri	Jumlah
Perlis	40
Kedah	145
Pulau Pinang	122
Perak	152
Selangor	388
WP Kuala Lumpur (HKL)	215
WP Putrajaya	67
Negeri Sembilan	86
Melaka	92
Johor	132
Kelantan	93
Terengganu	93
Pahang	124
Sabah	226
Sarawak	195
WP Labuan	16
Jumlah	2,186

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

Jadual 6.8
Kelulusan Akademik PPP pada Tahun 2022

Butiran	Bilangan
Jumlah Keseluruhan PPP yg berdaftar	29,104
Jumlah Keseluruhan PPP (Kerajaan)	23,401
Jumlah Keseluruhan PPP (Swasta)	5,703
Pendidikan Pos Basik	5,944
Ijazah Sarjana Muda	578
Ijazah Sarjana	97
Doktor Falsafah (PhD)	11
Tanpa Pendidikan Pos Basik	17,457
Pos Basik Setahun (Purata)	700

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

Jadual 6.9
Bilangan Perjawatan Pembantu Perawatan Kesihatan pada Tahun 2022

Gred	Pengisian	Kekosongan	Jumlah Perjawatan
U 16	88	15	103
U 14	1,005	133	1,138
U 11/14	25,907	2,491	28,398
Jumlah	27,000	2,639	29,639

Sumber: Bahagian Amalam Perubatan, KKM

LEMBAGA PEMBANTU HOSPITAL ESTET (LPHE)

Jadual 6.10
Penjawatan LPHE pada Tahun 2022

Negeri	Jumlah Ladang	Jumlah Klinik	Bil. Pembantu Hospital Estet	Penolong Pegawai Perubatan
Perlis	0	0	0	0
Kedah	27	27	5	2
Pulau Pinang	1	1	0	0

Negeri	Jumlah Ladang	Jumlah Klinik	Bil. Pembantu Hospital Estet	Penolong Pegawai Perubatan
Perak	65	57	17	12
Selangor	85	38	4	7
Negeri Sembilan	8	8	5	11
Melaka	7	7	1	6
Johor	100	98	29	28
Pahang	16	13	4	9
Terengganu	21	10	1	1
Kelantan	10	2	2	2
Sarawak	38	38	0	8
Sabah	1,570	240	269	20
Jumlah	1,984	539	391	112

Sumber: Bahagian Amalan Perubatan, KKM

MAJLIS OPTIK MALAYSIA (MOC)

MOC adalah badan regulatori yang bertanggungjawab mendaftarkan optometris dan juruoptyk, mengeluarkan Perakuan Pengamalan Tahunan (APC) optometris dan juruoptyk dan memantau perkhidmatan dan amalan optometri mengikut peruntukan di bawah Akta Optik 1991. MOC juga terlibat dalam penilaian dan pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.

SEKTOR PENGIKTIRAFAN, OPERASI & KEWANGAN

Sektor ini bertanggungjawab dalam pengiktirafan Program Optometri/Opticianri dan Penilaian APEL (C) bagi juruoptyk berdaftar.

Penilaian Pemantauan Program Akreditasi

Penilaian pemantauan akreditasi telah dilaksanakan ke atas tiga (3) program seperti **Rajah 6.5**.

Rajah 6.5
Pemantauan Akreditasi Program pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Optik Malaysia, KKM

PEMBANGUNAN STANDARD DAN GARIS PANDUAN

Dokumen Program Standard dan Garis Panduan Kelulusan Akreditasi Program Optometri/Opticianri versi 2.0 berdasarkan *Code of Practice Programme Accreditation (COPPA)* 2.0 dan *Malaysian Qualification Framework (MQF)* 2.0 telah disahkan dalam Mesyuarat MOC ke-80. Dokumen ini akan diedarkan kepada semua PPT yang menawarkan program optometri/opticianri di Malaysia.

Penilaian Accreditation of Prior Experiential Learning for Credit Award (APEL C)

Beberapa aktiviti berkaitan APEL (C) telah diadakan seperti berikut;

Jadual 6.11
Aktiviti Penilaian APEL C pada Tahun 2022


Aktiviti	Tarikh	Sasaran
Workshop on APEL (C) [Credit Award] – Practice Based Assessment	3 Mac 2022	Jawatankuasa APEL (C) MOC
Sesi libat urus pelaksanaan APEL (C) MOC	18 Oktober 2022	Juruoptik Berdaftar
Taklimat pengisian portfolio APEL (C)	11 Mei 2022	13 calon APEL (C)

Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM


SEKTOR PENDAFTARAN

Jawatankuasa Penilaian MOC (JKP) bertanggungjawab dalam perkara yang berkaitan dengan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan optometris dan juruoptik (pengamal optometri) di Malaysia. **Rajah 6.6** menunjukkan jumlah optometris dan juruoptik berdaftar bagi tahun 2022. **Rajah 6.7** menunjukkan jumlah pengeluaran APC bagi tahun 2019 hingga 2022.

Rajah 6.6
Jumlah Optometris & Juruoptik Berdaftar pada Tahun 2022



Rajah 6.7
Jumlah Pengeluaran APC dari Tahun 2019-2022



Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Professional Qualifying Assessment (PQA)

MOC bersama Pertubuhan Akademi Optometri Malaysia telah berjaya mengendalikan PQA bagi mendaftarkan graduan bidang opticianri yang mempunyai kelayakan yang tidak tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Optik 1991 sebagai juruoptik berdaftar. PQA telah diadakan di Klinik Optometri UKM pada 18 Jun 2022 melibatkan tiga (3) orang calon.

Hari Bersama Pelanggan

Hari Bersama Pelanggan telah diadakan pada 24 Mei 2022, 26 Julai 2022 dan 30 Ogos 2022 untuk memberi peluang kepada pengamal hadir ke pejabat MOC dan membuat permohonan APC serta mendapat sijil APC pada hari yang sama.

SEKTOR ETIKA DAN AKTA

Sektor ini bertanggungjawab ke atas pelaksanaan gubalan Rang Undang-undang Optometri, pindaan Jadual Akta Optik 1991 dan Peraturan-peraturan Optik 1994, pengendalian aduan berkenaan pengamal optometri dan perkhidmatan MOC serta pengendalian audit surveilans ke atas pengamal optometri.

Gubalan Rang Undang-undang Optometri

Penyata Impak Peraturan (RIS) bagi Rang Undang-Undang (RUU) Optometri telah diluluskan oleh MPC melalui surat bertarikh 2 November 2022. RUU seterusnya akan dihantar kepada PUU dan AGC untuk semakan.

Aduan

MOC menerima aduan daripada pelbagai saluran termasuk melalui e-mel (eaduan.moc@moh.gov.my), surat dan panggilan telefon. Jumlah aduan yang diterima dan diuruskan oleh MOC adalah seperti pada **Rajah 6.8**.

Imej 6.8 PQA di Klinik Optometri UKM




Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Imej 6.9 Hari Bersama Pelanggan



Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Rajah 6.8 Jumlah Aduan yang Diterima Mengikut Kategori pada Tahun 2022



- Penjualan Kanta Lepak Atas Talian
- Melanggar Kod Tata Amalan Juruoptik & Optomet
- Jualan di Premis Bukan Optikal
- Tiada Juruoptik & Optometris Berdaftar

Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Audit Surveilans Optik

Audit Surveilans Optik (ASO) adalah audit yang dijalankan ke atas optometris dan juruoptik berdaftar yang menjalankan amalan optometri di premis optikal di Malaysia. Objektifnya adalah untuk menilai tahap pematuhan optometris dan juruoptik berdaftar terhadap Akta Optik 1991 dan Kod Tataamalan yang telah ditetapkan. Senarai optometris dan juruoptik berdaftar yang telah diaudit adalah seperti **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Senarai Audit Optometris dan Juruoptik Berdaftar pada Tahun 2022

Tarikh	Tempat	Bilangan yang diaudit	
		Optometris	Juruoptik
10 Mac 2022	Cyberjaya	11	3
24 Mac 2022	Bangi Fasa 1	15	7
19 Julai 2022	Bangi Fasa 2	21	2
27 Julai 2022	Sepang	8	6
25 Ogos 2022	Seksyen 7, Shah Alam	19	5
13 Oktober 2022	WP Putrajaya	1	0

Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Sesi Libat Urus Majlis Optik Malaysia bersama Agensi Lain

Dalam usaha memperkasa aktiviti penguatkuasaan ke atas premis optik dan pengamal optometri di Malaysia, MOC telah mengadakan sesi libat urus bersama Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP pada 13 September 2022 dan 19 Oktober 2022 dan bersama Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Negeri Selangor pada 27 Oktober 2022.

Imej 6.10
Bahagian Penguatkuasaan KPDNHEP



Imej 6.11
Seksyen PBT, UPEN Selangor



Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

SEKTOR KOMPETENSI


Peperiksaan Kanta Lepak bagi Juruoptik Berdaftar

Seksyen 30 Akta Optik 1991 memperuntukkan kebenaran untuk mempreskripsi dan mendispens kanta lekap kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus peperiksaan kanta lekap yang diadakan oleh majlis. Peperiksaan Kanta Lepak Amali bagi Juruoptik Berdaftar telah dijalankan pada 31 Mei 2022 & 1 Jun 2022 di Universiti SEGi, Kota Damansara, Petaling Jaya. Seramai 16 orang juruoptik berdaftar telah menduduki peperiksaan kanta lekap amali dan tiga (3) calon telah lulus. Kebenaran mempreskripsi dan mendispens kanta lekap telah dikeluarkan kepada juruoptik berdaftar yang lulus.

Continuing Professional Development (CPD)


Bagi memastikan pembelajaran dan pembangunan profesional sepanjang hayat yang sistematik dalam kalangan optometris dan juruoptik berdaftar, MOC giat menggalakkan semua pengamal optometri untuk berdaftar dan aktif membuat tuntutan mata CPD dalam sistem myCPD 2.0. Jumlah pengamal optometri yang berdaftar dalam sistem myCPD dan Jumlah program yang telah disahkan sepanjang tahun 2022 ditunjukkan pada **Rajah 6.9** dan **Rajah 6.10**.

Rajah 6.9
Jumlah Pengamal Optometri yang Berdaftar dalam Sistem myCPD 2.0 pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

Rajah 6.10
Jumlah Program yang telah Disahkan pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Optikal Malaysia, KKM

BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU (BSKB)

BSKB bertanggungjawab mengendalikan 29 Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) di KKM. Bahagian ini mengurus 30,000 individu yang berkhidmat di sektor klinikal, makmal dan kesihatan awam. Fungsi utama BSKB ialah membangunkan dasar kesihatan bersekutu dan perkembangan kerjaya, menggalakkan aktiviti kualiti dan penyelidikan, menetapkan standard latihan dan kompetensi serta mengurus keperluan sumber kesihatan.

AKTA PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU 2016 [AKTA 774]

PERINTAH PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2022

Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu (Pindaan Jadual Kedua) 2022 dikuatkuasakan pada 24 Mac 2022. Jadual Kedua [2022] baharu ini menyenaraikan 16 PKB yang dikawal selia berbanding jadual asal yang mempunyai 23 profesion. Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia (MPKBM) telah bersetuju untuk mengugurkan dua (2) profesion dan menggabungkan enam (6) profesion untuk dikenali sebagai Ahli Sains Makmal Perubatan. Senarai profesion adalah seperti **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13
Senarai Profesion Sebelum dan Selepas Pindaan Jadual Kedua Profesion Kesihatan Bersekutu Akta 774

Sebelum Pindaan	Selepas Pindaan
1. Ahli Audiologi	1. Ahli Audiologi
2. Ahli Dietetik	2. Ahli Dietetik
3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)	3. Ahli Entomologi (Kesihatan Awam)
4. Ahli Fisioterapi	4. Ahli Fisioterapi
5. Ahli Fizik Perubatan	5. Ahli Fizik Perubatan
6. Ahli Pemakanan	6. Ahli Pemakanan
7. Ahli Psikologi Klinikal	7. Ahli Terapi Cara Kerja
8. Ahli Sains Klinikal (Biokimia)	8. Ahli Radiografi Diagnostik
9. Ahli Sains Klinikal (Bioperubatan)	9. Ahli Psikologi Klinikal
10. Ahli Sains Klinikal (Embriologi)	10. Ahli Sains Makmal Perubatan
11. Ahli Sains Klinikal (Genetik Perubatan)	11. Ahli Terapi Pertuturan – Bahasa
12. Ahli Sains Klinikal (Mikrobiologi)	12. Ahli Terapi Radiasi
13. Ahli Terapi Cara Kerja	13. Juruteknologi Makmal Perubatan
14. Ahli Terapi Pertuturan Bahasa	14. Juruteknologi Pergigian
15. Ahli Terapi Radiasi	15. Pegawai Kesihatan Persekitaran
16. Juruaudiografi Diagnostik	16. Pegawai Pendidikan Kesihatan
17. Juruteknologi Makmal Perubatan	
18. Juruteknologi Pergigian	
19. Pegawai Kesihatan Persekitaran	
20. Pegawai Pendidikan Kesihatan	
21. Pegawai Penyediaan Makanan (Penjagaan Kesihatan)	
22. Pegawai Sains Forensik	
23. Pegawai Sosial Perubatan	


Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PENDAFTARAN PENGAMAL KESIHATAN BERSEKUTU

Tarikh permulaan pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu telah ditetapkan pada 1 Julai 2022 yang melibatkan pengamal kesihatan bersekutu daripada sektor awam, swasta dan institusi pengajian tinggi. Tempoh peralihan pendaftaran pengamal telah ditetapkan dari 1 Julai 2022 hingga 30 Jun 2025 dan jadual penggiliran pendaftaran telah dikeluarkan bagi melancarkan proses pendaftaran tersebut.

Pendaftaran pengamal kesihatan bersekutu dijalankan secara dalam talian sepenuhnya dengan menggunakan aplikasi *Malaysian Healthcare Practitioners' System* (MHPS). Jumlah pengamal berdaftar sehingga 31 Disember 2022 sebanyak 6,840 pengamal mengikut jadual penggiliran pendaftaran seperti pada **Rajah 6.11**.

Rajah 6.11
Pengamal Kesihatan Bersekutu Berdaftar pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

Peraturan-Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu (Fi) 2020 telah menetapkan fi permohonan bagi pendaftaran sebagai pengamal kesihatan bersekutu sebanyak RM50.00 dan pengeluaran perakuan pendaftaran adalah RM100.00. Jumlah kutipan hasil hingga 31 Disember 2022 seperti **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14
Kutipan Hasil Pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu pada Tahun 2022

Jenis Fi	RM
Fi Permohonan Pendaftaran	379,500.00
Fi Pengeluaran Perakuan Pendaftaran	684,400.00
Jumlah	1,063,900.00

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PENGUATKUASAAN AKTA 774

LAWATAN BERKALA KE PREMIS PERKHIDMATAN KESIHATAN BERSEKUTU

Seksyen Penguatkuasaan telah melaksanakan lawatan berkala ke 15 premis yang memberi perkhidmatan berkaitan Kesihatan Bersekutu seperti **Jadual 6.15**. Tujuan lawatan adalah untuk memberi kesedaran tentang Akta 774 dan tindakan pembetulan berpandukan Bahagian VI (Kesalahan-Kesalahan) dan Bahagian VII (Penguatkuasaan) Akta 774 kepada para pengamal kesihatan bersekutu.

Jadual 6.15
Lawatan Berkala ke Premis yang menawarkan Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu


Zon	Kawasan	Bilangan Premis
Zon Tengah	Lembah Klang	3
Zon Selatan	Johor Bahru	5
Zon Timur	Kelantan	7

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

ADUAN

Sebanyak sembilan (9) aduan berhubung kesalahan di bawah Akta 774 telah diterima pada tahun 2022 seperti **Rajah 6.12**.

Rajah 6.12
Aduan berhubung Kesalahan Di Bawah Akta 774 pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) BAHARU BAGI BSKB

Bermula tahun 2022, KPI baharu bagi Pengarah BSKB adalah Peratusan Pendaftaran Pengamal Kesihatan Bersekutu di bawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia 2016 [Akta 774] yang berkhidmat di fasiliti KKM. Pencapaian indikator ini amat memberangsangkan iaitu 29.5 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 5.0 peratus walaupun pendaftaran secara dalam talian baru dibuka kepada pengamal kesihatan bersekutu pada Julai 2022.

Selain itu, terdapat empat (4) KPI Tier 3 KKM Timbalan Pengarah Kanan BSKB telah dipantau sepanjang tahun 2022 seperti pada **Jadual 6.17**.

Jadual 6.17
KPI Tier 3 KKM untuk Timbalan Pengarah Kanan BSKB

Indikator	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Penghasilan Analisis Perjawatan bagi Profesion Kesihatan Bersekutu	80	81
Penilaian Status Peralatan Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di Fasiliti Hospital Kluster	100	100
Pembangunan Modul Latihan Penjagaan Pesakit Disfagia Warga Emas secara Kolaborasi Multidisiplin	100	100
Penghasilan Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di Fasiliti Kesihatan <i>Standalone</i>	100	100

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

PROJEK DI BAWAH BAJET PROGRAM WHO

Terdapat dua (2) projek yang berimpak tinggi telah disenarai pendek oleh WHO bagi belanjawan tahun 2022 hingga 2023 seperti di bawah:

- Development of Credentialing, Competency and Capability Framework for Allied Health Professions in Ministry of Health Malaysia; dan*
- Occupational Engagement Activities Among the Elderly to Promote Health and Well-Being in the Community*

Hasil projek ini dapat menyokong kepada pembangunan dasar baharu berkaitan perkembangan kerjaya dan perkhidmatan kesihatan bersekutu di Malaysia. BSKB juga telah melengkapkan projek penyelidikan di bawah peruntukan Bajet Program WHO 2020 hingga 2021 di mana laporan teknikal berkaitan rangka kerja kawal selia yang berkesan untuk profesional kesihatan bersekutu di Malaysia telah dihasilkan.

GARIS PANDUAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN BERSEKUTU SWASTA *STANDALONE*

BSKB telah membangunkan Garis Panduan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Bersekutu Swasta *Standalone* sebagai panduan kepada pihak yang ingin menyediakan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan bersekutu swasta yang *standalone*. Garis panduan ini terdiri daripada tiga (3) bahagian iaitu standard kemudahan, standard perkhidmatan (am dan khusus) dan standard personel. Garis panduan ini menetapkan standard perkhidmatan khusus bagi enam (6) profesion kesihatan bersekutu iaitu Audiologi, Terapi Pertuturan-Bahasa, Fisioterapi, Terapi Cara Kerja, Psikologi Kaunseling dan Psikologi Klinikal.


CREDENTIALING PROFESIONAL KESIHATAN BERSEKUTU

BSKB mengurus permohonan *credentialing* bagi sembilan (9) Profesion Kesihatan Bersekutu iaitu Pegawai Pemulihan Perubatan/ Jurupulih Perubatan (Fisioterapi), Pegawai Pemulihan Perubatan/ Jurupulih Perubatan (Carakerja), Juru X-Ray (Diagnostik), Juru X-Ray (Terapi), Juruteknologi Pergigian, Pegawai Optometri, Pegawai Dietetik, Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi). Mesyuarat *Sub-Specialty Committee* (SSC) dan Mesyuarat *National Credentialing Committee* (NCC), KKM telah memperakukan sebanyak 1,243 Profesional Kesihatan Bersekutu bagi tahun 2022.

LATIHAN PROFESIONAL KESIHATAN BERSEKUTU

BSKB telah menganjurkan Kursus Orientasi Bersepadu untuk memastikan pegawai lantikan baharu diberikan pendedahan terperinci mengenai perkhidmatan Kesihatan Bersekutu di KKM. Kursus ini telah dihadiri seramai 882 profesional dari 14 Profesion Kesihatan Bersekutu. BSKB berjaya menyelaras 27 kursus yang melibatkan 1,701 profesional Kesihatan Bersekutu yang telah dilatih pada tahun 2022, dengan perbelanjaan pembangunan modal insan sebanyak RM134,496.00 sebagai inisiatif untuk meningkatkan kapasiti modal insan.

Seramai 41 Profesional Kesihatan Bersekutu juga telah berjaya melanjutkan pengajian dalam bidang Sarjana dan Kedoktoran bidang masing-masing di dalam dan luar negara seperti **Rajah 6.13**.



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

LATIH AMAL PELAJAR DI FASILITI KKM

Bagi tahun 2022, sebanyak 46 Institusi Pengajian Tinggi (11 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 35 Institusi Pengajian Tinggi Swasta) telah memeterai Memorandum Perjanjian dengan Kerajaan Malaysia (KKM) bagi tujuan latih amal pelajar di fasiliti KKM. Ia merangkumi 116 Program Kesihatan Bersekutu dan 541 fasiliti KKM yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti (JKPF), KKM.

BAHAGIAN KEJURURAWATAN (BKJ)

BKJ bertanggungjawab ke atas dasar perancangan pembangunan profesion kejururawatan agar selari dengan aspirasi KKM serta mengurus perihal kejururawatan secara konstruktif dan produktif demi mengekalkan piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan.

Terdapat dua (2) cawangan iaitu Cawangan Dasar & Amalan dan Cawangan Regulatori yang dibahagikan kepada lima (5) sektor dan sekretariat. Sektor-sektor ini adalah Sektor Amalan (Hospital dan Kesihatan Awam), Sektor Kualiti & Latihan, Sektor Pendaftaran & Penguatkuasaan, Sektor Standard & Akreditasi, Sektor Pengurusan Korporat dan Sekretariat Lembaga Jururawat Malaysia & Lembaga Bidan Malaysia.

CAWANGAN DASAR DAN AMALAN KEJURURAWATAN

SEKTOR KUALITI DAN LATIHAN

Di bawah sektor ini terdapat tiga (3) indikator yang dipantau bagi peringkat Bahagian Kejururawatan iaitu KPI Pengarah, Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan. Bagi peringkat kebangsaan tiga (3) indikator dipantau iaitu *National Nursing Audit* (NNA) bagi Perubatan dan Kesihatan Awam, *National Operating Room Audit* (NORNA) dan *National Nursing Indicator Approach* (NNIA).

UNIT PEMBANGUNAN PIAWAIAN KUALITI KEJURURAWATAN

Terdapat enam (6) KPI bagi Pengarah Kejururawatan pada keseluruhannya dan kesemuanya telah mencapai sasaran yang ditetapkan seperti **Jadual 6.18**.

Jadual 6.18
Pencapaian KPI bagi Pengarah Kejururawatan pada Tahun 2022

<i>Indikator</i>	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Peratus jururawat berdaftar yang mempunyai sijil pengkhususan pos basik (Sijil/ Diploma Lanjutan) ditempatkan mengikut bidang pengkhususan.	≥ 90	98
Peratus perakuan pengamalan jururawat tahunan dikeluarkan sebelum atau pada 31 Disember tahun semasa.	100	100
Peratus melaksanakan dua belas (12) lawatan pemantauan setahun, bagi keakuran penggunaan fasiliti KKM yang digunapakai untuk latihan program kejururawatan.	100	100
Peratus pesakit yang tidak jatuh dalam tempoh rawatan di dalam wad semasa berada di hospital.	≥ 95	100
Peratus pesakit dalam (inpatients) dengan <i>intravenous</i> (IV) <i>cannulation</i> bebas dari insiden <i>thrombophlebitis</i> .	≥ 90	100
Peratus sijil <i>credentialing</i> dan lencana bagi permohonan baharu dikeluarkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari bekerja selepas diperakukan dalam mesyuarat <i>National Credentialing Committee</i> (NCC).	≥ 80	100

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

Standard kejururawatan dan kompetensi jururawat di hospital diukur menggunakan NNA Perubatan yang mempunyai lima (5) elemen. Semua elemen telah mencapai *standard* yang ditetapkan seperti **Jadual 6.19**.

Jadual 6.19
Pencapaian NNA Perubatan pada Tahun 2022

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
<i>Administration of oral medication</i>	100	100
<i>Administration of intravenous (IV) infusion</i>	> 90	99
<i>Aseptic wound dressing</i>	90	96
<i>Administration of blood/ blood component transfusion</i>	100	100
<i>Pain as 5th vital sign</i>	90	96

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

Sebanyak 12 elemen NNA Kesihatan Awam telah diaudit dan dicapai bagi tahun 2022 seperti **Jadual 6.20**.

Jadual 6.20
Pencapaian NNA Kesihatan Awam pada Tahun 2022

Elemen	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Pengendalian kes risiko ibu hamil – <i>Anemia</i> .	85	91
Pengendalian kes risiko ibu hamil – PIH.	85	94
Pengendalian kes risiko ibu hamil – GDM.	85	91
Pemeriksaan fizikal dan palpasi abdomen ibu hamil.	90	98
Jagaan perawatan ibu dan bayi lepas bersalin – Ibu.	95	99
Jagaan perawatan ibu dan bayi lepas bersalin – Anak.	95	100
Pemberian imunisasi melalui suntikan.	100	99
Pengurusan sistem rangkaian sejuk.	100	100
Pertumbuhan dan perkembangan dalam kalangan bayi dan kanak-kanak.	95	99
Pengurusan bayi dan kanak-kanak berumur 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan makanan dan tidak menerima bantuan.	80	87
Kepimpinan dan pentadbiran perkhidmatan kejururawatan.	85	99
Pengurusan sumber manusia di peringkat penjagaan kesihatan primer.	85	98

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

Bagi memastikan penjagaan pesakit yang selamat, pencapaian *National Nursing Indicator Approach* (NNIA) adalah peratus insiden yang tidak melebihi sasaran seperti di **Jadual 6.21**.

Jadual 6.21
Pencapaian NNIA pada Tahun 2022

Indikator	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
<i>Incidence of patient fall.</i>	≤ 4	0.3
<i>Incidence of thrombophlebitis among in both patient with cannulation.</i>	≤ 0.5	0.03
<i>Incidence of pressure sores in non-ambulatory patients.</i>	≤ 2.1	0.9

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

UNIT PEMBANGUNAN PROFESION KEJURURAWATAN

Bagi tahun 2022, sebanyak 20 kursus telah dianjurkan oleh BKj dan lapan (8) kursus oleh anjuran luar seperti Institut Tadbiran Awam (INTAN) dan lain-lain. Unit ini berfungsi sebagai Badan Regulatori dalam pemberian mata CPD untuk penganjur yang menjalankan kursus. Bagi tahun 2022, unit ini telah menerima permohonan mata kredit bagi 2,931 program daripada penganjur kerajaan dan swasta. Sebanyak 2,100 (72 peratus) program telah diluluskan manakala bakinya 831 (28 peratus) telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat permohonan.

UNIT CREDENTIALING AND PRIVILEGING (C&P)

Terdapat 12 disiplin yang memberi pertauliahkan sijil *credentialing*, manakala sijil *privileging* pula diberi oleh jawatankuasa *privileging* di peringkat hospital. Jumlah sijil *credentialing* yang tertinggi untuk tahun 2022 adalah bagi Rawatan Rapi (468) dan diikuti oleh Pediatrik (335). Paliatif dan pra hospital merupakan disiplin yang baru diperkenalkan pada tahun 2019 dan permohonan perlu dipertingkatkan. Sijil *credentialing* diberikan setiap dua (2) tahun. Kelulusan *recredentialing* yang paling tinggi adalah untuk Unit Rawatan Rapi dan diikuti dengan Peri Operatif serta Hemodialisis bagi tahun 2022.

UNIT ADUAN DAN MAKLUM BALAS

BKj telah membuat penambahbaikan melalui pemantauan, *buddy system*, program AKRAB dan lain-lain. *Soft skill* ialah punca utama aduan iaitu sebanyak 284 (38.2 peratus) dan diikuti dengan sikap jururawat, 171 (22.9 peratus) bagi tahun 2022.

UNIT PENYELIDIKAN KEJURURAWATAN

Aktiviti yang dijalankan oleh Unit Penyelidikan Kejururawatan pada tahun 2022 adalah seperti **Jadual 6.22**.

Jadual 6.22
Pencapaian Aktiviti Unit Penyelidikan Kejururawatan bagi Tahun 2022

Aktiviti	Pencapaian
Pelantikan Penyelaras Penyelidikan peringkat negeri/institusi/hospital KKM.	39 orang jururawat dengan kelayakan dalam Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan dilantik.
Bengkel Penulisan dan Penerbitan Artikel	40 orang peserta menghadiri bengkel. Pembentangan dari HKL, Melaka, Johor dan Sarawak.
Jawatankuasa Saintifik bagi <i>25th Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference 2022</i>	Pembentangan tujuh (7) <i>Plenary</i> , 65 <i>oral</i> & 31 poster.
Penerbitan Buku Laporan	Buku Laporan Sambutan Hari Jururawat Antarabangsa dan Evolusi Pakaian & Laporan Tahunan Bahagian Kejururawatan

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

SEKTOR AMALAN

UNIT AMALAN KEJURURAWATAN (PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM)

Lawatan penyeliaan dan pemantauan telah dilakukan di 41 fasiliti hospital, kesihatan awam dan program jangkau luar pada tahun 2022. Perkara yang dititikberatkan semasa lawatan adalah SOP, garis panduan dan polisi KKM serta keselamatan pesakit dan warga kerja seperti **Imej 6.12**.

Imej 6.12
Lawatan Penyeliaan dan Pemantauan oleh Sektor Amalan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

CAWANGAN REGULATORI

SEKTOR PENDAFTARAN DAN PENGUATKUASAAN

UNIT PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PENGAMALAN JURURAWAT TAHUNAN (APC)

Pada tahun 2022, seramai 4,864 jururawat telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia yang terdiri daripada 4,219 Jururawat Berdaftar, 60 Penolong Jururawat, 70 Jururawat Kesihatan Awam dan 13 Jururawat Kesihatan Jiwa. Manakala 502 Jururawat Kebidanan Bahagian 1 telah berdaftar dengan Lembaga Bidan Malaysia. Seramai 136,166 jururawat telah diberikan APC yang terdiri daripada 114,769 Jururawat Berdaftar, 20,282 Jururawat Masyarakat dan 1,115 Penolong Jururawat.

UNIT PENDAFTARAN SIJIL PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA (TPC) DAN PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

THE 35TH ASEAN JOINT COORDINATING COMMITTEE OF NURSING (AJCCN) DAN 25TH JOINT MALAYSIA-SINGAPORE NURSING CONFERENCE (MSNC)

Mesuarat AJCCN kali ke-35 yang telah dipengerusikan oleh Brunei Darussalam secara maya pada 28 September 2022 dan telah dihadiri oleh semua wakil dari Negara Anggota ASEAN (AMS), kecuali Laos PDR. Thailand telah membentangkan berhubung pengukuhan Kurikulum Kejururawatan dan hasil pembelajaran. Manakala Brunei Darussalam membentangkan garis panduan dan *standard* pendidikan kejururawatan. Malaysia pula telah membentangkan kajian kejururawatan di *25th Joint Malaysia-Singapore Nursing Conference (MSNC)* yang telah diadakan secara fizikal pada 22 hingga 24 September 2022 di Johor Bahru yang dihadiri oleh 523 jururawat dari Malaysia, Indonesia, Myanmar dan Singapura. Selain itu, Singapura dan Brunei Darussalam membincangkan cabaran serta cara mengatasi halangan semasa pandemik COVID-19.

SEKTOR STANDARD DAN AKREDITASI

UNIT PENILAIAN KURIKULUM KEJURURAWATAN

Jumlah institusi latihan kejururawatan dan lawatan penilaian akreditasi bagi tahun 2022 adalah seperti **Jadual 6.23**.

Jadual 6.23
Institusi Latihan Kejururawatan dan Lawatan Penilaian Akreditasi pada Tahun 2022

Institusi	Fasiliti	Lawatan
Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)	13	3
Universiti Awam (UA)	11	4
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs)	49	23
Kementerian Pertahanan	1	0
Jumlah	74	30

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

UNIT PEPERIKSAAN

Jumlah keseluruhan yang menduduki peperiksaan bagi tahun 2022 adalah seramai 5,476 calon iaitu 87.1 peratus calon telah lulus dan bakinya 12.9 peratus telah gagal.

UNIT PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

Unit ini menjalankan pemantauan kepatuhan penggunaan fasiliti KKM bagi tujuan penempatan latih amal pelajar kejururawatan atau pelatih HEP. Pemantauan 18 hospital dan fasiliti kesihatan awam KKM telah dijalankan secara maya. 56 PPT telah mementerai MoA dengan KKM untuk menjalankan latihan klinikal.

SEKTOR PENGURUSAN KORPORAT

UNIT PERANCANGAN SUMBER MANUSIA KEJURURAWATAN

Pada tahun 2022, seramai 1,678 jururawat telah dilantik secara tetap dan 1,510 jururawat dilantik secara kontrak.


UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bagi tahun 2022, Unit Pentadbiran dan Kewangan telah mencapai sasaran HRMIS yang ditetapkan mengikut garis panduan dan peraturan.

LAPORAN TERIMAAN HASIL BAGI TAHUN 2022

Jumlah terimaan hasil bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM1,157,412.40 dengan bilangan resit sebanyak 13,905 daripada permohonan pendaftaran, peperiksaan dan sijil.

Rajah 6.14 Aktiviti dan Pencapaian Unit Teknologi Maklumat bagi Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (BPTK)

BPTK yang ditubuhkan pada tahun 2004 komited dalam mematuhi keperluan undang-undang, peraturan-peraturan dan memenuhi keperluan pelanggan serta melaksanakan penambahbaikan berterusan bagi memastikan keberkesanan sistem kawalan dan piawaian perubatan tradisional dan komplementari.

JALINAN KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN REPUBLIK INDIA DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

MoU antara Kerajaan Malaysia dengan Republik India untuk Kerjasama dalam Bidang Perubatan Tradisional yang dimeterai pada 27 Oktober 2010 telah KKM memperkukuhkan bidang Perubatan Tradisional India (PTI) di Malaysia dengan sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan Republik India. MoU yang telah tamat tempoh pada Oktober 2020 dijangka akan diperbaharui pada tahun 2023.

Antara kolaborasi jangka panjang kedua-dua kerajaan adalah penawaran perkhidmatan PTI (Shirodhara, Terapi Basti Luaran dan Terapi Varmam) di hospital KKM terpilih oleh deputasi pengamal PTI dan pembantu pengamal PTI di bawah program *Indian Technical and Economic Cooperation* (ITEC) sejak tahun 2011. Selain memberi khidmat nasihat dan rawatan PTI, pengamal PTI juga berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam pelbagai persidangan, seminar dan kursus. Mereka juga terlibat sebagai pakar bidang khusus dalam pembangunan garis panduan berkenaan pendidikan dan latihan serta amalan PTI.

Susulan penamatan tempoh deputasi pengamal PTI, perkhidmatan Terapi Varmam di Hospital Sungai Buloh telah ditangguhkan sejak Julai 2021 manakala perkhidmatan Shirodhara dan Terapi Basti Luaran di Hospital Rehabilitasi Cheras serta Hospital Port Dickson telah ditangguhkan sejak Oktober 2021. KKM adalah dalam proses pembaharuan MoU dan urusan berkaitan program ITEC dengan pihak Kementerian Ayush dan Suruhanjaya Tinggi India ke Malaysia agar permohonan deputasi pengamal dan pembantu pengamal PTI yang baru dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

Pihak Kerajaan Republik India menawarkan Skim Biasiswa AYUSH yang memberi peluang kepada pelajar yang berminat untuk menyambung pengajian dalam bidang PTI di universiti di India. Skim ini telah memanfaatkan 16 pelajar Malaysia sehingga tahun 2022.

Mesyuarat Teknikal Dua Hala (BTM) Ke-7 mengenai Kerjasama Dalam Bidang Perubatan Tradisional Antara Kerajaan Republik India dan Malaysia telah berlangsung dengan jayanya pada 9 Disember 2022 di Goa, India. Mesyuarat BTM diadakan setiap tahun dan dihoskan secara bergilir antara India dan Malaysia. Antara perkara yang dibincangkan dalam BTM Ke-7 adalah kolaborasi sedia ada dan cadangan kerjasama baharu berkaitan dengan amalan, pendidikan dan latihan, penyelidikan, perancangan pembaharuan MoU dan sebagainya. Antara aktiviti-aktiviti yang dipersetujui ialah penganjuran bengkel berkenaan penubuhan *Pharmacopoeia Commission* bagi PTI dan homeopati, pendekatan PTI dalam pengurusan dan pencegahan penyakit serta perkongsian teknologi dalam pembangunan industri herba. Pihak Kerajaan Republik India bersetuju untuk menjadi sumber rujukan bagi penyelidikan yang berkaitan dengan PTI.

Imej 6.13

BTM Ke-7 mengenai Kerjasama Dalam Bidang Sistem Perubatan Tradisional



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

SESI KUNJUNGAN HORMAT SETIAUSAHA KEMENTERIAN AYUSH, REPUBLIK INDIA

Ketua Setiausaha KKM telah menerima kunjungan hormat daripada Setiausaha Kementerian Ayush yang diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi (HICOM) India ke Malaysia pada 17 November 2022. Tujuan sesi tersebut adalah untuk membincangkan kerjasama dalam bidang sistem perubatan tradisional antara kedua-dua kerajaan. Kunjungan hormat tersebut merupakan sebahagian daripada jadual beliau di Malaysia untuk menghadiri *WHO ICD-11 Traditional Medicine Chapter Module 2 Alpha Draft Review Workshop* yang dianjurkan oleh pihak WHO di Kuala Lumpur.

Wakil-wakil KKM yang hadir bersama adalah termasuk BPTK, Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, serta Bahagian Regulatori Farmasi Malaysia (NPRA). Perkara yang dibincangkan adalah seperti kerjasama dalam penyelidikan perubatan tradisional, pendaftaran produk perubatan tradisional dan pembaharuan MoU dalam sistem perubatan tradisional.

Imej 6.14
Sesi Kunjungan Hormat Setiausaha Kementerian Ayush



Sesi Tandatangan Buku Pelawat



Sesi Pertukaran Cenderahati

Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

JALINAN KERJASAMA ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA (PRC) DALAM BIDANG PERUBATAN TRADISIONAL

Malaysia dan PRC telah menandatangani MoU dalam bidang Perubatan Tradisional pada 31 Mac 2022. MoU ini merupakan lanjutan daripada memorandum pertama yang telah ditandatangani pada 7 November 2011. MoU ini ditandatangani oleh Menteri Kesihatan Malaysia dan Pesuruhjaya *National Administration of Traditional Chinese Medicine* (NATCM), PRC secara maya.

MoU ini bertujuan memudahkan, menggalakkan dan mempromosikan kerjasama dalam bidang perubatan tradisional dari aspek amalan, bahan mentah dan produk, pendidikan dan latihan serta penyelidikan dan pembangunan. Ini seterusnya mewujudkan rangkaian komunikasi yang berkesan antara Malaysia dan China untuk pertukaran maklumat teknikal, saintifik dan peraturan berkaitan perubatan tradisional, khususnya perubatan tradisional Cina.

Susulan majlis menandatangani MoU itu, BTM Ke-4 antara KKM dan NATCM telah diadakan dan diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan KKM dan Ketua Pengarah Bahagian Kerjasama Antarabangsa, NATCM. Mesyuarat ini membincangkan pelaksanaan memorandum tersebut dalam tempoh tahun 2022 hingga 2027. Mesyuarat itu telah membincangkan pertukaran pakar dan peluang latihan dalam perubatan tradisional Cina di hospital dan universiti terpilih di China, pembangunan piawaian untuk produk dan amalan perubatan tradisional demi meningkatkan kualiti dan keselamatan perkhidmatan di hospital kerajaan. Pelan tindakan yang dicadangkan akan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran serta mengeratkan lagi kerjasama negara.

Kedua-dua kerajaan menjalinkan kerjasama erat dengan perkongsian maklumat dalam program yang dianjurkan oleh PRC pada tahun 2022, termasuk:

- i. Bengkel Latihan Antarabangsa Standard, Pensijilan dan Akreditasi Perubatan Tradisional Cina (PTC) bagi Negara ASEAN; dan
- ii. *7th ASEAN-China Forum on Traditional Medicine.*

Imej 6.15 Majlis Menandatangani MoU Secara Maya antara Malaysia dan PRC



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

Imej 6.16 Kerjasama antara Malaysia dan PRC



Mesyuarat Teknikal Dua Hala Ke-4 antara KKM dan NATCM



Pengarah BPTK memberi ucapan pembukaan di 7th ASEAN-China Forum on Traditional Medicine secara maya

Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

AKTIVITI PEMBANGUNAN KAPASITI PT&K DI BAWAH PUSAT KOLABORASI WHO (WHOC) BAGI PERUBATAN TRADISIONAL, KOMPLEMENTARI DAN INTEGRATIF

BPTK telah dilantik sebagai WHOC bagi Perubatan Tradisional, Komplementari dan Integratif pada 29 Jun 2020 untuk tempoh selama empat (4) tahun. Pada tahun 2022, BPTK telah menganjurkan dua (2) aktiviti pembangunan kapasiti kepada negara anggota WHO secara maya berikutan pandemik COVID-19. Kedua-dua aktiviti telah mendapat sambutan baik dan dihadiri oleh peserta tempatan dan antarabangsa. Antara aktiviti tersebut adalah:

Webinar bertajuk *Kesedaran Harta Intelek (IP) Berhubung dengan Pengetahuan Dalam Bidang Amalan Perubatan dan Herba Tradisional* telah diadakan pada 28 September 2022 melalui platform *Facebook Live*. Antara objektif utama webinar ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan IP dan kajian terkini dalam bidang herba tradisional, serta membuka peluang kolaborasi dengan pengamal, agensi dan institusi penyelidikan yang terlibat. Sehingga Disember 2022, video tersebut telah mendapat 1,100 tontonan.

Kursus dalam talian sendiri bertajuk *Online Course on the Development of Regulatory Framework for Traditional and Complementary Medicine Practices and Practitioners in Malaysia* telah diadakan melalui *Google Classroom* dari 12 hingga 25 September 2022. Objektif kursus ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan Malaysia dalam proses pembangunan dokumen utama dan pendekatan persediaan pendaftaran pengamal untuk pelbagai bidang amalan diiktiraf di bawah Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016. Seramai 206 peserta berjaya melengkapkan kursus tersebut.

Imej 6.17
Aktiviti Pembangunan Kapasiti PT&K



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

4TH FORUM OF WHOCC IN THE WESTERN PACIFIC REGION (WPR) AND INFORMAL CONSULTATION ON THE DEVELOPMENT OF A NEW ASIA PACIFIC HEALTH SECURITY ACTION FRAMEWORK (AP-HSAF)

BPTK telah menghadiri *4th Forum of WHOCC in the WPR and Informal Consultation on the Development of a New AP-HSAF* pada 28 hingga 30 November 2022 di Siem Reap, Cambodia. Forum WHOCC ini diadakan setiap dua (2) tahun sejak tahun 2014 bagi tujuan memupuk hubungan kerjasama antara WHO dan WHOCC.

Objektif utama 4th Regional Forum for WHOCC adalah untuk mengenalpasti peluang kerjasama yang berkesan dan strategik antara WHO dan WHOCC di WPR dalam pelaksanaan visi *For the Future*. Empat (4) tema utama ialah *health security including antimicrobial resistance, non-communicable diseases and aging, climate change, environment and health as well as reaching the unreached*.

Susulan daripada forum tersebut, satu *Outcome Statement of the 4th Regional Forum of WHOCCs in the Western Pacific* telah disediakan dan dipersetujui oleh para peserta. Hasil perbincangan forum tersebut juga akan menjadi input kepada draf awal pelan pelaksanaan Outcome Statement.

Imej 6.18

4th Forum of WHOCC in the WPR and Informal Consultation on the Development of a New AP-HSAF



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

PROJEK RINTIS UNTUK PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PT&K

Satu projek rintis yang merupakan kerjasama awam-swasta dalam penawaran perkhidmatan PT&K oleh badan bukan kerajaan, iaitu Persatuan Holistik dan Herba Malaysia (MHHO), telah dibangunkan oleh KKM di KK Jinjang sebagai salah satu inisiatif untuk mengintegrasikan perkhidmatan PT&K di peringkat kesihatan primer. Projek rintis ini dilaksanakan dengan tujuan untuk membangunkan, melaksanakan serta menilai model kerjasama awam-swasta yang dibangunkan.

MoA bagi projek rintis ini telah ditandatangani pada 28 November 2020 di mana tempoh pelaksanaan projek ditetapkan selama dua (2) tahun dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2022. Namun disebabkan situasi COVID-19 yang menyebabkan penangguhan permulaan projek tersebut, proses pengumpulan dan analisis data telah terjejas. Dalam usaha untuk memastikan projek ini dapat berjalan secara lancar, satu keputusan dasar telah dibuat untuk melanjutkan tempoh MoA selama satu (1) tahun supaya pengumpulan data yang mencukupi dapat dilakukan sebelum ia dibentangkan kepada pengurusan tertinggi KKM.

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di bawah kolaborasi projek ini:

Bengkel Tatacara Pelaksanaan Projek Rintis Kolaborasi Antara MHHO Dan KK Jinjang Dalam Penyediaan Perkhidmatan PT&K (Siri Kedua) telah diadakan pada 4 Julai 2022. Bengkel tersebut merupakan salah satu syarat yang perlu dipenuhi oleh pengamal dan sukarelawan MHHO sebelum terlibat dalam projek rintis ini. Objektif bengkel tersebut diadakan adalah untuk melatih anggota MHHO berkenaan prosedur kerja yang berkenaan dalam pelaksanaan projek rintis ini, secara khususnya dalam penyampaian perkhidmatan PT&K mengikut garis panduan dan SOP yang telah ditetapkan. Bengkel tersebut telah dihadiri oleh 57 anggota MHHO dan sembilan (9) pegawai KKM.

Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil Kepada Ahli MHHO telah diadakan pada 20 Oktober 2022. Majlis tersebut telah dihadiri oleh wakil dari BPTK, PKD Kepong dan KK Jinjang. Tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk memberi penghargaan kepada anggota MHHO yang terlibat di dalam projek rintis ini.

Majlis Menandatangani *Supplementary Agreement to the MoA between the Government of Malaysia and MHHO* dalam Penyediaan Perkhidmatan PT&K di KK Jinjang telah diadakan pada 16 Disember 2022. Pengarah BPTK dan MHHO telah menandatangani *Supplementary Agreement* tersebut bagi pelanjutan projek rintis selama setahun dari 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2023.

Imej 6.19 Projek Rintis untuk Penyediaan Perkhidmatan PT&K



Majlis Penghargaan dan Penyampaian Sijil Kepada Ahli MHHO



Majlis Menandatangani *Supplementary Agreement to the MoA*

Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

PENDAFTARAN PENGAMAL PT&K

Pendaftaran pengamal dalam bidang amalan diiktiraf telah bermula sejak 15 Mac 2021 dan dilaksanakan mengikut zon bermula dari Zon Tengah, Utara, Selatan, Timur dan Sabah & Sarawak. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 3,995 permohonan sebagai Pengamal PT&K Berdaftar (tempatan) dan 81 permohonan TPC (warga asing) telah diluluskan di peringkat Majlis PT&K.

STATISTIK PENDAFTARAN PENGAMAL DENGAN MAJLIS PT&K UNTUK TAHUN 2022

2,183 permohonan pendaftaran pengamal PT&K telah diterima oleh pihak Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari (CMPTK). 2,144 pemohon terdiri daripada pengamal PT&K tempatan manakala 39 pemohon terdiri daripada pengamal PT&K warga asing seperti **Jadual 6.24**.

Jadual 6.24
Jumlah Pengamal Berdaftar pada Tahun 2022


Bidang Amalan Diiktiraf	Pengamal Berdaftar Tempatan	Pengamal Berdaftar Warga Asing
Perubatan Tradisional Melayu	184	0
Perubatan Tradisional Cina	1,175	15
Perubatan Tradisional India	4	9
Homeopati	113	1
Kiropraktik	40	8

Bidang Amalan Diiktiraf	Pengamal Berdaftar Tempatan	Pengamal Berdaftar Warga Asing
Osteopati	0	3
Amalan Pengubatan Islam	273	0
Jumlah Keseluruhan	1,789	36

Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

ADUAN BERKAITAN PERKHIDMATAN PT&K


Pada tahun 2022, 61 aduan dari pelbagai kategori telah diterima. Setiap aduan yang diterima akan diberikan maklum balas kepada pengadu dalam tempoh 24 jam selepas menerima aduan. Laporan awal siasatan dan maklum balas kepada pengadu akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja seperti **Rajah 6.15**.



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

Aduan yang diterima dibahagikan kepada lapan (8) kumpulan utama terdiri daripada tujuh (7) bidang amalan diiktiraf iaitu Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Homeopati, Osteopati, Kiropraktik dan Amalan Pengubatan Islam serta satu bidang bagi Lain-lain. Pecahan aduan yang diterima adalah seperti **Rajah 6.16**.


Rajah 6.16
Bilangan Aduan Mengikut Bidang Amalan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM


Kategori aduan yang melibatkan iklan merupakan aduan yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 14 aduan seperti yang ditunjukkan di **Rajah 6.17**. Selain itu, aduan lain yang diterima adalah berkenaan yuran, kursus, produk tidak berdaftar, peralatan perubatan tidak berdaftar, mengamal tanpa permit kerja yang sah, caj rawatan dan premis tidak berlesen.

Rajah 6.17
Kategori Aduan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM



The background of the slide is a blurred photograph of a laboratory. In the foreground, there are two petri dishes on a white surface, one containing a yellowish substance and the other a reddish one. A black computer mouse is visible to the right. In the background, there are laboratory stands with blue-tipped glassware. A semi-transparent purple rectangle is overlaid in the center of the image, containing the chapter title in white text.

BAB 7

PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan memfokuskan beberapa aktiviti penting seperti formulasi Pelan Transformasi Sektor Kesihatan, meningkatkan kualiti data kesihatan, implementasi standard informatik kesihatan di Malaysia serta merancang, membangunkan dan menilai program atau projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12). Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen, iaitu:

- i. Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan (PDPK);
- ii. National Health Financing (NHF);
- iii. Malaysia National Health Accounts (MNHA);
- iv. Pusat Informatik Kesihatan (PIK);
- v. Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan (SPFK); dan
- vi. Perancangan eHealth.

SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN PELAN KESIHATAN (PDPK)

PELAN STRATEGIK 2022

Pelan Strategik 2022 (PS 2022) telah dibangunkan berdasarkan keutamaan dalam RMKe-12, Pelan Strategik KKM 2021-2025 serta hala tuju yang ditetapkan oleh pengurusan tertinggi KKM. Ia menggariskan perancangan hala tuju Kementerian bagi tahun 2022 dan diterjemahkan dalam bentuk inisiatif, program atau projek yang dilaksanakan. Cadangan PS 2022 telah dibentangkan semasa Mesyuarat Pasca Kabinet KKM.

PS 2022 telah menggariskan enam (6) bidang, 15 sub-bidang, 56 inisiatif dengan 60 KPIs. Kesemua KPI mempunyai sasaran yang khusus bagi setiap suku untuk dicapai. Jadual bidang dan sub-bidang adalah seperti di **Jadual 7.1**.

Jadual 7.1
Pelan Strategik 2022

Bidang	Sub-bidang
Pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit	- Peruntukan khusus COVID-19 - Memperkuh program penyakit berjangkit
Pencegahan dan pengawalan penyakit tidak berjangkit	- Perluasan program kesihatan mental - Menangani masalah beban berganda malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak - Perluasan program kesihatan pergigian
Komunikasi untuk kesihatan (<i>Communications for health</i>)	- Memperkasakan kempen kesihatan - Kolaborasi dengan pelbagai kementerian dan agensi
Sumber untuk kesihatan	- Sumber manusia - Fasiliti dan peralatan - Pembiayaan

Bidang	Sub-bidang
Reformasi sistem kesihatan termasuk pembiayaan penjagaan kesihatan	- Reformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan - Reformasi pembiayaan kesihatan - Reformasi tadbir urus sistem kesihatan
Memanfaatkan penyelidikan, inovasi dan teknologi digital	- Penyelidikan - Inovasi dan teknologi digital

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM


Bagi memantau pelaksanaan PS2022, Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik 2022 (JKP PS 2022) yang dipengerusikan bersama oleh KSU KKM dan Ketua Pengarah Kesihatan serta terdiri daripada 22 ahli tetap telah ditubuhkan. Sepanjang tahun 2022, sebanyak tiga (3) Mesyuarat JKP PS 2022 dan pembentangan pencapaian PS 2022 di Mesyuarat Pasca Kabinet yang telah diadakan seperti di **Jadual 7.2**. Pencapaian yang dilaporkan sehingga suku ketiga 2022 adalah seperti di **Rajah 7.1**.

Jadual 7.2
Pencapaian Pelan Strategik 2022

Suku Pertama (Q1)	
JKP PS 2022 Bil. 1/2022	22 Mac 2022
Pembentangan di Mesyuarat Pasca Kabinet	28 Mac 2022
Suku Kedua (Q2)	
JKP PS 2022 Bil. 2/2022	16 Jun 2022
Pembentangan di Mesyuarat Pasca Kabinet	22 Jun 2022
Suku Ketiga (Q3)	
JKP PS 2022 Bil. 3/2022	20 September 2022
Pembentangan di Mesyuarat Pasca Kabinet	30 September 2022

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Rajah 7.1 Analisis Pencapaian Pe



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA (AKM) JANGKA SEDERHANA

Lanjutan daripada kejayaan AKM 100 hari, Kerajaan telah mengarahkan supaya AKM Jangka Sederhana iaitu bagi tempoh enam (6) bulan dilaksanakan dan dipantau mulai Januari sehingga Jun 2022. Objektif AKM ini bagi menentukan hala tuju dan momentum kerajaan dalam mencapai matlamat agar Keluarga Malaysia dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Terdapat lima (5) AKM yang telah dikenalpasti seperti di **Jadual 7.3**.

Jadual 7.3
Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) 2022

Teras 3: Meningkatkan Kesejahteraan Sosial		
Strategi: Mencegah dan Mengawal Penyakit COVID-19		
Bil.	Program/Inisiatif	Sasaran
1.	Liputan vaksinasi COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak 7 hingga bawah 12 tahun	45% kanak-kanak 7 hingga bawah 12 tahun menerima 1 dos vaksin COVID-19
Strategi: Meningkatkan Perlindungan Kesihatan bagi Golongan Rentan dan B40 dalam Fasa Endemik		
Bil	Program/Inisiatif	Sasaran
2.	Peratus pemberian PPC kepada golongan B40	90% pek PPC diedarkan kepada penerima yang layak

Teras 6: Memperkasa Penyampaian

Strategi: Meningkatkan Kebolehpasaran Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Perkhidmatan

Bil.	Program/Inisiatif	Sasaran
3.	Pelaksanaan penyumberluaran perkhidmatan perubatan ke fasiliti swasta bagi pesakit hospital KKM	90% daripada 2,100 kes disumber luar (1,890 kes)
4.	Bilangan lokaliti <i>outreach Wellness on Wheels</i> (WoW)	200 lokaliti <i>outreach</i> WoW

Strategi: Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan Berintensifkan Teknologi Digital

Bil.	Program/Inisiatif	Sasaran
5.	Bilangan KK yang menggunakan Sistem Janji Temu Klinik (SJTK)	100 KK yang menggunakan SJTK

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Pencapaian AKM Jangka Sederhana (6 bulan) dirumuskan dalam **Rajah 7.2**.

Rajah 7.2 Pencapaian AKM Jangka Sederhana KKM



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

JAWATANKUASA DASAR DAN PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN (JDPKK)

JDPKK bertanggungjawab dalam membuat keputusan dasar utama, perancangan dan pembangunan di KKM secara holistik dan selaras dengan dasar-dasar dan wawasan negara. Fungsi utama JDPKK adalah untuk menyemak dan mempertimbangkan hal berkaitan cadangan dasar, perancangan strategik dan hala tuju KKM. Sebanyak 14 kertas dasar telah dibentangkan mengikut bahagian seperti di **Jadual 7.4**.

Jadual 7.4
Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan (JDPKK) bagi Tahun 2022

Bil	Kertas kerja	Status	Program/Bahagian
JDPKK Bil. 1/2022 (25 April 2022)			
1.1	Kertas Cadangan Pengukuhan Tadbir Urus Perkhidmatan Rawatan <i>Hyperakut Stroke</i> di Peringkat Kebangsaan, Negeri dan Hospital	Diluluskan dengan penambahbaikan minor	Bahagian Perkembangan Perubatan
JDPKK Bil. 2/2022 (20 Oktober 2022)			
2.1	Kertas Cadangan Pindaan Akta Makanan 1983 (Akta 281)	Perlu diteliti semula dan ditambahbaik	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan
2.2	Cadangan Pewujudan Pejabat Kesihatan Bagan Datuk	Diluluskan	Pejabat Kesihatan Daerah Hilir Perak
2.3	Cadangan Pemasangan Pendingin Hawa di Wad Kelas 3 Hospital KKM	Diluluskan dengan penambahbaikan minor	Bahagian Perancangan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
2.4	Cadangan Keperluan Reka Bentuk Hospital Masa Hadapan Merangkumi Elemen Penyakit Berjangkit	Diluluskan	Bahagian Perancangan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
2.5	Cadangan Pelan Tindakan Strategik Integrasi Perubatan Dialisis Nefrologi	Diluluskan	Perkhidmatan Nefrologi Kebangsaan
JDPKK Bil. 3/2022 (15 Disember 2022)			
3.1	Penambahbaikan Keistimewaan Penderma Darah dan Peruntukan Tahunan bagi Aktiviti Pendidikan dan Promosi Penderma Darah	Diluluskan dengan penambahbaikan minor	Pusat Darah Negara

Bil	Kertas kerja	Status	Program/Bahagian
3.2	Cadangan Sewa atau Beli Lot / Rumah Kedai bagi Pengoperasian Klinik Pergigian <i>Stand-Alone</i> di KKM	Diluluskan	Program Kesihatan Pergigian
3.3	Cadangan Keperluan Reka Bentuk Bangunan Fasiliti Kesihatan Masa Hadapan Merangkumi Elemen <i>Green Building</i>	Diluluskan	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
3.4	Cadangan Hospital Pakar Minor Dilengkapi dengan Mesin CT Scan	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Perubatan
3.5	Cadangan <i>Outsourcing</i> Perkhidmatan Makanan di Hospital KKM berdasarkan Perubahan Teknologi Terkini	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Perubatan
3.6	Cadangan Memansuhkan Kuarters Kelas G & H dan Digantikan dengan Kelas F di Fasiliti Baharu KKM	Diluluskan	Bahagian Pembangunan
3.7	Pengukuhan dan Perluasan Rawatan Diabetes Menggunakan Ubat <i>SGLT2 Inhibitor</i> bagi Mengurangkan Komplikasi di kalangan pesakit di Hospital dan Klinik Kesihatan	Diluluskan	Bahagian Perkembangan Perubatan
3.8	Cadangan Pengesyoran bagi Menyediakan Kemudahan Tandas di setiap Bilik Penginapan Balai Pelawat	Diluluskan	Bahagian Perancangan

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Imej 7.1 Mesyuarat JDPKK



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

NATIONAL HEALTH FINANCING (NHF)

Seksyen NHF bertanggungjawab untuk mengkaji, merancang, mereka bentuk, melaksana dan memantau rancangan transformasi sistem kesihatan Malaysia khususnya yang berkaitan dengan pembiayaan sistem kesihatan. Pada tahun 2022, pelbagai aktiviti dijalankan oleh NHF seperti pemantauan pelaksanaan PeKa B40, *Electronic Service Provider for SPIKPA* (ESP-SPIKPA) dan PICK yang dikendalikan ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (PHCorp) melalui Jawatankuasa Governans, Pemantauan & Penilaian (GMEC), berperanan sebagai sekretariat bagi program pengagihan Pakej Penjagaan COVID-19 (PPC) dan kolaborasi bersama *Joint Learning Network* (JLN).

JAWATANKUASA GOVERNANS, PEMANTAUAN & PENILAIAN (GMEC)

Seksyen NHF selaku urus setia Jawatankuasa GMEC telah menghasilkan Laporan Eksekutif Pencapaian Prestasi ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. & ProtectHealth Malaysia 2019 - 2021. Tujuan penyediaan laporan adalah ini untuk menyampaikan analisis pencapaian prestasi PHCorp dan ProtectHealth Malaysia (PHM) serta cadangan penambahbaikan kepada Menteri Kesihatan. Skop laporan sulung ini merangkumi prestasi tiga (3) program yang dilaksanakan oleh PHCorp iaitu PeKa B40, *Electronic Service Provider* (ESP-SPIKPA) dan PICK dari tahun 2019 sehingga 2021. Laporan Eksekutif ini akan dihasilkan setiap tahun bagi memastikan PHM dan PHCorp diuruskan secara berhemah, memenuhi objektif sosial dan mampan dalam jangka masa panjang.



PAKEJ PENJAGAAN COVID-19 (PPC)

Pada 19 September 2021, Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengagihkan PPC yang dijangka akan memberi memanfaatkan 3.53 juta Keluarga Malaysia B40 (penerima Bantuan Prihatin Rakyat kategori isi rumah). Usaha ini antara lain bertujuan untuk meringankan beban kewangan perbelanjaan isi rumah B40 dan melatih diri membudayakan norma baharu, sekaligus membantu melindungi keluarga mereka daripada COVID-19.

Setiap kotak PPC mengandungi empat (4) pelitup muka guna semula, empat (4) kit ujian sendiri COVID-19, satu (1) oximeter dan satu (1) termometer, serta risalah yang mengandungi info kesihatan dan panduan penggunaan. Pengagihan PPC telah dilaksanakan melalui Pos Malaysia bermula dari 30 November 2021. NHF sebagai urus setia projek PPC bersama wakil daripada seksyen yang lain dalam Bahagian Perancangan menjalankan pemantauan perjalanan pemberian PPC secara keseluruhan sepanjang tempoh projek dari pembekalan, pembungkusan dan penghantaran. Selain itu, terdapat juga aspek kawalan kualiti seperti *Supplier Corrective Action Report* (SCAR) dan Pengurusan Aduan. Pemurnian data yang diterima daripada Pos Malaysia juga dijalankan oleh urus setia dan laporan status penghantaran PPC mengikut negeri disediakan secara berkala bagi memastikan projek berjalan dengan lancar.

Imej 7.2 Aktiviti Pemantauan dan Pemeriksaan Kualiti



Sumber: Pasukan
Pemantauan PPC

Imej 7.3 Pemantauan Proses Pembungkusan PPC



Sumber: Pasukan Pemantauan PPC

Proses pembekalan, pembungkusan, penghantaran dan pengurusan aduan telah selesai untuk 3.53 juta penerima keluarga golongan B40 pada 11 Ogos 2022. Sekretariat PPC menjalankan lawatan ke gudang Pos Malaysia bagi proses penerimaan dan pemeriksaan PPC sebagai langkah kawalan kualiti untuk memastikan jumlah PPC selari dengan laporan data dan berada dalam keadaan baik. Hasil pemantauan, beberapa isu telah dikesan seperti masalah kerosakan kotak PPC akibat terkena air dan isu penghantaran berganda di mana langkah mitigasi telah dijalankan.

KERJASAMA DENGAN *JOINT LEARNING NETWORK* (JLN)

JLN adalah suatu rangkaian pembelajaran dan platform penyelesaian masalah bersama yang diterajui oleh negara-negara ahli. Ia menyatukan pembuat dasar dan pengamal dari 34 negara untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman secara sistematik. Malaysia merupakan ahli penuh JLN dan terlibat dalam aktiviti JLN sejak tahun 2010. NHF adalah penyelar bagi *Country-Core Group* (CCG) JLN Malaysia. CCG JLN dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan. Penyertaan wakil Malaysia untuk aktiviti JLN diselaraskan melalui CCG JLN Malaysia.

Imej 7.4 Proses Penerimaan dan Pemeriksaan PPC *Retour*



Sumber : Pasukan Pemantauan PPC

Pada tahun 2021, Malaysia telah dilantik semula ke Kumpulan Pemandu JLN (JLN SG). JLN SG adalah badan pentadbiran di mana ahlinya dipilih oleh negara-negara ahli secara berkala. JLN SG bertanggungjawab dalam menentukan dan menyelia hala tuju strategik rangkaian, memastikan keputusan dilakukan secara telus, memantau pelaksanaan strategi rangkaian, menentukan keahlian negara dan menguruskan pembiayaan dalam JLN. Seksyen NHF mewakili Malaysia sebagai ahli dalam JLN SG dan juga telah dilantik sebagai *Co-Convener* JLN SG pada 26 Ogos 2022. Tanggungjawab *Co-Convener* adalah untuk membantu *Convener* semasa mesyuarat dan aktiviti kumpulan pemandu selain mempengerusikan mesyuarat SG semasa ketidakhadiran *Convener*.

Aktiviti JLN disertai oleh pegawai dari pelbagai Bahagian dalam KKM. Antara aktiviti yang telah disertai oleh pegawai NHF adalah *Efficiency Collaborative*, *Provider Payment Mechanism Collaborative*, *Domestic Resource Mobilisation Collaborative* dan *Private Sector Engagement Collaborative* yang turut menghasilkan beberapa *knowledge products* yang membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

Pegawai NHF terlibat secara khusus dengan menyumbang input teknikal dan pengalaman negara dalam aktiviti antarabangsa JLN, seperti:

- i. *JLN Knowledge Product Making Explicit Choices on the Path to UHC: Guide for Health Benefits Package Revision* di mana pegawai NHF juga terlibat dalam *Bengkel Efficiency Collaborative Writer's Workshop* yang dijalankan pada 1 dan 4 Ogos 2022 di New Delhi, India;
- ii. *JLN Ghana-Malaysia Country Pairing on Provider Payment Mechanism* pada 8 September 2022;
- iii. *Learning Exchange on Private Sector Healthcare - How can public payers better monitor, manage, and enforce contracts for subsidised healthcare services* daripada 16 Mac hingga 27 April 2022; dan
- iv. *Learning Exchange on Private Sector Healthcare - How can governments unlock private capital to catalyse their UHC reform* daripada 16 Mac hingga 8 Jun 2022.

Imej 7.5 JLN Efficiency Collaborative Writer's Workshop




Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

MALAYSIA NATIONAL HEALTH ACCOUNTS (MNHA)


Seksyen MNHA mengekalkan kualiti dan ketelusan data dengan menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Teknikal (TAC) MNHA untuk menyemak dan meneliti data yang dijana. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan dan terdiri daripada wakil-wakil bahagian KKM. Selain daripada itu, terdapat Jawatankuasa Pemandu MNHA yang terdiri daripada wakil pengurusan tertinggi daripada pelbagai agensi awam dan swasta. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Setiausaha KKM untuk mengesahkan perbelanjaan kesihatan yang dihasilkan setiap tahun. Setelah memperolehi pengesahan daripada Jawatankuasa Pemandu MNHA, data perbelanjaan kesihatan siri masa tahunan akan diterbitkan dan dikongsi secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa.

Rajah 7.3
Aliran Perbelanjaan Kesihatan
FLOW OF HEALTH FUNDS



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Rajah 7.4
Gambaran Metodologi




Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

PERBELANJAAN KESIHATAN MNHA 2011 - 2021

Mesyyarat Jawatankuasa Pemandu MNHA telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan data perbelanjaan bagi siri masa tahun 2011-2021 telah dibentangkan untuk pengesahan. Data tersebut melaporkan bahawa anggaran Jumlah Perbelanjaan Kesihatan (TEH) Malaysia, bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM78,220 juta atau 5.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Ianya merupakan peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding RM67,022 juta yang telah dibelanjakan pada tahun 2020. Pada tahun 2021 juga, perbelanjaan per kapita kesihatan menunjukkan peningkatan sebanyak 10 peratus iaitu daripada RM2,186 kepada RM2,401. Peningkatan ketara dalam perbelanjaan kesihatan ini adalah disebabkan perbelanjaan kesihatan berkaitan COVID-19, terutamanya untuk pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.


Rajah 7.5
Jumlah Perbelanjaan Kesihatan, 2011-2021



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Pada tahun 2021 juga, perbelanjaan kesihatan daripada sektor swasta adalah sebanyak 42.1 peratus dan perbelanjaan *Out-of-Pocket* (OOP) adalah sebanyak 31.5 peratus daripada TEH. KKM merupakan sumber utama perbelanjaan kesihatan sektor awam iaitu 49.3 peratus daripada jumlah keseluruhan TEH. Pada tahun yang sama, berdasarkan kod fungsi, perkhidmatan penjagaan kuratif yang merangkumi perkhidmatan pesakit dalam, pesakit luar dan penjagaan harian, adalah sebanyak 57.8 peratus daripada TEH. Selain itu, hospital adalah penyumbang tertinggi dalam dimensi *providers of health care* iaitu sebanyak 50.4 peratus daripada perbelanjaan TEH. Ini diikuti oleh penyedia perkhidmatan penjagaan ambulatori yang menyumbang sebanyak 25.1 peratus daripada perbelanjaan TEH.

Rajah 7.6 Ringkasan Perbelanjaan Kesihatan MNHA bagi Tahun 2021




Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

ANGGARAN PERBELANJAAN KESIHATAN COVID-19 MNHA BAGI TAHUN 2021

Pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk pelaburan dalam sektor kesihatan. Sehubungan itu, hampir semua negara termasuk Malaysia mengambil tindakan menambah peruntukan. Sektor kesihatan kini melibatkan pelbagai pemegang taruh baharu di mana langkah-langkah mengatasi dan mengawal pandemik menjadi keutamaan. MNHA meneruskan pelaporan perbelanjaan kesihatan COVID-19 sebagai sub-akaun dengan menggunakan prinsip *National Health Accounts* (NHA) untuk menjana aliran data perbelanjaan tersebut. Pada tahun 2021, anggaran perbelanjaan kesihatan COVID-19 adalah sebanyak RM7,567 juta atau 9.7 peratus daripada TEH. KKM merupakan penyumbang utama dengan merangkumi tiga perempat dari perbelanjaan ini. Perbelanjaan oleh pembekal perkhidmatan penjagaan ambulatori lebih tinggi dari pembekal yang lain dan 65.9 peratus daripada RM7,567 juta telah dibelanjakan untuk perkhidmatan vaksinasi COVID-19.

Rajah 7.7
Ringkasan Perbelanjaan Kesihatan COVID-19 bagi Tahun 2021



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

AKTIVITI KOLABORASI MNHA

Global Health Expenditure Database (GHED) adalah pangkalan data terbesar yang menjadi rujukan global data perbelanjaan kesihatan bagi negara anggota WHO. Setiap tahun, seksyen MNHA menyumbangkan data perbelanjaan kesihatan negara kepada GHED. Ini membolehkan pelaksanaan perbandingan di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2022, Seksyen MNHA juga bekerjasama dengan *World Bank Group (WBG)* dalam aktiviti *Public Expenditure Review*. Kolaborasi ini diperkukuhkan lagi dengan perancangan untuk capacity building bersama pihak WBG.

Imej 7.6 Aktiviti MNHA



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MNHA 2022



Sesi Dialog Teknikal WBG Berkaitan *Primary Health Care (PHC) Policy Notes*

Sumber: MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

PUSAT INFORMATIK KESIHATAN (PIK)

PENGUKUHAN *MALAYSIAN HEALTH DATA WAREHOUSE (MYHDW)*

Projek Penambahbaikan Fungsi dan Pengukuhan Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk Aplikasi *Malaysian Health Data Warehouse (MyHDW)*, Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan (SMRP) dan *Patient Registry Information System (PRIS)* diterajui oleh PIK dengan kerjasama syarikat MIMOS Berhad. Pelaksanaan projek ini adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025 dan merupakan inisiatif di bawah Kluster Infrastruktur Digital dan Data dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (RTEDM), Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara (*MED4IRN*).

Tujuan projek ini dijalankan adalah untuk:

- Menambahbaik fungsi MyHDW dan sistem-sistem sumber MyHDW;
- Membangunkan modul pengekodan diagnosis *International Classification of Disease* daripada versi 10 kepada versi 11 (ICD-10 ke ICD-11);
- Integrasi Sistem Pendaftaran Pengguna MyHDW dengan portal MyHDW; dan
- Pengukuhan keselamatan teknologi ICT MyHDW melalui *Security Posture Assessment*.

Majlis *kick-off* projek ini telah diadakan pada 4 Julai 2022 di Putrajaya dan dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Kanan Cawangan II, Bahagian Perancangan. Pasukan projek dan pemegang taruh berkaitan adalah komited untuk memastikan pembangunan projek ini bagi meningkatkan keupayaan MyHDW sebagai sebuah platform pengumpulan data digital di samping memastikan keselamatan sistem dan kerahsiaan data pesakit terpelihara. Data yang dikumpul ini seterusnya dapat dianalisa dan digunakan untuk penerbitan statistik rasmi dan penggubalan polisi KKM.

Imej 7.7

Majlis Kick-Off Projek Penambahbaikan Fungsi dan Pengukuhan Keselamatan ICT untuk Aplikasi MyHDW, SMRP dan PRIS



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

PORTAL KKMNOW

Majlis pelancaran Portal KKMNOW telah diadakan pada 5 Oktober 2022 di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), Putrajaya. Portal KKMNOW telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan yang bertujuan untuk mewujudkan satu platform bersepadu bagi rujukan dan perkongsian data terbuka, selaras dengan pelan pendigitalan perkhidmatan kesihatan.

Pembangunan Portal KKMNOW adalah hasil kolaborasi strategik KKM bersama DOSM. Portal ini juga merupakan kesinambungan portal COVIDNOW yang menyediakan maklumat terkini mengenai situasi semasa jangkitan COVID-19 di Malaysia.

Skop bagi Portal KKMNOW yang lebih luas merangkumi paparan maklumat berkenaan fasiliti-fasiliti kesihatan dan data berkaitan program kesihatan seperti pendermaan darah, pendermaan organ, saringan kesihatan dan PeKa B40 serta data berkaitan penyakit-penyakit berjangkit.

Portal KKMNOW diwujudkan sejajar dengan usaha KKM untuk menjamin kelestarian transformasi ke arah ketelusan data KKM. Pada masa yang sama, pelaksanaan perkongsian data terbuka dalam portal masih mengutamakan dan menjamin kerahsiaan maklumat peribadi pesakit.

Imej 7.8 Majlis Pelancaran Portal KKMNow



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

BENGKEL PENGENALAN DAN LATIHAN SISTEM INTERNATIONAL CLASSIFICATION OF HEALTH INTERVENTIONS (ICHI)

Bengkel Pengenalan dan Latihan Sistem *International Classification of Health Interventions* (ICHI) telah diadakan pada 19 hingga 20 Mei 2022 dengan kerjasama antara PIK dan *Classifications and Terminologies Unit* (CAT), WHO. Bengkel ini telah diadakan secara hibrid dengan penglibatan lebih 154 orang peserta dari seluruh Malaysia.

ICHI merupakan sistem klasifikasi baru yang dibangunkan oleh WHO untuk menggantikan sistem ICD-9-CM bagi tujuan pengekodan prosedur-prosedur perubatan yang dijalankan di fasiliti kesihatan. PIK telah mengambil inisiatif untuk mengadakan bengkel ini sebagai langkah pendedahan awal, memandangkan proses pengekodan ini adalah penting dalam penghasilan data dan statistik kesihatan.

Imej 7.9 Bengkel Pengenalan dan Latihan Sistem ICHI Secara Hibrid



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

ICD-11 TRADITIONAL MEDICINE CHAPTER MODULE 2 ALPHA DRAFT REVIEW MEETING

PIK dan BPT&K dengan kerjasama CAT, WHO dan WHO Country Office Malaysia telah menganjurkan *ICD-11 Traditional Medicine Chapter Module 2 Alpha Draft Review Meeting* pada 16 hingga 18 November 2022 di Impiana KLCC Hotel, Kuala Lumpur. Mesyuarat hibrid ini telah disertai oleh wakil daripada 12 negara antaranya Amerika Syarikat, Nepal dan India.

Tujuan mesyuarat ini dianjurkan adalah untuk membincangkan hasil semakan modul *Alpha Draft* ICD-11 TM2, perancangan pembangunan draf beta ICD-11 TM2 dan membentangkan kegunaan ICD-11 TM serta data standard dalam bidang Perubatan Tradisional & Komplementari. Mesyuarat ini adalah susulan daripada ketetapan *International Conference of Diagnosis and Terminologies in Ayurveda, Unani, Siddha Systems of Medicine* (ICoSDiTAUS - 2020) dan deklarasi *New Delhi Declaration on Collection and Classification of Traditional Medicine Diagnostic Data*. Pembangunan modul kedua TM2 telah bermula sejak tahun 2020 merupakan usaha WHO untuk menyediakan kategori diagnosis yang menggabungkan sistem kalsifikasi Ayurveda, Unani dan Siddha.

Imej 7.10

Mesyuarat Semakan Draf ICD-11 Traditional Medicine Chapter Module 2 Alpha



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

SNOMED EXPO 2022

Setiap tahun, SNOMED CT Expo menyatukan pakar terminologi klinikal dari seluruh dunia, termasuk pegawai kerajaan, profesional teknologi maklumat (IT) dalam bidang kesihatan, pengamal kesihatan, penyelidik, ahli akademik dan vendor. Expo ini telah dilaksanakan secara hibrid di mana seramai 642 delegasi berdaftar dari 47 negara telah hadir. Wakil dari Malaysia, Dr. Zulhairi bin Muhamad dari PIK, Bahagian Perancangan telah membentangkan dua (2) topik seperti berikut:

- e-Poster: *Evolution of SNOMED CT Reference Set in Improving Reports*; dan
- Pembentangan lisan: *Implementing Unstructured Data Analysis for Reports in Oral Health Programme, Malaysia*.

Imej 7.11

SNOMED CT Expo 2022 di Lisbon, Portugal



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

SEKSYEN PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN (SPFK)

KKM komited dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti buat negara. SPFK memainkan peranan yang penting bagi memastikan perancangan dan pembangunan fasiliti kesihatan adalah selari dengan dasar kerajaan. Ini termasuklah dalam mengenal pasti fasiliti-fasiliti yang perlu dibina baharu atau dinaik taraf agar dapat menambah baik kebolehcapaian kepada perkhidmatan kesihatan di seluruh negara. Tahun 2022 merupakan tahun yang penuh cabaran buat KKM dalam memastikan fasiliti-fasiliti kesihatan dilengkapi secukupnya serta mengikut piawaian yang digariskan bagi pengurusan pandemik yang terkini. SPFK telah menerajui dalam pengemaskinian keperluan-keperluan fasiliti kesihatan dari aspek spesifikasi reka bentuk untuk penyakit berjangkit.

PROJEK YANG TELAH DISERAHKAN PADA 2022

Pada tahun 2022, terdapat 11 projek yang telah berjaya siap dan diserahkan untuk pengoperasian yang terdiri daripada dua (2) projek hospital naik taraf, tiga (3) projek hospital baharu atau gantian dan enam (6) projek klinik kesihatan. Projek-projek tersebut ialah:

- i. Blok Kardiologi Hospital Serdang, Selangor;
- ii. Blok Endokrin Hospital Putrajaya;
- iii. Hospital Tanjung Karang, Selangor;
- iv. Hospital Bera, Pahang;
- v. Hospital Sri Aman 2, Sarawak;
- vi. Klinik Kesihatan (Jenis 7) Telok Jering, Tumpat, Kelantan;
- vii. Klinik Kesihatan (Jenis 7) Sg. Keladi, Pasir Mas, Kelantan;
- viii. Klinik Kesihatan (Jenis 7) Joh, Machang, Kelantan;
- ix. Klinik Kesihatan (Jenis 7) Temai, Pekan, Pahang;
- x. Klinik Kesihatan (Jenis 5) Lenggeng, Negeri Sembilan; dan
- xi. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Pauh, Perlis.

PELAKSANAAN PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN BAGI TAHUN 2022

Sebanyak 14 projek telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam tahun 2022. Projek-projek tersebut terdiri daripada dua (2) projek hospital baharu, tujuh (7) projek menaik taraf hospital, empat (4) projek menaik taraf klinik kesihatan dan satu (1) projek menaik taraf pejabat kesihatan. Antara projek-projek tersebut ialah:

- i. Institut Penyakit Berjangkit Malaysia (MIID), Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan;
- ii. Pembinaan Hospital Kapar, Selangor;
- iii. Naik Taraf Bilik Autopsi di Jabatan Forensik, Hospital Sultan Ismail, Johor;
- iv. Naik Taraf Bilik Autopsi di Jabatan Forensik, Hospital Sungai Buloh, Selangor;
- v. Naik Taraf Unit Sajian dan Dietetik, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah;
- vi. Kompleks Farmasi, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah;
- vii. Klinik Kesihatan Beseri (Jenis 2), Perlis dengan kuarters (gantian);
- viii. Klinik Kesihatan Parit Raja (Jenis 3), Johor dengan kuarters, (gantian); dan
- ix. Klinik Kesihatan Selising (Jenis 3), Pasir Puteh, Kelantan dengan kuarters, (gantian).

PEMBANGUNAN REKA BENTUK PIAWAI KLINIK KESIHATAN

Bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam terutama di kawasan luar bandar, KKM telah menyediakan satu reka bentuk baharu Klinik Kesihatan (Jenis 7) yang akan menggantikan klinik desa sedia ada. Reka bentuk ini telah disediakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dijangka akan mengurangkan tempoh pelaksanaan projek dan anggaran keseluruhan kos projek. Reka bentuk baru ini berkeupayaan untuk menampung kedatangan pesakit harian dan dilengkapi dengan klinik pesakit luar, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), wad pemerhatian dengan dua (2) katil pesakit, bilik bersalin, makmal dan farmasi. Reka bentuk baru ini akan membolehkan lebih banyak klinik dapat dibina di kawasan luar bandar untuk memastikan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kesihatan.

PEMBANGUNAN REKA BENTUK BAGI KOMPONEN BAHAN BUKAN KLINIKAL

Untuk menyeragamkan komponen bahan bukan klinikal di tapak bina, beberapa sesi bengkel telah diadakan bersama pihak JKR telah diadakan antara Mac dan November 2022 yang memberi fokus kepada skop senibina seperti berikut:

- i. *Ironmongery & Security System*;
- ii. Kemasan Lantai;
- iii. Kemasan Dinding;
- iv. Hiasan Dalaman;
- v. Skema Warna Cat Dalaman;
- vi. *Sanitary wares & Fittings*;
- vii. Perabot *Built-In & Lab Furniture*;
- viii. Lanskap;
- ix. Papan tanda; dan
- x. *Loose Furniture*.

GARIS PANDUAN PERALATAN HOSPITAL KKM (300 KATIL)

Bengkel Penyediaan Garis Panduan Peralatan Hospital KKM (300 Katil) telah diadakan pada 5 hingga 7 Disember 2022, di Institut Kanser Negara (IKN) yang bertujuan untuk menyediakan dokumen keperluan peralatan perubatan dan bukan perubatan untuk hospital 300 katil. Dokumen ini mengandungi norma perancangan peralatan, senarai peralatan, spesifikasi peralatan, anggaran kos dan lain-lain. Dokumen ini akan menjadi rujukan di peringkat dalaman dan luaran contohnya agensi pusat seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU).

GARIS PANDUAN DAN PERATURAN BAGI PERANCANGAN BANGUNAN

Pada tahun 2022, KKM telah terlibat di dalam mesyuarat penyediaan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan bersama pihak EPU yang bertujuan untuk menambahbaik dokumen yang sedia ada (edisi 2015). Bagi tujuan tersebut, beberapa siri bengkel telah diadakan pada Mac hingga April 2022 bersama BPP dan ketua perkhidmatan yang berkaitan bagi mendapatkan input mengenai saiz yang optimum terhadap ruang dan bilik-bilik yang spesifik di fasiliti KKM. Input ini akan ditambah baik ke dalam dokumen Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan yang baharu kelak.

PENYELARASAN KEPERLUAN SISTEM VENTILASI FASILITI KESIHATAN BAGI PENYAKIT BERJANGKIT DAN PEMASANGAN PENDINGIN HAWA DI WAD KELAS 3 HOSPITAL KKM

Rentetan pandemik COVID-19 terdapat keperluan untuk mengkaji sistem ventilasi di fasiliti kesihatan terutamanya di hospital. Sehubungan itu, satu bengkel telah diadakan oleh KKM pada 19 Mei 2022 bagi memperhalusi cadangan tersebut.

Beberapa kertas kerja telah dibentangkan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal seperti berikut:

- i. *Review of Design Effects for 3rd Ward Class Ventilation and Convertibility on Electrical Aspect;*
- ii. *Management of Infectious Disease – Prevention of Disease Spread in Hospital;*
- iii. *Retrospective review on Maintenance Cost and Energy Saving;* dan
- iv. *Review of Design Effects for 3rd Ward Class Ventilation and Convertibility on Mechanical Aspect.*

Kertas cadangan ini telah mendapat persetujuan JDPKK pada 20 Oktober 2022 untuk pelaksanaan.

PERANCANGAN eHEALTH

PROJEK HEALTH INFORMATION EXCHANGE (HIE)

Projek HIE merupakan satu platform kesihatan digital yang membolehkan maklumat penjagaan kesihatan pesakit dikongsi dengan selamat mengikut piawaian antarabangsa. Pembangunan Projek HIE di bawah Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia (salah satu komponen Projek Rintis EMR Negeri Sembilan) telah dilaksanakan sejak Disember 2021 dan disasarkan selesai sepenuhnya pada Disember 2023. Projek HIE di Negeri Sembilan ini dibangunkan menggunakan metodologi *agile* (STAGE 1, 2, 3 dan 4) dan digunakan secara berperingkat di fasiliti kesihatan terpilih dengan membangunkan portal berikut:

- i. *Provider Portal* (RekodPesakit) - memberikan fokus kepada *continuity of care* dan *care coordination* (melibatkan modul *Patient Registration, Create Medical Records, Scheduling dan Appointments*)
- ii. *Person Portal* (RekodSaya) - bertujuan untuk meningkatkan penglibatan rakyat (*person engagement*) dengan membolehkan rakyat mendapatkan akses kepada rekod kesihatan terpilih dengan selamat dan tepat
- iii. Pada *STAGE 1*, penggunaan *Provider Portal* HIE (RekodPesakit) dan *Patient Portal* HIE (RekodSaya) telah dimulakan pada 10 Oktober 2022 di 11 fasiliti kesihatan terpilih dalam Kluster Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Kuala Pilah telah dimulakan pada 10 Oktober 2022.

Terkini pada *STAGE 2* penggunaan *Provider Portal* HIE akan diperluaskan ke fasiliti lain di daerah Kuala Pilah, Tampin dan Jempol dengan menambah fungsi *care coordination* di mana *referral inter* dan *cross facility* dapat dilakukan. Projek HIE ini adalah satu usaha bagi penyatuan dan penyeragaman maklumat kesihatan supaya kualiti strategi kesihatan awam negara boleh ditingkatkan.

Imej 7.12 Aktiviti Projek HIE



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

PROJEK *VIRTUAL CLINIC* (VC) BAGI FASILITI KESIHATAN DI NEGERI SEMBILAN

Projek VC berperanan sebagai perkhidmatan konsultasi klinikal dan pelan rawatan pelanggan secara maya (*virtual*) bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang telah dikenal pasti oleh KKM. Projek ini merupakan salah satu komponen dalam pelaksanaan Projek *Electronic Medical Record* (EMR) oleh Bahagian Perancangan, KKM.

Penyampaian perkhidmatan konsultasi penjagaan kesihatan secara maya ini berupaya meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan serta dapat mengatasi masalah kesesakan di fasiliti kesihatan melalui pengurangan kekerapan kehadiran fizikal ke fasiliti. Selain itu usaha ini juga menyediakan fungsi pembayaran secara dalam talian bagi perkhidmatan yang diberikan.

Sistem *Virtual Clinic* yang dibangunkan ini merangkumi empat (4) komponen iaitu temujanji dalam talian, pendaftaran dalam talian, konsultasi bersemuka secara maya dan dokumentasi serta modul pembayaran.

Jadual 7.5
Aktiviti Projek *Virtual Clinic* (VC)

Aktiviti	Tarikh
<i>Kick Off</i> Projek VC	13 April 2022
Bengkel <i>Business Requirement Study</i> Projek VC Siri 1	19 - 20 Mei 2022
Bengkel <i>Business Requirement Study</i> Projek VC Siri 2	14 - 15 September 2022
Sesi <i>Sprint Stage</i> 1 Bil. 1/2022	17 November 2022
<i>Stage 1 User Acceptance Testing (UAT)</i> VC: <i>UAT Stage 1 Cycle 1</i>	1 Disember 2022
<i>Stage 1 User Acceptance Testing (UAT)</i> VC: <i>UAT Stage 1 Cycle 2</i>	22 Disember 2022

Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Imej 7.13
Bengkel *Business Requirement Study*
Project VC



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

Imej 7.14
User Acceptance Test (UAT) Stage 1



Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

PELAKSANAAN *ONLINE HEALTHCARE SERVICES REGULATORY LAB* **(OHS REGLAB)**

Online Healthcare Service (OHS) merujuk kepada model baharu perkhidmatan penjagaan kesihatan yang diberikan kepada pelanggan atau pesakit oleh profesional kesihatan menggunakan platform digital yang direka khusus. Sehingga kini masih belum ada piawaian atau peraturan bagi mengawal selia perkhidmatan ini supaya mematuhi lima (5) prinsip utama perkhidmatan penjagaan kesihatan iaitu keselamatan, kualiti perkhidmatan, akauntabiliti, kebolehesaan dan kerahsiaan.

Bahagian Perancangan dan Bahagian Amalan Perubatan pada masa ini bekerjasama dengan Futurise Sdn. Bhd., agensi di bawah Kementerian Kewangan untuk menyediakan piawaian dan peraturan yang sesuai dalam program OHS RegLab. OHS RegLab ialah suatu persekitaran terkawal yang diwujudkan kepada penyedia platform OHS yang mengambil bahagian, merujuk kepada syarikat yang menyediakan platform digital dalam OHS, beroperasi di bawah syarat dan bimbingan khusus KKM dan pengawal selia yang berkaitan. Objektif OHS RegLab adalah untuk mengkaji pelbagai model OHS bagi mewujudkan instrumen kawal selia secara bersama melalui perbincangan dengan pihak berkepentingan terutamanya syarikat dan pengawal selia.

Bagi aktiviti Reglab pada tahun 2022 sesi Libat Urus bersama pihak berkepentingan telah diadakan iaitu pada bulan Februari dan Ogos. Sejumlah 33 penyedia platform OHS telah dipilih untuk menyertai kohort pertama dan kedua program OHS Reglab ini. Garis Panduan RegLab OHS disediakan untuk membimbing para penyedia perkhidmatan platform OHS semasa penyertaan mereka dalam RegLab ini. Garis panduan ini merupakan suatu dokumen dinamik yang sentiasa ditambah baik melalui maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan. Draf akhir Garis Panduan OHS dijangka siap pada penghujung tahun 2023.

Imej 7.15 Sesi Libat Urus *Online Healthcare Services*




Sumber: Bahagian Perancangan, KKM

BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN (BPKj)

BPKj berperanan untuk merancang, melaksana dan memantau perkhidmatan kejuruteraan di fasiliti kesihatan KKM termasuk bagi perkhidmatan penyelenggaraan dan pelaksanaan projek. Selain itu, BPKj turut berperanan melaksanakan aktiviti kejuruteraan berkaitan kesihatan alam sekitar. Peranan BPKj ini dipertanggungjawabkan kepada cawangan dan sektor seperti di **Rajah 7.8**.

Rajah 7.8 Cawangan dan Sektor di BPKj



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

CAWANGAN PERANCANGAN

SEKTOR TEKNIKAL DAN KORPORAT

UNIT TEKNIKAL DAN TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (UTTK)

UTTK bertanggungjawab dalam memacu proses perancangan dasar, polisi dan garis panduan teknikal kejuruteraan bagi memastikan keperluan pengoperasian, penyelenggaraan dan pengurusan bangunan, peralatan dan sistem kejuruteraan di KKM dapat dipenuhi dan dilaksanakan dengan berkesan selaras dengan kehendak fungsi, piawaian, keselamatan, perkembangan teknologi dan polisi yang berkuat kuasa melalui khidmat rundingan teknikal. UTTK juga terlibat dalam khidmat nasihat teknikal kejuruteraan untuk KKM bagi projek khas yang melibatkan Kerjasama Awam Swasta (PPP) dan Inisiatif Kewangan Swasta (PFI).



Imej 7.16
Pre-Delivery Inspection (PDI) Ambulans
untuk Hospital Cyberjaya



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

UNIT PENJAGAAN KESIHATAN SWASTA (UPKS)

UPKS berfungsi untuk memberikan khidmat kepakaran kejuruteraan kepada premis kesihatan swasta dengan menyemak lukisan kejuruteraan fasiliti yang dikemukakan untuk permohonan lesen baharu, peluasan dan pengubahsuaian serta melaksanakan pemeriksaan ke atas fasiliti kesihatan swasta bagi memastikan pematuhan kepada Akta Perkhidmatan Kemudahan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan peraturan-peraturan serta piawaian yang berkaitan.




SEKTOR PERKEMBANGAN KEJURUTERAAN DAN PENGURUSAN ASET TAK ALIH

UNIT PENGURUSAN ASET TAK ALIH (PATA)

PATA berperanan membantu Pegawai Pengawal dalam melaksanakan semua tanggungjawab pengurusan aset tak alih (kitar hayat aset) KKM selaras dengan Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2021: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan.

UNIT PENYELIDIKAN KEJURUTERAAN (UPKj)



UPKj berfungsi untuk menyelaraskan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti penyelidikan serta inisiatif berkaitan teknologi dron dan robotik di BPKj. Antara aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022 adalah pelaksanaan teknologi robotik secara POC di Hospital Bera, Pahang). Seiring dengan Dasar 4IR Negara, UPKj menyasarkan pelaksanaan aktiviti yang mengaplikasikan penggunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan, *internet of things* (IoT) dan dron.

Imej 7.17
Pelaksanaan Teknologi Robotik secara POC



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM


CAWANGAN PERKHIDMATAN

SEKTOR OPERASI KLINIK

PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Sektor ini memantau dan mengawasi pelaksanaan program PSK di 201 KK di seluruh negara dengan kos tahunan sebanyak RM137 juta melibatkan dua (2) skop perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) dan Perkhidmatan Pembersihan (CLS). Aktiviti utama PSK adalah melibatkan kerja-kerja Penyelenggaraan Pencegahan Berjadual (PPM) dan Penyelenggaraan Pembaikan (CM) oleh pihak kontraktor. Pada tahun 2022, sektor ini terlibat dalam penyediaan dokumen tender, taklimat tender dan mesyuarat permulaan kerja (*kick off*) bagi Kontrak PSK Kitaran 3 baharu yang melibatkan 13 negeri bagi tempoh kontrak selama lima (5) tahun. Selain itu, dua (2) dokumen telah dibangunkan dan diluluskan iaitu Garis Panduan Operasi Projek (POG) dan SOP bagi membantu pelaksanaan program PSK dengan lebih sistematik dan berkesan.

Rajah 7.9
Penglibatan Program PSK pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

KEJURUTERAAN FASILITI KLINIK

Pada tahun 2022, RM33,699,731 telah diperuntukkan bagi memastikan pengoperasian dan kefungsi klinik berada pada tahap yang optima agar dapat memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada pesakit. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan melibatkan kerja pembaikan dan naik taraf, penggantian dan penyelenggaraan bangunan, sistem kejuruteraan dan infrastruktur di klinik seluruh negara.

Rajah 7.10
Peruntukan dan Perbelanjaan bagi Kerja Kejuruteraan di Fasiliti KKM pada Tahun 2022




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

Sektor ini bertanggungjawab dalam mengawal selia pelaksanaan PSH oleh lima (5) syarikat konsesi dan enam (6) syarikat bukan konsesi supaya mematuhi keperluan perjanjian konsesi yang telah ditandatangani. Pada tahun 2022, bilangan kontrak hospital dan institusi yang terlibat dalam Kontrak PSH adalah 146 dengan jumlah sehingga RM1.92 bilion setahun.

Rajah 7.11
Bilangan Hospital atau Institusi Mengikut Syarikat Konsesi



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

AUDIT TEKNIKAL *FLYING SQUAD*

Audit Teknikal *Flying Squad* bertujuan memantau dan mengawal selia pelaksanaan penswastaan PSH bagi syarikat konsesi dan bukan konsesi. Pada tahun 2022, sebanyak lapan (8) Hospital dan Institusi dibawah KKM terlibat dengan Audit Teknikal *Flying Squad* dan antaranya adalah Hospital Sabak Bernam, Hospital Ampang, Hospital Tuanku Fauziah, Hospital Jitra, Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Hospital Jerantut dan Hospital Putrajaya.

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK (PMC) PSH – KONSESI

Mesyuarat PMC PSH yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan merupakan satu platform bagi membincangkan hal-hal polisi, isu PSH dan penilaian prestasi syarikat dalam pelaksanaan perkhidmatan yang diberikan. Secara keseluruhannya, semua syarikat konsesi mencapai prestasi yang memuaskan dalam julat 90 sehingga 95 peratus bagi pencapaian *Contractor Performance Assessment* (CPA).

JAWATANKUASA PEMANTAUAN PROJEK (PMC) PSH – BUKAN KONSESI

Mesyuarat PMC PSH bagi syarikat bukan konsesi telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kewangan adalah merupakan satu platform bagi membincangkan hal-hal polisi, isu PSH dan penilaian prestasi syarikat dalam pelaksanaan perkhidmatan yang diberikan. Secara keseluruhannya, semua syarikat bukan konsesi mencapai prestasi yang memuaskan dalam julat 90 sehingga 95 peratus bagi pencapaian CPA.

SEKTOR IMPLEMENTASI PROJEK (SIP)

Pada tahun 2022, Sektor ini telah melaksanakan 91 projek di bawah Peruntukan Pembangunan, *Sinking Fund* dan Peruntukan PFI. **Rajah 7.12** menunjukkan pecahan projek yang diuruskan oleh SIP mengikut kategori pelaksanaan bagi tahun 2022. Sebanyak lima (5) projek bernilai RM22,355,115.90 telah siap sepenuhnya serta diserahkan kepada pengguna pada tahun 2022 dan telah memulakan operasi seperti di **Imej 7.21**.

Imej 4.1
Audit Teknikal *Flying Squad*




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Imej 7.19
Mesyuarat Jawatankuasa PMC-Bukan Konsesi



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Rajah 7.12 Peratusan Projek SIP Mengikut Kategori Pelaksanaan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Imej 7.21 Penyerahan Projek Tahun 2022



Penyerahan Projek Naiktaraf Klinik Pergigian Tronoh, Perak



Penyerahan Projek Pembinaan Modular Operating Theatre Untuk Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang



Penyerahan Projek Pembinaan Klinik Pergigian Pasir Akar, Besut, Terengganu

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Sektor ini juga berjaya menyiapkan projek di bawah Peruntukan Darurat di samping terlibat dalam memberi khidmat nasihat teknikal dan kepakaran kejuruteraan bagi projek-projek naik taraf fasiliti kesihatan dan bahagian lain di Ibu Pejabat KKM.

Imej 7.22 Projek Khas dan Khidmat Nasihat Teknikal



Projek Naik Taraf Bekalan Gas Perubatan di Pusat Kawalan Kusta Negara Hospital Sungai Buloh



Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, Quill 18 Cyberjaya



Kerja- Kerja Pengubahsuaian Ruang Pejabat dan Lain-Lain yang Berkaitan di Unit Peperiksaan dan Pensijilan, Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR PROGRAM LESTARI (SPL)


SPL telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program lestari (SP) di fasiliti kesihatan KKM. Melalui pelaksanaan SP, KKM telah berjaya meraih pelbagai anugerah antarabangsa dan kebangsaan pada tahun 2022 (**Rajah 7.13**). KKM berhasrat untuk memastikan semua fasiliti kesihatan kerajaan menjadi neutral karbon menjelang tahun 2045 dan menyokong aspirasi negara mencapai sasaran sifar bersih menjelang tahun 2050 (**Rajah 7.14**).

Rajah 7.13
Pencapaian Program Lestari KKM pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Kejuruteraan, KKM

Rajah 7.14
Rangka Kerja Program Lestari KKM




Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

CAWANGAN KAWAL SELIA

SEKTOR KEJURUTERAAN AIR & SANITASI (KAS)

Sektor ini menjalankan program kejuruteraan kesihatan dan kebersihan persekitaran, demi mencegah penularan penyakit berjangkit berkaitan termasuk pemantauan kualiti bekalan air awam supaya ianya selamat digunakan oleh masyarakat. Sektor ini juga memastikan kelestarian dan perlindungan kesihatan alam sekitar melalui aktiviti seperti penyediaan sistem kos rendah untuk bekalan air, sisa pepejal, kumbahan dan air sisa di kawasan luar bandar, serta pemantauan kualiti air dan sanitasi di kawasan rekreasi dan lokasi pelancongan terpilih. Selain itu, Sektor ini menyediakan input teknikal atau nasihat kepada pihak pemegang taruh bagi isu berkaitan dengan kesihatan alam sekitar. Unit-unit di bawah sektor ini adalah Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS), Unit Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan (KMAM), Unit Pencemaran Air (UPA) dan Unit Saintifik.

Rajah 7.15
Perlaksanaan Program bagi Sektor KAS



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR RISIKO KESIHATAN ALAM SEKITAR

UNIT NATIONAL ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (NEHAP)

Pada tahun 2022, Unit NEHAP yang bertindak sebagai Sekretariat NEHAP Malaysia telah melaksanakan program-program utama seperti di **Rajah 7.17**.

Rajah 7.17
Pelaksanaan Program Unit NEHAP Tahun 2022

PELAN TINDAKAN KESIHATAN ALAM SEKITAR KEBANGSAAN (NEHAP)	PELAN TINDAKAN KESIHATAN ALAM SEKITAR NEGERI (SEHAP)	Program	Tarikh
Jawatankuasa Pemandu NEHAP - Pengerusi : Ketua Pengarah Kesihatan	2 ^{negeri} Pelaksanaan Pelan Tindakan	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NEHAP Bil.1	24 Mac 2022
Jawatankuasa Teknikal NEHAP - Pengerusi : Pengarah BPKj	8 ^{negeri} Penyediaan Pelan Tindakan	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NEHAP Bil.2	1 September 2022
Kumpulan Kerja Tematik (TWG) - Pengerusi : Daripada agensi terlibat	3 ^{negeri} Penubuhan SEHAP	Persidangan NEHAP Ke-8, Tahun 2022	27 September 2022
		Mesyuarat Penyelarasan SEHAP Negeri	7 November 2022
		Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NEHAP Bil.1	30 Disember 2022

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

UNIT KUALITI UDARA (UKU)

Pada tahun 2022, aktiviti pengawasan dan pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) telah dilaksanakan di 15 premis KKM. Ianya dilakukan bagi memastikan premis-premis tersebut mematuhi Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalam (ICOP IAQ, 2010) yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Malaysia. Pada tahun yang sama, UKU juga telah menjalankan survelan COVID-19 di persekitaran melalui pemantauan CO₂ sebagai KPI pengudaraan dalaman di fasiliti kesihatan yang terpilih. Manakala pengauditan IAQ di 10 fasiliti penjagaan kesihatan yang terpilih sebagai pemantauan petunjuk prestasi utama Pelan Strategik Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, 2021-2025.

Imej 7.23
Aktiviti IAQ pada tahun 2022



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

UNIT PERLINDUNGAN KESIHATAN ALAM SEKITAR (PEKA)

Sepanjang tahun 2022, aktiviti PEKA lebih tertumpu kepada penambahbaikan Sistem *Environmental Health Risk Inventory* (EHRI) dan memberi khidmat nasihat teknikal berkaitan bidang kejuruteraan kesihatan alam sekitar. Pencapaian Unit PEKA adalah seperti **Rajah 7.17**.

Rajah 7.17
Pencapaian Aktiviti PEKA 2022

Empat (4) siri Perbincangan dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi pembangunan Sistem EHRI - mengenai keperluan pelaksanaan *Change Request & Automation* telah dilaksanakan

Lima (5) sesi mesyuarat pengukuhan pelaksanaan Sistem EHRI Modul 1 hingga 3 telah dianjurkan

Satu (1) Kertas Dasar bertajuk Tahap Risiko Kesihatan Alam Sekitar Lembangan Sungai Semenyih telah ditambahbaik

Tiga (3) audit pelaksanaan PEKA dan lawatan penyeliaan verifikasi dan validasi maklumat serta pelaporan Sistem EHRI telah dilaksanakan

Satu (1) sesi taklimat panel Pakar Kesihatan Alam Sekitar yang dilantik telah dianjurkan

65 Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diterima untuk ulasan teknikal mengikut keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) EIA, 2015 dan diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan.

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR SISA DAN *HYGIENE* (SH)

PELAKSANAAN PROGRAM WASH DI FASILITI PENJAGAAN KESIHATAN

Perolehan maklumat data asas Water, Sanitation and Hygiene (WASH) di fasiliti penjagaan kesihatan di bawah KKM bagi 150 klinik tanpa PSK telah berjaya dilaksanakan sebagaimana sasaran bagi tahun 2022. Data yang diperoleh berserta tindakan penambahbaikan bagi fasiliti penjagaan kesihatan yang berada pada aras perkhidmatan terhad atau tiada perkhidmatan akan dilaporkan ke peringkat *Joint Monitoring Programme* (JMP) WHO dan UNICEF.

Jadual 7.6
Ringkasan Liputan Perkhidmatan WASH bagi 150 Klinik Tanpa PSK

Aras Perkhidmatan/ Peruntukan WASH	Air	Sanitasi	Kebersihan	Pengurusan Sisa Penjagaan Kesihatan	Pembersihan Persekitaran
Basic Services	135	67	122	126	95
Limited Services	0	83	26	24	45
No Services	15	0	2	0	10
Total Facilities	150	150	150	150	150

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

SEKTOR BIOMEDIKAL (SB)

Fungsi utama Sektor Biomedikal adalah:


- mengawalselia perkhidmatan penyelenggaraan kejuruteraan biomedikal (BEMS) di fasiliti kesihatan KKM di bawah Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH), Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) dan lain-lain kontrak BEMS;
- melaksanakan pembekalan peralatan perubatan di fasiliti KKM menerusi kaedah Pembekalan & Pemasangan, dan Program *Replacement Through Maintenance* (RTM); dan
- menyediakan khidmat nasihat teknikal seperti penyiasatan forensik, penyediaan ulasan teknikal, serta penyediaan standard dan garis panduan.

Jadual 7.7
Aktiviti SB pada Tahun 2022

Perkara	Kawalselia			Pembekalan peralatan	
	PSH (Konsesi)	PSH (Bukan konsesi)	MEET	Bekalan & Pemasangan	Program RTM
Bil. Fasiliti	148	9	3,035	8	57
Bil. Alat	209,700	9,375	141,631	9	94

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Rajah 7.18
Pencapaian SB pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN (BKRP)

BKRP memainkan peranan penting selaku autoriti berkompeten dalam penguatkuasaan penggunaan sinaran mengion dan sinaran tidak mengion bagi tujuan perubatan dan menjadi salah satu agensi terkemuka di KKM dan antarabangsa. Peranan BKRP juga melibatkan khidmat nasihat dalam aspek fizik perubatan.


BKRP terdiri daripada:

- Cawangan Kawalan Perlesenan & Pendaftaran (Seksyen Perlesenan & Seksyen Pendaftaran);
- Cawangan Penguatkuasaan & Pendakwaan (Seksyen Penguatkuasaan & Seksyen Pendakwaan);
- Cawangan Khidmat Fizik Perubatan (Seksyen Kod dan Standard & Seksyen Khidmat Teknikal); dan
- Cawangan Latihan & Kerjasama Inter-agensi (Seksyen Kerjasama Inter-agensi & Seksyen Pembangunan Latihan).

CAWANGAN KAWALAN PERLESENAN DAN PENDAFTARAN

PERLESENAN DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM 1984 [AKTA 304]


Sebanyak 2,067 lesen telah dikeluarkan kepada institusi perubatan swasta pada tahun 2022, termasuk 548 lesen baharu dan 1,519 lesen diperbaharui. Secara keseluruhan, terdapat 5,747 institusi perubatan kerajaan dan swasta yang terdiri daripada 1,074 institusi perubatan kerajaan dan 4,673 institusi perubatan swasta seperti yang dinyatakan secara terperinci dalam **Rajah 7.19**.



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Sementara itu, sebanyak 10,626 radas penyinaran berdaftar atau berlesen di kedua-dua institusi perubatan kerajaan dan swasta seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 7.20**. Selain radas penyinaran, sebanyak 1,619 punca bahan radioaktif terdiri daripada 1,438 punca terkedap dan 181 punca tidak terkedap didaftarkan atau dilesenkan di institusi perubatan kerajaan dan swasta seperti dalam **Jadual 7.8**.

Rajah 7.20
Bilangan Radas Penyinaran Berdaftar atau Berlesen di bawah Akta 304



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Jadual 7.8
Bilangan Bahan Radioaktif yang Berdaftar atau Berlesen di bawah Akta 304

Jenis Punca Radioaktif	Perkhidmatan	Bilangan Bahan		Jumlah	
		Kerajaan	Swasta		
Punca Terkedap	Radioterapi	7	829	836	1,438
	Perubatan Nuklear	235	355	590	
	Penyinaran Darah	7	5	12	
Punca Tidak Terkedap	Perubatan Nuklear	46	135	181	181
Jumlah		295	1,324	1,619	

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

CAWANGAN PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN

AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 304

Pada tahun 2022, sebanyak 1,295 institusi perubatan telah diperiksa yang merangkumi 47 institusi perubatan kerajaan manakala 1,248 institusi perubatan swasta. Hasil pemeriksaan mendapati 93.9 peratus institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori manakala 7.1 peratus institusi perubatan tidak mematuhi semasa lawatan pemeriksaan dijalankan seperti yang dinyatakan pada **Jadual 7.9**. Tindakan susulan telah diambil untuk memastikan semua institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori yang telah ditetapkan di bawah Akta 304.

Jadual 7.9
Statistik Lawatan Pemeriksaan Bagi Tahun 2022

Kategori	Bilangan Pemeriksaan (%)	Status Pemuatan	
		Mematuhi (%)	Tidak Mematuhi (%)
Kerajaan : Pemuatan Kehendak Pendaftaran	47	47	0
Swasta : Pemuatan Kehendak Perlesenan	1,248	1,169	79
Jumlah	1,295 (100%)	1,216 (93.3%)	79 (71%)

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Di samping itu, sebanyak 24 lawatan audit telah dilakukan ke atas syarikat juruperunding fizik perubatan yang melakukan ujian kawalan kualiti di institusi perubatan kerajaan dan swasta. Semua pengujian yang dilakukan mematuhi prosedur pengujian yang telah diluluskan. Ringkasan bagi aktiviti penguatkuasaan dan pendakwaan tahun 2022 adalah seperti **Jadual 7.10**.

Jadual 7.10
Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan Tahun 2022

Aktiviti	Jumlah
Pengeluaran Notis di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)	
• Notis pembaharuan lesen	1,331
• Peringatan pembaharuan lesen	165
Bilangan serbuan di bawah Akta 304	10
Bilangan aduan dos radiasi melebihi had dos yang ditetapkan	10
Bilangan aduan perlanggaran Akta 304	41
Lawatan siasatan	33
Bilangan tindakan undang-undang di bawah Akta 304	3

Aktiviti	Jumlah
Bilangan Kertas Siasatan dibuka untuk tujuan pendakwaan di bawah Akta 304	8
Bilangan kes penggantungan lesen di bawah Akta 304	5
Bilangan premis yang dilarang penggunaan seperti pelekat larangan yang ditampal semasa lawatan pemeriksaan	18
Peratus tindakan undang-undang yang diambil di premis yang tamat tempoh lesen, seperti tindakan penyiasatan, penguatkuasaan dan pendakwaan	100
Laporan Audit Radiograf X-ray 2022	
• Jumlah Premis Yang diaudit	236
• Memuaskan/mematuhi	190
• Tidak mematuhi	46

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

CAWANGAN KHIDMAT FIZIK PERUBATAN

PERKHIDMATAN FIZIK PERUBATAN (AKTIVITI KHIDMAT TEKNIKAL DAN KOD & STANDARD)

Pada tahun 2022, sebanyak 156 khidmat nasihat teknikal yang berkaitan dengan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tak Mengion (NIR) telah diberikan kepada hospital dan klinik di bawah KKM. Maklumat terperinci adalah seperti yang disenaraikan dalam **Jadual 7.11**.

Jadual 7.11
Khidmat Nasihat Teknikal Berkaitan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tak Mengion (NIR)

Jenis Aktiviti	Jumlah
Penyediaan dan penilaian spesifikasi modaliti IR dan kemudahan berkaitan	24
Lawatan tapak, khidmat nasihat dan pengujian & pentauliahan (T&C) :	
• Lawatan T&C, Pematuhan Spesifikasi Teknikal (TSA)	
• Kemajuan projek/lawatan tapak	99
• Pengesahan perisaian ketebalan keselamatan sinaran	
Pengujian secara rawak (RRT) dalam kawalan kualiti (QC) di fasiliti awam	27
Penyemakan pelan/lukisan teknikal keselamatan & kajian perlindungan sinaran untuk projek klinik atau hospital awam baharu	6
Jumlah	156

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Selain itu, lain-lain aktiviti berkaitan dengan Seksyen Khidmat Teknikal untuk tahun 2022 adalah:

- i. Sesi libat urus *Quality Management Audits in Nuclear Medicine Practices* (QUANUM). Ia memberi manfaat kepada 91 peserta merentasi tiga (3) zon Malaysia Timur (Sarawak), wilayah Selatan (Johor) dan wilayah Utara (Pulau Pinang) daripada 13 pusat perubatan nuklear.
- ii. Mesyuarat penyelarasan:
 - a. Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Perubatan Nuklear di bawah Akta 304.
 - b. Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Radiologi di bawah Akta 304.
 - c. Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Radioterapi di bawah Akta 304.
 - d. Jawatankuasa Induk Program Penjaminan Kualiti (QAP) bagi Perkhidmatan Pergigian di bawah Akta 304.
 - e. Jawatankuasa Pemandu Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan) di bawah Akta 304.
 - f. Jawatankuasa kerja Pensijilan Pegawai Perlindungan Sinaran (Perubatan) di bawah Akta 304.

BKRP juga terlibat secara aktif dalam pembangunan dokumen baharu melibatkan penggunaan sinaran perubatan di Malaysia. Antara aktiviti pada tahun 2022 dinyatakan pada **Jadual 7.12**.

Jadual 7.12
Aktiviti di bawah Kod & Standard

Aktiviti	Catatan
Garis Panduan Pelaksanaan Buku Log Kompetensi Pengendali Baharu Radas Penyinaran Tomografi Berkomputer (CT Scan) dan Mamografi di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304)	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan kerajaan dan swasta melalui surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 8/2022 pada 15 Mac 2022
<i>Guidelines on Ultrasound Usage in Medical Practice</i>	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan kerajaan dan swasta melalui surat pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 22/2022 pada 3 November 2022
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Gamma Camera, Single Photon Emission Computed Tomography (SPECT) and Single Photon Emission Computed Tomography/Computed Tomography (SPECT/CT) Systems (Version 2022)</i>	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan nuklear kerajaan dan swasta melalui surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 2 November 2022
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Positron Emission Tomography/Computed Tomography (PET/CT) System (Version 2022)</i>	
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Dose Calibrator, Gamma Counter/Well Counter/Thyroid Uptake System and Gamma Probe (Version 2022)</i>	

Aktiviti	Catatan
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Radiography System (General and Mobile Radiography) (Version 2022)</i>	Dokumen telah diedarkan kepada fasiliti perubatan kerajaan dan swasta melalui surat edaran Ketua Pengarah Kesihatan bertarikh 27 November 2022
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Fluoroscopy System (General Fluoroscopy and Mobile C-Arm) (Version 2022)</i>	
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Computed Tomography (CT) Scanner (Version 2022)</i>	
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Computed Radiography (CR) System (Version 2022)</i>	
<i>Technical Quality Control Protocol Handbook for Digital Radiography (DR) System (Version 2022)</i>	

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Sepanjang tahun 2022, terdapat aktiviti berkaitan penyelidikan keselamatan sinaran seperti berikut:

- a. Penyebaran Maklumat melalui Latihan/ kerjasama teknikal dengan agensi kerajaan berkaitan
 - i. Kursus *MRI Safety in Clinical Practice* anjuran Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (23 Julai 2022); dan
 - ii. Kerjasama Teknikal Bagi Pengujian Frekuensi Sangat Rendah (ELF) dan Medan Elektromagnet (EMF) di Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) bersama Agensi Nuklear Malaysia (ANM) (29 Disember 2022).
- b. Kajian
 - i. Kajian *Medical Radiation Exposure Study* Bagi Pembangunan Malaysian *Diagnostic Reference Level (DRL)* Dalam Perkhidmatan Pengimejan Perubatan dan Pergigian
 - Kursus latihan pengumpulan data telah dijalankan pada 1 hingga 2 Mac 2022.
 - Tinjauan maklumat latar belakang juga telah dilaksanakan pada awal tahun 2022.

CAWANGAN LATIHAN DAN KERJASAMA INTER-AGENSI

KERJASAMA TEKNIKAL ANTARA AGENSI DAN PEMBANGUNAN LATIHAN

BKRP sentiasa ke hadapan dalam memastikan tahap penggunaan radas penyinaran dan bahan radioaktif dalam keadaan selamat dan berkesan di Malaysia. Justeru, bagi menyokong usaha berkenaan, BKRP telah menjalinkan kerjasama di antara agensi di dalam dan luar negara seperti **Jadual 7.13**.

Jadual 7.13
Aktiviti Kerjasama Antara Agensi Bagi Tahun 2022

Aktiviti	Ulasan/ Pencapaian
Kerjasama serantau dengan agensi antarabangsa bagi sektor perubatan dan kesihatan	International Atomic Energy Agency (IAEA) i. Country Programme Framework (CPF) 2024-2027; ii. IAEA Expert Mission: Enhancement on Security Culture Self-Assessment for Medical Institutions in Malaysia; iii. IAEA Expert Mission: Establishment on Security Culture Self-Assessment for Medical Institutions-Second Cycle; iv. Seventh Annual Meeting of the Ad-Hoc Working Group on Alternatives to High-Activity Radioactive Sources; v. Comprehensive Capacity-Building Initiative for State System of Accounting and Control (SSACs) and State Authority Responsible for Safeguards Implementation (SRAs) (COMPASS) Webinar; vi. COMPASS Expert Support: Development of License Condition and Licensing Procedures (Malaysia-Hungary) No. 1/2022; vii. COMPASS Expert Support: Development of License Condition and Licensing Procedures (Malaysia-Hungary) No. 2/2022; viii. Additional Protocol Outreach Program under the 2021 - 2022 COMPASS Initiative; and ix. IAEA Mission on International Nuclear Security Advisory Service (INSServ). Office of Radiological Security, Department of Energy (ORS-DOE) United States of America (USA) i. Meeting of Proposal of the Replacement of Cesium-137 (Cs-137) Blood Irradiation Machine with Non-Radioisotopic-Based Alternative Technology for University Medical Facility with the ORS and KKME; ii. Site Visit of Physical Security System Assessment at Medical Facilities by ORS; iii. Workshop on EBeam/X ray technology in Daejeon, Korea; dan iv. Management of Security System maintenance contract renewal between Medical Facilities and ORS (10 facilities).
Kerjasama inter-agensi peringkat kebangsaan bagi sektor perubatan dan kesihatan	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), MOSTI i. Mesyuarat Lembaga ke-106 (Bil. 3/2021); ii. Mesyuarat Lembaga ke-107 (Bil. 1/2022); iii. Mesyuarat Lembaga ke-108 (Bil. 2/2022); dan iv. Mesyuarat Lembaga ke-109 (Bil. 3/2022). Jabatan Tenaga Atom, MOSTI i. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti-Aktiviti di bawah Akta 304 Bil. 2/2021. ii. Mesyuarat Penyelarasan Aktiviti-Aktiviti di bawah Akta 304 Bil. 1/2022. iii. Sesi Dialog antara Bahagian Kawalselia Sinaran (BKS), (Lembaga Perlesenan Tenaga Atom) AELB bersama BKRK;

Aktiviti	Ulasan/ Pencapaian
	iv. Sesi Webinar Kawalgunaan (<i>Safeguards</i>) di bawah COMPASS <i>National Training Workshop</i> v. Lawatan Pengesahan Bahan Nuklear yang Digunakan Dalam Bidang Perubatan. vi. <i>IAEA ASEANTOM Technical Visit On Security Inspections Of Radioactive Material And Associated Facilities</i>, Hospital Tunku Azizah. vii. Mesyuarat Susulan Bagi Membincangkan Isu Pengawasan Penjualan Bahan Radioaktif Yang Dihasilkan oleh Siklotron, Institut Kanser Negara (IKN). Agensi Nuklear Malaysia, MOSTI Penyelarasan Nota Kerjasama antara Agensi Nuklear Malaysia dan KKM Mengenai Kerjasama dalam Bidang Penyelidikan, Pembangunan, Perkhidmatan dan Latihan Berkaitan Bidang Kesihatan Menggunakan Teknologi Nuklear. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Perbincangan Kerjasama dengan <i>Rosatom State Nuclear Energy Corporation</i> (ROSATOM), Russia dalam bidang kesihatan anjuran Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T, MOSTI. Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Jabatan Perdana Menteri (JPM) Penganjuran kursus penilaian ancaman (<i>threat assessment</i>) bagi fasiliti hospital/pusat perubatan yang memiliki bahan radioaktif kategori 1.
Pembangunan Dokumen	<i>Guidance Document on Developing Site Security Plan for Medical Facilities in Malaysia</i> (Draf)
Pengurusan Projek Pembangunan Sistem Gantian <i>Comprehensive Medical Radiation Information System</i> (COMRAD)	Sesi Libat Urus Jawatankuasa Kerja (<i>Working Committee</i>) Pembangunan <i>National Blueprint for Regulatory Authority on Radiological Information System</i> (NBRAIS)
Pembangunan program sekuriti nuklear	i. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi Pembangunan Program <i>Security Culture</i> Peringkat KKM Bil. 1/2022 ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja bagi Pembangunan Program <i>Site Security Plan</i> Peringkat KKM Bil. 1/2022 iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu bagi Pembangunan Program Sekuriti Nuklear Peringkat KKM Bil. 1/2022
Mesyuarat Koordinasi: Pembangunan pelan strategik BKRK 2021-2025	Sesi libat urus pembangunan dokumen pengurusan kualiti ke arah persijilan MS ISO 9001:2015-Pengurusan Risiko dan Pelan Strategik BKRK.
Bilangan maklum balas i. Penyata Pemilikan ii. Nota iktisar/ Input percakapan/ Input Kerjasama teknikal	12 maklum balas penerimaan Penyata Penjualan Bahan Radioaktif dan Radas Penyinaran (LPTA/BM/2) di bawah Akta 304. 9 maklum balas Nota Iktisar/Input Percakapan/Input kerjasama teknikal.

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

Selain itu, aspek pembangunan modal insan menjadi salah satu agenda penting di BKRP. Justeru, berikut adalah ringkasan aktiviti bagi latihan termasuklah sesi libat urus yang dijalankan pada tahun 2022 seperti **Jadual 7.14**.

Jadual 7.14
Aktiviti Pembangunan Latihan dan Sesi Libat Urus bagi Tahun 2022

Aktiviti	Jumlah/ Pencapaian
Bilangan kelulusan <i>Continuous Medical Education</i> (CME) di bawah Akta 304.	190
Bilangan penyebaran maklumat melalui sesi CME di bawah Akta 304.	196
Jumlah jam penyebaran maklumat oleh pegawai-pegawai BKRP melalui program CME	236
Bilangan personel yang dilatih	492
Bilangan Penganjuran Program Latihan/Kehadiran Kursus Generik dan Fungsional Pegawai BKRP	42
Penyelarasan Aktiviti Penguatkuasaan dan Pendakwaan Di Bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 Antara Cawangan Penguatkuasaan dan Pendakwaan, BKRP, KKM dan Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, MOSTI	
- Bilangan sesi yang terlibat - Bilangan kehadiran	1 36
Sesi libat urus bersama JKN bagi pembangunan dokumen Pakar Bidang Khusus (SME) Pegawai Sains (Fizik)	
- Bilangan JKN terlibat - Bilangan pegawai terlibat	13 34
Sesi Libat Urus dan Program Pengemaskinian Maklumat Pendaftaran Kerajaan – seliaan Seksyen Pendaftaran, BKRP	
- Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Kemudahan Sinaran Mengion bagi Perkhidmatan Radiologi Diagnostik di Fasiliti Perubatan Kerajaan - Bilangan sesi libat urus - Bilangan negeri terlibat - Bilangan Orang Yang Bertanggungjawab (OYB) - Bilangan kemudahan kesihatan kerajaan	5 5 88 49
Sesi Libat Urus dan Program Pengemaskinian Maklumat Pendaftaran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) – seliaan Seksyen Pendaftaran, BKRP	
- Bilangan sesi libat urus - Bilangan kehadiran - Zon/kawasan	3 59 3
Sesi Libat Urus dan Taklimat Program bagi garis Panduan Permohonan Lesen bagi Kemudahan Sinaran Mengion dalam Perkhidmatan Radiologi di Fasiliti Perubatan Swasta Termasuk Fasiliti Perubatan Universiti	
- Bilangan sesi terlibat - Bilangan negeri yang terlibat - Jumlah kehadiran Pemegang Lesen (Swasta)	2 5 250

Aktiviti	Jumlah/ Pencapaian
Bilangan Pusat Latihan yang diiktiraf di bawah Akta 304	
• Perubatan Nuklear	2
• Pengamal Perubatan Am	3
• Pergigian Orthopantomography (OPG) dan Cone Beam Computed Tomography (CBCT)	3
Program Pembelajaran Profesional Berterusan (CPE)	
• Teknologi/produk oleh pembekal tempatan & antarabangsa	10
Bilangan pensijilan sebagai Pegawai Sains Fizik Terlatih di KKM – bidang pengujian Kawalan Kualiti bagi radiografi am dan mesin intra-oral	
• Ibu pejabat BKRP	16
• JKN	27
Pencapaian bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah Pelan Strategik Program Penyelidikan & Sokongan Teknikal (P&ST) 2021 -2025:	
i. KPI meningkatkan perundingan dan penyediaan perkhidmatan teknikal	
• Perkongsian maklumat mengenai kesedaran dan keselamatan peralatan perubatan IR dan NIR kepada orang awam <i>Bilangan Program Peringkat Nasional Dijalankan</i> (160%)	8
ii. KPI mempergiatkan pembangunan kapasiti	
• Menjalankan latihan untuk pembangunan kapasiti bagi latihan <i>Kesiapsagaan dan Tindak Balas Kecemasan Radiologikal</i> (100%)	1
• Memperkukuh kompetensi Pegawai Sains Fizik KKM melalui program latihan <i>Pembangunan Modul Latihan Secara Komprehensif</i> (100%)	1

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

PEJABAT PENGURUS NIH

Pejabat Pengurus NIH memainkan peranan utama dalam tadbir urus dan sokongan teknikal kepada institut-institut NIH termasuk pembangunan pelan strategik NIH, dasar dan garis panduan menjalankan penyelidikan serta bidang keutamaan penyelidikan kesihatan. Pejabat Pengurus NIH beriltizam untuk membantu NIH meningkatkan output yang berkualiti dengan memantapkan tadbir urus dan sokongan teknikal penyelidikan.

Unit Pengurusan Penyelidikan dan Dana Penyelidikan berperanan dalam proses permohonan peruntukan penyelidikan daripada penyelidik NIH dan KKM. Bagi tahun 2022, sejumlah RM22,945,149 (91%) telah diagihkan dibelanjakan bagi melaksanakan projek mengikut kluster-kluster berikut:

Jadual 7.15
Projek di bawah Peruntukan Penyelidikan dan Pembangunan bagi Tahun 2022

Kluster	Bilangan Projek	Jumlah Agihan
<i>Communicable Diseases</i>	23	RM3,000,000
<i>Non-Communicable Diseases</i>	23	RM3,000,000
<i>Sustainable Environment and Climate Change</i>	5	RM1,180,000
<i>Universal Access of Quality Healthcare</i>	10	RM700,000
Biomedikal	32	RM4,329,200
<i>Aged Population</i>	7	RM1,181,242
<i>Innovation and Health Technology</i>	5	RM739,993
<i>NHMS 2022: Adolescent Health (NHS1)</i>	3	RM2,661,200
<i>NHMS 2021: Maternal & Child Health (NHS2)</i>	1	RM5,713,280
<i>National Oral Health Surveys (NHS3)</i>	1	RM440,234
Jumlah	110	RM22,945,149

Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

SEKTOR ETIKA DAN PENGAWASAN PENYELIDIKAN (SEPP)

SEPP di bawah Pejabat Pengurus NIH bertanggungjawab dalam urusan pemprosesan permohonan pendaftaran penyelidikan, permohonan kelulusan etika bagi menjalankan penyelidikan di KKM dan pemprosesan laporan aktiviti penyelidikan klinikal. Sepanjang tahun 2022, *National Medical Research Register* (NMRR) juga telah berjaya memproses sebanyak 1,520 pendaftaran penyelidikan. Sebanyak 1,438 penyelidikan yang berdaftar adalah Penyelidikan Inisiatif Penyelidik (IIR) dan selebihnya, sebanyak 82 adalah daripada Penyelidikan Tajaan Industri (ISR). Pecahan jenis penyelidikan yang berdaftar di NMRR pada tahun 2022 seperti jadual di bawah.

Jadual 7.16
Jenis Penyelidikan yang Berdaftar di NMRR bagi Tahun 2022


Jenis Penyelidikan	ISR	IIR
<i>Applied Research</i>	2	58
<i>Clinical Audit/Quality Assurance/ Quality Control</i>	0	14
<i>Interventional</i>	75	54
<i>Mixed Method Research</i>	0	51
<i>Observational</i>	5	1,172
<i>Proof of Concept/ Theoretical Research</i>	0	9
<i>Qualitative Research</i>	0	55
<i>Registry/ Biobanking/ Clinical Database</i>	0	7
<i>Special Write Up</i>	0	2
<i>Systematic Review / Scoping Review/ Rapid Review/ Meta-analysis/ Meta Synthesis</i>	0	16
Jumlah	82	1,438

Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

SEKTOR BIOSTATISTIK DAN DATA REPOSITORI (SBDR)

SBDR berfungsi memberi khidmat konsultasi berkaitan metodologi dan analisa data penyelidikan. Sektor ini juga berperanan sebagai Pusat Data Repositori yang menyimpan dan membekalkan data-data penyelidikan berdasarkan permohonan dari penyelidik. Pada tahun 2022, sebanyak 262 sesi konsultasi dijalankan melalui platform ebiostatistics.nih.gov.my (**Rajah 7.21**).


Rajah 7.21
Bilangan Konsultasi bagi Tahun 2022



Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

Selain dari itu, SBDR dengan kerjasama Sektor Teknologi Maklumat dan vendor telah membangunkan sistem data repositori yang dikenali sebagai NIH-DaRS yang telah dilancarkan pada 21 April 2022. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 15 data kajian telah dimasukkan ke dalam sistem dan 17 permohonan data telah diproses. SBDR juga menerima dan memproses 36 permohonan Pemadanan Data Rekod Kematian Jabatan Pendaftaran Negara.

Imej 7.24
Laman Utama NIH-DaRS



Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

SEKTOR EVIDENCE-BASED HEALTHCARE (SEBH)

SEBH menyediakan titik fokus untuk mempromosikan prinsip amalan berasaskan bukti melalui penglibatan, perkongsian pengetahuan, penyelidikan dan pendidikan. Sektor ini menjalankan systematic reviews, meta-analysis, evidence maps, scoping reviews dan kajian saintifik yang lain.

Rajah 7.22
Aktiviti dan Pencapaian

Konsultasi & Latihan	Penulisan & Penerbitan Kertas Saintifik
Menyediakan latihan/ bengkel untuk penulisan kertas systematic review kepada NIH, KKM dan universiti-universiti.	20 penerbitan artikel 9 pembentangan saintifik
Projek Penyelidikan	Penyebaran Bukti Penyelidikan
12 projek kolaborasi bersama NIH, KKM dan universiti.	Pengedaran dokumen Health Research Priorities For 12th Malaysia Plan (12MP-HRP) 2021-2025 dan penemuan kajian saintifik kepada pemegang taruh atau penggubal dasar untuk membuat keputusan berdasarkan bukti.
Delegasi & Kolaborasi	
	

Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

SEKTOR SUMBER MAKLUMAT PENYELIDIKAN (SSMP)

SSMP atau Perpustakaan NIH menyokong aktiviti penyelidikan NIH dengan menyediakan sumber rujukan yang diperlukan bagi memenuhi keperluan maklumat warga NIH. Sepanjang tahun 2022, SSMP telah melanggan tiga (3) pangkalan data e-jurnal dan dua (2) pangkalan data rujukan iaitu *ScienceDirect* (e-jurnal), *Wiley Online Library* (e-jurnal), *SpringerNature* (e-jurnal), *Proquest / IG Library* (e-buku), *Scopus* (pangkalan data rujukan) dan *Cochrane Library* (pangkalan data rujukan). Akses kepada pangkalan data *Cochrane Library* adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia. Statistik muat turun teks penuh artikel bagi pangkalan data e-jurnal yang dilanggan tahun 2022 iaitu *ScienceDirect* (157,770); *Wiley Online Library* (38,126); *SpringerNature* (41,096). Manakala statistik penggunaan pangkalan data rujukan iaitu *Scopus* (3,873) dan *Cochrane Library* (92,302).

SSMP juga melanggan *web hosting* MyLOFT untuk memberikan akses kepada langganan pangkalan data di luar premis NIH dan aplikasi Turnitin bagi perkhidmatan semakan *similarity* kepada penyelidik NIH. Sebanyak 31 kertas disemak menggunakan alat sokongan penyelidikan iaitu aplikasi Turnitin meliputi permohonan semakan dari NIH, bahagian-bahagian di Ibu Pejabat KKM dan ILKKM. Lain-lain aktiviti sokongan penyelidikan yang telah dilaksanakan iaitu klinik *systematic review* dan *scoping review*, CME, pendidikan pengguna dan carian artikel penyelidikan.

UNIT HEALTH PERFORMANCE (HPU)


HPU telah membangunkan *Health System Performance Dashboard* (HSPD) yang memaparkan prestasi penjagaan kesihatan peringkat kebangsaan, fasiliti dan individu. HSPD merupakan produk Data Raya Sektor Awam (DRSA) 2.0 tajaan bersama MAMPU dari tahun 2019 hingga 2023. Analisis data raya ini telah dijayakan bersama kepakaran bidang data dari NIH, Bahagian Perancangan, BPP dan BPM.

HSPD juga membangunkan kerangka pemantauan prestasi profesional individu dengan membangunkan penanda aras kecekapan penyampaian perkhidmatan dalam kementerian. Kerangka ini merangkumi pemantauan dan evaluasi yang berterusan terhadap pembangunan profesional bagi petugas kesihatan dalam usaha memberi perkhidmatan kesihatan yang mengutamakan pesakit.

UNIT KOMUNIKASI DAN SEBARAN SAINTIFIK


Unit Komunikasi dan Sebaran Saintifik bertanggungjawab untuk memproses permohonan, penilaian dan kelulusan saintifik yang dijalankan di KKM. Sepanjang tahun 2022, sebanyak 2,107 permohonan pembentangan saintifik dalam dan luar negara serta 639 permohonan penerbitan saintifik telah diluluskan seperti di **Rajah 7.23**.

Rajah 7.23
Pembentangan Saintifik bagi Tahun 2022



Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

Rajah 7.24
Penerbitan Saintifik bagi Tahun 2022



Sumber: Institut Kesihatan Negara, KKM

UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (UKKP)

UKKP bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan kesihatan kerja di NIH terpelihara. Sepanjang tahun 2022, UKKP telah berjaya menjalankan beberapa aktiviti antaranya pemberian imunisasi dos penggalak pertama dan kedua COVID-19, vaksin Influenza, vaksin Hepatitis B, saringan Tuberkulosis, *chemical biological monitoring*, saringan kesihatan (KOSPEN WOW 2022), Kursus Minda Sihat, *Good Manufacturing Practice* (GMP), *Good Laboratory Practice* (GLP) dan kempen derma darah.

Untuk aktiviti keselamatan pula, UKKP berjaya melaksanakan aktiviti-aktiviti antaranya audit makmal, kafeteria dan taska, ceramah keselamatan kebakaran, taklimat ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (ERT), latihan kebakaran dan pengungsian, kursus *chemical emergency preparedness*, kursus *Basic Occupational First Aid, CPR and AED Certification* (BOFA-C), kursus latihan asas kebakaran dan jawatankuasa perubatan pada majlis perasmian NIH. UKKP juga menjalankan projek penyelidikan dengan kolaborasi institut-institut NIH lain seperti:

- i. Validasi kit COVID-19: RTK Antigen (RTK-Ag) bersama Institut Penyelidikan Perubatan (IMR);
- ii. *Portable breathalyser for Rapid COVID-19 Detection* (Traxie 2.0) bersama Institut Penyelidikan Klinikal (ICR);
- iii. Pengambilan sampel darah pengawasan antibodi COVID-19 bersama IMR (bagi warga NIH) dan Institut Kesihatan Umum (IKU) (bagi warganegara Malaysia);
- iv. Sebagai Penyelia Lapangan dalam menjalankan kajian NHMS MCH 2022 di Sabah; dan
- v. Bersama Kelab NIH, Puspanita IMR dan Jawatankuasa Kecil Gaya Hidup Aktif NIH dalam menganjurkan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS).

UNIT KOLABORASI DAN INOVASI

Unit Kolaborasi dan Inovasi berfungsi mempromosikan kolaborasi penyelidikan dan aktiviti-aktiviti inovasi dalam KKM serta kolaborasi nasional dan antarabangsa. Unit ini juga membantu urusan pentadbiran bagi kolaborasi penyelidikan dan inovasi seperti yang telah ditetapkan.

Menyelaras rangkaian strategik, membantu menguruskan inisiatif kerjasama dalam bidang kolaborasi dan inovasi dengan agensi, institusi serta badan inovasi di peringkat nasional dan antarabangsa

- Penyediaan carta alir Prosedur Kolaborasi.
- Koordinator ahli NIH bagi Technical Working Group untuk Public Expenditure Review yang dijalankan oleh World Bank Group.
- Penglibatan dalam pengecualian Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bagi setiap kolaborasi antarabangsa dan MJM Precision Medicine, Digital Health & Clinical Trial Hub.

Pengumpulan semua dokumen produk inovasi, harta intelek, dan komersial termasuk MOU dan sebagainya

Menyelaraskan Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2022 dan pencalonan Due Diligence Workshop for the Malaysian Commercialisation Year (MCY) 2022 dan pengurusan harta intelek (IP).

Pendaftaran dan pengurusan IP untuk hasil penyelidikan

- Menyelaraskan pengurusan dan pembaharuan IP yang telah dibiayai melalui Dana Pengurusan Penyelidikan NIH.

70

KONSULTASI (MOU/RA)

Aktiviti inovasi dan komersial

- Enam (6) Siri Webinar IP Commercialisation dengan kolaborasi Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI).
- Kursus Negotiation Skill in Collaborative Research.
- Koordinator National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) dengan kolaborasi antara KKM dan MOSTI melalui MRANTI
- Merancang business wing NIH.

INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)

ICR telah memberikan khidmat perkhidmatan berkaitan penyelidikan bagi mencapai visi dan misi KKM dengan menfokuskan dalam percubaan klinikal, latihan penyelidikan dan kolaborasi penyelidikan. Sepanjang pandemic COVID-19, ICR menerajui dalam pelbagai penyelidikan percubaan vaksin dan ubatan serta berkerjasama bersama MONASH University, University Medical Centre Utrecht, National Institutes of Health United State (NIH, US), UNICEF dan lain-lain.

Pada tahun 2022, ICR telah menerbitkan 139 manuskrip di mana 110 manuskrip diterbitkan dalam jurnal antarabangsa manakala selebihnya dalam jurnal tempatan. Salah satu penerbitan utama dalam JAMA Internal Medicine (berfaktor kesan 44.4) bertajuk *Efficacy of Ivermectin treatment on disease progression among adults with mild to moderate COVID-19 and comorbidities: The I-TECH randomized clinical trial* menerima lebih 842,000 semakan dan 51 jumlah petikan.

ICR mengekalkan tahap *Research Consultation Clinic* (RCC) yang tinggi termasuk Rangkaian 37 CRCs di hospital-hospital KKM. Selain itu, ICR juga merupakan Urusetia *Good Clinical Practice* (GCP) dan sebanyak 63 bengkel GCP termasuk peperiksaan dijalankan daripada sektor awam dan swasta. Pada tahun 2022, seramai 2,659 peserta menghadiri bengkel GCP, manakala seramai 2,982 menduduki peperiksaan GCP.

HARI NEGLECTED TROPICAL DISEASES (NTD) SEDUNIA 2022

Hari NTD Sedunia disambut pada 30 Januari setiap tahun sejak 2019 sebagai sebahagian daripada kempen untuk meningkatkan kesedaran dan usaha menamatkan NTD. Hari NTD Sedunia kali ke-3 2022 membawa tema *100% Committed* di mana menyeru kepimpinan global bagi menunjukkan bahawa mereka 100 peratus komited untuk menamatkan NTD. ICR memeriahkan sambutan Hari NTD Sedunia 2022 dengan aktiviti pendidikan, promosi media sosial dan kempen *Light Up*. Lebih 50 mercu tanda in 28 negara seluruh dunia diterangi dengan cahaya jingga dan ungu pada 30 Januari 2022, termasuk Pintasan Saloma di Kuala Lumpur, Malaysia.

Imej 7.25

Kempen *Light Up* Pintasan Saloma Kuala Lumpur



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

KOLABORASI BERSAMA INSTITUTE OF MEDICAL BIOLOGIC CHINESE ACADEMY OF MEDICAL SCIENCES (IMBCAMS)

Randomized, Double-blinded, Placebo Controlled Phase III Clinical Trial for the Evaluation of Efficacy and Safety of SARS-CoV-2 Vaccine, Inactivated (Vero Cell) in Healthy Population Aged 18 years and Above in Malaysia adalah percubaan klinikal vaksin COVID-19 yang pertama di Malaysia dengan kerjasama IMBCAMS, ICR dan lapan (8) hospital termasuk Pusat Percubaan Klinikal (CCT) yang berpusat di Hospital Ampang. Percubaan klinikal melibatkan penerima vaksin kajian dan penerima placebo dengan jumlah sukarelawan yang didaftarkan ialah 375 manakala hanya 190 sukarelawan kekal dalam *crossover trial*.

KOLABORASI BERSAMA CANSINO BIOLOGICS INC. UNTUK PERCUBAAN KLINIKAL FASA III - THE WORLD'S FIRST INHALED FORM OF COVID-19 VACCINE

KKM telah melancarkan satu lagi usaha kerjasama penyelidikan percubaan klinikal vaksin COVID-19 yang melibatkan Cansino Biologic Inc. dan Institut Penyelidikan Klinikal. CCT Hospital Ampang adalah salah satu dari tiga (3) tapak percubaan klinikal yang terlibat dalam penyelidikan ini. Percubaan klinikal fasa III adalah untuk menguji keberkesanan dan keselamatan vaksin yang disedut (vaksin *Recombinant Adenovirus Type 5 Vector, Convidecia Air™* dari Cansino) sebagai dos penggalak kedua dalam perbandingan secara langsung dengan vaksin mRNA Pfizer di negara lain selain China. Percubaan kajian ini melibatkan 540 peserta yang berumur 18 tahun ke atas dengan 353 peserta telah berjaya direkrut di CCT Hospital Ampang. Percubaan klinikal telah bermula secara rasmi pada Ogos 2022 dan dijangka akan selesai pada Mei 2023.

Imej 7.26 Lawatan Rasmi Pihak Cansino Biologics Inc.



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

PELANCARAN MALAYSIA COUNTRY REPORT FOR THE STRENGTHENING OF MENTAL HEALTH AND PSYCHOSOCIAL SUPPORT (MHPSS) SYSTEMS AND SERVICES FOR CHILDREN AND ADOLESCENTS IN THE EAST ASIA AND PACIFIC REGION RESEARCH

ICR mengetuai projek penyelidikan MHPSS serantau di Malaysia, Thailand, Filipina, dan Papua New Guinea dengan kerjasama UNICEF dan Burnet Institute Australia. Hasil kajian tersebut disebarkan melalui laporan dan infografik yang dilancarkan pada 29 Ogos 2022 oleh Timbalan Menteri Kesihatan I.

Imej 7.27 Perasmian Laporan dan Infografik MHPSS



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

LAWATAN RASMI NATIONAL INSTITUTES OF HEALTH (NIH) UNITED STATES

ICR menyelaras lawatan oleh Dr. Aaron Neal ke Malaysia dari 5 hingga 22 September 2022. Dr. Aaron Neal ialah seorang saintis penyakit berjangkit yang bertugas sebagai pakar penyelidikan klinikal di *National Institute of Allergy and Infectious Diseases*, NIH U.S. Lawatan tersebut turut meneroka potensi kolaborasi penyelidikan antara NIH U.S. dan organisasi penyelidikan di Malaysia.

NATIONAL CONFERENCE FOR CLINICAL RESEARCH KE-15

National Conference for Clinical Research (NCCR) kali ke-15 berlangsung dari 18 hingga 20 Oktober 2022 di Hotel St. Giles Wembley, Pulau Pinang. Persidangan ini bertemakan *Data to Decisions* dan dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal) disusuli pelancaran aplikasi saringan batuk COVID-19 (Cof'e) yang dibangunkan oleh ICR dan pelancaran buku bersempena 22 tahun pembentukan ICR. Dihadiri sekitar 300 peserta, persidangan tersebut menampilkan 20 penceramah tempatan dan antarabangsa serta mempamerkan 80 abstrak daripada penyelidik seluruh negara.

BENGKEL EPIDEMIOLOGI KLINIKAL KE-3: PENYELIDIKAN DIAGNOSTIK DAN PROGNOSTIK

Dengan kolaborasi *Julius Centre for Primary Care and Health Sciences* di Pusat Perubatan Universiti Utrecht (UMCU), Belanda, Pusat Epidemiologi Klinikal, ICR menganjurkan Bengkel Epidemiologi Klinikal ke-3 dengan bertumpu pada penyelidikan diagnostik dan prognostik. Bengkel ini diadakan dari 18 hingga 20 Oktober 2022. Seramai 40 peserta dari pelbagai jabatan di KKM dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menghadiri bengkel tersebut. Tiga (3) ahli akademik jemputan dari UMCU telah memberi syarahan untuk bengkel yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang reka bentuk kajian ramalan dalam epidemiologi klinikal dengan sesi praktikal.

Imej 7.28

Bengkel Epidemiologi Klinikal Ke-3 2022



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

COF'E



Cof'e merupakan aplikasi pra-saringan COVID-19 dalam talian yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI). Aplikasi ini direka cipta untuk meringankan beban saringan dan pengesanan kes-kes COVID-19 tanpa gejala dalam populasi Malaysia. Model AI Cof'e telah mencapai lebih dari 85 peratus ketepatan dalam pengesanan batuk COVID-19 termasuk pembawa tanpa gejala. Aplikasi ini menyediakan ujian saringan yang mudah untuk orang awam dan boleh menjimatkan kos saringan untuk negara. Cof'e boleh digunakan secara percuma melalui coughsound.dhri.my

KAJIAN PENGESANAN, DIAGNOSIS DAN TEMPOH MASA RAWATAN KANSER DI MALAYSIA (DEDICATE)

Kajian *multicentre cross-sectional* ini bertujuan untuk menilai ketepatan masa pengesanan dan rawatan kanser di Malaysia dengan meneliti tempoh masa daripada pengesanan kanser kepada rawatan. Kajian ini melibatkan tujuh (7) hospital awam yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanser di Semenanjung Malaysia. Ia merupakan projek kolaborasi di antara CCE, Institut Penyelidikan Klinikal, pakar dari hospital KKM, Bahagian Penyakit Tidak Berjangkit dan Penyelidikan Kanser Malaysia. Pengumpulan data bermula dari tahun 2020 dengan beberapa gangguan semasa pandemik COVID-19 dan telah selesai pada tahun 2022.

Imej 7.29

Pasukan DEDICATE bagi Tahun 2022



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

SIMPOSIUM SAINTIFIK *LONG COVID*

Simposium saintifik *Long COVID* telah dianjurkan buat julung kalinya oleh Pusat Penyelidikan Jagaan & Keberhasilan Klinikal, ICR pada 2 November 2022. Hasil daripada lima (5) kajian berkaitan *Long COVID* telah dibentangkan oleh penceramah daripada KKM dan ahli akademik (UKM dan UiTM) dan dihadiri oleh seramai 85 peserta daripada KKM dan sektor swasta. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (TKPK) Penyelidikan dan Sokongan Teknikal (P&ST) telah merasmikan simposium ini.

Imej 7.30 Simposium Saintifik *Long COVID*



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

KAJIAN TINDAK BALAS KEKEBALAN HUMORAL TERHADAP VAKSINASI MRNA BNT 162B2 DI KALANGAN PEKERJA PENJAGAAN KESIHATAN DI MALAYSIA (*VIGILANCE*)

Kajian *serosurveillance longitudinal* ini dijalankan ke atas petugas kesihatan iaitu kumpulan pertama yang menerima mRNA COVID-19 di Malaysia. Kajian ini dimulakan pada masa di mana kemapanan antibodi yang dihasilkan oleh vaksin mRNA COVID-19 pada manusia masih tidak diketahui. Kajian ini adalah kolaborasi di antara ICR dan IMR dengan tiga (3) kajian terletak di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Projek ini bermula pada tahun 2021 dan pengumpulan data ke-3 dijangka lengkap pada Mac 2023.

Imej 7.31 Pengambilan Subjek bagi Kajian *VIGILANCE*




Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal, KKM

INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN (IHSR)

THE NATIONAL POLICY FOR QUALITY IN HEALTHCARE (NPQH)

NPQH dibangunkan berdasarkan analisis situasi komprehensif untuk kualiti perkhidmatan kesihatan di Malaysia dengan menggunakan data dan maklum balas dari pihak pemegang taruh. Ini menjurus kepada pembentukan tujuh (7) *Strategic Priorities* (SP) untuk menangani bidang-bidang yang dikenal pasti untuk penambahbaikan. Polisi dibangunkan bagi menambah baik setiap bidang SP telah ditetapkan untuk tempoh lima (5) tahun (2022-2026) dan didokumenkan dalam pelan tindakan komprehensif, NPQH (*Bridging Silos, Accelerating Improvements*) yang boleh diakses dari laman sesawang IHSR.

Rajah 7.25
Rangka Kerja Implementasi NPQH



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, KKM

KONVENSYEN *QUALITY ASSURANCE* (QA) KEBANGSAAN KE-11

Dengan tema *Revolutionising Quality Towards People-Centred Care*, Konvensyen QA Kebangsaan ke-11 2022 bertujuan untuk mengekalkan kelangsungan aktiviti penambahbaikan kualiti dalam sistem kesihatan. Platform ini membolehkan anggota kesihatan bertukar maklumat, pengetahuan, idea dan pengalaman dalam pelaksanaan aktiviti penambahbaikan kualiti. Konvensyen ini adalah kolaborasi antara IHSR, JKN Pulau Pinang dan *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH) di Hotel Light di Pulau Pinang pada 4 hingga 6 Oktober 2022. 130 projek telah dibentangkan dalam kategori-kategori lisan, poster dan video pendek. Anugerah QA/QI *Champion* telah diberikan kepada 25 anggota kesihatan yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan dan pelaksanaan aktiviti kualiti kesihatan di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Imej 7.32
Konvensyen QA Kebangsaan Ke-11



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, KKM

BULETIN Q

Buletin Q adalah *peer-reviewed journal* yang memaparkan isu-isu terkini berkaitan dengan kualiti jagaan kesihatan di Malaysia. Ia bertujuan sebagai medium bagi perkongsian dan sebaran pengetahuan berkenaan topik QA. Semua profesional kesihatan di Malaysia digalakkan untuk mengemukakan manuskrip mereka bagi penerbitan buletin tahunan. Abstrak daripada Konvensyen QA Kebangsaan ke-11 juga dimasukkan dalam isu khas Buletin Q. Maklumat lanjut boleh didapati dengan mengimbas kod QR pada **Imej 7.33**.

Imej 7.33
Kod QR Buletin Q




Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, KKM

THE COVID-19 CHRONICLES OF MALAYSIA | REVITALISING RECOVERY

Usaha mendokumentasikan peristiwa yang menjurus kepada pandemik COVID-19 di Malaysia serta usaha kerajaan bagi mengatasi pelbagai cabaran dan usaha menangani wabak tersebut diteruskan dengan *The COVID-19 Chronicles of Malaysia | Revitalising Recovery*, yang diterbitkan pada 12 September 2022. Ini merupakan laporan kelima dalam siri ini, yang boleh diakses dari laman sesawang IHSR.

Imej 7.34
The COVID-19 Chronicles of Malaysia



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, KKM

PENILAIAN SISTEM JAGAAN KESIHATAN PRIMER (PRIMASYS)

Projek PRIMASYS bertujuan untuk mencerminkan permulaan dan pembangunan PHC dalam konteks Malaysia, dan untuk berkongsi pengalaman dan pelajaran yang diperoleh dengan negara lain. Ini adalah usaha bersama antara IHSR, BPKK dan Universiti Monash Malaysia yang dibiayai oleh *Alliance for Health Policy and Systems Research (AHPsR)* dari WHO. Strategi projek berdasarkan rangka kerja PRIMASYS yang memberi tumpuan kepada blok bangunan sistem kesihatan, serta proses dalam dan antara elemen strukturnya dan bagaimana hubungan mereka membawa kepada hasil. Projek ini menggunakan pendekatan pelbagai kaedah untuk menghasilkan bukti.

Laporan akhir memberikan gambaran ringkas tentang sejarah dan perkembangan PHC di Malaysia, termasuk pembiayaan, kaedah penyampaian perkhidmatan, penerangan tentang kakitangan penjagaan kesihatan PHC, inisiatif yang bertujuan untuk memperkasa masyarakat dan tindak balas terhadap pandemik COVID-19. Penekanan berterusan kepada pengukuhan PHC merupakan titik hubungan pertama untuk jagaan kesihatan dan bertujuan untuk memenuhi keperluan keseluruhan kontinum kesihatan.

BEST PRACTICES FOR HEALTHY AND ACTIVE AGEING INITIATIVES

IHSR menganjurkan bengkel *Best Practices for Healthy and Active Ageing* yang dibiayai oleh *Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Health Working Group* bagi memupuk pertukaran idea dan penyelesaian daripada negara-negara ahli ekonomi. Lima (5) negara telah menghadiri bengkel kerja maya yang terdiri daripada penggubal dasar, penyelidik dan *champion di bidang Active Ageing*. Bengkel ini bertujuan untuk memanfaatkan amalan terbaik (contohnya seperti pembangunan dasar dan pengalaman, pendekatan inovatif dan cabaran dalam pelaksanaan) daripada ahli ekonomi yang mengambil bahagian bagi menyumbang kepada impak positif dalam penjagaan penuaan sihat dan aktif.

PENYELIDIKAN DASAR DAN SISTEM KESIHATAN (HPSR)

Sejak tahun 2020, IHSR bekerjasama dengan *London School of Hygiene and Tropical Medicine, United Nations University International Institute for Global Health, Malaysia (UNU-IIGH)* dan *University of Philippines, Manila* untuk mempercepat pembinaan kapasiti HPSR di Rantau Pasifik Barat dalam pengukuhan sistem kesihatan. HPSR adalah bidang interdisiplin yang mempelajari sistem kesihatan bagi menambah baik hasil kesihatan dan meningkatkan keberkesanan. Ia memanfaatkan pelbagai disiplin kesihatan dan bertujuan untuk memaklumkan dasar dan amalan. Pada tahun 2022, IHSR mewakili Malaysia dalam *7th Global Symposium on Health Systems Research* yang diadakan di Bogota, Colombia. Pembentangan bertajuk *Strategic Development for Accelerating HPSR Capacity Building in Malaysia: An Experience* berkongsi kaedah-kaedah untuk pembangunan pelan strategik serta cabaran dan membantu dalam pelaksanaan latihan.

PUSAT LATIHAN SERANTAU BAGI IMPLEMENTATION RESEARCH (RTC-IR) UNTUK RANTAU PASIFIK BARAT

IHSR dengan kolaborasi bersama Universiti Malaya (UM) dan UNU-IIGH membentuk Konsortium Kesihatan Global Malaysia yang bertanggungjawab sebagai Pusat Latihan Serantau untuk *Implementation Research (RTC-IR)* di Rantau Pasifik Barat WHO. Antara tugasannya ialah menyediakan latihan *implementation research* untuk rantau ini. Pada tahun 2022, RTC-IR bagi Rantau Pasifik Barat dan Afrika bekerjasama menganjurkan *Massive Open Online Course* tentang *implementation research* selama enam (6) minggu, yang bertujuan untuk mendidik peserta tentang proses membangunkan projek *implementation research* bagi menambah baik akses kepada intervensi kesihatan yang berkesan untuk golongan penyakit berisiko akibat kemiskinan.

Selain itu, bengkel IR dalam negara telah dianjurkan bersama JKN Terengganu. Tujuan buku ini adalah untuk memberikan pemahaman asas tentang IR dan panduan bagi menjalankan penyelidikan IR.

Imej 7.35
Buku IR



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan, KKM

INSTITUT KESIHATAN UMUM (IKU)

TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI (NHMS) 2022: SKOP KESIHATAN REMAJA

Tinjauan Kesihatan Remaja Kebangsaan 2022 merupakan satu kajian *cross-sectional* yang dikhususkan untuk pelajar sekolah menengah di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk menentukan prevalen tingkah laku berisiko kesihatan dan faktor protektif dalam kalangan remaja Malaysia berumur 13 hingga 17 tahun. Pengumpulan data telah dijalankan pada Jun hingga Julai 2022 dengan menggunakan soal selidik seperti yang telah digunakan dalam tinjauan yang sama pada tahun 2012 dan 2017. Sejumlah 239 sekolah dari 240 sekolah telah terlibat dalam tinjauan ini dan seramai 33,523 pelajar telah menjawab soal selidik dengan kadar respon keseluruhan ialah 89.0 peratus.

Imej 7.36

Aktiviti-aktiviti Tinjauan Kesihatan Remaja



NHMS 2022



Bengkel Pengumpulan Data: Sesi praktikal bagi pengukuran antropometri



Situasi dalam kelas semasa pengumpulan data sebenar



Pemprosesan data: Proses pengesahan data daripada borang jawapan pelajar

Sumber: Institut Kesihatan Umum, KKM

TINJAUAN KEBANGSAAN KESIHATAN DAN MORBIDITI (NHMS) 2021: SKOP KESIHATAN IBU DAN ANAK (MCH)

NHMS MCH pusingan kedua telah dirancang untuk dijalankan pada tahun 2021, namun hanya dapat dilaksanakan pada 3 Ogos hingga 31 Oktober 2022. NHMS MCH dilaksanakan bertujuan untuk mengumpul maklumat mengenai status kesihatan terkini kumpulan wanita berumur reproduktif antara 15 hingga 49 tahun, status kesihatan ibu dan status kesihatan kanak-kanak bawah lima (5) tahun di Malaysia. Maklumat ini juga diperlukan bagi pemantauan peringkat antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh WHO di bawah *United Nations' SDG* dan UHC. Sebanyak 15,000 tempat kediaman yang dipilih secara rawak dan sejumlah 26,000 responden di seluruh Malaysia telah terlibat dalam tinjauan ini.

Imej 7.37 Majlis Pelancaran NHMS 2021



Sumber: Institut Kesihatan Umum, KKM

TINJAUAN KESIHATAN ORANG ASLI (OAHS)

OAHS telah diadakan secara julung kalinya di Malaysia untuk mengetahui tahap status kesihatan Orang Asli di Malaysia yang meliputi tujuh (7) skop kesihatan: kesihatan ibu dan anak, penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit dan faktor risikonya, status pemakanan dan nutrisi, status kesihatan mulut dan gigi, corak penggunaan perkhidmatan kesihatan dan pencemaran persekitaran. OAHS secara rasminya telah dilancarkan pada 16 Julai 2022 oleh Menteri Kesihatan di Dewan Komuniti Sahom, Kampar. Tinjauan tersebut meliputi 68 kampung dengan 4,200 tempat kediaman dan 16,000 responden. Pengumpulan data telah diselesaikan dalam tempoh dua (2) bulan dari Julai hingga September 2022.

Imej 7.38 Aktiviti-aktiviti OAHS



Sumber: Institut Kesihatan Umum, KKM

KAJIAN EPIDEMIOLOGI KEMATIAN DAN KADAR MORBIDITI PENYAKIT TERPILIH PRA DAN PASCA VAKSINASI COVID-19 DI MALAYSIA

Excess mortality diterima secara meluas sebagai kaedah terbaik untuk menentukan beban sebenar pandemik COVID-19. IKU telah menjalankan jangkaan *excess mortality* antara Mac 2020 hingga Jun 2022 di Malaysia. Kaedah *time series forecasting* digunakan untuk memperoleh jangkaan kematian dan dibandingkan dengan jumlah kematian sebenar jangka masa tersebut. Hasil kajian telah dibentangkan kepada Menteri Kesihatan dan seterusnya disebarkan kepada masyarakat umum melalui kenyataan akhbar. Hasil kajian juga mendapat pengiktirafan daripada WHO dan dibentangkan di Persidangan International Association of Official Statistics (IAOS) di Poland pada bulan April 2022. Kajian mendapati Malaysia merekodkan *excess mortality* yang rendah, P-skor 2.8 peratus, sepanjang dua (2) tahun pertama pandemik COVID-19. *Excess mortality* didapati terutamanya dalam kalangan lelaki etnik Melayu yang berusia 40 tahun dan ke atas.

Imej 7.39
Persidangan IAOS 2022



Sumber: Institut Kesihatan Umum, KKM

STATUS KAJIAN PEMANTAUAN IMUNITI DAN PENYAKIT PASCA VAKSINASI COVID-19 DI MALAYSIA (IMSURE) BAGI TAHUN 2022

Kajian IMSURE bermula pada Jun 2021 untuk memantau tindak balas imuniti selepas vaksinasi COVID-19 dari semasa ke semasa dalam kalangan lebih daripada 2,600 orang awam di Malaysia. Ia adalah satu penilaian bagi Program Imunisasi Kebangsaan COVID-19 dan bertujuan menyediakan bukti saintifik untuk penggubalan dasar pengambilan dos penggalak.

Kajian ini mendapati bahawa tindak balas imuniti menurun selepas tiga (3) bulan dari dos vaksinasi pertama dan penurunan ini lebih ketara untuk golongan tertentu. Penurunan tindak balas imuniti yang lebih lanjut berlaku pada enam (6) bulan dari dos pertama, namun pengambilan dos penggalak telah meningkatkan tahap antibodi melebihi tahap tertinggi terdahulu terutamanya dalam kalangan penerima vaksin heterologus. Kajian susulan terhadap responden telah ditamatkan pada November 2022, apabila hampir semua responden masih mempunyai antibodi COVID-19 sama ada disebabkan dos penggalak atau jangkitan COVID-19. IMSURE mengetengahkan kepentingan bukti saintifik dalam penggubalan dasar kesihatan dan usaha KKM untuk memastikan kejayaan kempen imunisasi terbesar di Malaysia.

Imej 7.38
Pengumpulan Data IMSURE



Sumber: Institut Kesihatan Umum (IKU), KKM

INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)

IMR menjalankan penyelidikan biomedikal, ujian diagnostik khas, konsultasi, latihan dan terlibat dengan aktiviti pemindahan teknologi. Institut ini terdiri daripada lapan (8) pusat iaitu:

- i. Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit (IDRC);
- ii. Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi (AIRC);
- iii. Pusat Penyelidikan Kanser (CaRC);
- iv. Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar (EHRC);
- v. Pusat Penyelidikan Perubatan Herba (HMRC);
- vi. Pusat Penyelidikan Pemakanan, Metabolisme dan Kardiovaskular (NMCRC);
- vii. Pusat Diagnostik Khas (SDC); dan
- viii. Pusat Sumber Khas (SRC).


PENYELIDIKAN SEL STEM DAN PERUBATAN REGENERATIF

Sel stem ialah sel tidak khusus dalam badan yang boleh menjalani pembaharuan sendiri. Sel ini mempunyai potensi untuk menjadi pelbagai jenis sel khusus. IMR sedang menjalankan kajian dalam bidang penyelidikan *umbilical cord mesenchymal stem cells* (MSC) dan sel stem induksi *pluripotent* bagi memahami mekanisme tindakan, kesan terapeutik sel stem serta terbitannya. Dengan sokongan Makmal Good Manufacturing Practice (GMP) yang baru, IMR bekerjasama dengan pihak industri dan universiti dalam beberapa projek pra-klinikal dan klinikal. Dua (2) produk biologikal yang sedang dibangunkan adalah titisan mata eksosom terbitan daripada MSC serta tampalan kolagen untuk merawat pelecuran dan luka. Projek penyelidikan baru yang dirancang untuk tahun 2023 termasuklah aplikasi MSC yang diubahsuai secara genetik untuk menangani virus COVID-19 dan mengurangkan sindrom pernafasan akut serta pembangunan model penyakit jantung daripada sel stem induksi *pluripotent*.

Imej 7.39
Penyelidikan Sel Stem dan Perubatan Regeneratif




Pengkulturan Sel Stem di Makmal GMP



Pemprosesan Umbilical Cord Tissue di Makmal GMP



Peralatan Pengering Beku untuk Projek Eksosom



Eksperimen pada Mata Arnab

Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

PROGRAM PANGKALAN DATA KOMPOSISI MAKANAN MALAYSIA (FCD)

IMR mula membangunkan FCD Malaysia pada tahun 1980. Jadual Komposisi Makanan Malaysia telah diterbitkan pada 1988 dan disemak semula pada 1997. Malaysia ialah ahli rangkaian sistem data makanan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEANFOODS) yang mempunyai kerjasama baik dengan Rangkaian Antarabangsa Sistem Data Makanan (INFOODS). FCD Malaysia telah dikemaskini dengan nutrien tambahan untuk kepentingan nutrien dalam etiologi dan pencegahan penyakit. Kandungan gula dalam makanan diperlukan untuk perumusan semula produk makanan dan nasihat pemakanan. FCD Malaysia yang dikemaskini menyediakan data nutrien yang lebih berkualiti, terutamanya untuk pekerja kesihatan, saintis, penyediaan makanan dan industri makanan. Sebanyak 26 agensi termasuk KKM, universiti-universiti, Jabatan Kimia Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Jabatan Perikanan terlibat dalam usaha ini. Versi terkini FCD mengandungi 29 nutrien wajib dan 11 nutrien pilihan yang penting untuk kesihatan. Terdapat juga maklumat tambahan bagi 441 makanan mentah dan diproses serta 668 makanan yang disediakan.

Rajah 7.26
Pengemaskinian FCD Malaysia



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

Fasa ketiga masih berlangsung dan IMR adalah titik fokus untuk persampelan makanan sebelum analisis di institusi dan universiti yang ditetapkan. Program FCD Malaysia juga menerima pembiayaan daripada International Life Science Institute untuk projek Penentuan Kandungan Gula Makanan dan Minuman Manis di Malaysia dengan kerjasama Bahagian Pemakanan, KKM. Data daripada analisis makanan diterbitkan di laman web MyFCD. Pada masa ini, 234 bahan makanan dipaparkan dalam laman web FCD Malaysia.

Imej 7.40
Persampelan Makanan, Pelabelan dan Ukuran Saiz Hidangan



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

Imej 7.41

Pemprosesan Sampel, Penghomogenan, Pengeringan Beku dan Analisis Nutrien



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

Imej 7.42

Laman Web MyFCD



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

INISIATIF BIOBANK UNTUK PENYELIDIKAN BIOPERUBATAN BERIMPAK

Penyelidikan bioperubatan yang berimpak tinggi amat penting untuk kemajuan bidang kesihatan di Malaysia. Penyelidikan bioperubatan memerlukan sejumlah besar biospesimen serta data berkualiti tinggi. Hospital dan fasiliti KKM merupakan sumber berharga bagi memperoleh pelbagai biospesimen untuk penyelidikan bioperubatan dan penyelidikan translasi. Pada tahun 2022, Biobank KKM di IMR, telah memulakan inisiatif biobank peringkat kebangsaan untuk merancang, mengurus dan menyelia pengumpulan biospesimen daripada pesakit/penderma di hospital dan fasiliti KKM.


Tumpuan utama pengumpulan spesimen pada tahun 2022 ialah penyakit tidak berjangkit, terutamanya penyakit kanser (seperti kanser kolorektal dan payudara). Inisiatif ini melibatkan pasukan pembedahan, perkhidmatan patologi, rangkaian CRC dan Biobank KKM. Sistem pengurusan kualiti digunakan untuk pengumpulan sampel berkualiti tinggi. Susulan dari mesyuarat, perbincangan, seminar dan sesi latihan praktikal diadakan, inisiatif ini dimulakan di HKL dan diikuti Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah. Inisiatif ini akan diperluaskan ke hospital lain di bahagian utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2023.

Imej 7.43

Pembentangan Inisiatif Biobank dan Latihan Pemprosesan Sampel



Latihan di Hospital Kuala Lumpur



Latihan di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah

Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

POTENSI PERUBATAN GENOMIK SEBAGAI RAWATAN PERIBADI UNTUK PENYAKIT JARANG JUMPA ATAU KANSER

Perubatan genomik mempunyai potensi besar dalam meningkatkan hasil kesihatan bagi individu yang didiagnosis dengan penyakit jarang jumpa atau kanser. Unit Immunodefisiensi Primer IMR sedang aktif menggunakan teknik *whole exome sequencing* (WES) untuk mengenal pasti mutasi gen spesifik dalam pesakit kanak-kanak dengan Penyakit Kurang Daya Tahan Primer (PID) yang belum dikenalpasti. Pendekatan inovatif ini tidak hanya membolehkan diagnosis awal dan tepat, tetapi juga memungkinkan stratifikasi risiko berdasarkan genotip dan pilihan rawatan yang disesuaikan.

Pada tahun 2022, IMR telah memulakan projek untuk menghasilkan dan mengesahkan kecekapan sel T reseptor antigen chimeric CD19 (CAR-T) gred klinikal sebagai rawatan ALL. IMR memperoleh unit platform pemprosesan sel automatik yang menawarkan penyelesaian bersepadu maju untuk menyelaras aliran kerja pemprosesan sel, iaitu dari pemisahan sel melalui kultur ke pembuatan produk akhir. Ini membolehkan penghasilan sel T yang diubah suai gen, mengikut proses piawai dan secara automatik. Dengan meneruskan projek ini, IMR dapat meneroka dan mengembangkan penghasilan sel CAR-T untuk mencari terapi berkesan bagi pelbagai jenis kanser dan penyakit-penyakit lain di Malaysia.

Imej 7.44

Pameran Terapi Sel CAR-T



Ihsan: New Straits Times

INISIATIF UBATAN BAGI PENYAKIT TERABAI (DNDi) PAKATAN DENGGI

Malaysia mengambil bahagian dalam inisiatif ubatan bagi penyakit terabai iaitu *Drugs for Neglected Diseases Initiative* (DNDi) bersama-sama negara Thailand, India dan Brazil. Projek ini bertujuan mengguna semula sebatian atau ubat yang sedia ada, dengan menjalankan kajian praklinikal yang akan disusuli dengan kajian klinikal pada masa hadapan. Aktiviti penggunaan semula mengguna model sama dalam pembangunan ubat Hepatitis C, Ravidasvir, melalui Kerjasama Selatan-Selatan. Kerjasama ini mempertingkatkan perkongsian pengetahuan, kemahiran serta teknik supaya semua negara terlibat boleh berkongsi keputusan kajian masing-masing untuk memahami terapi penyakit denggi dengan lebih baik.

Penyelidikan pra-klinikal denggi terkini tertumpu kepada aktiviti antivirus. Ini merangkumi kajian in vitro, in vivo, farmakokinetik dan pemodelan farmakokinetik-farmakodinamik. IMR sedang mewujudkan data sendiri untuk virus denggi tempatan (DEN1-4), di samping menyumbang kepada maklumat yang sedia ada. Kajian keberkesanan in vitro sedang dijalankan di Unit Virologi dan Unit Bioassai di IMR.

Imej 7.45 Majlis Menandatangani MoU antara Malaysia dan DNDi



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan, KKM

INSTITUT PENGURUSAN KESIHATAN (IPK)

TALENT GROOMING PROGRAMME (TGP) INSPIRATIONAL LEADERSHIP PODIUM 1/2022

TGP *Inspirational Leadership Podium* bagi Siri 1/2022 telah diadakan di platform maya buat kali pertama pada 3 Mac 2022 dan disiarkan secara langsung kepada seramai 1,337 peserta KKM. Podium ini telah dianjurkan bersama Sekretariat TGP, Sektor Teknologi Maklumat NIH dan *Talent* TGP Kohot-11.

Tema podium ini ialah *Leadership During Adversity and Crisis* dengan mengambil aspirasi daripada keupayaan kepimpinan semasa mengharungi pandemik COVID-19. Penceramah yang dijemput merupakan pemimpin terkemuka dalam bidang masing-masing: Puan Nadiah Wan, Ketua Pegawai Eksekutif, Thomson Hospital Kota Damansara dan Dato' Prof Dr. Adeeba binti Kamarulzaman, Pakar Perunding Perubatan Penyakit Berjangkit, UM.

Imej 7.46 TGP *Inspirational Leadership Podium* 1/2022



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan, KKM

TALENT GROOMING PROGRAMME (TGP) INSPIRATIONAL LEADERSHIP PODIUM 2/2022

Susulan daripada Podium TGP pertama pada Mac 2022, TGP *Inspirational Leadership Podium Series* diteruskan dengan podium secara maya yang kedua pada 16 Jun 2022 yang dianjurkan oleh Talent TGP Kohot-9 dengan kerjasama Sekretariat TGP dan Sektor Teknologi Maklumat NIH. Tema yang dipilih ialah *Transformational Leadership: Redesigning Healthcare to Current Nuances*. TPr Ts Norliza binti Hashim, Perancang Bandar Berdaftar dan Juruteknologi Profesional Berdaftar (Bangunan dan Teknologi Pembinaan) yang juga Ketua Eksekutif *Urbanice* Malaysia, merupakan penceramah jemputan bagi podium ini.

Imej 7.47 TGP Inspirational Leadership Podium 2/2022



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan, KKM

Dalam majlis yang sama, tiga (3) penerbitan TGP telah dilancarkan oleh Menteri Kesihatan iaitu TGP *Journey* 2014-2022, TGP *The Way Forward* dan Garis Panduan TGP Edisi Ketiga. TGP *Journey* 2014-2020 memperincikan peristiwa penting pada awal pembentukan TGP.

Imej 7.48 Pelancaran Penerbitan TGP



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan, KKM

BENGKEL PELAKSANAAN PROJEK RINTIS *STATE LEAN FLYING SQUAD* KKM DAN LAWATAN KERJA KE HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH (HTAR), KLANG

Sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk kelestarian pelaksanaan *lean* dalam KKM, BPP dan IPK telah menganjurkan bengkel dua (2) hari pada 1 hingga 2 Jun 2022 untuk memperkenalkan konsep *State Lean Flying Squad*. Secara keseluruhan, terdapat 32 peserta yang merupakan wakil dari empat negeri yang dipilih dalam Malaysia iaitu Selangor, Kedah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Melalui bengkel ini, JKN akan dapat merangka dan menerajui pelan strategik bagi kelestarian pelaksanaan *lean* di fasiliti kesihatan masing-masing.

Hari kedua bengkel pula melibatkan lawatan kerja ke HTAR bertujuan bagi memberikan pendedahan kepada para peserta berkenaan aspek tadbir urus dan pengoperasian Lean Hospital. HTAR dipilih sebagai titik rujukan berikutan kejayaan mereka memperoleh akreditasi daripada MPC sebagai *Lean Hospital* pertama di Malaysia.

Imej 7.49
Bengkel dan Lawatan Kerja HTAR State Lean Flying Squad



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan, KKM

BENGKEL ACTION RESEARCH (AR)

Pada tahun 2022, semua latihan dan konsultasi tertumpu ke arah pemantapan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran AR dalam pembentukan dan inisiatif Hospital Kluster. Terdapat beberapa bengkel yang dianjurkan oleh IPK bersama Hospital Kluster dan JKN. Peserta kursus kami terdiri daripada pelbagai skim profesion dan tahap penglibatan untuk mendalami cara pengaplikasian AR untuk pelaksanaan dan kelangsungan inisiatif Hospital.

Imej 7.50
Bengkel Action Research and Design Thinking Hospital Kluster Negeri Sarawak



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IPK), KKM

Imej 7.51
Bengkel Action Research Liaison Officer Baru Hospital Kluster 2022



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IPK), KKM

Imej 7.52
Bengkel Training of Trainers (TOT) Action Research Hospital Kluster Negeri Selangor



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IPK), KKM

INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAHLAKU KESIHATAN (IPTK)

PENYELIDIKAN

IPTK telah berjaya dalam menjalankan pelbagai jenis kajian tingkah laku kesihatan walaupun cabaran yang dihadapi oleh pandemik COVID-19. Pelbagai topik kajian dalam bidang tingkah laku kesihatan serta kepentingan memahami pelbagai tingkah laku kesihatan dan faktor yang mempengaruhinya. Usaha sedang dilakukan untuk menangani pelbagai isu dan meningkatkan hasil kesihatan komuniti. IPTK telah menjalankan 29 kajian yang berkaitan dengan tingkah laku kesihatan seperti **Jadual 7.17**.

Jadual 7.17
Penyelidikan yang Dilaksanakan pada Tahun 2022

Kumpulan	Kuantiti
Psikososial	8
Tingkah laku pencegahan	1
Berkaitan vaksin	2
Teknologi digital dalam menilai tingkah laku risiko	2
Penyakit tidak berjangkit	3
Komponen gaya hidup sihat	3
Komunikasi kesihatan	1
Kesihatan alam sekitar	1
Penggunaan bahan	3
Penyakit berjangkit	3
Komuniti yang terpinggir	1
Perubatan pelengkap	1
Jumlah	29

Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

Jadual 7.18
Penerbitan Artikel Sebagai Pengarang Pertama pada Tahun 2022

Artikel	Jurnal
<i>Development of an Assessment Tool to Measure Children's Knowledge of Dengue Prevention Activities in Malaysia.</i>	<i>Journal of Tropical Medicine</i>
<i>Development And Validation of a Cognitive, Affective and Behaviour (CAB) Questionnaire on Dengue in Malaysia.</i>	<i>Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences</i>
<i>Exploring parental refusal of the vaccine in Selangor.</i>	<i>SEARCH Journal of Media and Communication Research</i>
<i>An Insight on Social Distancing During COVID-19: Online Survey on Public's Understanding, Practice, and Perception.</i>	<i>Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),</i>
<i>Scoping Review: Barrier to The Knowledge, Attitude, and Practice on Dengue Prevention.</i>	<i>Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)</i>

Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

KAJIAN STATUS KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN REMAJA YANG MENETAP DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KUALA LUMPUR DAN SELANGOR SEWAKTU PANDEMIK COVID-19

Matlamat kajian yang dibiayai UNICEF ini adalah untuk mengkaji mekanisme daya tindak, pembolehubah yang mempengaruhi, dan tingkah laku mencari bantuan kanak-kanak dan remaja yang tinggal di PPR di WP Kuala Lumpur dan Selangor semasa pandemik COVID-19. Kajian ini meliputi 1,578 kanak-kanak dan remaja berumur antara 10 dan 17 tahun, menggunakan kedua-dua metodologi kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini adalah dengan kerjasama UNICEF, NIH, Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara (NCEMH), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kemajuan & Kerajaan Tempatan (KPKT), dan Lembaga Perumahan dan Hartanah (LPHS) Selangor.

Imej 7.53
Penyelidik Daripada Pelbagai Agensi



Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

PEMBANGUNAN INSTRUMEN BAGI DIAGNOSIS TINGKAH LAKU DIABETES (DBDI): PEMBANGUNAN INSTRUMEN UNTUK MENINGKATKAN GAYA HIDUP SIHAT DALAM KALANGAN PESAKIT DIABETES MELLITUS (T2DM) JENIS 2

Kajian ini bertujuan membangunkan instrumen DBDI yang boleh digunakan oleh masyarakat Malaysia, iaitu penilaian yang lebih saintifik berkaitan domain kognitif, afektif, dan psikososial pesakit diabetes. pakej intervensi Modul Intervensi Tingkah Laku akan dilaksanakan hasil daripada kajian ini.

Imej 7.54
Pembentangan Hasil Kajian DBDI



Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

PROGRAM PEMERKASAAN REMAJA ORANG ASLI

Berkesinambungan daripada kajian intervensi terdahulu terhadap OA di Daerah Kuala Krai, Kelantan satu program susulan iaitu program intervensi gaya hidup sihat telah dilaksanakan pada 12 November 2022 di Hospital Orang Asli Gombak. Objektif utama adalah untuk mempromosi dan memperkasakan belia orang asli agar mengamalkan gaya hidup sihat di Selangor. Program ini turut melibatkan kerjasama di antara agensi-agensi seperti Persatuan Promosi Kesihatan Malaysia (MAHEO), BPK, Hospital Orang Asli Gombak, JKN Selangor, Institut Darul Ehsan (IDE) dan Asyik FM.

Imej 7.55
Aktiviti yang Dilaksanakan di Hospital Orang Asli Gombak



Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

KAJIAN AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) & KAJIAN PENILAIAN KEMPEN MEDIA LET'S TALK

Kajian ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan program ANMS dan Kempen yang dilaksanakan BPK. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai pendedahan, pemahaman, dan galakan dalam kalangan rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas untuk menerima pakai mesej yang dicadangkan yang dipromosikan dalam ANMS dan *Let's Talk*.

PENUBUHAN UNIT *BEHAVIOURAL INSIGHTS*

IPTK telah membentangkan cadangan penubuhan Unit *Behavioural Insights* pada bulan Julai 2022. Pada 6 September 2022, BSM telah meluluskan penubuhan unit tersebut. Walaupun unit ini baru ditubuhkan, beberapa aktiviti telah berjaya dijalankan.

Jadual 7.19
Aktiviti Unit *Behavioural Insights*

Aktiviti
Mesyuarat Pembentukan Pelan Tindakan <i>Behavioural Insights</i> untuk Inisiatif Pemeriksaan Kesihatan
Bengkel mengenai Resolusi WHO untuk Sains Tingkah Laku
Sesi Perundingan untuk Draf Resolusi untuk Sains Tingkah Laku
Bengkel <i>Behavioural Insights</i> untuk Pegawai Promosi Kesihatan
Mesyuarat Kumpulan Kerja Komunikasi Risiko dan Penglibatan Komuniti WHO-KKM
Mesyuarat Dua Hala dengan Delegasi Brunei Darussalam dan Perunding dari WHO mengenai <i>Behavioural Insights</i>
Kunjungan hormat delegasi WHO

Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM

Imej 7.56
Aktiviti Unit *Behavioural Insights* bersama WHO



Sumber: Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan, KKM



BAB 8

KESIHATAN PERGIGIAN



KERJASAMA PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (PKP KKM) DENGAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

PKP KKM telah menyertai sesi perbincangan Teknikal Peringkat Negara-Negara Pasifik Barat WHO yang diadakan pada 15 Jun 2022 anjuran *WHO Collaborating Centre for Translation of Oral Health Science, Niigata University*, Jepun. Program ini bertujuan untuk memaklumkan *Global Oral Health Agenda* (WHA75) yang terkini selari dengan *Resolution on Oral Health* (WHA74.5), draf kerangka pemantauan dan indikator terlibat. Malaysia telah memberikan maklum balas mengenai draf *Global Oral Health Action Plan* dan kebolehlaksanaan pengumpulan data berhubung dengan indikator tersebut. Para peserta terdiri daripada *Chief Dental Officers* (CDOs) dan *focal points* daripada KKM, Program Kesihatan Mulut WHO, Pejabat WHO Serantau Pasifik Barat dan WHO *Member States*.

Menerusi sesi perbincangan ini, jalinan kerjasama dan kapasiti kepimpinan CDOs serta *focal points* lain bagi implementasi WHA75 dapat diperkukuhkan. Inisiatif terkini bagi mempromosikan kesihatan mulut dan perkongsian pengalaman dari negara anggota. Malaysia telah membuat pembentangan bertajuk *Applying Global Strategy on Oral Health in Malaysia: Current Progress and Challenges* oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM. Kebolehlaksanaan draf kerangka pemantauan dan indikator melibatkan negara anggota sebagai sebahagian daripada draf *Global Oral Health Action Plan* dan lima (5) bidang kerangka pemantauan ke arah UHC untuk Kesihatan Mulut menjelang 2030 dibincangkan. Ia meliputi *evidence-based policy; oral health policy environment; oral disease prevention and control as integrated health services; outcomes dan health & well-being*.

KERJASAMA MALAYSIA-JEPUN BAGI PENGANJURAN PROGRAM LATIHAN PENJAGAAN KESIHATAN MULUT 2022

PKP KKM menerusi kerjasama dengan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun dan *Association for Overseas, Technical Cooperation and Sustainable Partnerships* (AOTS) telah menganjurkan Program Latihan Penjagaan Kesihatan Mulut Tahun 2022 di Hotel Eastin, Selangor pada 1 hingga 2 November 2022. Program ini bertujuan untuk memberi sokongan dalam pembangunan dasar penjagaan kesihatan mulut di setiap negara menerusi pertukaran idea di antara para peserta. Seramai 36 orang delegasi dari negara Vietnam, Jepun dan Malaysia telah hadir ke program tersebut. Seramai 314 orang peserta dari Malaysia juga telah hadir secara dalam talian yang terdiri daripada pakar pergigian kesihatan awam, pembuat dasar, pengamal pergigian dan juruterapi pergigian di sektor kesihatan kerajaan dan pemain industri.

8TH CHINA-ASEAN FORUM ON DENTISRY

ICP KKM selaku sekretariat Malaysia telah bekerjasama dengan *Guangxi Medical University* bagi penganjuran *8th China-ASEAN Forum on Dentistry* (CAFD) dari 17 hingga 19 November 2022 di Nanning, Guangxi, China. Bertemakan *All on "Cloud Silk Road" for Oral Health*, forum ini melibatkan pegawai pergigian dari China dan ASEAN *Member States*, wakil persatuan pergigian, pakar pergigian dan pelajar untuk membincangkan strategi pembangunan masa depan untuk pergigian. Program ini telah menggalakkan pertukaran pengetahuan, pengalaman, kajian terkini serta kerjasama antara ASEAN *Member States* dan China.

MENANGANI PENYAKIT PERGIGIAN DI MALAYSIA MENERUSI KERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA DI RANTAU ASIA

PKP KKM selaku Sekretariat Malaysia telah menganjurkan bersama *12th Asian Chief Dental Officers' Meeting 2022* (ACDOM) dengan Biro Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Awam, Thailand dan Yayasan Kesihatan Pergigian, Thailand. ACDOM telah berlangsung dari 26 hingga 28 Mac 2022 di Phuket, Thailand bertemakan *The Global Strategy on oral Health. What Impact on The Oral Health Agenda in The Asia Region Towards 2030?* yang telah dihadiri oleh Ketua-ketua Pegawai Pergigian dari sembilan (9) buah negara iaitu Thailand selaku tuan rumah, Malaysia (sebagai sekretariat bersama), India, Indonesia, Lao People's Democratic Republic (Lao PDR), Nepal, Filipina, Sri Lanka dan Vietnam.

Menerusi ACDOM, aspek yang diberikan perhatian untuk kerjasama serantau meliputi: isu dan cabaran dalam penjagaan kesihatan pergigian dan profesion pergigian; mengukuhkan kerjasama serantau dan jalinan kerjasama di kalangan negara Asia; meningkatkan pengetahuan dan kepakaran; perkongsian amalan terbaik, strategi dan dasar untuk kesihatan penduduk; menggalakkan penyelidikan berasaskan bukti dalam pergigian kesihatan awam; dan menyokong aktiviti *World Health Organization-Global Oral Health* (WHO-GOH).

DASAR KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN (DKPK) DAN PELAN STRATEGIK KESIHATAN PERGIGIAN KEBANGSAAN 2022-2030

DKPK merupakan polisi kebangsaan yang julung kali dihasilkan oleh PKP KKM dengan kerjasama fraterniti pergigian dan pemegang taruh. Dokumen ini bertindak sebagai rujukan ke arah meningkatkan status kesihatan pergigian dan seterusnya kualiti kehidupan rakyat Malaysia. Polisi telah dibentang dan diluluskan oleh Kabinet pada 18 Mei 2022 dan dilaksanakan melalui Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2022-2030. Bagi memastikan sasaran dapat dicapai menjelang tahun 2030, pemantauan secara tahunan bersama pelbagai pihak berkepentingan akan dilakukan bagi menambah baik dan mengukuhkan lagi pelan strategik ini.

TINJAUAN KESIHATAN DAN MORBIDITI 2020: KAJIAN KESIHATAN MULUT BAGI ORANG DEWASA 2020 (NHMS 2020: NOHSA 2020)

NHMS 2020: NOHSA 2020 merupakan kaji selidik kesihatan pergigian kebangsaan ke-empat bagi orang dewasa yang berumur 15 tahun ke atas yang dijalankan setiap 10 tahun. Buat julung kalinya, kaji selidik ini dijalankan di bawah kluster NHMS dengan kolaborasi bersama IKU dan dirancang untuk diadakan pada tahun 2020. Namun demikian, telah tertangguh disebabkan oleh pandemik COVID-19. Kaji selidik ini akhirnya berjaya dilaksanakan dengan kadar respon sebanyak 82.5 peratus pada tahun 2022. Seramai 16,173 orang responden telah berjaya diperiksa dan ditemuramah oleh 65 pasukan penyelidik negeri yang telah dilatih khusus bagi kaji selidik ini. Hasil penemuan kaji selidik ini akan digunakan sebagai garis dasar bagi Pelan Strategik Kesihatan Pergigian Kebangsaan 2022-2030.

Imej 8.1

Pengumpulan Data di Lapangan bagi NHMS 2020: NOHSA 2020



HARI BEBAS KAVITI SEDUNIA TAHUN 2022

Simposium Gula dan Karies di Awal Usia telah dianjurkan bersempena dengan sambutan Hari Bebas Kaviti Sedunia Tahun 2022 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuantan, Pahang pada 31 Oktober 2022. Program ini dianjurkan dengan tema *Let's Get Brushing!* oleh *Alliance for a Cavity Free Future Malaysia Chapter*. Pertubuhan global ini mensasarkan generasi tahun 2026 bebas kaviti di Malaysia.

Deklarasi Kuantan 2022 berkenaan Gula dan Karies-Kaviti telah diumumkan bersempena dengan sambutan Hari Bebas Kaviti Sedunia Tahun 2022. Persidangan ini menggesa perlunya tindakan segera oleh Kerajaan Malaysia, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta untuk bersama-sama melindungi dan mempromosikan kesihatan seluruh rakyat Malaysia.

PELAKSANAAN *PROOF OF CONCEPT* (POC) PENGHASILAN DENTUR MENGGUNAKAN TEKNOLOGI 3D

Penghasilan dentur terutamanya kepada pesakit warga emas menjadi satu cabaran kepada klinik pergigian aktif memandangkan proses pembuatannya memerlukan bilangan lawatan antara lima (5) hingga tujuh (7) lawatan. Kaedah pembuatan dentur secara konvensional ini merupakan prosedur piawai yang diguna pakai oleh semua juruteknologi pergigian di 531 makmal pergigian kerajaan. Pada tahun 2022, PKP KKM telah memperkenalkan inisiatif baharu pembuatan dentur menggunakan teknologi cetakan 3D kepada pesakit yang kehilangan gigi. Inisiatif ini telah dilaksanakan sebagai POC selama tiga (3) bulan di dua (2) klinik pergigian iaitu Klinik Pergigian Bandar Botanik, Klang, Selangor dan Klinik Pergigian Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur bermula 15 Ogos hingga 15 November 2022.

Imej 8.2

POC Penghasilan Dentur Menggunakan Teknologi 3D



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Pelaksanaan POC telah diadakan dengan kerjasama dua (2) buah syarikat swasta yang menyediakan peralatan teknologi 3D dan latihan secara percuma sepanjang tempoh pelaksanaan ini. Melalui inisiatif ini, seramai 150 orang pesakit telah menerima dentur dalam tempoh yang lebih pendek dengan purata kurang dua (2) minggu berbanding tempoh sedia ada iaitu lapan (8) hingga 10 minggu. Sementara itu, bagi kes dentur yang lebih mudah, pesakit boleh menerima dentur dalam tempoh satu (1) minggu. Dengan itu, kekerapan lawatan dapat dikurangkan daripada lima (5) kali lawatan kepada dua (2) kali lawatan sahaja.

PERLUASAN PELAKSANAAN SISTEM REKOD PERUBATAN ELEKTRONIK (EMR)

Sistem *Teleprimary Care - Oral Health Care Information* (TPC-OHCIS) merupakan sistem informasi klinikal yang digunakan di 31 klinik pergigian di Negeri Sembilan. Pada tahun 2022, proses perolehan bagi Projek Memasang, Mengkonfigurasi dan Menguji Sistem TPC-OHCIS di 23 klinik pergigian negeri Johor, Selangor dan WP Kuala Lumpur yang telah dimulakan dan pemasangan dijangka bermula pada tahun 2023. Sebagai persediaan projek, Bengkel *Change Management* dan *User Awareness* telah dilaksanakan pada Jun 2022.

PEMASYARAKATAN PERKHIDMATAN KLINIK PERGIGIAN SEKOLAH (PPKPS)

Imej 8.3 Perasmian dan Lawatan ke KPS yang Menjalankan PPKPS




Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Konsep PPKPS diperkenalkan di sekolah yang dilengkapi dengan Klinik Pergigian Sekolah (KPS) di mana penyampaian perkhidmatan pergigian diperluaskan kepada komuniti tempatan, ibu bapa, guru, kumpulan sokongan dan ahli keluarga dan tidak terhad kepada murid sekolah sahaja. Rasional inisiatif ini adalah untuk mengoptimumkan penggunaan fasiliti pergigian di KPS, memperluaskan peranan anggota pergigian di KPS dan mempromosikan kesihatan pergigian kepada komuniti tempatan.

Pada Julai 2022, projek rintis PPKPS telah dimulakan di 30 buah sekolah melibatkan tujuh (7) buah negeri. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan projek rintis ini sehingga April 2023. Pemilihan 30 KPS ini adalah berdasarkan beberapa kriteria iaitu mempunyai peralatan dan aset pergigian yang lengkap, bekalan air dan punca kuasa elektrik yang mematuhi piawai, sumber manusia yang mencukupi serta persetujuan dan kebenaran daripada pihak sekolah. Skop perkhidmatan pergigian yang disampaikan melalui PPKPS pula merangkumi promosi dan pencegahan kesihatan pergigian, rawatan asas pergigian serta rujukan bagi kes-kes tertentu untuk rawatan susulan. Pada 20 Disember 2022, sebanyak 27 KPS tambahan telah dikenal pasti dan menjadikan jumlah keseluruhan PPKPS sebanyak 57 pada tahun 2023.

PENGUATKUASAAN AKTA PERGIGIAN 2018 [AKTA 804]

Akta Pergigian 2018 [Akta 804] yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2022 telah menggantikan Akta Pergigian 1971 [Akta 51] yang telah mengawal selia amalan dalam bidang pergigian selama 50 tahun, seiring dengan perkembangan pengamalan dan teknologi dalam bidang pergigian. Walau bagaimanapun, tiga (3) peruntukan daripada Akta tersebut akan berkuat kuasa 1 Januari 2025. Sebanyak 113 aduan telah diterima sepanjang tahun 2022 di mana 95 daripadanya adalah aduan terhadap amalan pergigian haram dan selebihnya berkaitan ketidakpuasan hati terhadap klinik pergigian swasta (**Rajah 8.1**).



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Sejumlah 23 aktiviti serbuan membabitkan amalan haram di premis tidak berdaftar telah dijalankan. Pelbagai kaedah digunakan bagi menyebarkan maklumat berkaitan kegiatan amalan pergigian haram yang perlu dibanteras untuk memberi kesedaran kepada orang awam akan bahaya kegiatan ini. Kerjasama tercapai bersama media cetak seperti akhbar nasional (Harian Metro, The Star dan Sinar Harian), media elektronik seperti liputan oleh Rancangan 999 untuk beberapa siri serbuan serta bual bicara di rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) saluran TV3 dan di beberapa stesen radio.

Kemuncak bagi tahun 2022 adalah permulaan kolaborasi bersama syarikat e-dagang, Shopee Malaysia yang merupakan platform utama bagi penjualan produk secara dalam talian. Hasil perbincangan pada 13 Disember 2022, pihak Shopee Malaysia telah bersetuju untuk bekerjasama dengan PKP KKM dalam membantaras amalan pergigian haram dengan mengadakan sekatan ke atas penjualan peralatan pergigian di platform mereka dan meningkatkan kesedaran berkenaan perkhidmatan pergigian professional kepada rakyat.

SIMPOSIUM KESELAMATAN PESAKIT 2022

Pada 23 Mei 2022, PKP KKM telah mengadakan Simposium Keselamatan Pesakit 2022 dengan tema *Patient Safety, Our Priority*. Simposium yang berlangsung selama sehari ini telah berjaya diadakan secara hibrid bagi membincangkan isu berkaitan keselamatan pesakit dan perkongsian pelaporan insiden di antara negeri diadakan.

Objektif utama pelaksanaan simposium ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan pesakit serta memberi pendedahan lebih meluas mengenai pelaporan insiden yang melibatkan pesakit pergigian semenjak tahun 2019. Objektif khususnya adalah untuk membentangkan dan berkongsi analisis maklumat berkenaan pelaporan insiden dari tahun 2019 hingga 2022, membincangkan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di peringkat negeri dan PKP KKM serta mendapatkan resolusi bagi mengelak pengulangan kes-kes sentinel.

KONVENSYEN KUALITI PROGRAM KESIHATAN PERGIGIAN 2022

PKP KKM telah berjaya mengadakan acara dwitahunan Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian kali kedua pada 10 hingga 11 Mei 2022. Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian 2022 memfokuskan kepada format pertandingan di mana terdapat tiga (3) kategori projek inisiatif kualiti yang dipertandingkan iaitu Projek Inovasi, Horizon Baru Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK Horizon Baru) serta QA dan melibatkan penyertaan daripada kesemua 13 negeri, tiga (3) wilayah persekutuan dan Pusat Pergigian Kanak-Kanak dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Pergigian), Pulau Pinang, Malaysia Konvensyen ini bertujuan untuk memberi pendedahan serta pengalaman kepada para peserta terutamanya dari segi penghasilan laporan yang berkualiti dan mencapai standard dan skema pemarkahan yang dikehendaki.

Jadual 8.1
Konvensyen Kualiti Program Kesihatan Pergigian 2022

Kategori	Kedudukan	Nama Projek	Organisasi
Inovasi	Pertama	<i>Portable Waterline System (PWLS)</i>	PKPD Yan, Kedah
	Kedua	<i>OKU Assessment and Examinations Tool (O.A.T)</i>	PKPD Besut, Terengganu
	Ketiga	Denplify	PKPD Muar, Johor
Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	Pertama	A-Muse-C	PKPD Gua Musang, Kelantan
	Kedua	<i>Smart Sink</i>	PKPD Kuala Kangsar, Perak
	Ketiga	<i>Smart Smile Wheel (SSW)</i>	PKPD Jempol, Negeri Sembilan
Quality Assurance (QA)	Pertama	<i>To Reduce Pain in Adult Patients During Local Anaesthesia in Klinik Pergigian Chemor</i>	PKPD Kinta, Perak
	Kedua	<i>Put A Full Stop to Fake Braces! Achieving Zero Number of Fake Braces Usage Among School Children in SMK Pantai</i>	PKP Zon Lembah Pantai, WP Kuala Lumpur
	Ketiga	<i>Towards Increase of Appropriate Antibiotic Prescriptions in Klinik Pergigian Baling</i>	PKPD Baling, Kedah

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

SEMINAR *COCHRANE* BAGI KESIHATAN PERGIGIAN

PKP KKM telah berkolaborasi bersama *Cochrane* Malaysia telah menganjurkan Seminar *Cochrane* Bagi Kesihatan Pergigian bagi pegawai pergigian yang berkhidmat di sektor awam dan swasta pada 3 dan 10 Ogos 2022. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan tentang *Cochrane Library* dan penggunaan ulasan sistematik, meningkatkan pengetahuan tentang cara menggunakan ulasan sistematik *Cochrane* dalam kes klinikal serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan pergigian kepada rakyat di sektor awam dan swasta.

Seminar ini telah dijalankan sepenuhnya secara dalam talian yang melibatkan dua (2) sesi dengan penglibatan seramai 206 orang peserta pada 3 Ogos 2022 dan seramai 104 peserta pada 10 Ogos 2022. Seminar ini amat bermanfaat kepada semua pegawai pergigian dalam memahami penggunaan ulasan sistematik *Cochrane* dalam kes-kes klinikal harian dan sekali gus membantu semua peserta memahami cara mencari ulasan sistematik menggunakan laman sesawang *Cochrane Library*.

GLOBALISASI DAN LIBERALISASI PERKHIDMATAN KESIHATAN PERGIGIAN

Mesyyuarat *ASEAN Joint Coordinating Committee on Dental Practitioner* (AJCCD) telah diadakan pada 9 Februari dan 28 Oktober 2022 secara dalam talian. Mesyyuarat yang diadakan dua (2) kali setiap tahun membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kemudahan kerjasama dalam *Mutual Recognition Agreement (MRA) on Dental Practitioners*. Selain itu, wakil Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian telah menghadiri bengkel mengenai penyertaan ekuiti asing dalam kemudahan jagaan kesihatan swasta pada 8 hingga 9 Jun 2022 di Putrajaya. Antara perkara yang dibincangkan adalah cadangan penambahbaikan Dasar Penyertaan Ekuiti Asing berbanding dasar yang dipersetujui pada tahun 2015. Cawangan ini juga terlibat dalam menyediakan maklum balas bagi perkhidmatan pergigian dalam rundingan dua hala atau pelbagai hala antara Malaysia dengan negara-negara seperti Türkiye, United Kingdom dan *European Free Trade Association (EFTA)*. Maklum balas juga disediakan bagi rundingan *ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement (AANZFTA)*.

AKREDITASI PROGRAM SARJANA KEPAKARAN PERGIGIAN

Bermula 1 Januari 2022 selari dengan penguatkuasaan Akta Pergigian 2018 [*Akta 804*], tugas dan peranan sebagai sekretariat kepada Jawatankuasa Teknikal Bersama Penilaian Program Kepakaran Pergigian (JKTBPBPPK) telah diserahkan kepada Cawangan Akreditasi dan Globalisasi Kesihatan Pergigian daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Jawatankuasa yang baharu dibentuk ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kesihatan Pergigian. Jawatankuasa *Code of Practice for Programme Accreditation - Post-graduate (COPPA-PG)* telah ditubuhkan bagi membangunkan dokumen COPPA - Program Kepakaran Kesihatan Pergigian untuk dijadikan rujukan utama bagi panel penilai serta Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam proses akreditasi program kepakaran pergigian.

SARINGAN PERIODONTIUM BAGI MURID SEKOLAH MENENGAH (15-17 TAHUN)

Penyakit periodontium ialah salah satu penyakit mulut yang menyumbang kepada beban global penyakit kronik dan dikaitkan dengan penyakit kardiovaskular, diabetes dan penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD) melalui penggunaan tembakau, terutamanya rokok. Pada tahun 2022, *feasibility study* telah dijalankan di empat (4) sekolah di Selangor bagi melihat kebolehlaksanaan saringan periodontium murid-murid berusia 15 hingga 17 tahun di sekolah menengah. Kajian ini dilaksanakan dari Ogos hingga Oktober 2022 melibatkan seramai lapan (8) pegawai pergigian, di mana seramai 416 murid telah disaring.

Saringan periodontium dapat memberi lebih manfaat berbanding kos pembelian prob periodontium. Oleh itu, saringan periodontium akan dilaksanakan pada tahun 2023 secara berperingkat, bagi memberi masa kepada setiap negeri untuk menambah bilangan prob. Dengan pengenalan pemeriksaan periodontium dalam kalangan pelajar sekolah menengah, pengurusan dan rawatan dapat disesuaikan dengan keadaan periodontium individu terlibat. Dengan ini diharapkan agar status periodontitis dalam kalangan rakyat Malaysia akan bertambah baik pada NOHSA 2030.

CADANGAN KEMASUKAN SECARA LATERAL BAGI PEGAWAI PERGIGIAN

Kertas cadangan bagi permohonan Pewujudan Syarat Kemasukan Secara Lateral bagi skim Pegawai Pergigian telah dikemukakan kepada Agensi Pusat untuk kelulusan di mana perbekalan sedia ada dipinda bagi mewujudkan gred UG41, UG43/44, UG47/48, UG51/52, UG53/54 dan Pakar UG55/56. Pewujudan kemasukan secara lateral akan:

- i. Menyediakan lebih ruang untuk KKM dan SPA mengenal pasti dan memilih bakat terbaik dari pasaran ke arah memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan semasa dan masa hadapan;
- ii. Membolehkan pelantikan tetap atau kontrak ditawarkan atas gred lebih tinggi mengambil kira pengalaman yang relevan, kelayakan akademik dan faktor upah mengikut kerja; dan
- iii. Membolehkan SPA menawarkan pelantikan mengikut faktor kesetaraan laluan kerjaya pegawai.

SAMBUNGAN KONTRAK PEGAWAI PERGIGIAN

Bermula tahun 2022, Pegawai Pergigian kontrak yang telah melengkapkan khidmat wajib ditawarkan pelanjutan kontrak untuk tempoh 2 tahun lagi bagi kesinambungan perkhidmatan dan persediaan untuk mengikuti pengajian kepakaran. Pegawai yang berjaya mendapat tawaran pengajian akan dilanjutkan kontrak untuk tempoh maksimum 4 tahun lagi bagi melengkapkan pengajian kepakaran. Keputusan ini telah dipersetujui semasa mesyuarat Majlis Jemaah Menteri bertarikh 14 Julai 2021.

PROJEK PEMBANGUNAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA

Terdapat 13 projek melibatkan projek pembangunan fasiliti pergigian di bawah RMKe-10 dan RMKe-11. Daripada 13 projek tersebut, enam (6) projek telah berjaya disiapkan pada tahun 2022 iaitu:

- Menaik taraf Klinik Pergigian Tronoh, Kinta, Perak;
- Menaik taraf Klinik Pergigian Kluang, Johor;
- Menaik taraf enam (6) Klinik Kesihatan (Jenis 5) yang tiada komponen pergigian di Sarawak;
- Klinik Pergigian Pasir Akar, Besut, Terengganu;
- Kuarters Klinik Pergigian Chiku 3, Gua Musang, Kelantan; dan
- Hospital Cyberjaya.

Selain daripada itu, terdapat tiga (3) projek yang tidak termasuk di bawah RMK (kerjasama awam swasta) iaitu:

- Pembangunan semula Klinik Pergigian Cahaya Suria (Pusat Pakar Pergigian Kuala Lumpur);
- Pembangunan semula Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan Dato' Keramat; dan
- Projek Pertukaran Tanah Klinik Pergigian Bangsar.

PEWARTAAN PAKAR DALAM PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN

Pegawai Pergigian Kesihatan Awam dan Pakar Pergigian Klinikal perlu menjalani tempoh pewartaan sebelum mendapat kelayakan sebagai Pakar Pergigian. Terdapat sembilan (9) bidang kepakaran pergigian di bawah KKM iaitu Bedah Mulut dan Maksilofasial, Ortodontik, Pergigian Pediatrik, Periodontik, Patologi Mulut dan Perubatan Mulut, Pergigian Restoratif, Pergigian Penjagaan Khas, Pergigian Forensik dan Kesihatan Awam Pergigian. Seramai 52 Pakar Pergigian telah diwartakan pada tahun 2022, menjadikan jumlah Pakar Pergigian yang berkhidmat di KKM seramai 465 dengan trend peningkatan sebanyak 24 peratus Pakar Pergigian dalam tempoh 5 tahun (**Jadual 8.2**). Walaupun bilangan Pakar Pergigian menunjukkan peningkatan, namun jumlah tersebut masih belum dapat memenuhi keperluan KKM dan negara. Sehubungan itu, slot tawaran Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) perlu ditingkatkan bagi latihan kepakaran pergigian KKM.

Jadual 8.2
Jumlah Pakar Pergigian yang Berkhidmat di KKM dari Tahun 2018 hingga 2022

Bidang Kepakaran	Tahun				
	2018	2019	2020	2021	2022
Kepakaran <i>Hospital Based</i>					
Bedah Mulut dan Maksilofasial	77	81	84	90	101
Pergigian Pediatrik	45	46	49	53	58
Patologi Mulut & Perubatan Mulut	15	15	15	17	19
Pergigian Penjagaan Khas	6	6	7	6	7
Pergigian Forensik	1	2	3	3	4

Bidang Kepakaran	Tahun				
	2018	2019	2020	2021	2022
Kepakaran Non-Hospital Based					
Ortodontik	70	70	80	81	90
Periodontik	41	44	49	58	68
Pergigian Restoratif	34	37	40	46	49
Kesihatan Awam Pergigian	86	80	72	70	69
Jumlah Pakar Pergigian	375	381	399	424	465

Nota: Tidak termasuk pakar pergigian yang sedang menjalani pra-pewartaan

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

PEMETAAN PAKAR DALAM KESIHATAN PERGIGIAN

Pemetaan perkhidmatan kepakaran pergigian dilakukan bagi memastikan taburan perkhidmatan kepakaran pergigian adalah mengikut keperluan dan untuk mengenal pasti keperluan latihan pada masa hadapan. Perluasan perkhidmatan kepakaran baharu bagi enam (6) bidang kepakaran pergigian telah diwujudkan di 15 fasiliti pergigian pada tahun 2022 (**Jadual 8.3**).

Jadual 8.3
Perluasan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Kepakaran pada Tahun 2022

Bidang Kepakaran	Fasiliti
Bedah Mulut dan Maksilofasial	Hospital Cyberjaya, Selangor
Pergigian Pediatrik	Hospital Cyberjaya, Selangor Hospital Keningau, Sabah Hospital Tawau, Sabah
Pegigian Forensik	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Pahang
Ortodontik	Klinik Pergigian Pakar Jalan Putra, Perak Klinik Pergigian Jasin, Melaka Klinik Pergigian Ulu Tiram, Johor Klinik Pergigian Penambang, Kelantan Klinik Pergigian Pasir Puteh, Kelantan Klinik Pergigian Tudan, Sarawak
Periodontik	Klinik Pergigian Air Putih, Pulau Pinang Klinik Pergigian Sandakan, Sabah
Pergigian Restoratif	Klinik Pergigian Bandar Perda, Pulau Pinang Klinik Pergigian Sandakan, Sabah

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Data bagi perkhidmatan setiap bidang kepakaran dikumpulkan melalui sistem Health Information Management System (HIMS) kecuali bagi Kepakaran Pergigian Penjagaan Khas dan Pergigian Forensik yang masih dikumpul secara manual. Beban kerja bagi setiap bidang kepakaran diukur melalui nisbah pakar kepada bilangan pesakit yang dirawat. Secara keseluruhannya, pandemik COVID-19 menyebabkan perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Pergigian Kepakaran terjejas pada tahun 2020 hingga 2021. Program vaksinasi seluruh negara membolehkan perkhidmatan dapat dijalankan seperti biasa pada tahun 2022 (**Jadual 8.4**).

Jadual 8.4
Beban Kerja Pakar Kesihatan Pergigian Mengikut Bidang dari Tahun 2017 hingga 2022

Bidang Kepakaran Pergigian	Tahun					
	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kepakaran Hospital Based						
Bedah Mulut dan Maksilofasial	3,554	3,680	3,716	2,986	2,471	2,977
Pergigian Pediatrik	3,005	2,854	2,541	2,044	1,749	2,179
Patologi Mulut & Perubatan Mulut	833	864	951	770	648	767
Pergigian Keperluan Khas	1,159*	1,297*	1,413*	819*	892*	1,517
Pergigian Forensik	141*	110*	88*	59*	63*	102
Kepakaran Non-Hospital Based						
Ortodontik	3,556	3,423	3,711	2,026	2,436	2,703
Periodontik	1,466	1,349	1,373	712	805	1,008
Pergigian Restoratif	1,294	1,308	1,327	1,228	828	1,025

*Nota: *Program Kesihatan Pergigian, KKM*

Sumber: Health Informatics and Management System, KKM

AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT (ANMS) : MYCHAMPION – IKON GIGI (IGG)

Malaysia Health Community Agent (MyCHAMPION) merupakan satu kolaborasi khidmat sukarelawan merentasi kementerian dan agensi dalam usaha memperkasa komuniti dengan mengamalkan budaya hidup sihat, kawalan kesihatan sendiri dan melestarikan persekitaran yang menyokong kesejahteraan kesihatan melalui Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). MyCHAMPION juga turut melibatkan iGG yang merupakan satu program khas di bawah PKP KKM. Pada tahun 2022, seramai 194 iGG telah mendaftar sebagai ahli MyCHAMPION dan telah dilatih dengan modul khusus menggunakan Buku Ke Arah Kesejahteraan Kesihatan: Peranan MyCHAMPION. Modul ini mengandungi informasi mengenai teknik memberus gigi yang berkesan, penggunaan flos pergigian dengan cara yang betul dan perkhidmatan kesihatan pergigian yang disediakan oleh KKM.

MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN (MPKP) 2022

MPKP bertemakan Cegah dan Rawat, Serlah Senyuman Sihat telah berjaya dilaksanakan dari 28 Julai hingga 3 Ogos 2022. MPKP 2022 telah dirasmikan oleh Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), KKM secara maya melalui Facebook Live rasmi PKP KKM pada 28 Julai 2022. Majlis ini merupakan usahasama antara PKP KKM dan Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Perlis.

Pada tahun ini, aktiviti MyBrushHour 2022 telah diperkenalkan selain aktiviti-aktiviti yang lazimnya diadakan pada MPKP sebelum ini. Aktiviti yang telah dijalankan secara serentak di seluruh Malaysia pada 5 Julai 2022 ini turut melibatkan 1,433 fasiliti yang terdiri daripada klinik pergigian kerajaan, sekolah dan tadika serta seramai 68,559 orang peserta. Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan, membimbing dan meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia tentang kepentingan penjagaan kesihatan mulut dengan mengamalkan teknik memberus gigi yang betul.

AKREDITASI PROGRAM SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN (BDS)

Sepanjang tahun 2022, penilaian akreditasi telah mula dijalankan semula secara lawatan fizikal setelah dijalankan secara dalam talian sepanjang pandemik. Sebanyak satu (1) penilaian bagi pembaharuan perakuan akreditasi dan sebanyak enam (6) penilaian bagi pematuhan syarat akreditasi telah dilaksanakan. Semua laporan telah dibentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Akreditasi Pergigian (JKTAP) yang diadakan setiap dua (2) bulan. Hasil mesyuarat tersebut, sebanyak tujuh (7) kertas cadangan yang membawa syor JKTAP kepada Majlis Pergigian Malaysia (MPM) terhadap laporan penilaian akreditasi telah dibentangkan. Tambahan pada itu, kertas cadangan berkaitan permohonan bagi semakan semula kurikulum penilaian bagi akreditasi sementara, permohonan bagi penambahan atau pindaan kuota pengambilan pelajar dan permohonan pindaan kredit telah disediakan.

Jawatankuasa Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) telah mengadakan bengkel bagi memuktamadkan dokumen COPPA pada 23 hingga 25 Mac 2022. Dokumen COPPA yang telah dikemaskini kepada COPPA BDS 2.1 dan telah diperakukan pada mesyuarat MPM keempat pada 2 Ogos 2022. Setelah selesai pengemaskinian dokumen COPPA BDS 2.1, satu bengkel bagi melatih panel penilai akreditasi berdasarkan standard dan kriteria di dalam COPPA BDS 2.1 telah diadakan pada 5 hingga 7 Oktober 2022 di Ipoh, Perak.

Penganjuran bengkel ini penting untuk menambah jumlah pakar pergigian yang terlatih untuk menjalankan penilaian akreditasi program pengajian pergigian, yang pada masa ini sangat kecil dan kritikal. Jumlah panel penilai telah berkurangan dengan persaraan beberapa panel penilai yang telah dilatih. Bengkel yang diadakan telah berjaya melatih panel penilai yang baharu di samping meningkatkan kemahiran ahli panel penilai sedia ada. Seramai 14 Pakar Pergigian dari KKM dan 26 Pakar Pergigian dari 13 PPT tempatan, menjadikan 40 Pakar Pergigian dari pelbagai bidang kepakaran telah menyertai bengkel tersebut.





BAB 9

FARMASI



PENGENALAN

Program Perkhidmatan Farmasi (PPF) bertanggungjawab memastikan produk farmaseutikal yang digunakan dalam negara mematuhi piawaian, selamat, berkesan dan berkualiti. Program ini melindungi kepentingan rakyat dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan ubat-ubatan yang relevan, membolehkan akses kepada ubat-ubatan dan menggalakkan penggunaan ubat secara rasional oleh penyedia penjagaan kesihatan dan pengguna. Program ini terdiri daripada lima (5) bahagian utama iaitu Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi (BDPSF), Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi (BAPF), Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF), Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (BLFM) dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA).

MENERAJUI SEKTOR FARMASEUTIKAL SELARAS DENGAN KEPERLUAN PENJAGAAN KESIHATAN NEGARA

DASAR UBAT NASIONAL (DUNas) 2022-2027


DUNas menggariskan matlamat sektor farmaseutikal di Malaysia. Dasar ini merupakan komitmen dan kerjasama antara kerajaan dan pemegang taruh dari agensi awam dan swasta bagi mencapai objektif untuk membolehkan akses yang saksama kepada ubat-ubatan penting, menggalakkan penggunaan ubat-ubatan secara rasional dan memastikan kualiti, keselamatan, keberkesanan dan ubat-ubatan mampu dimiliki serta memastikan pengurusan perkhidmatan dan sumber manusia adalah cekap dan kompeten.

DUNas dibahagikan kepada lima (5) komponen iaitu Tadbir Urus dalam Ubat-ubatan; Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Ubat-ubatan; Keperolehan Ubat-ubatan; Penggunaan Ubat-ubatan Secara Berkualiti dan Perkongsian dan Kerjasama untuk Industri Penjagaan Kesihatan. Pelaksanaan dan pencapaian dasar ini dinilai melalui pemantauan, semakan dan penambahbaikan dari semasa ke semasa. Dasar ini telah disemak semula pada tahun 2022 bagi memenuhi keperluan dan perubahan semasa yang dihadapi dalam sistem kesihatan negara.

AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA

Jumlah keseluruhan ahli farmasi berdaftar yang memperbaharui sijil tahunan bagi tahun 2022 adalah seramai 19,697 orang mengikut sektor amalan.

Rajah 9.1
Ahli Farmasi Berdaftar Mengikut Sektor Amalan pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia, KKM

MEMASTIKAN AKSES YANG MAMPAN KEPADA PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN FARMASEUTIKAL


PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN UBAT-UBATAN KKM

Nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital, institusi dan klinik kesihatan KKM ialah RM3,193.15 juta. Nilai perbelanjaan tersebut adalah 25.1 peratus lebih tinggi berbanding dengan nilai pada tahun 2021. Ubat-ubatan *Approved Products Purchase List* (APPL) yang diperolehi melalui syarikat konsesi adalah sebanyak RM1,295.41 juta (40.6 peratus), kontrak KKM sebanyak RM1,209.35 juta (37.9 peratus) serta pembelian terus dan sebut harga sebanyak RM689.35 juta (21.6 peratus).

PENYENARAIAH ATAU PINDAAN KEPADA FORMULARI UBAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (FUKKM)

FUKKM merupakan senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan untuk digunakan di semua fasiliti KKM. Ia berfungsi sebagai panduan kepada anggota kesihatan KKM dalam menentukan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan pesakit. Permohonan penyenaraian atau pindaan kepada FUKKM diputuskan dalam Mesyuarat Panel FUKKM yang bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. BAPF bertanggungjawab untuk memproses dan menilai permohonan penyenaraian atau pindaan terhadap FUKKM.

Terdapat 1,633 jenis persediaan yang merangkumi 857 entiti kimia telah disenaraikan dalam FUKKM sehingga Disember 2022. Bilangan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM dari tahun 2018 hingga 2022 seperti **Rajah 9.2**.




Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM

UBAT KELULUSAN KHAS

Kelulusan khas diperlukan untuk memperoleh dan menggunakan ubat yang tidak tersenarai dalam FUKKM termasuk ubat berdaftar dan ubat tidak berdaftar. Permohonan bagi kelulusan ubat khas ini dipertimbangkan sebagai rawatan alternatif dengan memberi keutamaan kepada penggunaan ubat-ubatan yang terdapat dalam FUKKM. Sepanjang tahun 2022, terdapat 9,163 permohonan bagi kegunaan di fasiliti KKM di mana 8,248 permohonan (90.0 peratus) telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM106.45 juta.

Rajah 9.3
Ubat Kelulusan Khas dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM


PENDISPENSAN UBAT DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KKM

Perkhidmatan Nilai Tambah (VAS) farmasi adalah diaspirasikan bagi memenuhi prinsip *delighting the customer*. Implementasi VAS adalah selaras dengan norma baharu bagi mengurangkan kesesakan dan kekerapan kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan KKM serta memudahkan pesakit mendapat bekalan ubat susulan. VAS yang sedia ada adalah Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB), Sistem Temu Janji, Ubat Melalui Pos (UMP), Farmasi Pandu Lalu, Locker4U dan yang terkini adalah Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga (UM3).

Perkhidmatan UM3 ini diperkenalkan pada tahun 2022 untuk penghantaran bekalan ubat susulan dari unit farmasi fasiliti kesihatan KKM terus ke lokasi pilihan pada hari yang sama melalui pihak ketiga dengan caj penghantaran minima ditanggung oleh pesakit. Perkhidmatan ini merangkumi penghantaran ubat rangkaian sejuk dan mula dilaksanakan di Perlis dan seterusnya diperluaskan ke HKL.


Pada tahun 2022, terdapat peningkatan sebanyak 6.7 peratus bagi jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di hospital dan KK) berbanding tahun sebelumnya akibat pandemik COVID-19. Jumlah preskripsi yang diterima di fasiliti kesihatan KKM ialah 52 juta di mana 33.3 juta preskripsi diterima di KK dan 19.7 juta preskripsi diterima di hospital. Bagi jumlah preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital, terdapat peningkatan sebanyak 4.0 peratus berbanding tahun 2021 iaitu daripada 14.3 juta preskripsi kepada 14.9 juta preskripsi pada tahun 2022.

Rajah 9.4
Preskripsi Pesakit Luar yang Diterima dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM

Rajah 9.5
Preskripsi Pesakit Dalam yang Diterima dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM

PELAKSANAAN PROGRAM *PHARMACY INTEGRATED COMMUNITY CARE* (PICC) BERFOKUSKAN PENYAKIT DIABETES

PICC merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKN Terengganu bagi mengoptimumkan rawatan diabetes pesakit di komuniti. Mulai tahun 2020, inisiatif ini telah ditambah baik dan diperluaskan ke seluruh negara bagi membolehkan rakyat mendapat manfaat daripada inisiatif ini. PICC merangkumi aktiviti pengurusan ubat-ubatan, amalan gaya hidup sihat dan pengambilan diet yang seimbang. PICC dilaksanakan melalui kolaborasi profesional kesihatan dan Duta Kenali Ubat Anda.

Persidangan Amalan Farmasi Kebangsaan 2022 telah memaparkan kaedah pelaksanaan PICC yang terbaik. Terutamanya, di negeri Kelantan, pelaksanaan PICC telah dikenal pasti sebagai amalan terbaik berdasarkan penurunan bacaan HbA1c yang diperhatikan dalam 84 peratus peserta selepas menjalani sesi PICC. Pelaksanaan amalan terbaik PICC ini juga turut dibentangkan dalam Mesyuarat Pasca Kabinet pada 29 Julai 2022 dan semasa Mesyuarat Khas Ketua Pengarah Kesihatan pada 23 Ogos 2022.

Program PICC telah diangkat sebagai salah satu indikator bagi KPI Dimensi Daya Saing Agensi Tahun 2023 iaitu peratus pesakit *diabetes type 2* yang mencapai penurunan HbA1c selepas melengkapkan sesi PICC ≥ 65 peratus.

PENETAPAN HARGA MAKSIMUM VAKSIN COVID-19

Pemberian vaksin COVID-19 secara percuma telah dimulakan di Malaysia sejak Februari 2021 diikuti penjualan vaksin COVID-19 di pasaran swasta pada Mei 2021 sebagai pilihan kepada rakyat dan merupakan usaha kerajaan bagi mempercepatkan kadar vaksinasi. Kerajaan telah melaksanakan Penetapan Harga Maksimum Vaksin COVID-19 dengan objektif untuk mengawal harga vaksin hasil daripada permintaan yang tinggi semasa pandemik COVID-19 dan untuk meningkatkan akses kepada vaksin serta menggalakkan perkongsian harga vaksin melalui ketelusan harga sebagai pilihan bermaklumat kepada rakyat.

Panel Harga Ubat yang terdiri daripada agensi kerajaan termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), persatuan pengguna dan persatuan insurans telah ditubuhkan bagi menjalankan fungsi menilai dan mencadangkan harga kawalan vaksin COVID-19.

Harga maksimum bagi dua (2) jenama vaksin COVID-19 iaitu CoronaVac dan COVILCO telah diwartakan dan berkuatkuasa 15 Januari 2022 melalui Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum) 2022 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [Akta 723]. Seterusnya, Pindaan Harga Maksimum jenama COVILCO telah dikuat kuasa pada 20 Mei 2022.

Pegawai Farmasi KKM telah dilantik sebagai Timbalan Pengawal Harga dan Penolong Pengawal Harga untuk mendapatkan maklumat serta menjalankan penguatkuasaan kawalan harga khusus untuk vaksin COVID-19 berkuat kuasa 15 Januari 2022.

Jadual 9.1
Harga Borong dan Runcit Maksimum Vaksin COVID-19

Bil.	Produk	Harga Maksimum Per Dos (RM)	
		Borong	Runcit
1.	<i>CoronaVac Suspension for Injection SARS-CoV-2 Vaccine (Vero Cell), Inactivated</i> (MAL No.- MAL21036010ARZ & MAL21046125ACSZ)	62.00	77.00
2.	<i>COVILLO Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated</i> (MAL No.- MAL21076098AZ)	62.00	77.00

Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM

JALINAN KERJASAMA ANTARABANGSA BERSAMA THE JOINT LEARNING NETWORK (JLN) FOR UNIVERSAL HEALTH COVERAGE (UHC)

PPF secara aktif telah menjalinkan kerjasama di peringkat antarabangsa iaitu melalui JLN for UHC dalam penyediaan *Negotiated Solution for Purchasing High-Cost Medicines: A Practitioner's Guide*. Tujuan penyediaan panduan ini adalah sebagai rujukan kepada kerajaan dan wakil agensi insurans kesihatan dalam memulakan sesi rundingan atau terlibat dalam proses rundingan di negara masing-masing.

Panduan ini adalah hasil kolaborasi di antara *World Bank Group's Health, Nutrition and Population team* dan JLN for UHC melibatkan beberapa sesi perkongsian maklumat dan perbincangan wakil negara yang terlibat bermula pada Oktober 2021 sehingga Januari 2022 berkaitan asas rundingan, terminologi, perjanjian rundingan sedia ada, persediaan dan pengendalian rundingan dengan pihak industri bagi pembelian ubat-ubatan mahal. Panduan ini telah diterbitkan pada 29 September 2022 dan boleh didapati di laman sesawang berikut:


<https://www.jointlearningnetwork.org/resources/negotiated-solutions-for-purchasing-high-cost-medicines-a-practitioners-guide/>

PENCAPAIAN SISTEM PERKHIDMATAN PEMBEKALAN UBAT SUSULAN FARMASI KKM (MyUBAT)

MyUBAT dilancarkan pada 28 April 2021 dengan matlamat utama untuk mewujudkan satu platform pengurusan secara berpusat bagi menyelaraskan aktiviti pembekalan ubat susulan secara janji temu di fasiliti kesihatan KKM dan meningkatkan kecekapan komunikasi antara staf farmasi dan pesakit.

Sejak pelancaran MyUBAT, dua (2) kaedah pembekalan ubat telah ditawarkan melalui sistem ini iaitu Temu Janji di Kaunter dan Ubat Melalui Pos. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 429 fasiliti kesihatan menggunakan sistem ini, dengan sejumlah 154,338 pengguna telah berdaftar dan 919,268 temu janji diuruskan melalui sistem ini.

Rajah 9.7 Pencapaian Sistem MyUBAT pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM

Sistem ini telah memenangi tempat pertama dalam Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2021 bagi Kategori Proses dan kini dalam proses naik taraf untuk dua (2) lagi kaedah pembekalan ubat iaitu Farmasi Pandu Lalu dan Locker4U.

JAMINAN KUALITI, KESELAMATAN DAN KEBERKESANAN PRODUK FARMASEUTIKAL

PENDAFTARAN VAKSIN COVID-19

Bagi mempercepatkan akses kepada vaksin COVID-19 dan sebagai persediaan pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), NPRA telah mengeluarkan direktif mengenai Garis Panduan Pendaftaran Bersyarat Produk Farmaseutikal Semasa Bencana pada akhir tahun 2020. Susulan pelancaran PICK pada 24 Februari 2021, sebanyak 17 vaksin COVID-19 telah diberikan kelulusan pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), berdasarkan garis panduan tersebut.

Jadual 9.2
Vaksin COVID-19 yang Diberikan Kelulusan Pendaftaran Bersyarat

Bil.	Nama Vaksin (Nombor MAL)	Pengilang
Pemegang Pendaftaran Produk: Pfizer (Malaysia) Sdn. Bhd.		
1.	COMIRNATY Concentrate for Dispersion for Injection (MAL21016022AZ)	Pfizer Manufacturing Belgium NV, Belgium
2.	COMIRNATY Concentrate for Dispersion for Injection (MAL21036039ASZ)	BioNTech Manufacturing GmbH, Germany
3.	COMIRNATY 10mcg Concentrate for Dispersion for Injection (MAL22016037AZ)	BioNTech Manufacturing GmbH, Germany
4.	COMIRNATY (Tris/Sucrose) 30 mcg Solution for Injection (MAL22016036AZ)	BioNTech Manufacturing GmbH, Germany
5.	Comirnaty Original/Omicron BA.4-5 (15/15 micrograms)/dose Dispersion for Injection (MAL22126012AZ)	BioNTech Manufacturing GmbH, Germany

Bil.	Nama Vaksin (Nombor MAL)	Pengilang
Pemegang Pendaftaran Produk: AstraZeneca Sdn. Bhd.		
6.	<i>Vaxzevria Solution for Injection (MAL21036009ACZ)</i>	Astrazeneca Nijmegen B.V., Netherlands
7.	<i>Vaxzevria Solution for Injection (MAL21066001ACSZ)</i>	Siam Bioscience Co., Ltd., Thailand
Pemegang Pendaftaran Produk: COVAX-KKM (COVAX Facility)		
8.	<i>COVID-19 Vaccine AstraZeneca Solution for Injection (The product approved by EMA is supplied under the commercial name: Vaxzevria) (MAL21046001AZ)</i>	SK Bioscience Co. Ltd, South Korea Catalent Anagni S.R.L, Italy CP Pharmaceuticals Ltd, United Kingdom IDT Biologika GmbH, Germany Seqirus Pty Ltd, Australia Daiichi Sankyo Biotech Co., LTD., Kitamoto Site, Japan KM Biologics Co. Ltd. Koshi Production Center, Japan ASTRAZENECA NIJMEGEN B.V., Netherlands Amylin Ohio LLC (AZ), United States Universal Farma, S.L. ("Chemo"), Spain For: Astrazeneca AB Sweden
9.	<i>COVID-19 Vaccine Janssen Suspension for Injection (MAL21066049AZ)</i>	Janssen Biologics B.V. The Netherlands Janssen Pharmaceutica NV, Belgium Aspen SA Sterile Operations, South Africa Catalent Indiana LLC, USA Grand River Aseptic Manufacturing Inc, USA Catalent Anagni S.R.L., Italy Merck Sharp & Dohme (MSD) Corp., United States For: Janssen-Cilag International NV, Belgium

Bil.	Nama Vaksin (Nombor MAL)	Pengilang
Pemegang Pendaftaran Produk: Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd.		
10.	<i>CoronaVac Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (MAL21036010ARZ)</i>	Sinovac Life Sciences Co. Ltd., China
11.	<i>CoronaVac Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (MAL21046125ACSZ)</i>	Pharmaniaga LifeScience Sdn. Bhd., Malaysia
Pemegang Pendaftaran Produk: Solution Biologics Sdn. Bhd.		
12.	<i>Convidecia™ Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection (MAL21066050AZ)</i>	Cansino Biologics Inc, China
13.	<i>Convidecia™ Recombinant Novel Coronavirus Vaccine (Adenovirus Type 5 Vector) Solution for Injection (MAL22126013ASZ)</i>	Solution Biologics Sdn. Bhd., Malaysia
Pemegang Pendaftaran Produk: Duopharma (M) Sdn. Bhd.		
14.	<i>COVILLO Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated (MAL21076098AZ)</i>	Beijing Institute of Biological Products Co., Ltd. (BIBP), China
Pemegang Pendaftaran Produk: Zuellig Pharma Sdn. Bhd.		
15.	<i>Spikevax 0.20 mg/mL dispersion for injection COVID-19 mRNA Vaccine (nucleoside modified) (MAL21086001ACZ)</i>	Rovi Pharma Industrial Services, S.A. San Sebastian de los Reyes, Spain
Pemegang Pendaftaran Produk: Johnson & Johnson Sdn. Bhd.		
16.	<i>Janssen Covid-19 Vaccine Suspension for Injection (MAL21076097ACZ)</i>	Janssen Pharmaceutica N.V., Belgium
Pemegang Pendaftaran Produk: Averroes Pharmaceuticals Sdn. Bhd.		
17.	<i>COVAXIN® (Whole Virion, Inactivated Coronavirus (SARS-CoV-2) Vaccine) Suspension for Intramuscular Injection (MAL22026024AZ)</i>	Bharat Biotech International Limited, India

Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara, KKM

PEMANTAUAN KESELAMATAN VAKSIN COVID-19

Pemantauan keselamatan vaksin COVID-19 diteruskan sepanjang tahun 2022 bagi memastikan manfaat pemberian vaksin sentiasa melebihi risikonya. Penyampaian maklumat yang tepat berkaitan keselamatan vaksin adalah penting untuk meredakan kebimbangan orang awam dan memastikan kejayaan program imunisasi COVID-19 di dalam golongan ini. Antara aktiviti pemantauan keselamatan vaksin dan penyebaran makluman keselamatan yang dilaksanakan oleh NPRA pada tahun 2022, adalah seperti berikut:

Pengumpulan dan Pemantauan Laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI)

Pada tahun 2022, NPRA terus memantau keselamatan semua vaksin berdaftar yang digunakan di Malaysia, termasuk vaksin COVID-19 melalui pemantauan pasif bagi semua AEFI yang dilaporkan di Malaysia. Pemantauan laporan AEFI ini turut merangkumi PICK untuk kanak-kanak berumur lima (5) hingga 11 tahun (PICKids) bagi memantau kesan advers yang dialami oleh kanak-kanak yang menerima vaksin COVID-19.

Laporan AEFI yang dikumpul adalah laporan spontan yang diterima melalui Sistem Pelaporan sedia ada di NPRA (PhIS-QUEST3+) daripada profesional kesihatan, syarikat farmaseutikal dan penerima vaksin. Selain itu, penerima vaksin juga boleh memberi respon sendiri kesan advers ringan yang dialami melalui MySejahtera. Maklumat ini dapat membantu NPRA dalam memantau trend dan corak pelaporan kesan advers bagi mengesan sebarang isu keselamatan semasa pemberian vaksin.

Terdapat lima (5) vaksin COVID-19 yang digunakan untuk PICK, iaitu Comirnaty (Pfizer), CoronaVac (Sinovac), Vaxzevria (AstraZeneca), Convidecia (CanSino) dan Covilo (Sinopharm). Ringkasan laporan AEFI yang diterima sejak awal pelancaran PICK pada 24 Februari 2021 sehingga 31 Disember 2022 adalah seperti **Jadual 9.3**.

Jadual 9.3
Data AEFI bagi PICK

		Comirnaty (Pfizer)	CoronaVac (Sinovac)	Vaxzevria (Astra-Zeneca)	Convi-decia (Can-Sino)	Covilo (Sino-pharm)	Kumulatif
Jumlah dos yang diberikan	PICK (PICKids)	44,826,965 (3,309,111)	21,531,578 (3,775)	5,697,765	227,957	42,339	72,326,604 (3,312,886)
Pelaporan Menerusi Sistem Pelaporan NPRA Sedia Ada							
Jumlah laporan yang diterima	PICK (PICKids)	20,153 (514)	5,099 (9)	1,374	48	2	26,676 (523)
Kadar pelaporan (setiap sejuta dos)	PICK (PICKids)	449.6 (155.3)	236.8 (2384.1)	241.1	210.6	47.2	369.8 (157.9)
Laporan AEFI tidak serius diterima	PICK (PICKids)	18,991 (480)	4,548 (9)	1,223	45	2	24,809 (489)
Laporan AEFI serius diterima	PICK (PICKids)	1,162 (34)	551 (0)	151	3	0	1,867 (34)
AEFI Serius/ Jumlah laporan AEFI (%)	PICK (PICKids)	5.8 (6.6)	10.8 (0)	11.0	6.3	0	7.0 (6.5)
Kadar pelaporan AEFI serius (setiap sejuta dos)	PICK (PICKids)	25.9 (10.3)	25.6 (0)	26.5	13.2	0.0	25.8 (10.3)

Nota: Data yang dipaparkan adalah berdasarkan jumlah laporan kesan advers yang diterima di mana hubung kait kesan advers dengan vaksin yang diambil belum lagi dinilai dan disahkan. Ini bermaksud kesan advers yang dialami tidak semestinya disebabkan oleh vaksin yang diambil tersebut.

Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara, KKM

Pengesanan Isyarat Keselamatan dan Pengurusan Risiko

Laporan AEFI yang diterima sentiasa dipantau bagi mengesan sebarang kesan advers yang berlaku di luar jangkaan serta sebarang isyarat keselamatan berkaitan dengan vaksin COVID-19 termasuk *Adverse Event of Special Interest* (AESI). Di samping itu, NPRA juga bekerjasama dengan Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) untuk memantau dan mengesan sebarang isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19 di peringkat tempatan dan global. PRH perlu menyediakan dan menghantar ringkasan laporan keselamatan vaksin secara bulanan dan *Periodic Benefit Risk Evaluation Report* (PBRER) secara berkala bagi setiap enam (6) bulan. Penyediaan laporan ini diperlukan bagi memastikan imbalan manfaat dan risiko vaksin COVID-19 yang digunakan di Malaysia kekal positif. Langkah ini adalah penting bagi memastikan sebarang risiko baharu berkaitan vaksin COVID-19 segera dimaklumkan kepada NPRA.

Pengesanan isu keselamatan berkaitan vaksin COVID-19 secara sistematik dan komprehensif membolehkan tindakan regulatori yang bersesuaian diambil tepat pada masanya bagi mengurangkan sebarang risiko yang baharu dikenal pasti ke atas bakal penerima vaksin.

Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFK)

Sebagai kesiapsiagaan farmakovigilans untuk PICK, JFK telah ditubuhkan pada awal tahun 2021 di bawah Jawatankuasa Dasar dan Amalan Imunisasi Kebangsaan. JFK terdiri daripada pakar perubatan daripada pelbagai disiplin dan daripada sektor kesihatan awam dan swasta.

Penyebaran Maklumat Mengenai Vaksin COVID-19

NPRA juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat dengan segera berkaitan vaksin COVID-19 bagi memberi keyakinan kepada orang awam mengenai keselamatan, kualiti dan keberkesanan vaksin COVID-19 yang telah dipilih untuk PICK. Penyebaran pelbagai maklumat ini kepada orang awam, profesional kesihatan dan pihak industri diteruskan pada tahun 2022 bagi memastikan kelancaran PICK. Usaha ini termasuk penyediaan halaman khusus untuk vaksin COVID-19 di laman sesawang NPRA yang memaparkan soalan lazim (FAQ), pekeliling dan direktif, kenyataan media, makluman keselamatan, buletin dan infografik mengenai vaksin COVID-19.

NPRA telah menerbitkan ringkasan laporan secara berkala dan kenyataan media dari semasa ke semasa mengenai AEFI vaksin COVID-19. Ini bertujuan untuk memaklumkan orang ramai mengenai data keselamatan terkini vaksin COVID-19 serta usaha yang dijalankan oleh NPRA dalam pemantauan keselamatan vaksin berkenaan. Ringkasan laporan ini merangkumi analisis data AEFI yang dikumpul oleh NPRA, proses yang terlibat dalam pemantauan pelaporan AEFI dan keselamatan vaksin COVID-19.

Pada tahun 2022, NPRA juga telah menganjurkan dua (2) bengkel untuk melatih profesional kesihatan mengenai tatacara pelaporan AEFI vaksin COVID-19, menjalankan penyiasatan kes dan kaedah komunikasi risiko yang berkesan. Untuk memerangi penyebaran maklumat yang kurang tepat dan mengelirukan mengenai vaksin COVID-19, NPRA memberikan ceramah dan seminar kepada profesional kesihatan secara bersemuka. NPRA juga turut mengambil bahagian dalam aktiviti penyebaran informasi melalui pelbagai saluran media, termasuk wawancara di televisyen, radio, secara langsung di media sosial dan webinar.

PEMANTAUAN KUALITI VAKSIN COVID-19

Pengurusan Pelaporan Kualiti Vaksin COVID-19

Selain aktiviti farmakovigilans, NPRA sentiasa memantau kualiti vaksin berdaftar dalam pasaran melalui pengurusan pelaporan kualiti vaksin COVID-19 berdaftar di Malaysia. Isu berkaitan kualiti vaksin termasuk defek dinilai dan disiasat oleh pihak berkaitan untuk memastikan tiada kebimbangan keselamatan timbul daripada produk yang mempunyai defek kualiti dan penting untuk dimaklumkan kepada NPRA dengan segera supaya tindakan susulan dapat dijalankan dengan berkesan.

Sejak PICK dilancarkan pada 24 Februari 2021 hingga kini, NPRA telah menerima 2,497 laporan isu kualiti vaksin COVID-19 berdaftar. Defek kualiti boleh ditakrifkan sebagai atribut atau komponen yang boleh menjejaskan kualiti, keselamatan dan/atau keberkesanan produk yang tidak selaras dengan spesifikasi yang diluluskan atau keperluan regulatori. Berdasarkan penyiasatan dan penilaian, 201 (9.1 peratus) daripada kes yang dilaporkan adalah defek kualiti minor yang tidak memberi kesan kepada keselamatan dan keberkesanan vaksin. Walaupun tiada tindakan regulatori atau tindakan ke atas pasaran yang diambil untuk produk yang mempunyai defek kualiti, pengilang dikehendaki mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengelakkan isu tersebut berulang. Sebaliknya, 2,296 (92.0 peratus) daripada laporan yang diterima dikaitkan dengan isu pengendalian dan tidak berasas.

Jadual 9.4
Defek Kualiti Vaksin untuk PICK

	Comirnaty (Pfizer)	CoronaVac (Sinovac)	Astra- Zeneca	Convidecia (CanSino)	Covilo (Sinopharm)	Kumulatif
Bilangan laporan yang diterima	349	2,141	3	4	0	2,497
Hasil Siasatan						
Defek kualiti	21	180	0	0	0	201
Defek bukan kualiti	328	1,961	3	4	0	2,296

Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara, KKM

PENGLIBATAN NPRA DALAM PELAN PEMBANGUNAN VAKSIN NEGARA (PPVN)

Malaysia telah melancarkan NVDR pada 1 November 2021 untuk membimbing negara dalam mencapai visi kemandirian dan keterjaminan dalam pembuatan vaksin serta penyelidikan & pembangunan (R&D) dalam masa 10 tahun. Objektifnya adalah untuk memastikan kesediaan negara menghadapi sebarang ancaman pandemik pada masa hadapan disamping mengurangkan kebergantungan kepada negara pengeluar vaksin.

Struktur tadbir urus pelan hala tuju terdiri daripada Kumpulan Kerja Sektor Vaksin Malaysia (MVSWG) yang diketuai oleh MOSTI bersama KKM dalam memantau aspek teknikal yang berkaitan dengan kajian klinikal seperti infrastruktur klinikal dan bertanggung jawab sebagai pengawal selia.

Walaupun terdapat pelbagai bahagian di bawah KKM yang terlibat secara aktif dalam NVDR, NPRA memainkan peranan penting dalam rangka kerja dari aspek kelulusan regulatori untuk pembangunan, pengilangan dan logistik vaksin. Berikut adalah beberapa jawatankuasa kecil yang ditubuhkan dan aktiviti yang dijalankan di bawah MVSWG yang telah disertai oleh pegawai NPRA:

i. Kumpulan Kerja Sektoral Vaksin Malaysia (MVSWG)

Mesyuarat MVSWG dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha MOSTI dan KKM. Pengarah NPRA merupakan ahli dalam kumpulan kerja ini yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif yang digariskan dalam PPVN.

ii. Jawatankuasa Rangkaian Vaksin (VCN)

Jawatankuasa kecil ini diketuai oleh IMR. VCN membantu MVSWG dalam mengenal pasti hala tuju penyelidikan dan menjadi platform bagi pengilang dan penyelidik untuk bekerjasama dalam R&D vaksin. Empat (4) pegawai dari NPRA dengan kepakaran yang berbeza-beza dalam pengujian klinikal, pemeriksaan Amalan Pengilangan Baik (APB) dan Amalan Makmal Baik (GLP) serta pendaftaran produk vaksin dilantik sebagai ahli jawatankuasa kecil ini.

iii. Konsortium Majlis Pakar (ECC): Penyelidikan dan Pembangunan Vaksin Negara

Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) yang berfungsi sebagai Pusat Penyelidikan Vaksin Kebangsaan telah menubuhkan ECC yang terdiri daripada pakar dari pelbagai bidang untuk membantu dalam pembangunan vaksin. Beberapa pegawai NPRA telah dilantik ke konsortium untuk menyumbang dalam penemuan vaksin, pra-klinikal, klinikal dan pembangunan proses.

PERANAN NPRA DALAM MEMPERKUKUH KELESTARIAN BEKALAN UBAT SEMASA KRISIS KESIHATAN NEGARA

Pada Mei 2022, Malaysia telah mengalami situasi gangguan bekalan ubat demam, ubat batuk dan ubat selesema. Ini susulan permintaan yang tinggi ke atas ubat-ubatan tersebut kerana peningkatan kes COVID-19 dan HFMD pada awal tahun 2022. Kecenderungan pengguna yang memberi keutamaan pada jenama tertentu walaupun terdapat jenama lain dengan bahan aktif yang sama di pasaran turut menyumbang kepada kekurangan bekalan ubat-ubatan.

Selain itu, antara faktor lain yang menyumbang kepada gangguan rantai bekalan ubat-ubatan di peringkat global pula termasuk kelewatan dalam pembekalan Bahan Farmaseutikal Aktif (API), eksipien dan bahan pembungkusan yang disebabkan oleh cabaran logistik akibat situasi perang di Ukraine dan sekatan yang dikenakan di negara China.

PPF telah mengambil langkah awal untuk mengatasi masalah gangguan bekalan ubat dengan memulakan perkongsian maklumat senarai ubat-ubatan yang mengalami gangguan dan cadangan produk alternatif bagi ubat-ubatan tersebut dengan hospital kerajaan dan swasta, pihak pengamal perubatan swasta serta farmasi komuniti.

Beberapa tindakan segera telah diambil untuk mengurangkan impak kepada situasi semasa seperti:

- i. KKM telah melepaskan stok penimbal Tablet Paracetamol 500mg yang berada dalam simpanan Pharmaniaga Logistic Sdn Bhd untuk pembelian oleh fasiliti kesihatan swasta;
- ii. Menghubungi semua Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) berkaitan bagi mendapatkan status paras stok produk yang dilaporkan mengalami masalah bekalan atau kekurangan bekalan;
- iii. Memantau status paras stok bekalan ubat sedia ada dan pihak PRH telah diminta mengemaskini maklumat tersebut secara berkala; dan

- iv. Membenarkan pengimportan ubat demam, ubat batuk dan ubat selsema menggunakan mekanisme Ubat Kelulusan Khas.

PPF juga telah mula merancang inisiatif jangka panjang untuk memastikan keterjaminan ubat-ubatan dan *self-reliance* terutamanya dalam situasi krisis seperti:

- i. Menggalakkan syarikat farmaseutikal tempatan mengilangkan ubat mereka sendiri termasuk API melalui kerjasama awam-swasta;
- ii. Pembangunan Sistem Pendaftaran dalam talian QUEST5 sebagai naik taraf daripada Sistem Pendaftaran semasa (QUEST3+) yang membolehkan PRH mengemas kini status pemasaran produk dalam *real-time* bagi membolehkan pemantauan oleh pihak berkuasa mengenai ketersediaan produk di pasaran;
- iii. Pembangunan Sistem *Track & Trace* Farmaseutikal untuk meningkatkan kebolehesanan rantai bekalan ubat serta memantau ketersediaan produk di pasaran;
- iv. Memperkukuh Kerjasama Serantau ASEAN melalui ASEAN *Drug Security and Self-Reliance* (ADSSR) *Framework* yang merupakan projek yang diterajui Malaysia yang bertujuan meningkatkan akses kepada ubat-ubatan. Salah satu strategi di bawah rangka kerja ADSSR ialah kaedah perolehan ubat-ubatan secara pukal bagi negara-negara di rantau ASEAN; dan
- v. Rangka kerja sedang diperhalusi untuk mewujudkan kerjasama strategik dengan negara pengeluar API terkemuka dunia seperti India dan China untuk menjamin bekalan API untuk kegunaan negara termasuk semasa krisis.

PEMERKASAAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN


AKTA RACUN (PINDAAN) 2022 [AKTA A1666]

Akta Racun (Pindaan) 2022 telah digubal untuk meminda Akta Racun 1952 [Akta 366] bagi memastikan Akta 366 kekal relevan dengan keperluan semasa. Pindaan terbaru Akta 366 ini melibatkan 16 pindaan seksyen, satu (1) pindaan Jadual dan satu (1) pemansuhan seksyen sedia ada serta 12 pewujudan seksyen baharu. Akta A1666 ini telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 21 Julai 2022 dan di Dewan Negara pada 10 Ogos 2022. Perkenan Yang di-Pertuan Agong diperolehi pada 7 September 2022 dan seterusnya diwartakan pada 20 September 2022. Akta A1666 akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2023 (kecuali peruntukan berkaitan pengkompaunan kesalahan).

OPERASI PANGAEA XV

BPF telah menyelaraskan operasi di Malaysia yang melibatkan kerjasama KKM dengan agensi lain termasuk INTERPOL Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Pos Malaysia dan CyberSecurity Malaysia. Sejumlah 2,438 laman web, termasuk yang terdapat dalam *Dark Web*, telah dikenal pasti menjual produk farmaseutikal yang melanggar undang-undang sedia ada. Permohonan telah dibuat kepada SKMM dan penyedia platform untuk menghalang akses kepada pautan-pautan ini. Senarai pautan *Dark Web* telah diserahkan kepada INTERPOL untuk tindakan lanjut. Operasi ini telah mendapati peningkatan dalam penjualan haram ubat terkawal seperti bahan psikotropik, ubat penahan sakit, antibiotik dan lain-lain. Selain itu, sebanyak 686 peranti perubatan seperti pelitup muka, termometer, oksimeter nadi dan sfigmomanometer didapati dijual dalam talian tanpa kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan.

Rajah 9.8
Kategori Laman Web yang Dikesan dengan Penjualan Haram Produk Farmaseutikal pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM

Sepanjang tempoh operasi ini, sebanyak 1,059 bungkusan pos telah diperiksa. Daripada jumlah tersebut, 73 bungkusan pos yang didapati mengandungi 315,916 unit produk farmaseutikal yang tidak berdaftar dirampas. Nilai rampasan adalah sebanyak RM887,024. Lebih 70 peratus produk farmaseutikal yang dirampas adalah terdiri daripada ubat-ubatan terkawal di bawah Akta Racun 1952. 90 peratus daripada ubat-ubatan terkawal yang dirampas adalah di bawah kategori bahan psikotropik. Manakala selebihnya adalah antibiotik, ubat tahan sakit, ubat untuk selsema dan batuk serta lain-lain yang tidak berdaftar dengan KKM. Kebanyakan ubat-ubatan terkawal ini diseludup masuk dari Bangladesh, India dan beberapa negara lain. Pemeriksaan dijalankan di semua pintu masuk utama di seluruh negara melibatkan kargo udara, lapangan terbang, pos sempadan dan terminal feri.

Aktiviti penguatkuasaan lain yang dijalankan melibatkan serbuan bersasar ke atas penjual dan premis perniagaan yang terlibat dengan penjualan secara dalam talian. Semasa operasi kali ini, 75 premis yang menjual produk farmaseutikal yang tidak berdaftar termasuk rumah kediaman, salon kecantikan, gimnasium dan kedai menjual barangan haiwan telah diserbu. 244,299 unit produk farmaseutikal yang menyalahi peruntukan undang-undang telah dirampas untuk tindakan lanjut. Nilai rampasan adalah dianggarkan sebanyak RM1,707,040. Serbuan dalam operasi kali ini mensasarkan produk pelangsing tradisional yang dicampur dengan *Sibutramine*. Dalam beberapa siri serbuan yang lain, BPF telah merampas ubat terkawal seperti analgesik dan antibiotik. Turut ditemukan dalam serbuan adalah suplemen kesihatan, vitamin dan produk tradisional yang tidak berdaftar.

HALA TUJU

PPF kekal komited untuk memastikan ubat-ubatan dan perkhidmatan farmasi yang disediakan kepada orang awam berkualiti tinggi, mudah diakses dan mampu milik. PPF juga sentiasa bersedia memberi kerjasama dan sokongan padu kepada semua program, bahagian dan agensi di bawah KKM serta lain-lain sektor berkaitan demi mencapai matlamat memperkasakan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan rakyat.



BAB 10

KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) merupakan peneraju keselamatan dan kualiti makanan negara yang bertanggungjawab ke atas sepanjang kawalan rantai bekalan makanan. PKKM bertanggungjawab melindungi rakyat terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan. Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya merupakan tulang belakang bagi program keselamatan makanan. Program ini diketuai oleh Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan yang juga terdiri daripada Bahagian Dasar, Perancangan Strategik dan Standard Codex, Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri serta Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia.

BAHAGIAN DASAR, PERANCANGAN STRATEGIK DAN STANDARD CODEX

SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA 2022

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia yang disambut pada 7 Jun setiap tahun. Pada tahun 2022, sambutan ini telah dirasmikan oleh Menteri Kesihatan bertempat di Hotel Sama-Sama, KLIA dengan bertemakan *Safer Food, Better Health*. Penganjuran sambutan ini dibuat dengan kerjasama Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA) serta rakan strategik syarikat penghantaran *p-hailing* Foodpanda, Grab dan ShopeeFood di samping penglibatan Bikers KKM.

Imej 10.1

Majlis Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia 2022



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

EKSPLO MAKANAN SELAMAT (EMAS) 2022

Buat julung kalinya Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM dengan kerjasama MAFSA telah menganjurkan Ekspo Makanan Selamat (eMAS) pada 26 hingga 28 Oktober 2022 bertemakan *Memperkasakan Industri Makanan Selamat Negara*. Ekspo ini mempromosi keselamatan makanan kepada orang ramai dan turut membantu memperkasakan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam penghasilan produk makanan yang menepati keperluan keselamatan dan kualiti makanan. Bersempena eMAS 2022, Majlis Anugerah Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan 2022 turut diadakan.

Imej 10.2

Majlis Perasmian Penutup Ekspo Makanan Selamat 2022



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Imej 10.3

Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Pelbagai aktiviti lain turut dilaksanakan sempena eMAS 2022 seperti Seminar Keselamatan Makanan, pameran produk oleh industri, pameran keselamatan makanan dan siri ceramah (*pocket talk*) berkaitan usahawan makanan selamat. Beberapa anugerah telah diberikan kepada pengusaha makanan yang menyertai ekspo ini.

Imej 10.4 Anugerah Ekspo Makanan Selamat 2022



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

SEMINAR KESELAMATAN MAKANAN 2022: *GOAL TO SAFER FOOD*

Imej 10.5 Seminar Keselamatan Makanan 2022



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Seminar Keselamatan Makanan 2022: *Goal to Safer Food* sempena eMAS 2022 telah diadakan pada 26 Oktober 2022 dengan kerjasama MAFSA. Seminar ini disertai oleh 148 peserta dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pihak industri yang terlibat dalam industri makanan di Malaysia.

LAWATAN KERJA PENGARAH KANAN KE JABATAN KESIHATAN NEGERI

Lawatan kerja Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan ke Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan di JKN, PKD, Pintu Masuk dan Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan merupakan inisiatif turun padang pengurusan tertinggi bertujuan untuk memantau pelaksanaan aktiviti keselamatan dan kualiti makanan di peringkat lapangan di samping memudahkan cara isu-isu pentadbiran di peringkat negeri. Sepanjang tahun 2022, lawatan kerja telah diadakan ke JKN Sarawak pada 28 hingga 31 Mac 2022, JKN Kelantan pada 21 hingga 22 Mei 2022 dan JKN Kedah pada 29 hingga 30 Mei 2022. Lawatan ini turut menjadi satu tanda penghargaan kepada anggota peringkat lapangan yang terus berusaha keras menjayakan kawalan keselamatan makanan negara.

Imej 10.6 Lawatan Kerja Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan Tahun 2022



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

SEMAKAN DASAR KESELAMATAN MAKANAN KEBANGSAAN (DKMK)

DKMK telah dilancarkan pada 2003 dengan pendekatan sepanjang rantai bekalan makanan dan menyediakan hala tuju dan penekanan kepada semua pihak berkepentingan dalam pembentukan dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan makanan berteraskan usahasama untuk melindungi kesihatan pengguna. DKKM perlu diperkasa dan kini sedang ditambah baik selaras dengan perkembangan keselamatan makanan global serta dasar-dasar antarabangsa. Mesyuarat Semakan DKKM Peringkat PKKM telah diadakan pada 22 hingga 24 Mei 2022 di Kota Bharu, Kelantan. Sesi libat urus bersama pemegang taruh turut diadakan bagi memastikan semakan dibuat secara menyeluruh.

Imej 10.7 Mesyuarat Semakan DKMK



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENGIKTIRAFAN BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (BKMM) TERBAIK PERINGKAT NEGERI

Pengiktirafan BKMM Terbaik telah diperkenalkan mulai tahun 2020 bagi mengiktiraf kecemerlangan di peringkat JKN dari segi pencapaian aktiviti. Penilaian bagi pengiktirafan ini dibuat adalah berdasarkan pencapaian pelaksanaan pelan tindakan, indikator petunjuk prestasi, piagam pelanggan, penyertaan inovasi dan pengurusan kewangan pada tahun sebelumnya. Pengiktirafan BKMM Terbaik Tahun 2021 telah diberikan kepada BKMM Pahang yang mengekalkan kejuaraan dua (2) tahun berturut-turut diikuti dengan BKMM Selangor di tempat kedua dan BKMM Sabah di tempat ketiga. Melalui pengiktirafan ini, semua pihak negeri terus berusaha untuk bersaing dengan sihat bagi meningkatkan kecemerlangan dalam mencapai matlamat kawalan keselamatan makanan negara.

Imej 10.8 Pengiktirafan BKMM Terbaik Tahun 2021



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

CODEX ALIMENTARIUS COMMISSION SESI KE-45 (CAC45)

Mesyuarat CAC45 yang diadakan pada 21 hingga 25 November 2022 di Rome, Itali telah dihadiri oleh Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan bagi mewakili Malaysia. CAC merupakan badan yang bertanggungjawab untuk pelaksanaan program berkaitan standard makanan di bawah Food and Agriculture Organization/ World Health Organization (FAO/WHO).


Imej 10.9
Codex Alimentarius Commission Sesi Ke-45 (CAC45)



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PERKHIDMATAN ANALISIS MAKANAN

Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan memberi perkhidmatan analisis makanan dan menerima sampel daripada JKN, Pintu Masuk dan PKD untuk aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Sebanyak 28,090 sampel makanan telah dianalisis pada tahun 2022. Untuk memastikan kredibiliti perkhidmatan makmal, hasil analisis perlu dikeluarkan dalam *Laboratory Turn-around Time* (LTAT) yang ditetapkan.



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

SURVEILAN KESELAMATAN MAKANAN

Pada tahun 2022, terdapat lima (5) aktiviti surveilan yang terdiri daripada surveilan terancang dan surveilan aktif serta tiga (3) kajian telah dilaksanakan seperti di **Jadual 10.1**.

Jadual 10.1
Senarai Aktiviti Surveilan Keselamatan Makanan yang Dijalankan pada Tahun 2022

Surveilan Terancang			
Pengawasan Cemar Logam Berat (Plumbum dan Kadmium) dalam Produk Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil di Pasaran Tempatan	Pengawasan Aflatoksin dalam Beras dan Makanan Bayi dan Kanak-Kanak Kecil Berasaskan Bijirin di Pasaran Tempatan	Pengawasan <i>Acrylamide</i> dalam Makanan Terpilih di Pasaran Tempatan	Pengawasan Pencemaran <i>Polycyclic aromatic hydrocarbon (PAH) (Benzo(a)pyrene)</i> dalam Minyak Masak di Pasaran Tempatan
Surveilan Aktif			
Pengawasan Pencemaran Ditiokarbamat dalam Petai di Pintu Masuk dan Pasaran Tempatan			
Kajian Keselamatan Makanan			
<i>An evaluation of Bacillus cereus contamination on selected hermetically sealed home-based food products (Sambal in retort pouch) and its shelf-life stability.</i>	<i>A study on microbiological contamination on selected hermetically sealed home-based food products (Sambal in glass or plastic jar) and its shelf-life stability.</i>	<i>A Pilot Geographical Information System (GIS) Mapping for Microbiome Risk using Next Generation Sequencing (NGS) in Seafood Factories at Various Food Safety Certifications in Penang, Malaysia</i>	

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM


Sebanyak empat (4) penilaian pendedahan terhadap bahaya makanan (*dietary exposure*) telah dijalankan iaitu *ethylene oxide* (ETO) dalam makanan, *dithiocarbamate* (CS₂) dalam petai, siklamat dalam nanas kecil dan stanum dalam makanan berkaling. Hasil penilaian mendapati populasi dewasa Malaysia tidak berisiko untuk mengalami kesan kesihatan yang tidak diinginkan melalui pengambilan makanan tersebut.

BAHAGIAN PEMATUHAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN

Semua premis makanan wajib berdaftar dengan KKM seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2022, sebanyak 25,565 premis makanan telah didaftarkan iaitu 2,145 kilang makanan (P1), 1,414 perkhidmatan katering makanan (P2), 20,532 premis kedai makan (P3), 232 kenderaan yang menjual makanan (P4) dan 1,242 premis makanan lain (P0).

Rajah 10.2
Pecahan Premis Berdaftar Mengikut Kategori Bagi Tahun 2022




Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN

Pemeriksaan premis makanan adalah untuk memastikan kebersihan premis mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pada tahun 2022, sebanyak 78,207 premis makanan telah diperiksa dengan 1,439 (1.8 peratus) premis telah diarahkan untuk ditutup sementara di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983.

Rajah 10.3
Bilangan Premis Makanan yang Diperiksa dan Peratus Penutupan Premis Makanan Mengikut Negeri bagi Tahun 2022




Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan dijalankan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual di pasaran Malaysia mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pada tahun 2022, sebanyak 31,342 sampel telah diambil dan sebanyak 1,351 sampel atau 4.3 peratus didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Sepanjang tahun 2018 hingga 2022, didapati terdapat tren pengurangan bagi sampel melanggar.

Rajah 10.4

Bilangan Sampel Diambil dan Peratus Sampel Melanggar bagi Tahun 2018 hingga 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

OPERASI KHAS

Pada tahun 2022, PKKM telah menyelaras Operasi Khas peringkat kebangsaan sebagai langkah proaktif bagi menangani isu-isu keselamatan makanan iaitu Ops Label Bahasa Asing, Ops Ramadan and Ops Minuman Beralkohol.

Rajah 10.5

Operasi Khas bagi Tahun 2022



Ops Label Bahasa Asing

Bil. Premis diperiksa	Bil. Produk Disita	Jumlah Denda (RM)	Bil Notis 32B
1,046	13,667	7,2411.24	108



Ops Ramadan

Bil. Premis Ditutup	Bil. Premis Diperiksa	Bil Notis 32B
38	12,934	298



Ops Minuman Beralkohol


Bil. Produk Disita	Nilai Produk Disita (RM)	Bil Notis 32B
926	28,720.69	81

Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

FOOD ALERT DAN FOOD RECALL

Pada tahun 2022, sebanyak 125 notifikasi *Food Alert* telah direkodkan dan 56 arahan menarik balik produk dari pasaran (*Food Recall*) telah dikeluarkan.

Rajah 10.6
Bilangan *Food Alert* dan *Notice of Recall* bagi Tahun 2018 hingga 2022




Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PEMERIKSAAN PENGENDALI MAKANAN


Semua pengendali makanan adalah diwajibkan untuk menghadiri Latihan Pengendali Makanan (LPM) di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh KKM dan wajib mendapatkan vaksinasi anti-tifoid.

Rajah 10.7
Pengendali Makanan yang diperiksa Status Vaksinasi Bagi Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Rajah 10.8
Pengendali Makanan yang diperiksa LPM Bagi Tahun 2022




Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENGUATKUASAAN AKTA JURUANALISIS MAKANAN 2011

Juruanalisis makanan hendaklah berdaftar di bawah Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan mempunyai Perakuan Amalan Tahunan (APC) yang sah bagi menjalankan amalan di Malaysia. Sehingga tahun 2022, jumlah keseluruhan juruanalisis makanan berdaftar adalah seramai 1,334 dari pelbagai sektor di mana 757 daripadanya adalah pemegang APC. Pada tahun 2022, aktiviti penguatkuasaan Akta Juruanalisis Makanan 2011 dan Peraturan Juruanalisis Makanan 2013 telah dijalankan dengan melaksanakan pemeriksaan ke atas 216 makmal dan 624 juruanalisis makanan. Daripada jumlah tersebut 14 orang juruanalisis makanan telah dikenakan tindakan pendakwaan di mahkamah.

Rajah 10.9
Jumlah Pendaftaran Juruanalisis Makanan Mengikut Sektor




Sumber: Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia, KKM

KAWALAN MAKANAN IMPORT

Aktiviti kawalan makanan import dilaksanakan meliputi 57 pintu masuk di seluruh negara. Pada tahun 2022, sejumlah 364,961 konsainan makanan telah diimport ke Malaysia berbanding 336,545 konsainan makanan pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 348,576 (96 peratus) konsainan diperiksa dokumen dan 3,099 (0.9 peratus) konsainan disampel untuk dianalisis bagi pelbagai jenis parameter.

Rajah 10.10
Sampel Makanan Import Melanggar bagi Tahun 2021 dan 2022




Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

KAWALAN MAKANAN EKSPORT

Program pemantauan eksport merupakan kawalan rasmi yang dibangunkan secara spesifik mengikut komoditi dan keperluan negara pengimport. PKKM juga telah menyenaraikan fasiliti makanan eksport yang diluluskan oleh negara pengimport.

Rajah 10.11
Bilangan Fasiliti Makanan Eksport yang Disenaraikan oleh KKM Sehingga Tahun 2022




Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENGELUARAN SIJIL EKSPORT

Pengeluaran sijil eksport oleh PKKM diberikan kepada pengeksport berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh negara pengimport. Jumlah keseluruhan pengeluaran sijil eksport pada tahun 2022 ialah 63,474.

Rajah 10.12
Bilangan Pengeluaran Sijil Eksport Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

NOTIFIKASI PENOLAKAN MAKANAN EKSPORT

Pada tahun 2022, KKM telah menerima 71 notifikasi dan 167 kes penolakan makanan. Ringkasan notifikasi penolakan makanan adalah seperti berikut:

Rajah 10.13
Notifikasi Penolakan Eksport pada Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM


PELESENAN

Pengeluaran lesen bagi empat (4) kategori pelesenan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu pelesenan mesin jual air, pelesenan ais, pelesenan minuman air berbungkus dan pelesenan air mineral. Pada tahun 2022, jumlah lesen yang dikeluarkan adalah sebanyak 3,404 lesen mesin jual air, 180 lesen ais, 101 lesen air mineral semula jadi dan 279 lesen air minuman berbungkus.

PENSIJILAN PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN


Pelaksanaan pensijilan program jaminan keselamatan makanan dilaksanakan bagi membantu industri makanan dalam mematuhi keperluan Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan dibawahnya melalui pensijilan seperti *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP), Good Manufacturing Practice (GMP) dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI). Pada tahun 2022, tren dan pencapaian untuk pensijilan sistem keselamatan makanan adalah seperti dalam **Rajah 10.14** dan **Rajah 10.15**.

Rajah 10.14
Kumulatif Pemegang Sijil HACCP dan GMP bagi Tahun 2016 hingga 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Rajah 10.15
Bilangan Premis Pengilangan Makanan yang Mendapat Pensijilan MeSTi pada Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Pada tahun 2022, pensijilan lain-lain dan penyenggaraan berkaitan keselamatan makanan di bawah PKKM adalah seperti berikut:

Rajah 10.16
Bilangan Pensijilan dan Penyenggaraan berkaitan Keselamatan Makanan

			
2,827 premis	370 pensijilan	253 pengusaha	4 pensijilan
			
6 pensijilan	5 pensijilan	3,642 pendaftaran	3 pensijilan

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

PENYENARAIAAN PENGUSAHA MAKANAN SEDIAAN DI RUMAH

Pada tahun 2022, sebanyak 3,030 premis makanan sediaan di rumah telah didaftarkan di bawah *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) dan sebanyak 253 disenaraikan di bawah Program Penyenggaraan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah. Beberapa siri rancangan bual bicara, webinar, penstriman langsung di Facebook, seminar, ceramah, pameran serta siaran televisyen dan radio yang berkaitan dengan promosi program Penyenggaraan Pengusaha Makanan Sediaan di Rumah telah dijalankan. Sorotan utama bagi tahun 2022 adalah pelaksanaan program bual bicara Sembang Tingkap Home-based Food yang telah diadakan di seluruh negara melibatkan agensi dan pengusaha makanan *home-based*.



PENCEGAHAN KERACUNAN MAKANAN

Sebanyak 390 episod keracunan makanan telah berlaku di seluruh Malaysia pada tahun 2022. Sebagai langkah pencegahan kejadian keracunan makanan, PKKM secara berterusan memantau latihan pengendali makanan yang diberikan melalui Sekolah Latihan Pengendali Makanan dan Tenaga Pengajar yang diiktiraf oleh KKM. Kerjasama dengan pelbagai agensi diadakan bagi membendung kejadian keracunan makanan.

Rajah 10.17 Program Latihan Pengendali Makanan Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

Rajah 10.18 Aktiviti Pencegahan Keracunan Makanan Tahun 2022



Sumber : Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

HALA TUJU

PKKM akan sentiasa komited untuk memperkukuh keselamatan makanan dan kawalan kualiti di seluruh rantai bekalan makanan melalui akauntabiliti dengan pihak berkepentingan untuk memastikan rakyat mendapat makanan yang selamat dan berkualiti.



BAB 11

PEMBANGUNAN



PENDAHULUAN

Bahagian Pembangunan bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti berkaitan dengan pengurusan, perancangan, pelaksanaan, pengawalan, pemantauan dan penilaian program serta projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM yang dilaksanakan di bawah RMKe-12. Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Pembangunan sebelum penstrukturan semula organisasi pada 1 September 2012 dan telah dibahagikan kepada dua (2) entiti iaitu Bahagian Perancangan dan Bahagian Pembangunan yang mempunyai perbezaan fungsi masing-masing. Seterusnya pada 27 September 2018, bahagian ini telah dijenamakan melalui penyusunan semula tanggungjawab dan fungsi setiap unit. Ia seterusnya dibahagikan kepada tiga (3) cawangan utama dan disokong oleh 12 unit seperti yang berikut:

a. Cawangan Pengurusan Projek I:

- i. Unit Projek 1 (Zon Utara);
- ii. Unit Projek 2 (Zon Tengah);
- iii. Unit Projek 3 (Zon Timur); dan
- iv. Unit *Public, Private and Partnership*.

b. Cawangan Pengurusan Projek II:

- i. Unit Projek 4 (Zon Selatan);
- ii. Unit Projek 5 (Sabah dan Sarawak);
- iii. Unit Bajet RMK; dan
- iv. Unit Teknikal dan Perolehan.

c. Cawangan Pengurusan Sumber:

- i. Unit Tanah;
- ii. Unit Kewangan dan Pentadbiran;
- iii. Unit Penyelarasan (Lawatan/Parlimen); dan
- iv. Unit Penyelarasan (Urusetia Mesyuarat).

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2022

Dalam RMKe-12 *Rolling Plan 2* (RP2) Tahun 2022, Peruntukan Pembangunan (DE) KKM telah diluluskan sebanyak RM4.379 bilion untuk melaksanakan 387 projek pembangunan fasiliti kesihatan yang melibatkan 121 buah projek baru dan 266 projek sambungan. Pencapaian prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan sehingga 31 Disember 2022 adalah RM4.337 bilion (99.1%) daripada peruntukan tahun semasa RM4.379 bilion. Perincian Prestasi Perbelanjaan Peruntukan KKM adalah seperti di **Jadual 11.1**.

Jadual 11.1
Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan KKM pada Tahun 2022

No. Projek / Nama	Peruntukan Pembangunan (RM)	Tanggungan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Tanggungan & Belanja (RM)	Peratus (%)
BP 100 - LATIHAN	25,009,935.00	750.00	24,758,750.51	24,759,500.51	99
101 Pembinaan Kolej Baharu	258,865.00	-	258,854.34	258,854.34	100
102 Naik Taraf Projek Latihan	3,477,217.00	-	3,459,032.15	3,459,032.15	99
105 Latihan Dalam Perkhidmatan	21,273,853.00	750.00	21,040,864.02	21,041,614.02	99
BP 200 - KESIHATAN AWAM	369,269,012.00	-	355,082,409.11	355,082,409.11	96
201 Perkhidmatan Kesihatan Awam (Luar Bandar)	142,546,390.00	-	133,598,465.43	133,598,465.43	94
202 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)	9,523,934.00	-	9,413,740.87	9,413,740.87	99
203 Perkhidmatan Kesihatan Awam (Bandar)	217,197,688.00	-	212,070,202.81	212,070,202.81	98
204 Klinik Bergerak	1,000.00	-	-	-	0
BP 300 - KEMUDAHAN HOSPITAL	2,800,431,103.00	75,743.30	2,793,623,920.34	2,793,699,663.64	100
BP 400 - HOSPITAL BAHARU	364,586,637.00	-	361,466,323.96	361,466,323.96	99
BP 500 – PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)	21,344,648.00	-	20,842,567.84	20,842,567.84	98
BP 600 – NAIK TARAF, UBAH SUAI & PEMBAIKAN	97,274,405.00	155,733.45	94,563,705.94	94,719,439.39	97
BP 700 – PEROLEHAN & PENYELENGARAAN TANAH	11,202,421.00	-	10,286,868.08	10,286,868.08	92
BP 800 – INFORMASI & TEKNOLOGI (ICT)	38,489,695.00	-	38,162,212.62	38,162,212.62	99
BP 900 - KEMUDAHAN ANGGOTA	85,475,412.00	-	85,397,135.21	85,397,135.21	100
901 Kuarters (Luar Bandar)	9,003,888.00	-	8,978,887.24	8,978,887.24	100
902 Kuarters (Bandar)	27,533,335.00	-	27,481,970.55	27,481,970.55	100
904 Pejabat & Jabatan Kesihatan	48,938,188.00	-	48,936,277.42	48,936,277.42	100
BP 1100 - PERALATAN & KENDERAAN	489,916,772.00	225,450.00	476,864,002.07	477,089,452.07	97
BP 1200 – PROJEK PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP (PPP)	75,529,771.00	-	75,271,906.42	75,271,906.42	100
BP 9000 - PELANCONGAN KESIHATAN	1,100,000.00	-	1,100,000.00	1,100,000.00	100
JUMLAH	4,379,629,810.00	457,676.75	4,337,419,801.10	4,337,877,477.85	99.1

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN TANAH

Bahagian Pembangunan juga bertanggungjawab untuk mentadbir pengurusan dan perolehan tanah dan bangunan mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 serta Pekeliling Perbendaharaan berkaitan untuk pembangunan fasiliti kesihatan. Semua proses pengambilan tanah di seluruh negara bagi tujuan pembangunan fasiliti kesihatan KKM adalah melalui kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM. Sejumlah 41 kertas permohonan untuk perolehan tanah telah dikemukakan oleh pelbagai agensi di bawah KKM dan dibentangkan dalam JKPPT. **Jadual 11.2** menunjukkan senarai mesyuarat JKPPT yang diadakan pada tahun 2022.

Jadual 11.2
Pelaksanaan Mesyuarat JKPPT pada Tahun 2022

Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Kertas Cadangan
MJKPPT Bil. 1/2022	1 April 2022	10
MJKPPT Bil. 2/2022	27 Julai 2022	7
MJKPPT Bil. 3/2022	16 Disember 2022	24
JUMLAH		41

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

PEMBANGUNAN LATIHAN BAGI MENINGKATKAN KOMPETENSI PEGAWAI

Bahagian Pembangunan turut merangka, merancang dan melaksanakan Pelan Operasi Latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam menguruskan dan melaksanakan tugas terutamanya dalam pengurusan projek serta mengemas kini maklumat dalam Sistem Pemantauan MyProjek. Berikut merupakan aktiviti latihan pembangunan yang telah diadakan sepanjang tahun 2022 seperti **Jadual 11.3** di bawah.

Jadual 11.3
Senarai Aktiviti Latihan Pembangunan Kompetensi pada Tahun 2022

Aktiviti	Tarikh
Bengkel Pengurusan Tanah Kegunaan KKM Tahun 2022	9 – 11 Mac 2022
Kursus Pengurusan Projek Awam Siri 1 bagi Pegawai di Bahagian Pembangunan	15 - 16 Jun 2022
Bengkel Premis Demis Tanah	27 Jun 2022
Bengkel Pemuktamadan Terma dan Syarat (<i>Salient Terms</i>) Perjanjian Pajakan bagi Pengoperasian Hospital Cyberjaya	27 - 29 Jun 2022
Bengkel <i>Transfer of Knowledge</i> Sistem MyProjek Bahagian Pembangunan	27 - 29 Jun 2022
Bengkel Bahagian Pembangunan KKM Bersama Program/ Bahagian/JKN	25 - 27 September 2022
Mesyuarat Kajian Penilaian <i>Outcome</i>	2 - 4 November 2022

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

Imej 11.1 Kursus Pengurusan Projek Awam Siri 1 pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN

Proses penyerahan projek pembangunan fasiliti kesihatan yang siap dilaksanakan melalui pemeriksaan bersama pihak *end-user*, JKR dan pihak kontraktor yang terlibat. Selepas bangunan atau fasiliti kesihatan siap dibina dan segala proses berkaitan selesai dilaksanakan dengan sempurna, kunci akan diserahkan kepada pihak *end-user* iaitu JKN atau institut kesihatan. Pada tahun 2022, sebanyak 19 buah projek telah siap diserahkan kepada *end-user* seperti Jadual 11.4 di bawah.

Jadual 11.4
Senarai Projek Pembangunan Fasiliti Kesihatan KKM yang Diserahkan pada Tahun 2022

Projek Siap dan Diserah	Tarikh
Hospital	
Institut Endokrin Hospital Putrajaya	22 April 2022
Hospital Bera, Pahang	27 Mei 2022
Hospital Sri Aman II, Sarawak	15 Julai 2022
Naik taraf Sistem Bekalan Elektrik Hospital Melaka	1 September 2022
Hospital Tanjong Karang, Selangor	26 September 2022
Pembinaan Pusat Kardiologi Hospital Serdang, Selangor	17 Oktober 2022
Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian dan Kuarters	
Kuarters Klinik Kesihatan Bayu Damai, Pengerang, Johor	15 Mac 2022
Klinik Kesihatan Kg. Temai (Jenis 7), Pahang	28 Mei 2022
Klinik Kesihatan Kg. Chegar Perah (Jenis 7), Lipis, Pahang	10 Jun 2022
Naik Taraf Klinik Pergigian Tronoh, Kinta, Perak	

Projek Siap dan Diserah	Tarikh
Klinik Pergigian Pasir Akar, Besut, Terengganu	21 Jun 2022
Klinik Kesihatan Lenggeng (Jenis 5), Negeri Sembilan	1 Oktober 2022
Klinik Kesihatan Joh (Jenis 7) dengan Kuarters, Machang, Kelantan	10 Oktober 2022
Klinik Kesihatan Sg. Keladi (Jenis 7) dengan Kuarters, Pasir Mas, Kelantan	
Klinik Kesihatan Telok Jering (Jenis 7) dengan Kuarters, Tumpat, Kelantan	
Naik Taraf Klinik Pergigian Kluang, Johor	8 Disember 2022
Institut Penyelidikan	
Naik Taraf IMR Fasa 2 (Sayap Kiri), WP Kuala Lumpur	20 Mei 2022
Lain-lain	
Penggantian Sistem Lif dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Klinik Kesihatan Seremban, Negeri Sembilan	22 Jun 2022
Projek Tebatan Banjir di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Kelantan	10 Oktober 2022

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

BAB 12

AUDIT DALAM

PENGENALAN

Cawangan Audit Dalam (CAD) KKM telah ditubuhkan pada tahun 1980 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979. Peranan dan tanggungjawab CAD telah dimantapkan lagi melalui Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1/2013 iaitu Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

CAD yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam telah diberi kuasa untuk menjalankan pengauditan secara bebas, adil, dan saksama serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha KKM. CAD juga berperanan sebagai *the third line of defence* yang memberi jaminan bebas dalam membantu KKM mencapai matlamatnya dengan memastikan kawalan dalaman dan pengurusan risiko adalah baik dan sistematik.


AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Selaras dengan PS 3.1 serta standard pengauditan iaitu *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI) dan *The Chartered Institute of Internal Auditors*, CAD telah melaksanakan lima (5) program pengauditan sepanjang tahun 2022 melibatkan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi, Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti (Perakaunan Akruan), Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan serta Pernyataan Kawalan Dalaman bagi Item dalam Penyata Kewangan.

PENGAUDITAN KEWANGAN

Pengauditan Kewangan meliputi pelbagai bentuk yang merangkumi pengauditan terhadap kawalan dalaman, pematuhan terhadap peraturan kewangan atau perundangan termasuk rekod kewangan serta sistem kewangan yang diwujudkan di Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pada tahun 2022, CAD telah melaksanakan empat (4) jenis aktiviti di bawah Pengauditan Kewangan merangkumi Pengauditan Pengurusan Kewangan, Pematuhan, Arahan Pembayaran dan Pemeriksaan Mengejut (**Rajah 12.1**).

Rajah 12.1
Bilangan Pengauditan Kewangan Dilaksanakan pada Tahun 2022



Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan satu pendekatan audit bagi menentukan sama ada pengurusan kewangan di sesebuah PTJ telah dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan. Skop pengauditan meliputi lima (5) kawalan utama iaitu kawalan terimaan, pengurusan perolehan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor serta pengurusan kenderaan kerajaan.

Prestasi Pengurusan Kewangan dikelaskan kepada empat (4) kategori penarafan iaitu baik, memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan. Berdasarkan Laporan Penemuan Audit yang dikeluarkan kepada 36 PTJ yang diaudit, lima (5) PTJ memperolehi penarafan baik, 10 PTJ adalah memuaskan dan 21 PTJ berada pada tahap kurang memuaskan.

PENGAUDITAN PEMATUHAN

Pengauditan Pematuhan memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit atau kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap PTJ. Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen Pembaziran, Pemborosan, Penyelewengan dan Ketirisan Wang Awam.

Pada tahun 2022, CAD telah melaksanakan dua (2) tajuk di bawah Pengauditan Pematuhan iaitu Perolehan Secara Darurat di Hospital KKM dan Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) di 26 Pejabat Kesihatan Daerah/Bahagian/Kawasan.

PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN

Pengauditan Arahan Pembayaran merupakan satu pemeriksaan terhadap pelbagai rekod dan transaksi yang dihasilkan daripada sistem perakaunan dan kewangan bagi menentukan sama ada rekod-rekod perakaunan dan kewangan tersebut telah disediakan dengan sempurna dan direkodkan dengan betul mengikut keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Sebanyak 7,529 sampel arahan pembayaran bernilai RM152.22 juta telah diaudit pada tahun 2022 melibatkan 39 PTJ dan 450 isu telah dibangkitkan.

PEMERIKSAAN MENGEJUT

Pemeriksaan Mengejut dijalankan terhadap tiga (3) kawalan utama pengurusan kewangan iaitu Kawalan Terimaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Jabatan di 78 Pusat Kos di bawah kendalian PKD/Bahagian/Kawasan. Objektif pemeriksaan mengejut adalah untuk menentukan sama ada semua hasil, wang awam, aset kerajaan, rekod dan dokumen serta barang berharga di bawah jagaan atau seliaan pegawai yang diberikan tanggungjawab diakaunkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

PENGAUDITAN PRESTASI

CAD juga telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengukuran input, output dan *outcome* akan diteliti bagi menentukan pengurusan dan pencapaian program atau aktiviti tersebut. Pada tahun 2022, sebanyak 12 kajian telah dilaksanakan melibatkan pengurusan perolehan, pengurusan program atau aktiviti dan projek ICT (**Jadual 12.1**).

Jadual 12.1
Senarai Tajuk Pengauditan Prestasi

Tajuk
Pengurusan Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Denggi
Pengurusan Perolehan Perkhidmatan Nilai Tambah LOCKER4U
Pengurusan Tanah Kosong Milik KKM
Pembangunan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan (FoSIM)
Pengurusan Projek Naik Taraf (<i>Wellness Hub</i>)
Pengurusan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)
Pengauditan Terhadap Aduan Awam yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) di KKM
Pengurusan Penyelenggaraan (<i>Total Hospital Information System</i>) (THIS) di IKN
Pengauditan Terhadap (<i>Program Community Feeding</i>) di KKM
Pengurusan Pesakit Dalam di Hospital Psikiatri KKM
Pengauditan Terhadap Pegawai yang Dikenakan Tindakan Tatatertib dan Dirujuk kepada (<i>Medical Board</i>)
Pengurusan Perolehan Peralatan ICT (Komputer Peribadi dan Komputer Riba)

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

VERIFIKASI DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI (PERAKAUNAN AKRUAN)

Seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Akruan, CAD perlu melakukan pengesahan baki permulaan aset dan liabiliti dalam penyata kewangan kementerian yang merupakan item kunci dalam penyata kewangan. Pada tahun 2022, CAD telah menjalankan tiga (3) aktiviti untuk mengesahkan baki aset dan liabiliti dalam item-item penyata kewangan selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Audit pengesahan yang dilakukan melibatkan pengesahan data baki permulaan aset termasuk Aset Alih dan Aset Tak Alih, Aset Tak Ketara, Inventori, Akaun Belum Terima dan Aset Pajakan Kewangan bagi *cut off* 31 Disember 2021 dan 30 Jun 2022 (**Jadual 12.2**).

Jadual 12.2
Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti

Item	Cut Off 31 Disember 2021	Cut Off 31 Disember 2021	Cut Off 30 Jun 2022
		(Tambahan)	(Tambahan)
	(RM)	(RM)	(RM)
Aset Alih	2,796,343.02	-	-
Aset Tak Alih	239,542,050.00	-	-
Aset Tak Ketara	69,153,343.25	127,703,380.22	-
Inventori	32,441,650.22	17,777,388.06	-
Akaun Belum Terima	54,028,800.69	5,476,621,567.00	-
Aset Pajak Kewangan	-	-	433,674,654.24

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

PENILAIAN RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERNYATAAN KAWALAN DALAMAN BAGI ITEM DALAM PENYATA KEWANGAN

PS 3.1 menetapkan antara tanggungjawab CAD ialah untuk memberi jaminan dan khidmat perundingan kepada organisasi. Untuk tujuan tersebut, CAD perlu melaksanakan penilaian risiko pengurusan kewangan yang melibatkan empat (4) elemen utama seperti iaitu Kawalan Kutipan Hasil, Pengurusan Aset, Pengurusan Perbelanjaan dan Pengurusan Perolehan.

Pada tahun 2022, CAD telah melaksanakan dua (2) pengauditan penilaian risiko ke atas Aktiviti Kelulusan Bersyarat Kit Ujian Kendiri COVID-19 dan Perkhidmatan Sewaan Komputer di empat (4) PTJ KKM.

CAD juga telah mengeluarkan Penyataan Kawalan Dalaman berdasarkan pengauditan penilaian risiko yang telah dilaksanakan. Ia bertujuan untuk menilai sama ada perjanjian atau klausa kontrak yang berkuat kuasa melindungi kepentingan kerajaan serta mencadangkan syor penambahbaikan.

HALA TUJU

Peranan dan fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh CAD dapat dicapai dengan sokongan daripada pelbagai peringkat Pengurusan di KKM dan PTJ yang dilawati. Segala usaha yang diambil oleh warga KKM untuk menangani kelemahan dan menambah baik proses dan prosedur serta memantapkan tadbir urus telah membantu KKM memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan.



market - the late 1990s saw a significant increase in the number of companies that were able to successfully enter the market. This was due to a combination of factors, including the fact that the market was relatively uncompetitive at the time, and the fact that many of the companies that entered the market were well-funded and had a strong track record. As a result, the market became much more competitive, and the number of companies that were able to successfully enter the market increased significantly. This was a major factor in the success of the market, and it is a testament to the power of competition.

Measuring market success is a complex task, and it is important to consider a wide range of factors. One of the most important factors is the number of companies that are able to successfully enter the market. This is a key indicator of the market's competitiveness, and it is a measure of the market's ability to attract new entrants. Another important factor is the level of innovation in the market. This is a key indicator of the market's ability to drive the market in new directions, and it is a measure of the market's potential for growth. Finally, it is important to consider the overall health of the market. This is a key indicator of the market's ability to sustain itself, and it is a measure of the market's long-term viability.



BAB 13

KOMUNIKASI KORPORAT



PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah ditubuhkan untuk meningkatkan imej Kementerian, mempromosi dasar dan program Kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai barisan hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam Kementerian. Unit ini terbahagi kepada lima (5) seksyen iaitu:

- i. Seksyen Media;
- ii. Seksyen Komunikasi Strategik;
- iii. Seksyen Hal Ehwal Korporat ;
- iv. Seksyen Pengurusan Respons Awam; dan
- v. Seksyen Pentadbiran.

SEKSYEN MEDIA

Seksyen Media bertanggungjawab menguruskan liputan media bagi setiap majlis dan program rasmi KKM. Antara program yang telah dibuat liputan adalah:

PERASMIAN KOMPLEKS INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah merasmikan Kompleks NIH pada 9 Ogos 2022. NIH telah memulakan operasi sejak tahun 2020 di Setia Alam, Selangor dan ditubuhkan bertujuan memastikan kolaborasi dan penyelidikan dalam bidang kesihatan dapat berjalan dengan lancar.

Imej 13.1
Majlis Perasmian NIH



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

PERASMIAN HOSPITAL BERA

PERASMIAN HOSPITAL BERA

Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Hospital Bera pada 20 Ogos 2022 di Bera, Pahang. Hospital Bera merupakan salah satu daripada projek pembinaan hospital yang diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-9 di mana tapak pembinaannya di atas tanah seluas 33 ekar dalam Mukim Triang, Bera. Hospital ini boleh memuatkan 40 katil dan memanfaatkan kira-kira 150,000 penduduk di Daerah Bera.

Hospital Bera merupakan Hospital Daerah Tanpa Pakar yang diletakkan di bawah Program Hospital Kluster Pahang Tengah dengan Hospital Jengka, Hospital Jerantut dan Hospital Bentong yang mana diterajui oleh Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh sebagai *Lead Cluster Hospital*.

Imej 13.2
Majlis Perasmian Hospital Bera



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

MAJLIS PERASMIAN HOSPITAL REMBAU

Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Hospital Rembau, Negeri Sembilan pada 23 September 2022. Hospital Rembau dilengkapi 76 katil dengan 4 kategori wad iaitu wad lelaki, wad wanita, wad bersalin dan wad kanak-kanak.

Imej 13.3
Majlis Perasmian Hospital Rembau



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN KANAK-KANAK

Menteri Kesihatan telah melancarkan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) untuk kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun di Hospital Tunku Azizah pada 3 Februari 2022. Terdapat sejumlah 4 juta kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga bawah 12 tahun akan menerima Vaksin mRNA iaitu Comirnaty® 10mcg Concentrate for Dispersion (PfizerBioNTech). Dos vaksin tersebut adalah sepertiga daripada dos dewasa.

Imej 13.4
PICKids



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

SESI LIBAT URUS MEDIA BERSAMA MENTERI KESIHATAN

Satu sesi libat urus YB Menteri Kesihatan bersama Ketua Pengarang telah diadakan pada 17 Februari 2022 bertujuan untuk memaklumkan beberapa perkara seperti situasi COVID-19 di Malaysia dan kesiapsiagaan KKM, keberkesanan vaksin COVID-19 dan pemberian vaksin dos penggalak COVID-19 di fasiliti KKM. Maklumat yang telah dikongsikan dengan media bertujuan meningkatkan kefahaman serta mengukuhkan rangkaian kerjasama strategik bersama media dari aspek penyaluran maklumat kesihatan yang sah kepada seluruh masyarakat.

Imej 13.5
Sesi Libat Urus Media bersama Menteri Kesihatan



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

MAJLIS PELANCARAN PENGOPERASIAN PUSAT JANTUNG HOSPITAL SERDANG

Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Pengoperasian Pusat Jantung Hospital Serdang pada 12 Disember 2022. Pengoperasian ini selaras dengan status Hospital Serdang sebagai *National Tertiary Cardiac Referral Centre* dan merupakan kesinambungan usaha KKM bagi menyediakan perkhidmatan rawatan jantung yang terbaik dan bertaraf dunia. Pusat Jantung ini mempunyai blok setinggi 8 tingkat yang menempatkan sebanyak 262 buah katil dan 9 tingkat kemudahan yang terdiri daripada 536 tempat letak kenderaan. Dengan adanya kemudahan Pusat Jantung ini, jumlah perkhidmatan rawatan jantung yang dapat diberikan meningkat dua kali ganda berbanding dengan kapasiti sedia ada.

Imej 13.6

Majlis Perasmian Pusat Jantung Hospital Serdang



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

PROGRAM NARATIF KHAS BERSAMA MENTERI KESIHATAN

Satu sesi rakaman wawancara TV bersama Menteri Kesihatan telah diadakan pada 16 Disember 2023 di RTM. Sesi wawancara ini dijalankan bagi program Naratif Khas terbitan RTM bagi membincangkan topik berkaitan Mendepani Cabaran Kesihatan.

Imej 13.7

Program Naratif Khas bersama Menteri Kesihatan



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK

Seksyen Komunikasi Strategik bertanggungjawab untuk menyebarkan mesej kepada orang ramai melalui platform media sosial rasmi.

- a. Seksyen Komunikasi Strategik bertindak memberikan tumpuan kepada perkembangan semasa mengenai pasca-pandemik COVID-19 dengan memaparkan perkembangan dan aktiviti berkaitan isu-isu semasa kesihatan. Penumpuan diberikan kepada pemerkasaan dan pemantapan *key positive messaging* menerusi fakta dan data yang disahkan dalam bentuk komunikasi visual secara proaktif dan terancang agar mudah difahami oleh setiap kumpulan sasar menerusi mesej yang dipublisitikan di Facebook, Twitter, TikTok, Instagram, Telegram dan Youtube.

Jadual 13.1
Pencapaian Sasaran Pengikut Laman Media Rasmi KKM

Aktiviti	Jumlah Semasa
Facebook (KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)	5.7 juta
Twitter (KKMalaysia)	2.03 juta
Instagram (kementeriankesihatanmalaysia)	1.4 juta
Youtube (Kementerian Kesihatan Malaysia)	62,800
Telegram (OFFICIAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA)	41,000
TikTok (@kkmputrajaya)	243,900

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

Jadual 13.2
Pencapaian Post Engagement Tertinggi pada Tahun 2022

Komunikasi Visual	Reach
Kelonggaran SOP COVID-19	6.80 juta
Berita palsu Monkey Pox	5.95 juta
Long COVID-19	5.74 juta
Daftar masuk MySejahtera	5.54 juta
Monkey Pox	5.09 juta
Vaksin PICKids	4.86 juta
HFMD	4.76 juta
Microsleep	4.02 juta
Langkah keselamatan musim perayaan	3.08 juta
Cegah HFMD	3.01 juta

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

- b. Menyedia dan menyelaras fakta dan isu *trending* di media sosial menerusi fakta dan data yang telah disahkan untuk mempromosikan dasar, polisi, peningkatan literasi dan isu-isu semasa kepada masyarakat, secara proaktif berdasarkan kepada penjenamaan/ tema yang akhirnya dapat membentuk persepsi awam yang positif.

Imej 13.8 Promosi dan Kempen Dasar Kesihatan pada Tahun 2022



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

Imej 13.9 Kempen *Generational EndGame* (GEG)



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

- c. Dalam usaha untuk memastikan maklumat terkini mengenai aktiviti dan rangkuman khas semasa demi meningkatkan kefahaman rakyat tentang dasar dan polisi kesihatan negara menerusi siaran langsung FB Live dan sorotan berita penting KKM, antaranya:
- Siaran langsung sidang media Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan;
 - Siaran langsung program Menteri Kesihatan;
 - Potongan video daripada sidang media Menteri Kesihatan; dan
 - Potongan video daripada sesi libat urus pengurusan tertinggi KKM dengan media.

Imej 13.10 Sidang Media Menteri Kesihatan



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN HAL EHWAL KORPORAT

Seksyen Hal Ehwal Korporat bertanggungjawab menguruskan hal ehwal korporat kementerian, iaitu menyediakan teks ucapan pengurusan tertinggi KKM, penerbitan buku dan e-Buletin KKM sepanjang tahun 2022.

PENERBITAN E-BULETIN KKM 2022

e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera merupakan penerbitan bulanan UKK bertujuan merekod aktiviti-aktiviti pengurusan tertinggi KKM sepanjang tahun 2022. Selain itu, ianya juga bertindak sebagai dokumentasi perkhidmatan kesihatan di Malaysia selain menjadi sumber rujukan bagi penjawat awam dan orang awam. Bermula April 2022, penerbitan e-Buletin KKM akan diterbitkan setiap suku tahun.

Imej 13.11 e-Buletin Malaysia Sihat Sejahtera



Januari 2022



Februari 2022



Mac 2022

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN PENGURUSAN RESPONS AWAM

Seksyen Pengurusan Respons Awam bertanggungjawab menyelaraskan aduan-aduan yang diterima melalui pelbagai platform. Sepanjang tahun 2022, KKM telah menerima 24,599 maklum balas awam mengikut kategori seperti **Jadual 13.3**.

Jadual 13.3
Jumlah Penerimaan Maklum Balas Awam Tahun 2022

Jenis	Kategori	Terima	Jumlah
Aduan	Biasa	8,872	10,509
	Kompleks	1,637	
Bukan Aduan	Penghargaan	7,709	14,090
	Pelaporan	3,412	
	Pertanyaan	1,703	
	Permohonan	679	
	Cadangan	587	
JUMLAH			24,599

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

Secara keseluruhannya, KKM telah mencapai 94.1 peratus penyelesaian aduan daripada jumlah aduan yang diterima. Maklumat penerimaan dan penyelesaian aduan adalah seperti pada **Jadual 13.4**.

Jadual 13.4
Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Tahun 2022

Kategori	Tempoh Penyelesaian	Terima	Selesai (%)	Selesai 15 Hari (KPI) (%)
Biasa	15 hari berkerja	8,872	8,527 (96.1%)	8,030 (90.5%)
Kompleks	>16 – 365 hari	1,637	1,227 (75.0%)	-
Jumlah		10,509	9,754 (92.8%)	

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

Analisis aduan KKM dibuat berdasarkan kategori aduan yang diterima melalui Sistem Aduan Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) seperti **Jadual 13.5**.

Jadual 13.5
Jumlah Peratusan Aduan Mengikut Kategori Isu Tahun 2022

Kategori Aduan	Peratusan
Pengurusan Pesakit	53.5
Kualiti Perkhidmatan Tadbir Urus	17.4
Pengurusan Pentadbiran	14.8
Kesihatan Awam	7.0
Kemudahan Awam	3.9
Kemudahan Klinikal	1.7
Perkhidmatan Farmasi	1.5
Perkhidmatan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan	0.2

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

KKM telah melepasi sasaran KPI bagi tahun 2022. Bagi KPI pertama iaitu kadar penyelesaian maklum balas aduan kategori Biasa, KKM telah mencapai 90.5 peratus berbanding sasaran 85 peratus. Manakala bagi KPI kedua iaitu kadar penyelesaian maklum balas bukan aduan (tidak termasuk pelaporan), KKM telah mencapai 95.1 peratus berbanding sasaran 90 peratus. Pencapaian ini diperincikan dalam **Jadual 13.6**.

Jadual 13.6
KPI Tahun 2022

Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
Kadar Penyelesaian Aduan Kategori Biasa dalam tempoh 15 hari bekerja	85	90.5
Kadar Penyelesaian Bukan Aduan (kecuali Pelaporan) dalam tempoh 15 hari bekerja	90	95.1

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

SEKSYEN PENTADBIRAN

Seksyen Pentadbiran merupakan sebuah seksyen yang mengurus dan melaksanakan urusan-urusan yang berkaitan pentadbiran, sumber manusia, kewangan, penjawatan, aset dan keselamatan dari semasa ke semasa. Pada tahun 2022, seksyen ini telah mengadakan dua (2) program iaitu Bengkel *Neuro Linguistic Programming* (NLP) dan Program *Team Building* dan Pengukuhan UKK.

Bengkel NLP telah diadakan pada 20 hingga 21 Oktober 2022 bertempat di Hotel Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan. Bengkel ini dihadiri seramai 32 orang yang terdiri daripada kakitangan-kakitangan pelbagai jawatan dari bahagian berlainan di KKM. Bengkel NLP diadakan bertujuan untuk meningkatkan kompetensi dalam prospek amalan penjawat awam yang membawa impak terhadap organisasi bagi mewujudkan dan mengekalkan imej serta reputasi yang berkesan.

Imej 13.12
Bengkel NLP



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM



The background of the slide is a composite image. The top half shows two hands in light blue business suits shaking over a bright, hazy city skyline. The bottom half shows two hands, one in a white shirt and one in a dark skin tone, shaking over a similar city skyline. A dark purple horizontal band is positioned across the middle of the image, containing the chapter title in white text.

BAB 14

DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) terdiri daripada tiga (3) cawangan iaitu Cawangan Dasar dan Perancangan Strategik; Cawangan Kabinet dan Keurusetiaan; dan Cawangan Antarabangsa. Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan hal-hal berikut:


- Penggubalan dan pelaksanaan dasar kesihatan awam semasa;
- Sebagai **focal point** dalam hubungan antarabangsa dan pembangunan industri kesihatan;
- Penyelarasan isu-isu perdagangan antarabangsa;
- Memastikan kepentingan berkaitan kesihatan Malaysia disuarakan dan dilindungi secara diplomasi melalui mekanisme instrumen undang-undang antarabangsa;
- Penyelarasan Kertas Jemaah Menteri; dan
- Sekretariat Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM, termasuk Mesyuarat Pasca Kabinet KKM.

HAL EHWAL KABINET

BDHA telah menyelaraskan sembilan (9) Nota Jemaah Menteri dan 30 Memorandum untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bahagian juga telah menyelaraskan dan mengemukakan input bagi 94 ulasan untuk memorandum daripada kementerian lain serta 30 maklum balas minit Mesyuarat Jemaah Menteri.

MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI KKM

Mesyuarat Pasca Kabinet dan Mesyuarat Pengurusan Khas KKM merupakan antara mesyuarat peringkat tertinggi yang diuruskan oleh BDHA.



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

WEBINAR RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKe-12) KKM - SIRI KETIGA DAN KEEMPAT

Pada tahun 2022, BDHA dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Unit Komunikasi Korporat telah menganjurkan dua (2) siri webinar RMKe-12 peringkat KKM. Siri ini melibatkan pengurusan tertinggi KKM sebagai panel bersama panel jemputan luar daripada pelbagai latar belakang seperti akademik, sektor swasta dan NGO. Siri webinar ini adalah untuk mempromosikan perancangan pembangunan kerajaan yang berkaitan sektor kesihatan dalam tempoh RMKe-12.

Imej 14.1



Sesi FGD bagi penjajaran semula pelaksanaan inisiatif KKM dalam Dasar 4IR Negara telah diadakan dengan kerjasama MyDIGITAL Corporation pada 23 hingga 24 Mei 2022.

Imej 14.2



DASAR PENYERTAAN EKUITI ASING DALAM KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

Selaras dengan perkembangan industri kesihatan negara, KKM sedang mengkaji semula Dasar Penyertaan Ekuiti Asing Dalam Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta yang wujud sejak 2014.

BDHA telah melaksanakan beberapa sesi libat urus sebagai sebahagian proses Analisa Impak Peraturan (RIA) untuk mendapatkan pandangan pihak berkepentingan sebagai asas dalam menentukan dasar yang lebih relevan. Sesi libat urus pertama telah diadakan dengan pihak persatuan pada 27 September 2022. Manakala sesi libat urus kedua dengan pihak industri telah diadakan pada 21 Oktober 2022, terutamanya dengan syarikat-syarikat di Lembah Klang. Seterusnya, pada 9 November 2022, webinar membabitkan pihak industri dari seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak telah diadakan.

Imej 14.3

Sesi Libat Urus Dasar Penyertaan Ekuiti Asing dalam Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

KKM telah menjalinkan hubungan kerjasama dua hala strategik yang dizahirkan melalui MoU dengan pelbagai negara. Tiga (3) MoU yang telah dimeterai pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

- MoU antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China bagi Kerjasama dalam Bidang Perubatan Tradisional pada 31 Mac 2022;
- MoU antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Turkiye bagi Kerjasama dalam Bidang Kesihatan pada 7 Julai 2022; dan
- MoU antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Palestin bagi Kerjasama dalam Bidang Kesihatan pada 23 September 2022.

Image 14.4

MoU pada Tahun 2022



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

MOU ANTARA KKM DAN IHH HEALTHCARE BAGI RAWATAN PESAKIT KERAJAAN DENGAN PERKHIDMATAN RADIOTERAPI DALAM RANGKAIAN HOSPITAL IHH HEALTHCARE DI MALAYSIA

KKM telah menandatangani MoU dengan IHH Healthcare pada 14 September 2022. IHH Healthcare akan menyediakan perkhidmatan radioterapi, stereotaktik radiosurgeri dan stereotaktik radioterapi kepada 500 pesakit kanser, terutamanya bagi golongan B40, di tujuh (7) hospital dalam rangkaian IHH Healthcare untuk tempoh selama 12 bulan. Sumbangan bersifat tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini dianggarkan bernilai RM6.38 juta.

Imej 14.5 Majlis Menandatangani MoU antara KKM dengan IHH Healthcare



Ihsan: Facebook Rasmi KKM

SUMBANGAN KEPADA NEGARA LUAR

BDHA telah menyelaraskan beberapa program sumbangan vaksin COVID-19 dan ubat-ubatan kepada negara yang memerlukan. Program sumbangan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. 500,000 dos vaksin COVID-19 jenis AstraZeneca kepada negara Myanmar melalui pihak Malaysia – Myanmar Business Council pada 21 April 2022;
- ii. 500,000 dos vaksin COVID-19 jenis Covilo (Sinopharm) kepada negara Republik Demokratik Rakyat Laos melalui pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Vientiane pada 20 Jun 2022;
- iii. Bantuan ubat-ubatan kepada negara Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka pada 31 Oktober 2022; dan
- iv. Bantuan ubat-ubatan kepada negara Ukraine pada 9 Disember 2022.

SUMBANGAN DARIPADA NEGARA LUAR

Sumbangan vaksin COVID-19 yang telah diterima daripada negara luar adalah seperti berikut:

- i. 1,000,000 dos vaksin COVID-19 jenis Sinovac CoronaVac daripada Republik Rakyat China pada 24 Januari 2022;
- ii. 1,000,000 dos vaksin COVID-19 jenis Sinopharm daripada Emiriah Arab Bersatu yang diterima dalam dua (2) kelompok pada 25 Januari dan 24 Februari 2022; dan
- iii. Bantuan perubatan dan perkakasan rantai sejuk daripada Kerajaan Jepun di bawah *Last One Mile Support* melalui UNICEF.

Imej 14.6 Sumbangan daripada Negara Luar



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

LAWATAN KERJA RASMI

BDHA telah menyelaraskan lawatan kerja rasmi delegasi kenamaan luar negara ke KKM serta lawatan delegasi KKM ke luar negara yang diketuai oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan. Berikut adalah senarai lawatan kerja rasmi yang telah diadakan pada tahun 2022:

Jadual 14.1
Lawatan Kerja Rasmi pada Tahun 2022

Lawatan Delegasi Luar Negara Ke KKM	
Lawatan kerja oleh <i>Naval Medical Research Unit Two</i> (NAMRU 2) ke IMR	24 Februari 2022
Lawatan kerja rasmi Mr. Ong Ye Kung, Menteri Kesihatan Republik Singapura dan Delegasi	23 - 25 Mac 2022
Lawatan Delegasi KKM Ke Luar Negara	
Lawatan kerja rasmi Menteri Kesihatan ke Geneva bagi menyertai <i>150th Executive Board Meeting</i>	30 Januari 2022
Lawatan kerja rasmi Timbalan Menteri Kesihatan II bagi menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-15 di Bali, Indonesia	11 - 15 Mei 2022
Lawatan kerja rasmi Menteri Kesihatan ke Geneva bagi menyertai Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) ke-75, <i>151st Executive Board Meeting</i> dan <i>World Economic Forum (WEF)</i>	22 - 28 Mei 2022
Lawatan kerja rasmi Menteri Kesihatan bagi menyertai Program Lee Kuan Yew <i>Exchange Fellowship</i> (LKYE) dan <i>Asia Tech x Singapore</i> (ATxSG)	30 Mei -3 Jun 2022
Lawatan kerja rasmi Menteri Kesihatan bagi menyertai <i>Lawatan Bilateral Kesihatan Berhubung Penggunaan Kanabis dan Ketum Bagi Tujuan Kesihatan</i> serta Mesyuarat Peringkat Tertinggi Kesihatan dan APEC di Bangkok, Thailand	22 - 26 Ogos 2022
Lawatan kerja rasmi Menteri Kesihatan ke Manila bagi menyertai Mesyuarat Jawatankuasa Rantau Pasifik Barat WHO ke-73	24 - 28 Oktober 2022

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

Imej 14.7 Lawatan Kerja Rasmi KKM pada Tahun 2022



Menteri Kesihatan berucap di Perhimpunan WHO ke-75 di Geneva, Switzerland



Lawatan kerja rasmi Timbalan Menteri Kesihatan II bagi menyertai Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-15 di Bali, Indonesia

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

KUNJUNGAN HORMAT

BDHA juga bertanggungjawab menyelaras kunjungan hormat daripada pelbagai delegasi luar negara kepada Menteri Kesihatan, Timbalan Menteri Kesihatan dan pengurusan tertinggi KKM. Senarai kunjungan hormat yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jadual 14.2 Kunjungan Hormat pada Tahun 2022

Kunjungan Hormat Kepada Menteri Kesihatan	
Kunjungan hormat daripada TYT Dr. Merve Kavakci, Duta Besar Turki	17 Januari 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Ali Asghar Mohammadi, Duta Besar Republik Islamik Iran	20 Januari 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Joachim Bergström, Duta Besar Sweden	24 Februari 2022
Kunjungan hormat daripada D. Rabindra Abeyasinghe, wakil WHO ke Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam	12 April 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Roland Galharague, Duta Besar Perancis	21 April 2022
Kunjungan Hormat Kepada Menteri Kesihatan	
Kunjungan hormat daripada Delegasi EU-ASEAN <i>Business Council</i>	7 Jun 2022
Kunjungan hormat oleh <i>United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR)</i>	21 Jun 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Lars Bo Larsen, Duta Besar Denmark	5 Julai 2022

Kunjungan Hormat Kepada Menteri Kesihatan	
Kunjungan hormat daripada H.E. Mr. Phiphat Ratchakitprakarn, Menteri Pelancongan dan Sukan Thailand	1 Ogos 2022:
Kunjungan hormat daripada Ms. Kiran Mazumdar Shaw, Pengerusi Biocon Group, Republik India	2 Ogos 2022
Kunjungan hormat daripada UNICEF	1 September 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Lars Bo Larsen, Duta Besar Denmark	20 September 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Dato Mahmud Saidin, Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia	28 September 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Wayne Mitchell Robson, Pesuruhjaya Tinggi Kanada	3 Oktober 2022
Kunjungan Hormat Kepada Timbalan Menteri Kesihatan	
Kunjungan hormat daripada PYT Marjolijn Sonnemaa, Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Netherlands	13 Jun 2022
Kunjungan hormat daripada Professor Dr. Teyfik Demir, Penasihat kepada Menteri Kesihatan Republik Turkiye	22 Jun 2022
Kunjungan hormat daripada TYT Abraham K. Korvah Sr, Timbalan Menteri Kerjasama Antarabangsa dan Integrasi Ekonomi Liberia	25 Ogos 2022
Kunjungan hormat, Mr. Raul Thomas Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Perniagaan), WHO	6 Oktober 2022
Kunjungan Hormat Kepada Pengurusan Tertinggi	
Kunjungan hormat daripada H.E. Mr. Vaidya Rajesh Kotecha, Setiausaha Kementerian Ayurveda, Yoga dan Naturopathy, Unani, Siddha dan Homeopathy (AYUSH), Republik India kepada Ketua Setiausaha KKM	16 November 2022

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

Imej 14.8 Kunjungan Hormat KKM pada Tahun 2022



Kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam kepada Menteri Kesihatan




Kunjungan hormat daripada Timbalan Pengarah (Business Operations), WHO, Encik Raul Thomas kepada Timbalan Menteri Kesihatan I

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

HALA TUJU

Walaupun Malaysia kini telah berada di fasa peralihan ke endemik, cabaran dan pengalaman yang dilalui wajar dijadikan iktibar dan panduan dalam mengorak langkah pemulihan yang holistik. Bahagian ini akan tetap fokus dan komited dalam memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan KKM terus responsif dan relevan.





BAB 15

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) terdiri daripada satu (1) Penasihat Undang-Undang, tujuh (7) Peguam Kanan Persekutuan, enam (6) Peguam Persekutuan, dua (2) Penolong Pegawai Undang-Undang, serta sembilan (9) staf sokongan. Sebagai wakil Jabatan Peguam Negara di KKM, Pejabat PUU sentiasa komited dalam melaksanakan tugas untuk memberi nasihat perundangan, menyemak draf undang-undang dan dokumen perundangan serta mewakili KKM berhubung tindakan sivil atau jenayah.

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Pada tahun 2022, Pejabat PUU telah menghadiri sebanyak 705 mesyuarat, menyemak sebanyak 2,042 dokumen perundangan, menyediakan 453 nasihat perundangan dan menggubal 26 Rang Undang-Undang, Rang Undang-Undang Pindaan serta perundangan subsidiari. Pejabat PUU juga telah mengendalikan sebanyak 22 kes pendakwaan terhadap kesalahan jenayah di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] serta memfailkan 46 kes tuntutan sivil di mahkamah. Sepanjang tahun 2022, jumlah wang yang berjaya dikutip melalui tuntutan sivil adalah RM1,062,473.78.

Selain itu, Pejabat PUU turut terlibat dalam penggubalan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok dan Rang Undang-Undang Kualiti Air Minum selain daripada Akta Racun (Pindaan) 2022 [Akta A 1666] yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2023.

Imej 15.1
Bengkel Penyelarasan Kontrak dan



Sumber: Pejabat Penasihat Undang-Undang, KKM



BAB 16

INTEGRITI

AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2022, Unit Integriti telah menerima sebanyak 304 aduan melibatkan beberapa kategori iaitu (5) aduan Jenayah, 114 aduan tatakelakuan dan 185 aduan pelanggaran etika atau organisasi.

Selain itu, sejumlah 333 laporan tatakelakuan telah diterima dengan 98 kes telah dibawa untuk pertimbangan dan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) KKM, 56 kes dikemukakan ke PBTT Jabatan Perkhidmatan Awam, 10 kes ke PBTT Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan selebihnya masih dalam penentuan pengerusi atau kertas prima facie serta prosiding. Naziran tatatertib turut dilaksanakan di fasiliti KKM yang mempunyai Lembaga Tatatertib bertujuan sebagai platform kepada pihak jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan menambah baik kelemahan yang telah dikenal pasti hasil daripada dapatan naziran.

Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF) telah ditubuhkan pada 13 Mei 2022 dan dibantu sepenuhnya oleh Unit Integriti. Tujuan penubuhan ini ialah untuk menganalisis maklumat dan input daripada siasatan insiden kematian seorang Pegawai Perubatan Siswazah di Hospital Pulau Pinang pada 17 April 2022. HWCITF yang dianggotai oleh sembilan (9) pakar daripada pelbagai bidang telah membuat kajian dan penilaian tentang budaya kerja KKM, menganalisis laporan pengesanan dan pengesanan insiden kematian tersebut, menyediakan laporan serta syor penambahbaikan. Laporan HWCITF telah diserahkan kepada Menteri Kesihatan dan turut dibentangkan dalam sidang media khas pada 17 Ogos 2022.

Imej 16.1

Pasukan Petugas Khas Bagi Penambahbaikan Budaya Kerja Perkhidmatan Kesihatan (HWCITF)



Sumber: Unit Integriti, KKM

Unit Integriti juga aktif dalam mempromosikan dan membudayakan integriti dalam kalangan warga KKM dengan menganjurkan tiga (3) siri Program Bicara Integriti. Unit ini turut menghebahkan mesej integriti kepada warga KKM dengan mengedarkan 14 siri poster dan video kesedaran integriti melalui *postmaster* KKM.

Imej 16.2 Program Kesedaran dan Mesej Integriti



Sumber: Unit Integriti, KKM

Sejumlah lima (5) semakan pematuhan jabatan mendapati 19 tadbir urus baik yang diamalkan di semua jabatan dan 14 syor penambahbaikan untuk tindakan lanjut. Unit Integriti juga telah memantau pematuhan perisytiharan harta pegawai KKM dan menjalankan beberapa aktiviti pemantauan perisytiharan harta termasuk membentangkan status pencapaian KPI. Pada tahun 2022, KKM telah berjaya mencapai KPI 100 peratus perisytiharan harta melibatkan 249,635 pegawai KKM.

KKM telah berjaya memperoleh pensijilan semula MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) untuk tempoh 26 Jun 2022 hingga 25 Jun 2025 sebagai inisiatif untuk pengiktirafan piawaian terbaik dalam pengurusan risiko rasuah,



BAB 17

PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN



PENGENALAN

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) ialah sebuah agensi badan berkanun persekutuan di bawah KKM yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 [*Akta 738*] untuk melaksanakan dan menguatkuasakan rangka kerja kawal selia peranti perubatan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012 [*Akta 737*]. Objektif utama Akta ini adalah untuk menangani isu kesihatan dan keselamatan awam yang berkaitan dengan peranti perubatan dan untuk memudahkan perdagangan dan industri peranti perubatan dengan menjalankan fungsi berikut:

- i. Untuk mendaftar peranti perubatan dan Badan Penilaian Pematuhan (CAB), untuk mengeluarkan lesen establismen, dan untuk menjalankan pemantauan dan pengawasan pascapasaran, kawalan iklan dan aktiviti penguatkuasaan;
- ii. Untuk melaksanakan, menguatkuasakan, menilai dan mencadangkan penambahbaikan kepada undang-undang peranti perubatan;
- iii. Untuk menyelia semua hal peranti perubatan yang melibatkan industri dan aktiviti;
- iv. Untuk menggalakkan pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktiviti termasuk penyelidikan dan latihan;
- v. Untuk menyediakan perundingan, nasihat dan sebarang perkhidmatan lain yang melibatkan industri peranti perubatan dan aktiviti;
- vi. Untuk mengenakan fi atau sebarang caj ke atas penyediaan perkhidmatannya.

Seperti yang diperuntukkan di bawah Akta 738, MDA dipantau oleh Lembaga Pengarah yang diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan, sebagai Pengerusi dan ahli yang terdiri daripada Ketua Eksekutif MDA, seorang wakil masing-masing daripada KKM dan MOF serta lima (5) anggota lain yang dilantik oleh Menteri Kesihatan. Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi MDA.

PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN DAN PELESENAN ESTABLISMEN

Pendaftaran peranti perubatan adalah salah satu peruntukan utama di bawah Akta 737 dan Peraturan Peranti Perubatan 2012. Pendaftaran peranti perubatan di sini memerlukan keselamatan dan prestasi peranti perubatan untuk dinilai oleh MDA pada peringkat prapasaran, sebelum membenarkan peranti perubatan itu diletakkan dalam pasaran. Pemegang pendaftaran perlu memaklumkan MDA tentang sebarang perubahan yang perlu dibuat pada peranti perubatan berdaftar.

Pendaftaran peranti perubatan adalah sah untuk tempoh lima (5) tahun dan untuk meneruskan penempatan peranti perubatan, pemegang pendaftaran dikehendaki memohon pendaftaran semula peranti perubatan tersebut. Pada tahun 2022, MDA telah memproses sejumlah 7,236 permohonan pendaftaran baharu peranti perubatan di mana 4,581 permohonan telah berjaya diproses dan sijil pendaftaran peranti perubatan dikeluarkan. Bagi 5,603 permohonan peranti perubatan didaftar semula, 3,453 permohonan telah diproses dan sijil dikeluarkan seperti **Jadual 17.1**.

Jadual 17.1
Pendaftaran Peranti Perubatan dan Pendaftaran Semula Mengikut Klasifikasi Risiko
pada Tahun 2022

Klasifikasi Risiko	Peranti Perubatan Yang Berdaftar	Peranti Perubatan Didaftar Semula
Kelas A	2,179	1,160
Kelas B	1,042	1,106
Kelas C	987	778
Kelas D	373	409
JUMLAH	4,581	3,453

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

Establismen yang bercadang untuk menempatkan peranti perubatan di pasaran hendaklah mendapatkan lesen establismen yang sah dan hendaklah menjalankan tugas dan obligasi yang dikenakan di bawah Akta 737 dan Peraturan Peranti Perubatan 2012. Lesen establismen itu sah untuk tempoh tiga (3) tahun dan pembaharuan lesen sebelum tamat tempoh. Establismen itu juga perlu memaklumkan MDA untuk sebarang pindaan pada lesen dan perubahan pemilikan peranti perubatan yang didaftarkan.

Pada tahun 2022, 619 lesen establismen baharu dikeluarkan, 614 lesen establismen diperbaharui, 400 lesen dipinda dan 513 pertukaran pemilikan peranti perubatan juga telah diluluskan.

CAB ialah badan yang didaftarkan oleh MDA untuk menilai dan memperakui pematuhan sistem pengurusan kualiti sesebuah establismen dan peranti perubatan kepada keperluan kawal selia di bawah Akta 737 dan Peraturan Peranti Perubatan 2012. Kesahihan pendaftaran CAB sah selama tiga (3) tahun dan CAB hendaklah memohon pendaftaran semula untuk meneruskan aktiviti penilaian pematuhannya. Selain pendaftaran dan pendaftaran semula, MDA juga meluluskan kakitangan teknikal dan menjalankan aktiviti pemeriksaan untuk memastikan CAB sentiasa mematuhi keperluan kawal selia dan aktiviti penilaian pematuhan dijalankan mengikut peraturan.

PEMANTAUAN & PENGAWASAN PASCAPASARAN, KAWALAN IKLAN DAN PENGUATKUASAAN

Pemantauan dan pengawasan pascapasaran, kawalan iklan dan aktiviti penguatkuasaan telah dijalankan di peringkat pascapasaran, apabila peranti perubatan telah didaftarkan dan dibenarkan untuk pasaran. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan establismen menjalankan tugas dan kewajipan pascapasaran di bawah Akta 737, Peraturan Peranti Perubatan (Tugas dan Kewajipan Establismen) 2019 dan Peraturan Peranti Perubatan (Pengiklanan) 2019 untuk memastikan keselamatan dan prestasi berterusan peranti perubatan berdaftar yang terdapat dalam pasaran. Aktiviti pascapasaran yang dijalankan dan pencapaian seperti **Jadual 17.2**.

Jadual 17.2
Aktiviti Pascapasaran Pada Tahun 2022

Aktiviti	Jumlah
Mengenalpasti insiden berdasarkan penilaian aduan mengenai keselamatan dan prestasi peranti perubatan	25 insiden daripada 61 aduan
Penilaian laporan tindakan pembetulan lapangan	542
Penilaian panggilan balik peranti perubatan	64
Lawatan siasatan aduan dan insiden	536
Kesedaran mengenai elemen pascapasaran kepada establismen dan CAB	23
Pemeriksaan pematuhan ke atas establismen	15

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

Aktiviti penguatkuasaan dijalankan apabila aduan diterima dan disusuli dengan pemeriksaan, pengeluaran surat amaran, serbuan dan rampasan seperti **Jadual 17.3**.

Jadual 17.3
Aktiviti Penguatkuasaan pada Tahun 2022

Aktiviti	Jumlah
Aduan diterima	202
Pemeriksaan dan pemerhatian	536
Pemeriksaan (Kit Ujian Kendiri COVID-19 dan oksimeter)	51
Pengeluaran surat amaran	94
Serbuan dan rampasan	3
Menurunkan pautan perdagangan peranti perubatan atas talian	1,653
Aduan diselesaikan	85

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

PENGELUARAN SIJIL DAN SURAT UNTUK EKSPORT PERANTI PERUBATAN

MDA juga memainkan peranan untuk memudahkan pengeksportan peranti perubatan dengan mengeluarkan Sijil Penjualan Bebas (CFS), Sijil Pengilangan (MC) dan Surat Notifikasi Keperluan Negara Pengimport. Bilangan sijil dan surat notifikasi yang dikeluarkan oleh MDA untuk memudahkan pengeksportan peranti perubatan pada tahun 2022 adalah seperti **Jadual 17.4**.

Jadual 17.4
Sijil dan Surat Notifikasi untuk Eksport Peranti Perubatan pada Tahun 2022

Aktiviti	Jumlah
Pengeluaran CFS atau MC	1,309
Permohonan penilaian CFS untuk tujuan eksport sahaja	195
Permohonan penilaian MC	14
Pengeluaran surat notifikasi untuk eksport sahaja	165
Pengeluaran surat notifikasi untuk eksport semula	5

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

MEDIA DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pada tahun 2022, MDA melaksanakan strategi yang diperkuatkan untuk berkomunikasi secara efektif dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai platform, termasuk program kesedaran, media utama, dan media sosial. Dua (2) program kesedaran telah diadakan oleh MDA di Sabah dan Sarawak untuk menggalakkan kesedaran dan pemahaman dalam kalangan orang awam.

Bagi pengguna Akta 737 seperti pengamal perubatan, doktor, dan jururawat, MDA telah menjalankan enam (6) program di Johor, Kedah, Sabah, Sarawak, dan Kelantan. Program-program ini secara khusus menangani keperluan dan kebimbangan kumpulan profesional ini.

MDA mengakui kepentingan mengumpul maklum balas daripada orang awam. Untuk memudahkan ini, terdapat dua (2) medium yang disediakan: Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan Sistem Pengurusan Maklum Balas MDA (MDAFEMES). Pada tahun 2022, sebanyak 58 maklum balas melalui SISPAA dan 626 melalui MDAFEMES diterima, membolehkan mereka menangani masalah dan meningkatkan perkhidmatan mereka.

Media sosial dan laman web rasmi MDA memainkan peranan penting dalam menyediakan maklumat terkini dan tepat kepada pihak berkepentingan. Pada tahun 2022, MDA memuat naik 294 posting di platform media sosial mereka (Facebook dan Instagram) dan berkongsi 27 video di saluran YouTube untuk memastikan penglibatan dan penyebaran maklumat yang relevan berterusan.

HALA TUJU

Kepesatan penghasilan peranti perubatan yang berteknologi tinggi dan berinovatif ini menjadi cabaran utama bagi badan-badan kawalselia peranti perubatan dunia termasuk MDA. Pengaplikasian teknologi baru seperti *Artificial Intelligence (AI)* dan *Machine Learning* di dalam peranti perubatan memberi banyak kelebihan kepada sistem kesihatan negara dengan menawarkan banyak pilihan rawatan yang lebih baik. Oleh itu, MDA perlu bergerak pantas ke hadapan seiring dengan kepesatan teknologi yang berlaku di serata dunia dan perlu bersedia dalam mengawalselia peranti perubatan berteknologi baharu.

Selain itu, MDA berhadapan dengan cabaran dari segi perbezaan keperluan perundangan peranti perubatan di antara Malaysia dan negara-negara luar yang turut menjadi kekangan dalam memberikan pengiktirafan peranti perubatan di peringkat antabangsa dan halangan perdagangan antara negara-negara luar turut menjadi cabaran di peringkat global. Halangan-halangan yang berpotensi ini adalah merupakan perkara lazim kerana setiap negara mempunyai perundangan masing-masing.

Perancangan yang lebih teliti dan menyeluruh juga perlu dibuat dalam usaha memperkukuhkan sistem regulatori peranti perubatan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan pada masa hadapan selaras dengan visi MDA supaya menjadi satu badan kawal selia yang diiktiraf dunia. Bagi mencapai visi, MDA telah mengenal pasti misinya melalui Pelan Strategik MDA 2019 - 2023.

BAB 18

MAJLIS PELANCONGAN KESIHATAN MALAYSIA (MHTC)




PENGENALAN

Industri pelancongan penjagaan kesihatan Malaysia kini berada di landasan yang baik ke arah pemulihan pasca-pandemik. Di bawah bimbingan KKM, Perkongsian Awam-Swasta (PPP) merupakan tunjang strategik dalam membantu pemulihan dan peralihan pantas industri ke arah endemik. Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) bersama penggiat industri telah meningkatkan kerjasama dalam menyediakan penjagaan yang berterusan kepada pesakit dan melaksanakan langkah-langkah proaktif. Ini telah mewujudkan asas yang kukuh bagi industri untuk beralih ke fasa Pembinaan Semula pada tahun 2023 seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan Industri Pelancongan Kesihatan Malaysia 2021-2025.

Industri pelancongan penjagaan kesihatan Malaysia telah mencapai peningkatan lebih daripada 100 peratus dalam hasil pendapatan Pelancongan Kesihatan (HT) pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya, melepasi RM1.3 bilion, mencecah lebih 76 peratus daripada prestasi pra-pandemik pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM1.7 bilion. Industri ini berjaya melepasi sasaran RM1 bilion yang ditetapkan untuk tahun 2022, menyumbang lebih daripada RM5 bilion dari segi impak ekonomi yang merangkumi perjalanan udara, penginapan, makanan dan minuman, aktiviti riadah dan banyak lagi. Industri ini merekodkan kadar pemulihan yang menggalakkan, melepasi kadar pemulihan pelancongan global dan Asia Pasifik iaitu sebanyak 63 peratus dan 23 peratus.

Rajah 18.1
Hasil Pendapatan Pelancongan Penjagaan Kesihatan pada Tahun 2022



Nota: Data daripada PIK adalah sehingga Februari 2022

Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

Dengan pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society*, pencapaian ini adalah hasil daripada kejayaan dalam melaksanakan usaha pemulihan melibatkan seluruh industri yang memberi tumpuan kepada tiga (3) tonggak strategik utama yang digariskan dalam rangka tindakan industri iaitu ekosistem perjalanan kesihatan, jenama *Malaysia Healthcare* dan pasaran yang akan mempertingkatkan kelancaran pengalaman perjalanan pesakit dari awal hingga akhir serta memacu kedudukan Malaysia sebagai destinasi yang selamat dan dipercayai.

EKOSISTEM PERJALANAN KESIHATAN

Selaras dengan komitmen Malaysia Healthcare dalam menyediakan pengalaman perjalanan penjagaan kesihatan yang lancar dari hujung ke hujung, MHTC bekerjasama dengan pelbagai rakan strategik tempatan, serantau, dan antarabangsa untuk mengukuhkan lagi ekosistem Malaysia Healthcare dengan mencari peluang baharu dalam mewujudkan lebih banyak kolaborasi strategik dan penggunaan penyelesaian digital.

MEMPERTINGKATKAN PENGALAMAN DAN KELANCARAN PERJALANAN PESAKIT MENERUSI KERJASAMA

Pada tahun 2022, MHTC telah mengembangkan lagi Program Keahlian Hospital dan memperkenalkan Program Keahlian *Affiliate* yang bertujuan untuk meningkatkan pengalaman penjagaan kesihatan secara menyeluruh bagi pelancong kesihatan dengan memperkasakan fasilitator pelancongan perubatan berkualiti tinggi.

Rajah 18.2
Ahli Elit yang Diiktiraf oleh Perbadanan Antarabangsa



Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

Usaha kerjasama MHTC dengan Jabatan Imigresen Malaysia telah membawa kepada pengenalan semula eVISA (Perubatan), iaitu visa elektronik untuk tujuan perubatan yang akan memudahkan kemasukan pelancong penjagaan kesihatan yang ingin mendapatkan rawatan perubatan di hospital swasta di Malaysia. Platform ini menyediakan proses permohonan visa yang lebih mudah dan kos efektif buat pelancong kesihatan dan pengiring serta meningkatkan kelancaran proses kemasukan dalam negara.

MHTC juga telah menjalin beberapa kerjasama strategik dengan pelbagai penggiat industri tempatan, serantau dan global yang dirasmikan dengan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) untuk menyediakan platform perkongsian pengetahuan, meningkatkan kemahiran penggiat industri, dan membudayakan inovasi digital.

Rajah 18.3

Rakan Kerjasama Strategik MHTC Pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

Sebagai sebahagian daripada komitmen untuk meningkatkan ketahanan industri dan memperkukuhkan ekosistem perjalanan kesihatan Malaysia di masa akan datang, MHTC telah memperkenalkan platform pembangunan kapasiti dan kerjasama seperti:


- i. **Jawatankuasa Pelancongan Perubatan Negeri:** Bekerjasama rapat dengan badan pelancongan negeri untuk memperkukuhkan tawaran pelancongan penjagaan kesihatan dengan menggabungkan pelancongan dan kesihatan serta meningkatkan ekosistem pelancongan penjagaan kesihatan semasa.
- ii. **Program Latihan Fasilitator Pelancongan Penjagaan Kesihatan:** Program pembangunan kapasiti yang bertujuan untuk mempersiapkan agen pelancongan tempatan dan antarabangsa dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pelancong perubatan. Program ini juga menyediakan rangkaian dan padanan perniagaan dengan ahli hospital MHTC bagi mewujudkan peluang untuk penjanaan pendapatan.
 - MHTC telah menjalankan sesi latihan dengan kerjasama Persatuan Agen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), Persatuan Penggalakan Pelancongan Inbound Cina Malaysia (MICA) dan Persatuan Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Malaysia (MiTDA).
- iii. **Program Kesejahteraan Premium:** MHTC bekerjasama dengan hotel, hospital, penggiat industri pelancongan dan pengendali program kesejahteraan untuk memperkenalkan pakej Kesejahteraan Premium dan memperkenalkan elemen penjagaan preventif dalam tawaran *Malaysia Healthcare*. Antara kolaborasi yang telah dijalankan termasuk Prince Court Medical Centre dengan The RuMa Hotel dan Banyan Tree, Dorsett Grand Subang Hotel dengan Subang Jaya Medical Centre dan Ascott Kuala Lumpur dengan Gleneagles Kuala Lumpur.

PROGRAM FLAGSHIP MEDICAL TOURISM HOSPITAL

Program *Flagship Medical Tourism Hospital* adalah inisiatif yang pertama seumpamanya, bertujuan untuk mewujudkan ikon pelancongan perubatan yang terkemuka di peringkat global. Program ini dapat meningkatkan profil kesihatan global Malaysia dalam menyediakan pengalaman pesakit yang cemerlang.

Rajah 18.4

Kemajuan Program *Flagship Medical Tourism Hospital* pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

ONE-STOP-PORTAL (OSP)

MHTC telah membangunkan OSP yang berfungsi sebagai pintu gerbang digital yang dipercayai bagi pelancong kesihatan. OSP berfungsi sebagai alat promosi untuk memaparkan tawaran kesihatan dan pakej-pakej kesihatan di Malaysia, serta pusat maklumat yang memudahkan pelancong kesihatan merancang perjalanan kesihatan mereka secara menyeluruh.

JENAMA MALAYSIA HEALTHCARE

MHTC juga mengambil pendekatan yang holistik dalam pengurusan jenama untuk memastikan identiti jenama yang konsisten dalam ekosistem pelancongan kesihatan dan meningkatkan keberkesanan dalam mewujudkan kesedaran terhadap jenama di pasaran sasaran.

KEMPEN *EXPERIENCE MALAYSIA HEALTHCARE*

MHTC telah melancarkan kempen *Experience Malaysia Healthcare* untuk kekal aktif di pasaran dan mengukuhkan kedudukan jenama *Malaysia Healthcare* melalui inisiatif pemasaran yang strategik. Melalui kempen ini, lima (5) aspek penting jenama *Malaysia Healthcare* iaitu Kualiti, Aksesibiliti, Harga yang Berpatutan, Komunikasi dan Hospitaliti dengan mesej *Experience True Care, Experience Malaysia Healthcare*. Kempen ini telah diubahsuai secara strategik mengikut kesesuaian dengan pasaran utama dengan terjemahan ke Bahasa Indonesia dan Mandarin agar pesakit berasa lebih selesa, membina kepercayaan, dan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh. Melalui beberapa siri aktiviti digital, seperti pertandingan media sosial, siri pengalaman maya *Malaysia Healthcare* dan Minggu Virtual *Malaysia Healthcare*, kempen ini lebih santai dan bertumpukan pada gaya hidup untuk mempromosikan advokasi kesihatan.

Rajah 18.5
Nilai *Public Relations* (PR), Anugerah dan Pengiktirafan pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)

PASARAN

MHTC meningkatkan kepercayaan terhadap jenama Malaysia Healthcare melalui pelbagai acara, pameran, dan hubungan Kerajaan-ke-Kerajaan (G2G). Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini yang efektif telah menyumbang kepada pemulihan industri yang pantas, mencapai lebih daripada 76 peratus tahap pendapatan pra-pandemik.

EKSPLO MALAYSIA HEALTHCARE (MHX)

Untuk memperkukuhkan kedudukan dan jangkauan *Malaysia Healthcare* di pasaran utama iaitu Indonesia, MHTC telah menganjurkan MH Expo di tiga (3) bandar utama iaitu Jakarta, Medan dan Surabaya. Pameran ini telah menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem *Malaysia Healthcare* termasuk hospital swasta, syarikat penerbangan, fasiliti kesihatan, agensi pelancongan dan badan pelancongan negeri di Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan tawaran tentang perkhidmatan kesihatan. Melalui MHX, MHTC telah berjaya menghasilkan 3,101 *leads* (pelanggan berpotensi), nilai anggaran RM11,022,000.00 untuk pakej kesihatan terjual dan Nilai PR RM75,636,224 untuk aktiviti publisiti.

MEMPERKUKUKAN KEHADIRAN GLOBAL

MHTC juga meneraju pelbagai inisiatif untuk memperluas jangkauan rangkaian pasaran *Malaysia Healthcare* secara proaktif dalam pasaran fokus, untuk meningkatkan syer pasaran, kelebihan bersaing dan *leads* dalam pasaran seperti yang berikut:

Rajah 18.6
Jangkauan Rangkaian Global Malaysia Healthcare pada Tahun 2022



Sumber: Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia

HALA TUJU

Pencapaian di dalam fasa pemulihan telah menetapkan asas yang kukuh untuk pelaksanaan usaha pembinaan semula industri pada tahun 2023. Justeru, industri ini berada di landasan yang baik untuk mencapai pertumbuhan yang berterusan dan mampan. MHTC optimis bahawa trajektori pendapatan industri akan kembali ke tahap pra-pandemik menjelang tahun 2024. Oleh itu, MHTC telah menyemak semula sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2023. Sasaran awal berjumlah RM1 bilion telah dinaikkan secara beransur-ansur, pada mulanya ke RM1.3 bilion, kemudian ke RM1.5 bilion, dan akhirnya kepada RM1.7 bilion, mencapai sasaran asal yang ditetapkan dalam rangka tindakan industri RM1.7 bilion pada tahun 2025, setahun lebih awal.

MHTC menasaskan untuk meningkatkan pendapatan industri sebanyak dua kali ganda menjelang tahun 2025, dengan mengekalkan sasaran Pertumbuhan Purata tahunan (CAGR) sebanyak 24 peratus, menghasilkan kesan limpahan yang signifikan kepada ekonomi Malaysia.

BAB 19
PROTECTHEALTH

PENGENALAN

ProtectHealth Corporation Sdn Bhd (ProtectHealth) ditubuhkan pada 19 Disember 2016, ialah anak syarikat milik penuh ProtectHealth Malaysia (PHM), yang ditubuhkan di bawah KKM. Sebagai sebuah syarikat tidak berasaskan keuntungan, ProtectHealth diberi mandat untuk menguruskan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40), Penyedia Perkhidmatan Elektronik (ESP) untuk Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) dan merupakan pelaksana penyertaan pengamal perubatan swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).


PeKa B40

Program PeKa B40 merupakan inisiatif kerajaan melalui KKM. Ia bertujuan untuk menampung keperluan penjagaan kesihatan golongan berpendapatan rendah dengan memberi tumpuan kepada penyakit tidak berjangkit (NCD). Program PeKa B40 ditawarkan kepada warganegara Malaysia dalam lingkungan pendapatan isi rumah 40 peratus terbawah yang dikenali sebagai kumpulan B40. Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (sebelum ini dikenali sebagai Bantuan Keluarga Malaysia) dan pasangan mereka berumur 40 tahun ke atas secara automatik layak mendapat PeKa B40.

PEMBEKAL PERKHIDMATAN PEKA B40

Selaras dengan objektif mengukuhkan perkongsian awam-swasta, sehingga 31 Disember 2022, ProtectHealth melalui PeKa B40 telah bekerjasama dengan 3,022 Pengamal Perubatan Am (GP), 962 KK, 145 Hospital KKM dan tujuh (7) syarikat makmal swasta dengan 163 cawangan secara keseluruhan di seluruh negara.

Rajah 19.1
Jumlah Penerima PeKa B40 pada Tahun 2022



Sumber: ProtectHealth

Rajah 19.2
Permohonan PeKa B40 yang Diluluskan pada Tahun 2022


PERMOHONAN MANFAAT YANG DILULUSKAN				
	MANFAAT 1: Saringan Kesihatan	MANFAAT 2: Bantuan Alat Perubatan	MANFAAT 3: Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser	MANFAAT 4: Insentif Tambang Pengakutan
	Saringan Kesihatan	Permohonan Diluluskan	Permohonan Diluluskan	Permohonan Diluluskan
2022	275,560	24,713	1,826	5,345
JUMLAH KESELURUHAN	829,016	55,577	7,933	25,620

Sumber: ProtectHealth

MANFAAT 1: SARINGAN KESIHATAN

Fokus utama PeKa B40 adalah untuk mengurangkan beban NCD melalui pemeriksaan awal dan rawatan dengan objektif untuk meluaskan akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti. Pengesanan awal NCD akan membolehkan perancangan serta pemantauan penyakit yang lebih baik dan dapat meringankan beban sistem kesihatan terutamanya impak kewangan. Pada tahun 2022, PeKa B40 telah berjaya menyaring sejumlah 275,560 penerima dan dianggarkan 43.6 peratus daripada penerima ini telah didiagnosis dengan sekurang-kurangnya satu NCD baharu.

Rajah 19.3
Keputusan Diagnosis Saringan Kesihatan PeKa B40 pada Tahun 2022



Sumber: ProtectHealth

MANFAAT 2: BANTUAN ALATAN PERUBATAN

Terdapat 10 jenis kategori bantuan alatan perubatan yang ditawarkan di bawah PeKa B40 dan setiap penerima berhak mendapat had sebanyak RM20,000 untuk seumur hidup. Pada 2022, sebanyak 24,713 permohonan bantuan alatan perubatan telah diluluskan, di mana kanta mata intraokular (IOL) mempunyai bilangan permohonan tertinggi, diikuti alat bantuan pendengaran dan *drug eluting stent* (DES).

Table 19.1
Bantuan Alatan Perubatan PeKa B40 pada Tahun 2022

Bantuan Alatan Perubatan	Jumlah
Kanta Mata Intraokular	11,967
Alat Bantuan Pendengaran	4,425
Stent untuk Jantung	1,655
Alat Sendi Tiruan	1,510
Kerusi Roda	1,447
Protesis & Ortosis Tulang Anggota	1,413
Bantuan Sokongan Nutrisi	1,036
Alat Terapi Penafasan & Oksigen concentrator	783
Prostesis & Implan Tulang Belakang	318
Perentak Jantung	160

Sumber: ProtectHealth

MANFAAT 3: INSENTIF MELENGKAPKAN RAWATAN KANSER

Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser (CCTI) bertujuan untuk menggalakkan pesakit melengkapkan rawatan kanser mereka. Insentif ini dilaksanakan melalui dua fasa bayaran dengan kadar maksimum sebanyak RM1,000 bagi setiap diagnosis kanser. 1,826 permohonan telah diluluskan pada tahun 2022 dan memberi manfaat kepada 1,656 penerima dengan nilai RM781,500 telah diagihkan.

MANFAAT 4: INSENTIF TAMBANG PENGANGKUTAN

Manfaat ini adalah untuk meningkatkan pematuhan terhadap sesi rawatan sambil mengurangkan beban kos pengangkutan semasa lawatan susulan ke hospital. Penerima manfaat yang menerima Manfaat 2 dan 3 layak mendapat insentif pengangkutan di bawah program PeKa B40. Jumlah maksimum insentif yang boleh diterima ialah RM500 untuk Semenanjung Malaysia dan RM1,000 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan. Dari 1 Januari hingga 31 Disember 2022, 5,345 permohonan telah diluluskan. Secara keseluruhannya, bagi tahun 2022, insentif pengangkutan ini telah memanfaatkan seramai 2,351 penerima dengan nilai RM595,237 telah diagihkan.

PEKA B40: PROGRAM JANGKAU LUAR (*OUTREACH*) DAN LIBAT URUS

Pada tahun 2022, ProtectHealth telah mengadakan 67 program jangkau luar (*outreach*) PeKa B40 dan 58 sesi libat urus di seluruh negara dengan penglibatan dari pelbagai agensi kerajaan, organisasi swasta dan NGO untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap program PeKa B40.

Imej 19.1
Program Jangkau Luar PeKa B40 pada Tahun 2022



PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)

PICK ialah program imunisasi berskala besar oleh kerajaan untuk mengimunisasi rakyat Malaysia dengan COVID-19. KKM telah melantik ProtectHealth sebagai pelaksana bagi menggalakkan penyertaan pengamal perubatan swasta dan NGO Kesihatan dalam PICK. Pelantikan ProtectHealth diberikan berdasarkan pengalaman dan keupayaannya dalam mendaftar, menyelaraskan, memantau dan mengurus proses pembayaran kepada GP untuk PeKa B40.

ProtectHealth telah bekerjasama dengan GP dan NGO kesihatan untuk mengoperasikan Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV) diseluruh negara. Pada tahun 2022, 11,137,517 dos vaksin telah diberikan di bawah ProtectHealth.

Rajah 19.4
Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK)



Sumber: ProtectHealth

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KUALITI

Bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti diberikan kepada orang ramai, ProtectHealth secara berterusan telah melaksanakan pelbagai langkah seperti tinjauan, sistem pengurusan aduan, pemantauan dan penilaian kualiti, serta latihan kepada penyedia. Selain itu, ProtectHealth juga melakukan audit terhadap program PeKa B40 dan PICK bagi memastikan penyedia mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP), Manual dan Garis Panduan Klinikal sebagai amalan standard utama.

Rajah 19.5
Pemantauan dan Penilaian Kualiti



Sumber: ProtectHealth

Imej 19.2
Aktiviti Pemantauan dan Penilaian Kualiti



Audit Fizikal di PPV



Audit Fizikal PeKa B40

Sumber: ProtectHealth

The background of the slide is a collage of medical supplies. At the top, there is a blurred image of a blister pack with white pills, a white cylindrical container, and a glass syringe. A dark purple horizontal band is overlaid on the middle of the image, containing the title text. Below this band, the bottom portion of the image shows a collection of various pills and capsules (white, yellow, and green) scattered on a light green surface, along with a piece of orange adhesive bandage and a blister pack with a red pill.

BAB 20

**MAJLIS PERUBATAN
MALAYSIA**

PENDAHULUAN

Majlis Perubatan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan pada 1 Julai 2017 setelah pindaan dibuat kepada Akta Perubatan 1971 yang diwartakan pada tahun 2012 bagi mengawal selia amalan perubatan di Malaysia. MPM bertanggungjawab untuk mendaftar pengamal perubatan seperti dimandatkan dalam Akta bagi memastikan standard etika perubatan, pendidikan dan amalan yang tertinggi demi kepentingan pesakit, orang awam dan profesion melalui pentadbiran Akta Perubatan yang adil dan berkesan.

Di bawah peruntukan Seksyen 4, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012), fungsi MPM adalah:

- i. Untuk mendaftar pengamal perubatan; dan
- ii. Untuk mengawal selia amalan perubatan

Objektif MPM adalah:

- i. Untuk memastikan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) & Peraturan Perubatan 2017; dan
- ii. Untuk memastikan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti diberikan kepada negara, melalui:
 - a. Pendaftaran pengamal perubatan;
 - b. Mengawal selia tatakelakuan dan etika Pengamal Perubatan Berdaftar; dan
 - c. Akreditasi program perubatan.

PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN

Pengamal perubatan mesti berdaftar dengan MPM bagi mengamal perubatan secara sah di Malaysia. Melalui pendaftaran, Majlis akan memastikan pengamal perubatan mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kecekapan untuk memberikan rawatan yang selamat dan berkesan kepada orang awam.

- i. **Pendaftaran Sementara** (Di bawah seksyen 12 dan 13 Akta) membenarkan pengamal berkelayakan baru dalam bidang perubatan untuk menjalani latihan siswazah di bawah seliaan.
- ii. **Pendaftaran Penuh** (Di bawah seksyen 14 Akta) membenarkan pengamal perubatan untuk mengamal tanpa seliaan. Berikut merupakan dua jenis pendaftaran penuh:
 - **Tanpa syarat** (Di bawah seksyen 14(1) Akta): Tiada sekatan dan syarat dikenakan selepas tamat perkhidmatan wajib.
 - **Bersyarat** (Di bawah seksyen 14(2A) dan 14(3) Akta): Pendaftaran tertakluk kepada sekatan dan syarat yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan, selepas berunding dengan Majlis. Pengamal dibenarkan untuk mengamal mengikut tempat amalan, skop amalan dan tempoh masa yang ditentukan.
- iii. **Pendaftaran Pakar** (Di bawah seksyen 14A, 14B, 14C Akta) diperlukan oleh Pengamal Perubatan Pakar untuk mendaftar selepas pindaan Akta Perubatan berkuatkuasa. Seorang pakar perubatan yang tidak berdaftar dalam pendaftaran pakar tidak dibenarkan untuk mengamal dalam bidang kepakaran tertentu.

- iv. **Perakuan Amalan Sementara (TPC)** (Di bawah seksyen 16 Akta) dikeluarkan bagi membolehkan pendaftaran kepada pengamal perubatan warga asing yang ingin mengamal perubatan di Malaysia yang biasanya untuk mengajar, menjalankan penyelidikan, menghadiri program Pasca Siswazah, menjalani latihan sangkutan klinikal atau latihan fellowship.
- v. **Letter of Good Standing (LOGS)** diperlukan untuk tujuan pendaftaran dengan majlis perubatan luar negara atau badan pendaftaran profesional.
- vi. **Perakuan Amalan Tahunan (APC)** mesti diperolehi oleh semua Pengamal Perubatan Berdaftar penuh untuk mengamal secara sah di Malaysia.

Ringkasan pendaftaran yang diluluskan oleh MPM bagi tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 20.1**:

Jadual 20.1
Permohonan Pendaftaran MPM yang Diluluskan pada Tahun 2022

Permohonan	Jumlah
Pendaftaran Sementara	3,131
Pendaftaran Penuh Tanpa Syarat Seksyen 14(1) di bawah Akta	4,529
Pendaftaran Penuh Bersyarat Seksyen 14(2A) & 14(3) di bawah Akta	220
Pendaftaran Pakar Seksyen 14C di bawah Akta	1,077
Perakuan Amalan Sementara Seksyen 16(1) di bawah Akta	126
<i>Letter of Good Standing</i>	1,297
Perakuan Amalan Tahunan Seksyen 20(1) di bawah Akta	66,820

Sumber: Majlis Perubatan Malaysia

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN (ADUAN)

Akta Perubatan 1971 dan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) meliputi bidang kuasa salah laku pengamal perubatan yang berdaftar di Malaysia. Terdapat enam (6) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (PIC) yang dibentuk di bawah Akta Perubatan 1971 (Akta Perubatan Lama). Manakala, di bawah Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) (Akta Perubatan Baru), terdapat lima (5) Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan (PIC).

Berikut merupakan jumlah aduan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 & Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) bagi tahun 2022 (**Jadual 20.2**):

Jadual 20.2
Statistik Aduan yang Disanksi kepada PIC pada Tahun 2022

Akta	PIC						Jumlah
	PIC I/1	PIC II/2	PIC III/3	PIC IV/4	PIC V/5	PIC VI	
Akta Perubatan 1971	9	8	8	6	6	2	39
Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)	22	20	45	11	5	-	103
JUMLAH	31	28	53	17	11	2	142

Sumber: Majlis Perubatan Malaysia (MPM)

LAPORAN KEWANGAN

Laporan kewangan MPM telah disediakan bagi tahun berakhir 2022, namun belum diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia seperti yang berikut:

- i. Jumlah keuntungan MPM dalam Tahun Taksiran (YA) 2022 adalah RM7,195,860.83 iaitu lebih tinggi daripada YA 2021 dengan perbezaan sebanyak RM145,616.33;
- ii. Pendapatan MPM daripada peruntukan Geran Kerajaan pada YA 2022 adalah sebanyak 50 peratus iaitu lebih rendah daripada YA 2021 dengan perbezaan sebanyak RM1,000,000; dan
- iii. Jumlah Perbelanjaan MPM pada YA 2022 adalah lebih rendah daripada YA 2021 dengan perbezaan sebanyak RM445,385.83.

HALA TUJU

MPM juga berperanan sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab untuk mengawal selia tatakelakuan dan etika Pengamal Perubatan Berdaftar dan Akta berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam. Majlis yang diamanahkan sebagai penjaga Profesion Perubatan Malaysia mempunyai tugas yang berat untuk mengawal selia profesion bagi mencapai kepuasan pelanggan secara telus dan cekap.

Disamping ke arah berdaya saing, MPM telah mula menubuhkan Jawatankuasa Audit di bawah Unit Pengurusan Kualiti dan Audit bagi memastikan skop kerja yang berkualiti di MPM. Sehubungan itu, MPM telah mula menyediakan SOP bagi proses kerja di bawah setiap jabatan bagi mencapai Pensijilan MS ISO 9001-2015. Inisiatif ini adalah bagi menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada semua Pengamal Perubatan Berdaftar di Malaysia.



BAB 21

CLINICAL RESEARCH MALAYSIA

PENGENALAN


Clinical Research Malaysia (CRM) telah ditubuhkan pada 2012 merupakan sebuah entiti korporat yang dimiliki sepenuhnya oleh KKM untuk memudahkan penyelidikan klinikal ditaja di Malaysia. Lembaga Pengarahnya terdiri daripada pegawai kanan KKM dan pakar dalam bidang penyelidikan klinikal dari institusi akademik dan hospital swasta.

CRM bekerjasama rapat dengan kerajaan dan pihak berkuasa yang berkaitan untuk memastikan pelaksanaan kajian klinikal yang lancar dan konsisten bagi memenuhi piawaian kualiti global dan semua aspek regulatori serta amalan terbaik dipenuhi dengan teliti.

CRM menfokuskan kepada tiga prinsip utama iaitu *Humanity*, *Stability* dan *Sustainability*. Nilai *Humanity* CRM terus menjana lebih banyak penyelidikan ditaja ke dalam negara yang memberi akses dan pilihan rawatan penyelidikan terbaru kepada pesakit, serta menyumbang kepada penemuan terapeutik baharu yang lebih baik dan pada masa yang sama menjamin pembangunan kerjaya yang stabil dan progresif untuk staf CRM. Nilai *Stability* dicerminkan dengan memenuhi KPI tahunan, mengekalkan pengambilan dan kualiti percubaan klinikal yang konsisten, dan melabur dalam program latihan dan pembangunan. *Sustainability* merangkumi usaha mencapai visi 2026, kecemerlangan operasi, menjana pendapatan perniagaan baru dan menjadikan CRM sebagai organisasi pengurusan penyelidikan global yang dipercayai.

PENCAPAIAN

Sebanyak tiga (3) peratus daripada penyelidikan ditaja global dijalankan di rantau Asia Tenggara setiap tahun, di mana Malaysia merupakan antara 3 negara teratas yang mempunyai bilangan penyelidikan tertinggi di rantau ini. Penyelidikan ditaja di Malaysia terus meningkat setiap tahun, dengan 223 penyelidikan ditaja diluluskan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perubatan (JEPP) dan Lembaga Penyelidikan Institusi/Jawatankuasa Etika Bebas (IRB/IEC) pada tahun 2022, yang menunjukkan peningkatan yang stabil apabila dibandingkan pada tahun-tahun sebelumnya. Selain itu, lebih 60 peratus penyelidikan ditaja yang dijalankan di fasiliti KKM termasuk hospital awam dan pusat penjagaan kesihatan primer (Rajah 21.1).



Sumber: Clinical Research Malaysia

CRM berjaya mencapai sasaran KPI pada tahun 2022 dengan nilai pelaburan sebanyak RM191 juta yang diperoleh daripada perjanjian penyelidikan Klinikal (CTA), yang turut menyumbang kepada sejumlah RM1.071 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) untuk industri penyelidikan klinikal di Malaysia. Di samping itu, bakat negara dalam industri penyelidikan klinikal juga telah berkembang kepada 2,688 pekerjaan berkemahiran dalam negara (**Rajah 21.2**).

Rajah 21.2
Scorecard Penyelidikan Klinikal dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Clinical Research Malaysia

Merujuk prestasi syarikat, CRM telah mencapai semua Petunjuk Prestasi Utama, dengan lebih pendapatan berjumlah RM3,500,000 (**Jadual 21.1**)


Jadual 21.1
KPI CRM pada Tahun 2022

KPI	Sasaran	Pencapaian	Perbezaan Kadar Daripada Sasaran
KPI 1: Penyelidikan Ditaja	200 Penyelidikan Baharu	223 Penyelidikan Baharu	+11.5 peratus
KPI 2: Penyelidikan Ditaja di Tapak Kajian KKM	135 Penyelidikan Baharu	135 Penyelidikan Baharu	0.0 peratus
KPI 3: Pendapatan CRM	RM16,600,000	RM20,100,000	+21.1 peratus
KPI 4: Perbelanjaan CRM	RM17,500,000	RM18,400,000	+5.1 peratus
KPI 5: PKN (Nilai CTA)	RM125,800,000	RM191,000,000	+51.8 peratus

Sumber: Clinical Research Malaysia

CRM juga bertanggungjawab sebagai *Site Management Organisation* (SMO) untuk penyelidikan ditaja yang dijalankan di tapak KKM, terutamanya melalui perkhidmatan *Study Coordinators*. Bilangan *Study Coordinators* (SC) CRM telah meningkat setiap tahun berikutan permintaan yang kian bertambah di tapak kajian seperti **Rajah 21.3**. Kini, terdapat lebih 160 SC di seluruh negara yang bertanggungjawab bagi menyokong penyelidik utama dalam menjalankan penyelidikan klinikal, antaranya dalam proses *recruitment* sukarelawan kajian, bagi memastikan penyelidik dapat menepati sasaran yang diberi. Terdapat peningkatan sebanyak 11 peratus dalam bilangan *Study Coordinators* (SC) pada tahun 2022 berbanding 2021.


Rajah 21.3
Study Coordinators di CRM dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Clinical Research Malaysia

CRM turut mengutamakan hubungan rapat bersama pihak industri yang terdiri daripada *Contract Research Organization* (CRO), serta syarikat farmasi, bioteknologi, peranti perubatan demi mempertingkatkan penglibatan Malaysia dalam penyelidikan klinikal global. Selain itu, CRM juga memanfaatkan penglibatan dan terus meningkatkan kesedaran melalui platform media sosialnya, dengan lebih 34 juta *visits* dan *impressions* yang direkodkan pada tahun 2022.

Rajah 21.4
Peningkatan Bilangan Penaja dan CRO dari Tahun 2018 hingga 2022



Sumber: Clinical Research Malaysia

PROJEK REALISASI FASA 1 (P1RP) 2.0

Susulan kejayaan CRM dalam merealisasikan P1RP pada tahun 2021, CRM meneruskan usaha untuk membangunkan ekosistem kajian klinikal fasa awal di Malaysia melalui pelaksanaan P1RP 2.0. Objektif bagi P1RP 2.0 adalah untuk mengekalkan asas yang telah dibina dan menambahbaik kebolehan sedia ada dalam menjalankan kajian klinikal fasa awal dengan melabur dalam peningkatan kapabiliti penyelidik serta SC, pembangunan tapak penyelidikan fasa awal yang baru dan meningkatkan aktiviti promosi dan kesedaran agar meningkatkan peluang menjalankan penyelidikan klinikal fasa awal di Malaysia.

AKTIVITI

Antara program yang menjadi tumpuan pada tahun 2022 adalah persidangan *CRM Trial Connect 2022* yang dijalankan pada bulan Oktober. Program ini telah mendapat sambutan hangat daripada pihak berkepentingan dalam bidang kajian klinikal di Malaysia dan juga negara-negara jiran. Persidangan yang julung kali diadakan itu berjaya mempamerkan kebolehan Malaysia dan pasukan penyelidikan tempatan dalam penyelidikan klinikal multinasional dan juga kajian ditaja. Hampir 400 peserta turut hadir dalam persidangan tersebut yang menjadi tapak untuk memahami dengan lebih mendalam tentang kajian klinikal di Malaysia dan membina rangkaian perhubungan sesama mereka.

Selain itu, CRM juga telah mengambil bahagian dan menjalankan beberapa aktiviti sepanjang tahun, dengan kolaborasi rapat bersama pihak berkepentingan tempatan serta global. Dalam usaha untuk mengekalkan dan membina kolaborasi bisnes baharu, CRM telah memeterai Perjanjian Kerjasama (MOU) dengan syarikat Novartis serta Syneos Health untuk memajukan tapak kajian Malaysia sebagai lokasi bagi penyelidikan global yang dijalankan. CRM juga bekerjasama dengan Princess Margaret Cancer Centre (PMCC) di Kanada untuk mempertingkatkan kebolehan kajian fasa awal di dalam negara. Kolaborasi antara institusi Jepun juga telah diformalisasikan melalui perjanjian kerjasama di antara National Centre for Global Health and Medicine (NCGM) dan pembaharuan perkongsian bersama Remedy & Company Corporation.

CRM juga menjalankan pelbagai latihan, sesi dialog dan bengkel bagi memastikan SC CRM sentiasa menerima latihan secukupnya bagi memastikan pelaksanaan penyelidikan klinikal yang berkualiti (**Jadual 21.2**).

Jadual 21.2
Program CRM pada Tahun 2022


Latihan/Aktiviti	Kekerapan
Bengkel <i>Good Clinical Practice Refresher</i>	4
<i>Nurturing New Talents in Sponsored Research</i>	4
Bengkel <i>Patient Recruitment and Retention</i>	3
<i>Latihan untuk Meningkatkan Prestasi Study Coordinators (TIPS)</i>	2
Bengkel <i>Regulatory Inspection</i>	2
Bengkel Pematuhan Protokol	2
Latihan untuk Meningkatkan Prestasi <i>Study Coordinators (TIPS): Latih Jurulatih</i>	1
Dialog bersama Penyelidik	1

Sumber: Clinical Research Malaysia

HALA TUJU

Melangkah ke hadapan pada tahun 2023, terdapat pelbagai aspirasi yang ingin dicapai oleh organisasi, dan CRM akan terus berusaha untuk merealisasikan kecemerlangan operasi organisasi dengan memfokuskan kepada *Humanity*, *Stability* dan *Sustainability*.

Ini juga bertepatan dengan usaha berterusan untuk memajukan penyelidikan klinikal ditaja di Malaysia dan juga untuk mencapai Visi CRM 2023-2026. **(Rajah 21.5)**



Sumber: Clinical Research Malaysia



GLOSARI

GLOSARI

KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia	MAPSU	Majlis Gabungan Presiden dan Setiausaha Agung
WP	Wilayah Persekutuan	IPKKM	Ibu Pejabat KKM
CDR	Kadar Kematian Kasar	JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
NMR	Kadar Kematian Neonatal	APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
IMR	Kadar Kematian Bayi	HRMIS	Human Resource Management Information System
MMR	Nisbah Kematian Ibu Bersalin	JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
ICD-10	International Statistical Classification of Disease 10th Revision	LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
BOR	Kadar penggunaan katil	ACP	Advanced Competency Programme
K1M	Klinik 1Malaysia	PTM	Program Transformasi MInda
KKom	Klinik Komuniti	ILKKM	Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
HWP	Kertas Putih Kesihatan	MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NIH	Institut Kesihatan Negara	FA	Akreditasi Penuh
BSM	Bahagian Sumber Manusia	MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan`
BPL	Bahagian Pengurusan Latihan	TDP	Program Pembangunan Bakat
BPK	Bahagian Pembangunan Kompetensi	GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
BKP	Bahagian Khidmat Pengurusan	NGO	Badan Bukan Kerajaan
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat	ALPH	Ahli Lembaga Pelawat Hospital
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	ALPHP	Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri
KPI	Petunjuk Prestasi Utama	NIH	Institut Kesihatan Negara
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia		
AADK	Anti-Dadah Kebangsaan		
MMA	Persatuan Perubatan Malaysia		

VLDS	Virtual Library Discovery Services Portal	CenSSIS	Central Sterile Supply Service Information System
NLM	National Library of Medicine	OTMS	Operating Theater Management System
MeSH	Medical Subject Headings	LIS@KKM	Laboratory Information System
DDMS	Sistem Pengurusan Dokumen Digital	HTJ	Hospital Tunku Ja'afar
SPFP	Sistem Pengurusan Fail Peribadi	HSI	Hospital Sultan Ismail
JAKM	Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia	SME	Pakar Bidang Subjek
PPTA	Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam	IT	Information Technology
API	Anugerah Perdana Inovasi	VeDa	Sistem Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan Di Malaysia
AKI	Anugerah Khas Inovasi	STBP	Sistem Tabung Bantuan Perubatan
AI	Anugerah Inovasi	SPPBI	Sistem Permohonan Perolehan Barangan Import
KIK	Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif	eCML	Sistem Maklumat Cawangan Medico Legal
QA	Quality Assurance	MHPS	Malaysian Healthcare Practitioners' System
SMIS	Special Management Information System	ePakar	Sistem Penempatan Pegawai Perubatan Lulusan Kepakaran
NTIS	National Technology and Innovation Sandbox	PTJ	Pusat Tanggungjawab
HTA	Hospital Tunku Azizah	JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT
IKN	Institut Kanser Negara	JTI	Jawatankuasa Teknikal Projek ICT
EKSA	Ekosistem Kondusif Sektor Awam	ISMS	Information Security Management System
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	DKICT	Dasar Keselamatan ICT
PSP KKM 2021 - 2025	Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021 - 2025	EA	Enterprise Architecture
HIS@KKM	Hospital Information System di KKM	TPOS	Terminal Point-of-Sale
EMR	Electronic Medical Record	TBP	Tabung Bantuan Perubatan
POC	Proof of Concept	EPO	Erythropoietin

LPKKM	Lembaga Perolehan Kementerian Kesihatan Malaysia	IPTK	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan
FOMEMA	Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing	SIP	Sektor Inspektorat dan Perundangan
eP	ePerolehan	SOP	Prosedur Operasi Standard
MOF	Ministry of Finance	APSP	Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit
G2B	Government-to-Business	ILPL	institut Latihan Pengangkutan Laut
PSH	Perkhidmatan Sokongan Hospital	PPE	Personal Protective Equipment
MEET	Medical Equipment Enhancement Tenure	KOSPEN	Komuniti Sihat Pembina Negara
FWMES	Konsesi Perkhidmatan Pengawasan dan Penyeliaan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing	NMCD	Kematian yang Tidak Disahkan Secara Perubatan
PPE	Hartanah, Loji & Peralatan	VA	Verbal Autopsy
BPKK	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga	DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
OA	Orang Asli	MCD	Medically Certified Death
UHC	Perlindungan Kesihatan Sejagat	NBR	National Diabetes Registry
PKD	Pejabat Kesihatan Daerah	MAP	Monitoring, Awareness and Product
BER	Beyond Economic Repair	NCEMH	Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan
CPD	Continuous Professional Development	MHPSS	Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial
MoA	Memorandum Perjanjian	PFA	Psychological First Aid
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia	SAR	Mencari dan Menyelamat
NCD	Penyakit Tidak Berjangkit	PDRM	Polis Diraja Malaysia
SCH	Steering Committee on Health	FCTC	Framework Convention on Tobacco Control
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam	GEG	Generasi Penamat
AHMM	Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN		

GEGAR	Generational Endgame Advocacy Roadshow	PICK	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan
OHU	Unit Kesihatan Pekerjaan	NSPDPC	Pelan Strategi Kebangsaan bagi Kawalan dan Pencegahan Denggi
SIS	Sharps Injury Surveillance		
OHD	Occupational Health Doctor	WMO	Operasi Nyamuk Wolbachia
EHU	Unit Kesihatan Persekitaran		
CPRC	Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis	ORS	Outdoor Residual Spray
		POR	Pencegahan Kemasukan Semula Malaria
PPS	Pusat Pemindahan Sementara	LLIN	Long Lasting Insecticide Net
EIA	Penilaian Kesan Alam Sekitar	IRS	Indoor Residual Spraying
BUR	Biennial Update Report	HIV	Human Immunodeficiency Virus
UNFCCC	United Nations Framework on Climate Change	STI	Sexually Transmitted Infection
DTS	Depoh Tahanan Sementara		
PJH	Pusat Jagaan Harian	RRTF 2.0	Pasukan Bertindak Pantas COVID-19 Kebangsaan
TB	Tuberkulosis	ILI	Influenza-Like-Illness
ACD	Pengesanan Kes Aktif	AGE	Acute Gastroenteritis
LTBI	Jangkitan TB Laten	SPKAKP	Sektor Peraturan Kesihatan Antarabangsa & Kesihatan Pengembaraan
PEP-SDR	Post Exposure Prophylaxis - Single Dose Rifampicin		
HFMD	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut	PMA	Pintu Masuk Antarabangsa
		MHTC	Majlis Perlancongan Kesihatan Malaysia
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	DCEV	Death And Critically Ill Emergency Visits
Mpox	Monkeypox		
CME	Continuing Medical Education	eNCDC	Sistem Elektronik Pusat Kawalan Penyakit Negara
NTD	Penyakit Tropika Terabai	RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
VPD	Vaccine Preventable Disease	EOC	Pusat Operasi Kecemasan
		PHRL	Makmal Rujukan Kesihatan Awam
FWBD	Food Water Borne Disease		
AFP	Acute Flaccid Paralysis		

NHSI	Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan	O&G	Obstetrik & Ginekologi
KBM	Khidmat Berhenti Merokok	PPC	Penjagaan Pra-Kehamilan
PeKa B40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40	BDHA	Bahagian Dasar & Hubungan Antarabangsa
ANMS	Agenda Nasional Malaysia Sihat	PNN	Penjagaan Postnatal
POCT	Point of Care Testing	PTPKWE 2023-2030	Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2023 - 2030
TPC	Teleprimary Care	JM	Jururawat Masyarakat
TPC-OHCIS	Teleprimary Care – Oral Health Clinical Information System	KD	Klinik Desa
KK	Klinik Kesihatan	OKU	Orang Kurang Upaya
DOTS	Direct Observed Treatment Short Course	PPD	Perkhidmatan Perawatan Domisiliari
MTAC	Medication Therapy Adherence Clinic	IDA	Anemia Akibat Kekurangan Zat Besi
MDT	Multi-Disciplinary Team	Hb	Hemoglobin
AMS	Antimicrobial Stewardship	ORS	Oral Rehydration Salt
SSPP	Soal Selidik Pengalaman Pelanggan	NPANM	Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia
PKMR	Perkhidmatan Kesihatan Mesra Remaja	BFHI	Inisiatif Hospital Rakan Bayi
HEADSS	Home, Education/ Employment, Peer Group Activities, Sexuality and Suicide Depression	UNICEF	United Nations Children's Fund
GAMA	Global Action for Measurement of Adolescent Health	PPKZM	Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan	SDG	Sustainable Development Goals
MR	Measles & Rubella	PCF	Program Community Feeding
DT	Diphtheria & Tetanus	NHMS	Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan
HPV	Human Papilloma Virus	PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
ATT	Tetanus toxoid	PIBKS	Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta
		C-HAT	Cara Hidup Anda Terbaik

JU	Jurulatih Utama	HIE	Health Information Exchange
BPK	Bahagian Pendidikan Kesihatan	NTP	National Training of Paediatric Palliative Provider
BMSS	Bulan Malaysia Sihat Sejahtera	NICU	Neonatal Intensive Care Unit
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial	NCERT	National Cell Ethics Research and Therapy Committee
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara	HLP	Hadiah Latihan Persekutuan
COMBI	Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku	APC	Sijil Amalan Tahunan
WoW	Wellness on Wheels	NSR	National Specialist Register
HSA	Hospital Sultanah Aminah	PPS	Pegawai Perubatan Siswazah
BPP	Bahagian Perkembangan Perubatan	HLS	Hospital Latihan Siswazah
MaHTAS	Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan	HOS	Ketua-ketua Perkhidmatan
Saraubat	Unit Penilaian Teknikal Saraan Ubat	MQC	Jawatankuasa Kelayakan Perubatan
BSKB	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	HTAR	Hospital Tengku Ampuan Rahimah
JDPKK	Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan	IPC	Infection Prevention Control
SJAM	St. John Ambulance of Malaysia	AMR	Kerintangan Antimikrobial
BSMM	Bulan Sabit Merah Malaysia	IDRC	International Development Research Centre
USP	Unit Sumber Perubatan	CRE	Carbapenem-resistant Enterobacteriaceae
APPL	Approved Product Purchased List	e-IR	Sistem Pelaporan Insiden
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia	MPSG	Malaysian Patient Safety Goals
PHPN	Nexus Produktiviti Penjagaan Kesihatan Swasta	WPSD	Hari Keselamatan Pesakit Sedunia
KWC	Kumpulan Wang COVID-19	HKL	Hospital Kuala Lumpur
FPP	Pesakit Bayar Penuh	UKKP	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

ILO	International Labour Organisation	ISPOR	The Professional Society for Health Economics and Outcomes Research
CAU	Unit Audit Klinikal		
P5VS	Sakit sebagai Tanda Vital ke-5	MOSTI	Ministry of Science, Technology, and Innovation
PFH	Hospital Bebas Kesakitan	HTAi	Health Technology Assessment International
MENANG	Menangani Kesakitan Kronik	TBP	Tabung Bantuan Perubatan
POMR	Perioperative Mortality Review	STBP	Sistem Tabung Bantuan Perubatan
SSI	Jangkitan Luka Pembedahan	BAP	Bahagian Amalan Perubatan
MyAP-AMR	Malaysian National Action Plan on Antimicrobial Resistance	CML	Cawangan Medico Legal
		AGC	Jabatan Peguam Negara
JKK	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	JKPB	Jawatankuasa Penyiasatan Bebas
HTA	Health Technology Assessment	CPP	Cawangan Perundangan Perubatan
CPG	Clinical Practice Guidelines	PUU	Pejabat Penasihat Undang-undang
TR	Technology Review	JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
BPH	Benign Prostatic Hyperplasia	APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
TKA	Total Knee Arthroplasty		
THA	Total Hip Arthroplasty	SJAM	St John Ambulans Malaysia
CKD	Chronic Kidney Disease	JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
PDAC	Pancreatic Ductal Adenocarcinoma	RIS	Penyata Impak Peraturan
NMIBC	Non-Muscle-Invasive Bladder Cancer	MOA	Persatuan Ortopedik Malaysia
EVALI	E-Cigarette or Vaping Product Use-Associated Lung Injury	MSN	Persatuan Neurosains Malaysia
		MAS	Mesyyuarat Saintifik Tahunan Persatuan Artroskopi Malaysia
INAHTA	International Network of Agencies for Health Technology Assessment	LCP	Letter of Credentialing and Privileging

KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	APC	Sijil Perakuan Tahunan
		HEP	Pemberi Pendidikan Tinggi
MDA	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	ASO	Audit Surveilans Optik
JSM	Jabatan Standard Malaysia	UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negara
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	PKB	Profesion Kesihatan Bersekutu
CPTPP	Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership	MPKBM	Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia
AFAS	ASEAN Framework Agreement on Services	MHPS	Malaysian Healthcare Practitioners' System
AJCCM	ASEAN Joint Coordinating Committee on Medical Practitioners	NCC	National Credentialing Committee
ERIA	Economic Research Institute for ASEAN and East Asia	CBBP	Cuti Belajar Bergaji Penuh
		JKPF	Jawatankuasa Penggunaan Fasiliti
CKAPS	Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta	BKj	Bahagian Kejururawatan
KPJKS	Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta	NNA	National Nursing Audit
		NORN	National Operating Room Audit
ToT	Training of Trainer	NNIA	National Nursing Indicator Approach
CPPPP	Cawangan Perkhidmatan Penolong Pegawai Perubatan	KZM	Kekurangan Zat Makan
		INTAN	National Institute of Public Administration
ARC	Pendaftaram dan Pembaharuan Sijil Amalan Tahunan	C&P	Credentialing and Privileging
PPW	Program Penempatan Wajib	ILKKM	Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia
PPP	Penolong Pegawai Perubatan	IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
LPHE	Lembaga Pembantu Hospital Estet	BPTK	Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
MOC	Majlis Optik Malaysia	PTI	Perubatan Tradisional India

ITEC	Indian Technical and Economic Cooperation	GMEC	Jawatankuasa Governans, Pemantauan & Penilaian
BTM	Teknikal Dua Hala	PPC	Pakej Penjagaan COVID-19
NPRA	Bahagian Regulatori Farmasi Malaysia	JLN	Joint Learning Network
PRC	Republik Rakyat China	PHM	ProtectHealth Malaysia
NATCM	National Administration of Traditional Chinese Medicine	TAC	Jawatankuasa Penasihat Teknikal
WHOCC	Pusat Kolaborasi WHO	TEH	Jumlah Perbelanjaan Kesihatan
IP	Kesedaran Harta Intelek	KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
WPR	Western Pacific Region	OOP	Out-of Pocket
AP-HSAF	Asia Pacific Health Security Action Framework	NHA	National Health Accounts
MHHO	Persatuan Holistik dan Herba Malaysia	GHED	Global Health Expenditure Database
CMPTK	Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari	WBG	World Bank Group
PDPK	Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan	PHC	Primary Healthcare
NHF	National Health Financing	MyHDW	Malaysian Health Data Warehouse
MNHA	Malaysia National Health Accounts	SMRP	Sistem Maklumat Rawatan Pelanggan
PIK	Pusat Informatik Kesihatan	PRIS	Patient Registry Information System
PFK	Health Facility Planning	RTEDM	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
PS 2022	Pelan Strategik 2022	MED4IRN	Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara
JKP PS 2022	Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik 2022	ICD-11	International Classification of Disease - 11th version
AKM	Aspirasi Keluarga Malaysia	ICHI	International Classification of Health Interventions
SJTK	Sistem Janji Temu Klinik	MIID	Institut Penyakit Berjangkit Malaysia
ESP-SPIKPA	Electronic Service Provider for SPIKPA	JKR	Jabatan Kerja Raya
PHCorp	ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd.		

KKIA	Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	PSH	Perkhidmatan Sokongan Hospital
EPU	Unit Perancang Ekonomi	PMC	Jawatankuasa Pemantauan Projek
HTAN	Hospital Tuanku Ampuan Najihah	CPA	Contractor Performance Assessment
VC	Virtual Clinic	SIP	Sektor Implementasi Projek
UAT	User Acceptance Testing	SPL	Sektor Program Lestari
OHS REGLAB	Online Healthcare Service Regulatory Lab	KAS	Sektor Kejuruteraan Air dan Sanitasi
OHS	Online Healthcare Service	BAKAS	Unit Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling
BPKj	Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan	KMAM	Unit Kawalan Mutu Air Minum Kebangsaan
UTTK	Unit Teknikal dan Teknologi Kejuruteraan	UPA	Unit Pencemaran Air
PPP	Kerjasama Awam Swasta	NEHAP	National Environmental Health Action Plan
PFI	Inisiatif Kewangan Swasta	UKU	Unit Kualiti Udara
PDI	Pre-Delivery Inspection	IAQ	Kualiti Udara Dalam
UPKS	Unit Penjagaan Kesihatan Swasta	DOSH	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
PATA	Unit Pengurusan Aset Tak Alih	PEKA	Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar
UPKj	Unit Penyelidikan Kejuruteraan	SH	Sektor Sisa dan Hygiene
IoT	Internet of Things	JMP	Joint Monitoring Programme
PSK	Perkhidmatan Sokongan Klinik	SB	Sektor Biomedikal
FEMS	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti	BEMS	Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal
CLS	Perkhidmatan Pembersihan	MEET	Medical Equipment Enhancement Tenure
PPM	Penyelenggaraan Pencegahan Berjadual	RTM	Replacement Through Maintenance
CM	Penyelenggaraan Pembaikan	BKRP	Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
POG	Garis Panduan Operasi Projek	QC	Kawalan Kualiti

QUANUM	Quality Management Audits in Nuclear Medicine Practices	CCT	Pusat Percubaan Klinikal
		MOHE	Kementerian Pengajian Tinggi
QAP	Program Penjaminan Kualiti	P&ST	Penyelidikan dan Sokongan Teknikal
DBP	Dewan Bahasa Dan Pustaka	IHSR	Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
MNA	Agensi Nuklear Malaysia	MQSH	Malaysian Society for Quality in Health
DRL	Diagnostic Reference Level	APEC	Asia-Pacific Economic Cooperation
CPF	Country Programme Framework	UM	University of Malaya
SSAC	State System of Accounting and Control	IKU	Institut Kesihatan Umum
INSServ	International Nuclear Security Advisory Service	IMR	Institut Penyelidikan Perubatan
ORS-DOE	Office of Radiological Security, Department of Energy	IDRC	Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit
USA	United States of America	AIRC	Pusat Penyelidikan Alergi dan Imunologi
RRD	Bahagian Kawalselia Sinaran	CaRC	Pusat Penyelidikan Kanser
Atom Malaysia	Lembaga Perlesenan Tenaga Atom	EHRC	Pusat Penyelidikan Kesihatan Alam Sekitar
ILKEM	Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia	HMRC	Pusat Penyelidikan Perubatan Herba
PMO	Jabatan Perdana Menteri	NMRC	Pusat Penyelidikan Pemakanan, Metabolisme dan Kardiovaskular
COMRAD	Project Management of Comprehensive Medical Radiation Information System	SDRC	Pusat Diagnostik Khas
		SRC	Pusat Sumber Khas
NBRAIS	National Blueprint for Regulatory Authority on Radiological Information System	GMP	Manufacturing Practice Good
		FCD	Pangkalan Data Komposisi Makanan Malaysia
ICR	Institut Penyelidikan Klinikal	PID	Penyakit Kurang Daya Tahan Primer
RCC	Research Consultant Clinic	MOU	Memorandum Persefahaman
NTD	Neglected Tropical Disease		
GCP	Good Clinical Practice		

IPK	Institut Pengurusan Kesihatan	BDPSF	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
TGP	Talent Grooming Programme	BAPF	Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi
IPTK	Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan	BPF	Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
ILSI	International Life Science Institute	BLFM	Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia
INFOODS	Rangkaian Antarabangsa Sistem Data Makanan	DUNas	Dasar Ubat Negara
CRC	Pusat Penyelidikan Klinikal	APPL	Approved Products Purchase List
DNDi	Drugs for Neglected Diseases Initiative	FUKKM	Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	Kementerian Kemajuan @ Kerajaan Tempatan	VAS	Perkhidmatan Nilai Tambah
NCEMH	Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Negara	SPUB	Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	UMP	Sistem Temu Janji Ubat Melalui Pos
DBDI	Diagnosis Tingkah Laku Diabetes	UM3	Pembekalan Ubat Susulan Melalui Pihak Ketiga
MAHEO	Persatuan Promosi Kesihatan Malaysia	PICC	Pharmacy Integrated Community Care
PKP KKM	Program Kesihatan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia	PBKD	Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
CDO	Chief Dental Officers	AEFI	Kesan Advers Susulan Imunisasi
DKPK	Dasar Kesihatan Pergigian Kebangsaan	JFK	Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19
NOHSA	Kajian Kesihatan Mulut bagi Orang Dewasa	P&P	Penyelidikan & Pembangunan
KPS	Klinik Pergigian Sekolah	JKDM	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
COPD	Penyakit Pulmonari Obstruktif Kronik	SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
PPF	Program Perkhidmatan Farmasi		

PKKM	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	WEF	World Economic Forum
IKS	Industri Kecil & Sederhana	UNHCR	United Nations High Commissioner for Refugees
DKMK	Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan	ABMS	Anti-Bribery Management System
BKKM	Bahagian Keselamatan Kualiti Makanan	CAB	Badan Penilaian Pematuhan
FAO	Food and Agriculture Organization	AI	Artificial Intelligence
MeSTI	Makanan Selamat Tanggungjawab Industri	G2G	Kerajaan-ke-Kerajaan
FoSIM	Food Safety Information System of Malaysia	PR	Public Relations
ProKEM	Program Keselamatan Makanan	PHM	ProtectHealth Malaysia
BAKAS	Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling	SPIKPA	Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing
JKPPT	Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah	GP	Pengamal Perubatan Am
CAD	Cawangan Audit Dalam	CCTI	Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser
PTJ	Pusat Tanggungjawab	PPV	Pemberian Vaksinasi
SiSPAA	Sistem Pengurusan Aduan Awam	MPM	Majlis Perubatan Malaysia
THIS	Total Hospital Information System	CRM	Clinical Research Malaysia
UKK	Unit Komunikasi Korporat	JEPP	Jawatankuasa Etika Penyelidikan dan Perubatan
PICKids	Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-Kanak	IRB/IECs	Lembaga Penyelidikan Institut/Jawatankuasa Etika Bebas
GEG	Generational EndGame	PKN	Pendapatan Kasar Negara
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat	SC	Study Coordinator
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat	PMCC	Princess Margaret Cancer Centre
WHA	Perhimpunan Kesihatan Sedunia	NCGM	National Centre for Global Health and Medicine

Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E1, E3 , E6 , E7 & E10, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590, Putrajaya, Malaysia

Tel : 03 8000 8000 | Faks : 03 8888 6187
E-mel : kkm@moh.gov.my

